

# Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia Fasa 3, 2018 (Zon 1)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

15 Januari 2019

Volum 1, 2019

ISBN 978-967-0601-10-6

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan  
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan  
Baitulmal Di Malaysia Fasa 3, 2018  
(Zon 1)

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	vii
<b>PENGHARGAAN</b>	xx
<b>Bab 1 – Pengenalan</b>	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Struktur Laporan	6
<b>Bab 2 – Latar Belakang Institusi</b>	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri	8
2.3 Majlis Fatwa Agama Islam Negeri	15
2.3 Kesimpulan	15
<b>Bab 3 – Kajian Literatur</b>	
3.1 Pengenalan	17
3.2 Sumber Hukum Syariah atau Perundangan Islam	17
3.3 Konsep Perakaunan Islam dan Islamisasi	26
3.4 Konsep Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti	29
3.5 Konsep dan Amalan Perakaunan Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Wakaf, Zakat dan Baitulmal: Tinjauan Kajian Empirikal	38
3.6 Kesimpulan	42
<b>Bab 4 – Kaedah Penyelidikan</b>	
4.1 Pengenalan	44
4.2 Pelaksanaan dan Lokasi Kajian	44
4.3 Pendekatan Kualitatif	45
4.4 Kaedah Pengumpulan Data	47
4.5 Kaedah Analisis Data	52
4.6 Kesimpulan	55

**Bab 5 – Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan**

5.1 Pengenalan	56
5.2 Penyata Kewangan	57
5.3 Piawaian Perakaunan	58
5.4 Amalan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Isu dikaji	59
5.5 Kesimpulan	86

**Bab 6 – Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka**

**Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam**

6.1 Pengenalan	90
6.2 Asas Dalil Perbahasan Konsep Hasil, Belanja Dan Liabiliti  Untuk Wakaf, Zakat dan Baitulmal	95
6.3 Perbahasan Fuqaha' Berkenaan Isu <i>Tamlik</i> Zakat kepada Asnaf kerangka kerja konseptual untuk Hasil, Belanja dan Liabiliti.	98
6.4 Implikasi Perbahasan Fuqaha' Agihan Zakat Dan Wakaf Terhadap Kerangka Kerja Konseptual untuk Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti	108
6.5 Pandangan Pakar Rujuk Terhadap Konsep Perakaunan Yang Melibatkan Hasil, Belanja, Liabiliti Dan Ekuiti Untuk Zakat Dan Wakaf	116
6.6 Takrif Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti	127
6.7 Pengiktirafan Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti berdasarkan kerangka syariah	136
6.8 Kriteria Pengiktirafan Hasil dan Belanja serta Liabiliti dan Ekuiti dalam Islam	147
6.9 Asas Pengukuran Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti	149
6.10 Asas Pendedahan serta Prinsip Persembahan dan Pendedahan bagi Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti dalam Islam	157
6.11 Kesimpulan	166

**Bab 7 – Batasan Perundangan**

7.1 Pengenalan	169
7.2 Perundangan Persekutuan dan Implikasinya kepada Perakaunan dan Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.	170
7.3 Perundangan Negeri dan Implikasinya kepada Perakaunan dan Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	175

	<b>Muka</b>
	<b>Surat</b>
7.4 Garis Panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003)	187
7.5 Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf	189
7.6 Kesimpulan	191
<b>Bab 8 – Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan</b>	
8.1 Pengenalan	193
8.2 Bentuk Piawaian Perakaunan	193
8.3 Proses Pembentukan Cadangan kepada Piawaian	195
8.4 Cadangan Kandungan Piawaian	198
8.5 Kesimpulan	251
<b>Bab 9 – Rumusan, Limitasi Kajian dan Hala Tuju Kajian</b>	
9.1 Pengenalan	253
9.2 Rumusan	253
9.3 Limitasi Kajian	258
9.4 Hala Tuju Kajian	259
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	262
<b>GLOSARI</b>	271
<b>LAMPIRAN</b>	273
LAMPIRAN 1: JADUAL PERINCIAN KERJA LAPANGAN	
LAMPIRAN 2: PROFIL PAKAR SYARIAH	
LAMPIRAN 3: SENARAI KERANGKA PERUNDANGAN/PIAWAIAN	
LAMPIRAN 4: TRANSKRIP PENUH TEMU BUAL PAKAR SYARIAH	
LAMPIRAN 5: GAMBAR LAWATAN KERJA LAPANGAN	

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Item</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Jadual 4.1</b>	Piawaian MPSAS Mengikut Tema	48
<b>Jadual 4.2</b>	Senarai Pakar Rujuk	50
<b>Jadual 4.3</b>	Kaedah Analisis Objektif Kajian Ke Empat	54
<b>Jadual 5.1</b>	Institusi WZB Zon 1 dan Penyata Kewangan Disatukan	57
<b>Jadual 5.2</b>	Kewujudan Transaksi di Institusi WZB Zon 1	61
<b>Jadual 5.3 (a)</b>	Hasil Kumpulan Wang Wakaf Zon 1- Pengiktirafan & Pengukuran	64
<b>Jadual 5.3 (b)</b>	Hasil Kumpulan Wang Wakaf Zon 1- Pendedahan	65
<b>Jadual 5.4 (a)</b>	Hasil Kumpulan Wang Zakat Zon 1- Pengiktirafan & Pengukuran	68
<b>Jadual 5.4 (b)</b>	Hasil Kumpulan Wang Zakat Zon 1- Pendedahan	69
<b>Jadual 5.5 (a)</b>	Hasil Kumpulan Wang Baitulmal Zon 1- Pengiktirafan & Pengukuran	72
<b>Jadual 5.5 (b)</b>	Hasil Kumpulan Wang Baitulmal Zon 1- Pendedahan	73
<b>Jadual 5.6 (a)</b>	Instrumen Kewangan Zon 1 - Jenis	77
<b>Jadual 5.6 (b)</b>	Instrumen Kewangan Zon 1 – Pengiktirafan & Pengukuran	78
<b>Jadual 5.6 (c)</b>	Instrumen Kewangan Zon 1 - Pendedahan	79
<b>Jadual 5.7 (a)</b>	Manfaat Pekerjaan Zon 1 – Pengiktirafan & Pengukuran	82
<b>Jadual 5.7 (b)</b>	Manfaat Pekerjaan Zon 1 – Pendedahan	83
<b>Jadual 5.8</b>	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka, Aset Luar Jangka Zon 1	85
<b>Jadual 6.1</b>	Pembahagian Aset mengikut kumpulan wang di beberapa negeri terpilih 2015	92
<b>Jadual 6.2</b>	Pandangan Pakar rujuk terhadap terminologi kutipan dan agihan zakat	119
<b>Jadual 6.3</b>	Pandangan Pakar rujuk terhadap isu pengurusan wakaf	124
<b>Jadual 6.4</b>	Pentakrifan Aset, Liabiliti, Belanja dan Hasil berdasarkan beberapa buku perakaunan Islam	129
<b>Jadual 6.5</b>	Pentakrifan Aset, Liabiliti, Belanja dan Hasil berdasarkan beberapa buku perakaunan konvensional dalam bahasa Arab	132
<b>Jadual 6.6</b>	Cadangan kerangka syariah terhadap istilah hasil, belanja dan liabiliti	138

<b>Jadual</b>	<b>Item</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Jadual 6.7</b>	Cadangan kerangka syariah terhadap Ekuiti, Ekuiti Wakaf dan Ekuiti Zakat	143
<b>Jadual 6.8</b>	Kriteria Pengiktirafan	147
<b>Jadual 6.9</b>	Asas pengukuran liabiliti dalam Islam	152
<b>Jadual 6.10</b>	Pendedahan dalam Kerangka Kerja Konseptual Mengikut Syariah	158
<b>Jadual 6.11</b>	Prinsip Persembahan dan Pendedahan dalam Islam	162
<b>Jadual 7.1</b>	Enakmen Kerajaan Negeri berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan	177
<b>Jadual 8.1</b>	Piawaian perakaunan sektor awam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	194
<b>Jadual 8.2</b>	Seksyen 13 Instrumen Kewangan Asas	200
<b>Jadual 8.3</b>	Seksyen 14 Isu Lain Instrumen Kewangan	204
<b>Jadual 8.4</b>	Seksyen 23 Wakaf	207
<b>Jadual 8.5</b>	Seksyen 24 Zakat	220
<b>Jadual 8.6</b>	Seksyen 25 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka	230
<b>Jadual 8.7</b>	Seksyen 26 Manfaat Pekerja	234
<b>Jadual 8.8</b>	Seksyen 27 Kos Pembiayaan	238
<b>Jadual 8.9</b>	Seksyen 28 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing	242
<b>Jadual 8.10</b>	Seksyen 29 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran	246
<b>Jadual 8.11</b>	Seksyen 30 Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran	248

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Item</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Rajah 2.1</b>	Majlis Agama Islam Selangor	10
<b>Rajah 2.2</b>	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	11
<b>Rajah 2.3</b>	Majlis Agama Islam Melaka	12
<b>Rajah 2.4</b>	Majlis Agama Islam Negeri Johor	13
<b>Rajah 2.5</b>	Majlis Ugama Islam Sabah	14
<b>Rajah 6.1</b>	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi WZB (Elemen Asas Penyata Kewangan)	167
<b>Rajah 6.2</b>	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi WZB (Pemetaan Kumpulan Wang MAIN dan Elemen Asas Penyata Kewangan)	168
<b>Rajah 8.1</b>	Proses Pembentukan Cadangan Kepada Piawaian	196

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Pengantar**

Peralihan perakaunan asas tunai terubahsuai kepada perakaunan asas akruan dalam sistem perakaunan kerajaan di Malaysia yang telah dimulakan perlaksanaannya pada tahun 2018 memerlukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan organisasi sektor awam di bawah kedua-dua peringkat kerajaan termasuk Majlis Agama Islam negeri (MAIN) dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards – MPSAS*). Walau bagaimanapun kelainan ciri-ciri institusi wakaf, zakat dan baitulmal sebagai institusi berlandaskan Agama Islam (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) jelas memerlukan piawaian perakaunan khusus yang berlandaskan tuntutan syariah.

Usaha untuk membangunkan piawaian perakaunan khusus bagi Institusi WZB adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan institusi berkenaan sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah SWT. Usaha ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang diketuai oleh Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dan diselaraskan oleh Institut Perakaunan Negara (IPN). Kajian ini dilaksanakan secara bersama oleh tiga buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Ketiga-tiga universiti ini mewakili zon masing-masing yang meliputi kajian ke atas kesemua Institusi WZB yang terdiri daripada 14 MAIN di seluruh negara serta entiti berkaitan di bawah MAIN. UKM dipertanggungjawabkan ke atas Zon 1 yang meliputi semua Institusi WZB di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah.

### **Objektif dan Persoalan Kajian**

Bagi mencapai matlamat akhir kajian iaitu untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB khususnya piawaian perakaunan berkaitan dengan isu yang dikaji (hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti), amalan semasa perakaunan Institusi WZB perlu difahami dengan sebaik mungkin. Selain itu, satu

kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan perlu dibentuk yang menjelaskan antaranya tentang objektif pelaporan kewangan, elemen-elemen penyata kewangan, dan aspek pengoperasian perakaunan yang melibatkan kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan. Perkara paling utama yang menunjangi pembentukan kerangka konseptual tersebut adalah prinsip Islam. Secara khusus, keperluan syariah berhubung pengoperasian perakaunan dari aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti di kenalpasti. Pada Fasa Ketiga ini, kerangka kerja konseptual yang telah dibangunkan pada Fasa Pertama dan Fasa Kedua diperlengkap dan diperkuuhkan dengan mengkhususkan kepada elemen-elemen asas penyata kewangan yang menjadi fokus kajian fasa ini iaitu hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti, termasuk kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan elemen-elemen tersebut menurut keperluan syariah.

Seterusnya perundangan sivil dan syariah yang berkaitan dengan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti Institusi WZB termasuk enakmen kerajaan negeri yang berkaitan disemak untuk mengenalpasti batasan dalam perundangan yang boleh memberi implikasi kepada perakaunan umumnya dan kepada pembangunan dan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam khususnya. Setelah semua perkara di atas diambilkira, kajian ini seterusnya mengemukakan cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB khususnya piawaian berkaitan hasil dari urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, kontrak pembinaan, kos pinjaman, peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka, manfaat pekerjaan, instrumen kewangan, dan kesan perubahan kadar pertukaran asing.

Ringkasnya, objektif kajian Fasa Ketiga ini adalah untuk;

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi wakaf, zakat dan baitulmal oleh Majlis Agama Islam Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).

2. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) khususnya berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
3. Mengenalpasti batas-batas perundangan dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti.
4. Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

Bagi mencapai objektif kajian pertama, persoalan kajian yang akan dijawab adalah; apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN (dan entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN)?

Bagi mencapai objektif kajian kedua, dua persoalan kajian yang akan ditangani adalah; (1) apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal oleh Intitusi WZB?, (2) apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu ada dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Kriteria pengiktirafan, asas pengukuran, prinsip pendedahan menurut keperluan syariah ini akan mengukuhkan lagi Kerangka Kerja Konseptual yang telah mula dibangunkan pada fasa pertama dan kedua sebelum ini.

Persoalan kajian bagi objektif ketiga adalah; apakah batas-batas perundangan berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti wakaf, zakat dan baitulmal? Dengan memahami batasan perundangan tersebut langkah-langkah penyelesaian boleh diambilkira oleh pihak berautoriti bagi memastikan kelancaran pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang digubal.

Seterusnya, persoalan kajian bagi objektif yang terakhir adalah; apakah cadangan maklumat yang bersesuaian berhubung piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal? Bagi menjawab persoalan ini, sepuluh MPSAS iaitu MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing, MPSAS 5 – Kos Pinjaman, MPSAS 9 – Hasil Dari Urus Niaga Pertukaran, MPSAS 11 – Kontrak Pembinaan, MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka, MPSAS 23 – Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran, MPSAS 25 – Manfaat Pekerjaan, MPSAS 28 – Instrumen Kewangan: Pembentangan, MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran, MPSAS 30 – Instrumen Kewangan:Pendedahan, telah dijadikan sebagai asas rujukan. Selain MPSAS, keperluan syariah adalah asas utama dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan Islam. Ini termasuklah rujukan daripada Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' 'Ulama', Qias dan kaedah fiqh yang sedia ada. Di samping itu, kajian ini juga merujuk kepada piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) iaitu MPERS dan MFRS, the *Statement of Recommended Practice (SORP)* bagi badan kebajikan di United Kingdom, *Statement of Principles (Financial Reporting from Islamic Perspective – SOPi)* yang diterbitkan oleh MASB) dan terbitan bank negara malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam.

Cadangan berhubung dengan piawaian perakaunan ini menyentuh dua aspek iaitu bentuk dan kandungan. Keunikan aktiviti Institusi WZB menyentuh aspek bentuk piawaian iaitu cadangan membina satu set piawaian perakaunan yang khusus bagi institusi berkenaan. Manakala aspek kandungan piawaian lebih mengkhususkan kepada peruntukan dalam MPSAS sama ada peruntukan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pengubahsuaian, penambahan, ataupun dikeluarkan. Di sini, hanya peruntukan piawaian semasa berkaitan aspek hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang tidak bertentangan dengan tuntutan syariah dicadangkan untuk dikekalkan. Manakala, cadangan penambahan dan pengubahsuaian dikemukakan ke atas bahagian piawaian yang memerlukan kesesuaian dengan tuntutan syariah. Seterusnya, bahagian piawaian yang bertentangan dengan syariat Islam dan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Institusi WZB dicadangkan untuk dikeluarkan serta akhir sekali penerangan yang lebih

terperinci ditambah pada bahagian piawaian yang memerlukan penelitian khas khususnya bagi memenuhi ciri-ciri unik dalam Institusi WZB.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu satu pendekatan kajian yang bertujuan mengungkap fakta untuk memahami sesuatu fenomena secara induktif. Pendekatan kualitatif ini menitikberatkan perincian kontekstual dan mementingkan pandangan responden untuk dikembangkan. Dengan pendekatan ini, penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah melaksanakan pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan MAIN (dan entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN), Al- Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama', Qias, perundangan syariah dan perundangan sivil yang berkaitan serta perundangan subsidiari seperti garis panduan dan manual berkaitan telah dijadikan sumber data.

Kajian bagi Zon 1 terdiri daripada kesemua lima MAIN (iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)) dan lapan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan untuk mentadbir urusan wakaf, zakat atau baitulmal.

Bagi memahami amalan semasa perakaunan khususnya perakaunan bagi isu-isu yang dikaji dalam fasa ini, perbincangan secara kumpulan fokus yang melibatkan penyelidik dengan akauntan, pihak pengurusan dan penasihat undang-undang MAIN Zon 1 dan entiti berkaitan di bawah MAIN berkenaan dilaksanakan. Di dua negeri yang terlibat, Mufti atau ahli Jawatankuasa Fatwa turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan fokus berkenaan. Sebelum setiap perbincangan kumpulan fokus dilaksanakan, pasukan penyelidik telah membuat analisis kandungan ke atas penyata kewangan MAIN yang terlibat dan mengkaji piawaian MPSAS (MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29, 30), dan MPERS berkaitan aspek yang dikaji.

Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya bagi pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi WZB, penyelidik menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan yang merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam (Faruqi, 1982). Dalam perkara ini, Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan bagi entiti sektor awam yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards* (IPSASB) telah dirujuk dan disesuaikan menurut keperluan syariah. Justeru, dalam melengkap dan mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan bagi Institusi WZB, prinsip Islam dan pematuhan kepada *syariah Islamiah* adalah menjadi tunjang utama kajian. Berdasarkan pendekatan ini, pengumpulan data secara temubual bersemuka dengan pakar syariah, fiqh muamalat serta kewangan dan perakaunan Islam dilibatkan bagi mendapatkan pandangan pakar berkenaan dalam mengenalpasti dan mengesahkan kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan bagi setiap isu yang dikaji dalam fasa ini mengikut keperluan syariah.

Selain keperluan syariah, batas-batas perundangan sivil dan perundangan syariah juga dikenalpasti untuk memastikan kelancaran pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB. Bagi tujuan ini, kaedah analisis kandungan dilakukan terhadap kesemua perundangan sedia ada yang relevan termasuk perundangan peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri, garispanduan dan manual pengurusan dan perakaunan seperti manual yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Proses mengenalpasti batasan perundangan khususnya berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti wakaf, zakat dan baitulmal ini juga mengambilkira pandangan dan cadangan dari pakar perundangan.

Bagi mengemukakan cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dalam memperakaunkan aset yang dikaji pada Fasa Ketiga ini, kaedah analisis kandungan 10 MPSAS yang berkaitan dilakukan. Selain itu kajian juga mengambilkira keperluan piawaian-piawaian lain yang relevan iaitu MPERS, MFRS dan AAOIFI serta cadangan dari SORP, MASB SOP*i*, terbitan bank Negara berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam serta manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN.

## **Hasil Kajian**

Hasil daripada temubual dengan wakil-wakil institusi terlibat dan analisis kandungan ke atas laporan kewangan setiap Institusi WZB yang terlibat, satu dapatan deskriptif diperolehi tentang amalan semasa perakaunan khususnya berhubung hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang merupakan aspek yang menjadi fokus kajian. Secara kesimpulan, wujudnya kepelbagaiannya dalam amalan pengiktirafan dan pengukuran hasil terutamanya terimaan/hasil wakaf. Walaupun dari segi amalan hasil diakaun dan dilaporkan sebagai satu kategori sahaja, secara umumnya hasil bagi institusi WZB boleh dikelaskan kepada hasil dari urusniaga pertukaran seperti hasil sewa, hasil dividen dan keuntungan dari pelaburan manakala hasil yang boleh dikelaskan kepada hasil dari urusniaga bukan pertukaran ialah geran dari kerajaan negeri dan hasil agama seperti hasil pesaka bahagian baitulmal, hasil luqatah dan hasil denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama.


Hasil kajian juga mengutarakan isu penting berhubung perakaunan dan pelaporan kewangan berhubung zakat yang perlu diberi perhatian. Secara umumnya akauntan dan pihak pengurusan MAIN bersepakat bahawa amalan semasa yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan baki zakat belum agih sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama tentang zakat. Kutipan zakat sebenarnya merupakan amanah yang perlu diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan syarak. Amaun yang belum diagihkan adalah amaun yang perlu ditahan untuk menampung komitmen pada awal tahun berikutnya memandangkan kutipan zakat pada awal tahun lazimnya adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menampung komitmen sedia ada. Menamakan baki belum agih sebagai lebihan terkumpul dan mengakuakkannya sebagai ekuiti membolehkan institusi WZB menentukan bagaimana amaun lebihan tersebut digunakan dan tidak terhad kepada 8 asnaf yang berhak ke atas agihan zakat tersebut. Selain itu, lebihan terkumpul yang merupakan baki belum agih juga menimbulkan salah tanggapan di kalangan pemegang kepentingan yang melihat lebihan sebagai indikasi bahawa institusi WZB tidak melaksanakan agihan dengan cekap. Walau bagaimanapun memandangkan tiada piawaian perakaunan khusus yang boleh dirujuk dan berpandukan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan untuk Majlis Agama Islam yang mengambil kira kutipan zakat sebagai hasil dan agihan zakat sebagai belanja maka amalan ini dikekalkan bagi memastikan keseragaman pelaporan antara institusi

WZB. Bagi amalan perakaunan dan pelaporan berhubung instrumen kewangan bagi Institusi WZB dalam Zon 1, instrumen kewangan yang terdapat di semua institusi WZB ialah instrumen kewangan asas sahaja, tiada pelaburan dalam instrumen derivatif dan lindung nilai. Tahap pendedahan tentang instrumen kewangan pula didapati pada tahap sederhana atau komprehensif. Seterusnya, bagi amalan perakaunan dan pelaporan berhubung manfaat pekerja bagi Institusi WZB dalam Zon 1, didapati hanya belanja dan belanja terakru berkaitan manfaat perkhidmatan diiktiraf. Tiada peruntukan dibuat untuk manfaat persaraan dan belanja berkaitan manfaat persaraan hanya diiktiraf dalam tempoh bayaran tunai dibuat. Secara umumnya tahap pendedahan berkaitan manfaat pekerja adalah sederhana atau terhad. Dari segi liabiliti luar jangka, terdapat item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak didedahkan. Ini antaranya adalah disebabkan oleh kurang penyelarasan antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun.


Dari segi kerangka kerja konseptual, kajian pada Fasa Ketiga ini mengemukakan input untuk pengukuhan kerangka kerja yang tertumpu kepada tahap ketiga Kerangka Kerja Konseptual iaitu tahap yang melibatkan pengoperasian perakaunan. Secara khusus, input yang dikemukakan adalah berfokus kepada hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sebagai elemen asas penyata kewangan. Tahap pengoperasian perakaunan bagi elemen-elemen ini melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan kerangka Syariah.

Rajah 1 dipaparkan bagi merumuskan definisi dan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi elemen-elemen asas penyata kewangan dalam kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi Insititusi WZB berdasarkan cadangan yang diberikan dalam Fasa kedua dan juga fasa laporan ini (iaitu fasa ketiga). Manakala Rajah 2 pula memberikan gambaran keseluruhan kedudukan kumpulan wang Institusi WZB iaitu MAIN dan seterusnya bagaimana elemen-elemen asas penyata kewangan (aset, liabiliti, hasil, belanja, ekuiti) dipetakan kepada setiap kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal. Pemetaan ini dibuat berdasarkan cadangan penyelidik terhadap olahan perakaunan setiap elemen bagi kumpulan-kumpulan yang dinyatakan serta ditunjukkan juga bentuk-bentuk pelaporan yang asas yang dicadangkan bagi setiap kumpulan wang.

**RAJAH 1 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WZB**  
**(ELEMEN ASAS PENYATA KEWANGAN)**



**RAJAH 2 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WZB  
(PEMETAAN KUMPULAN WANG MAIN DAN ELEMEN ASAS PENYATA KEWANGAN)**



\* Penyata Kewangan Utama juga termasuk Penyata Aliran Tunai dan juga Nota kepada Akaun.

Seterusnya, dalam usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB, kajian ini telah mengenalpasti perundangan sivil dan perundangan syariah berkaitan yang melibatkan perundangan persekutuan dan enakmen Kerajaan negeri, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri yang terlibat serta enakmen khusus berkaitan WZB. Selain itu semakan juga dibuat ke atas perundangan berkaitan dengan akaun dan laporan kewangan seperti Akta Tatacara Kewangan, Akta Badan Berkanun, Garis panduan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf. Semakan ini mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang mengikat Institusi WZB dan perlu diambilkira untuk memastikan kelancaran pemakaian piawaian perakaunan Islam yang akan diguna pakai pada masa hadapan. Selain itu semakan perundangan tersebut juga mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang memberi ruang atau keluwesan untuk memastikan pemakaian piawaian perakaunan Islam yang dicadangkan mampu dilaksanakan dengan lancar.

Hasil daptan terakhir kajian iaitu dalam mencadangkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB khususnya piawaian perakaunan berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti, kajian ini membuat ketetapan seperti berikut:

1. Keperluan MPSAS (MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29, dan 30) yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri aset yang terlibat dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan syariah yang sememangnya tidak diliputi dalam MPSAS (MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29, dan 30) akan ditambah.
3. Keperluan MPSAS (MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29, dan 30) yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan.
4. Keperluan MPSAS (MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29, dan 30) yang tidak relevan dengan aktiviti institusi WZB akan dikeluarkan.

Secara umum kajian ini mendapati kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan sedia ada untuk hasil (pertukaran dan bukan pertukaran); instrumen kewangan; peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka; manfaat pekerja;

kesan pertukaran matawang asing dan kos pinjaman sesuai digunakan untuk mengakaun dan melapor urus niaga khusus yang melibatkan WZB. Bagi piawaian sedia ada, penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah untuk memasukkan perbincangan dan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti serta urus niaga yang dilibatkan oleh Institusi WZB bagi memastikan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan adalah selaras dengan keperluan syariah.

Daripada sepuluh piawaian MPSAS yang dikaji, dicadangkan agar piawaian berhubung kontrak pembinaan tidak dimasukkan sebagai sebahagian dari set piawaian perakaunan untuk Institusi WZB kerana kontraktor kontrak pembinaan bukan merupakan peranan utama Institusi WZB. Sebaliknya dua piawaian baru (seksyen baru) dicadangkan bagi menangani isu perakaunan dan pelaporan bagi urusniaga wakaf dan zakat. Ini kerana isu yang terlibat adalah unik dan tidak ditangani oleh mana-mana piawaian yang sedia ada. Selain itu, kajian juga mencadangkan pindaan yang signifikan melibatkan piawaian untuk instrumen kewangan, peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka dan kos pinjaman.

## **Penutup**

Kajian pada Fasa Ketiga ini memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti. Cadangan yang dikemukakan merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama dan Kedua sebelum ini. Usaha murni ini akan diteruskan pada fasa akan datang yang meliputi cadangan kepada piawaian perakaunan aspek-aspek pendedahan dan pelaporan yang tidak diliputi sebelum ini.

Piawaian perakaunan khusus bagi Institusi WZB yang akan digubal berpandukan cadangan daripada kajian ini nanti diharap dapat mengharmonikan pelaporan kewangan Institusi WZB di Malaysia. Dengan pelaporan kewangan yang bersandarkan kepada piawaian perakaunan khusus yang menepati tuntutan syariah ini, Institusi WZB diharap akan terus menjadi institusi penting yang diyakini dapat terus menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sejagat sekaligus dapat menegak dan memelihara kesucian Agama Islam.

Usaha bersama untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual dan Piawaian Perakaunan khusus bagi WZB adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan Institusi WZB sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah SWT.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg Dato' Saat bin Isa, Akauntan Negara Malaysia, Y.Brs Encik Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Y.Bhg Dato' Zamimi bin Awang, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang telah memberi kepercayaan kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak JANM. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada Y.Bhg Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, mantan Akauntan Negara Malaysia yang menjadi antara individu penting pencetus idea pelaksanaan projek penyelidikan ini dan yang mendokong penyelidikan pada Fasa Pertama sebelum ini. Ucapan terima kasih kami juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan JANM, Encik Jafril bin Junit, Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, Encik Abu Hassan Bin Mohamad dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada kertas cadangan penyelidikan sehingga kehadiran kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua responden daripada semua entiti yang terlibat dalam Zon 1 yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Ugama Islam Sabah serta entiti-entiti berkaitan di bawah MAIN berkenaan, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti negeri-negeri yang terlibat serta pakar-pakar syariah, fiqh muamalat, perakaunan Islam dan perundangan yang telah memberi kerjasama penuh semasa kerja lapangan dilaksanakan. Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia.

**Ikhlas Daripada**

**Pengarah Projek Penyelidikan**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
dan Pengurusan JANM

**Pengurus Projek Penyelidikan**  
Institut Perakaunan Negara JANM



**Kumpulan Penyelidikan**



Dr. Mohd Fairuz Md. Salleh (Ketua Penyelidik)  
Dr. Azlina Ahmad  
Dr. Norida Basnan  
Dr. Hairunnizam Wahid  
Azizah Mohd Harun  
Ainol Basirah Abdul Wahab

### **Hak Cipta Terpelihara**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

### **Penafian**

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pengurusan yang efektif, cekap dan sistematik mampu memberi impak yang positif kepada prestasi keseluruhan sesebuah institusi (Hasyeila Abd Mutualib et. al, 2015). Hal ini termasuklah institusi yang berkaitan dengan pengurusan harta orang Islam merangkumi wakaf, zakat, dan baitulmal. Oleh itu, aspek berkaitan pengurusan hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti institusi tersebut perlulah diselia dengan baik demi memastikan harta umat Islam dapat disalurkan kepada yang berhak disamping tidak menyanggahi hukum syarak. Hal yang demikian kerana harta umat Islam yang berada di baitulmal dapat digunakan secara meluas mencakupi pelbagai manfaat umum serta pembangunan fizikal negara (Azman Ab Rahman, 2018). Demi memastikan pengurusan kewangan yang teliti dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), satu kajian amat diperlukan bagi melihat amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan institusi agama yang dimaksudkan untuk disesuaikan dengan keperluan syariah bagi membolehkan institusi ini menzahirkan akauntabilitinya dan dilihat telus dalam melaksanakan tanggungjawab.

Di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran harta orang Islam diurus tadbir oleh MAIN yang tertakluk kepada undang-undang setiap negeri. Bagi memenuhi tuntutan syariah dalam amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN (selepas ini dirujuk sebagai Institusi WZB), satu kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam serta piawaian perakaunan yang khusus bagi Institusi WZB ini perlu dirangka terlebih dahulu. Kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam merupakan langkah awal ke arah penyediaan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB meliputi komponen kerangka kerja yang merangkumi akauntabiliti pelapor maklumat perakaunan kepada pihak berkepentingan serta akauntabiliti entiti tersebut kepada Allah SWT. Untuk itu, kajian ini juga perlu mengambilkira batasan perundangan yang ada bagi melancarkan

urusan pengoperasian Institusi WZB ketika piawaian perakaunan WZB yang seragam dilaksanakan kelak. Justeru, dengan kewujudan piawaian perakaunan Islam yang selaras bagi semua Institusi WZB, adalah diharapkan institusi agama Islam di negara ini dapat menzahirkan akauntabilitinya dengan lebih cekap dan berkesan kepada pihak berkepentingan dan seterusnya menyempurnakan akauntabiliti kepada Allah SWT.

Secara umumnya, kajian ini terdiri daripada empat fasa. Fasa pertama menekankan aspek pendedahan dan pelaporan kewangan Institusi WZB yang melibatkan kesemua 14 MAIN diseluruh negara iaitu MAIN bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak; ia juga termasuk kesemua entiti-entiti dibawah MAIN yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus WZB. Fasa kedua pula memfokuskan perbincangan dari sudut aspek perakaunan bagi item-item aset yang berkaitan dengan Institusi WZB di setiap negeri. Manakala, kajian yang sedang dijalankan ini merupakan fasa ketiga iaitu merupakan lanjutan daripada kajian fasa pertama dan fasa kedua. Kajian fasa ketiga ini lebih tertumpu kepada aspek perakaunan bagi item-item hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang berkaitan dengan WZB dan institusi yang mentadbir dan mengurus WZB. Item hasil yang dimaksudkan termasuklah antaranya hibah, luqatah dan hak pesaka bahagian baitulmal. Bagi item belanja pula ialah termasuk kos-kos pengurusan, manakala item liabiliti pula termasuklah pinjaman dan liabiliti luar jangka. Manakala fasa keempat menyentuh tentang aspek-aspek lain yang tidak di sentuh dalam fasa pertama, kedua dan ketiga antaranya seperti pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama, penyata kewangan disatukan, penyata kewangan berasingan, persembahan maklumat belanjawan dalam penyata kewangan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan.

Bagi fasa ketiga ini, piawaian perakaunan yang terlibat sebagai asas rujukan adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards* - MPSAS) seperti berikut:

MPSAS 4 – Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

MPSAS 5 – Kos Pinjaman

MPSAS 9 – Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

MPSAS 11 – Kontrak Pembinaan

MPSAS 19 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka

MPSAS 23 – Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

MPSAS 25 – Manfaat Pekerjaan

MPSAS 28 – Instrumen Kewangan: Pembentangan

MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran

MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan

Oleh yang demikian, penyata kewangan setiap Institusi WZB akan diteliti bagi mengenalpasti isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang berkaitan dengan MPSAS di atas serta melihat kaitannya dengan keperluan syariah yang perlu dipenuhi. Selain itu, penelitian ini juga dapat menganalisis sama ada terdapat batasan-batasan perundangan diperangkat pengoperasian piawaian. Batasan-batasan perundangan yang dikenalpasti ini perlu di atasi dengan memberi cadangan-cadangan tertentu kepada pihak yang berautoriti. Semua proses ini dapat membantu pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam pembentukan piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai oleh Institusi WZB.

Kajian fasa ketiga ini mendapat pembiayaan penuh oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan dilaksanakan melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) serta Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dengan kerjasama tiga universiti awam di Malaysia. Universiti yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Ketiga-tiga universiti ini mewakili zon masing-masing bagi menjalankan kajian ke atas kesemua 14 MAIN di seluruh negara serta entiti-entiti di bawah MAIN yang bertanggungjawab dalam mengurus WZB. Universiti Kebangsaan Malaysia dipertanggungjawabkan ke atas Zon 1 yang mewakili negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Negeri Sabah.

## **1.2 Objektif Kajian**

Untuk mencapai matlamat kajian seperti yang dimaksudkan iaitu berhubung dengan aspek perakaunan dan pelaporan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti oleh Institusi WZB (fasa ketiga), empat objektif berikut perlu dipenuhi:

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi wakaf, zakat dan baitulmal oleh Majlis Agama Islam Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).
2. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) khususnya berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
3. Mengenalpasti batas-batas perundangan dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti.
4. Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

## **1.3 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian pertama, persoalan kajian yang perlu dijawab adalah apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN (dan entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN)? Piawaian Perakaunan konvensional yang digunakan oleh MAIN pada masa ini adalah piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) iaitu *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)*.

Untuk mencapai objektif kajian kedua, tiga persoalan kajian yang timbul adalah; (1) apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias)

bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan untuk item hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN (dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN)?, (2) apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi item hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal?. Oleh itu, kajian pada fasa ketiga ini akan mengenalpasti keperluan syariah bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi item hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti. Kriteria pengiktirafan, asas pengukuran, prinsip pendedahan menurut keperluan syariah ini akan mengukuhkan lagi kerangka kerja konseptual perakaunan yang telah mula dibangunkan pada fasa pertama dan kedua sebelum ini. Kajian ini menggunakan pendekatan Islamisasi iaitu suatu proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam (Faruqi, 1982), bagi mengukuhkan kerangka kerja konseptual perakaunan yang telah dibentuk. Dengan pendekatan Islamisasi ini, penghayatan konsep tauhid dan konsep khalifah tetap kekal dalam kerangka kerja konseptual perakaunan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam (penerangan mengenai konsep tauhid dan konsep khalifah akan diperincikan dalam Bab 6). Bagi menjawab persoalan kajian ini, penglibatan pakar-pakar syariah, muamalat dan perakaunan Islam adalah menjadi satu keperluan yang penting.

Persoalan kajian bagi objektif ketiga pula memfokuskan berkaitan apakah batas-batas perundangan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Institusi WZB?. Bagi tujuan ini, kajian yang mendalam mengenai peruntukan perundangan sedia ada yang berkaitan telah dilaksanakan. Dengan memahami batasan perundangan tersebut langkah-langkah penyelesaian boleh diambilkira oleh pihak berautoriti bagi memastikan piawaian perakaunan Islam yang akan digubal dapat diperaktikkan dengan berkesan oleh Institusi WZB kelak.

Seterusnya, persoalan kajian bagi objektif yang terakhir adalah apakah cadangan maklumat yang bersesuaian berhubung piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal? Bagi menjawab persoalan ini, sepuluh MPSAS iaitu MPSAS 4, 5, 9, 11, 19, 23, 25, 28, 29 dan 30 telah dijadikan sebagai asas rujukan. Selain MPSAS, keperluan syariah adalah asas utama dalam mengemukakan cadangan kepada

pembangunan piawaian perakaunan Islam. Ini termasuklah rujukan daripada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' 'Ulama', Qias dan kaedah fiqh yang sedia ada. Kajian ini juga merujuk kepada *the Statement of Recommended Practice* (SORP) bagi badan kebajikan di United Kingdom, *Statement of Principles (Financial Reporting from Islamic Perspective – SOPi)*, *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS), MPERS yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*). Selain itu, rujukan juga dibuat kepada terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam. Cadangan berhubung dengan piawaian perakaunan ini menyentuh dua aspek iaitu bentuk dan kandungan. Keunikan aktiviti Institusi WZB menyentuh aspek bentuk piawaian iaitu cadangan membina satu set piawaian perakaunan yang khusus bagi institusi berkenaan. Manakala aspek kandungan piawaian lebih mengkhususkan kepada peruntukan dalam MPSAS sama ada peruntukan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pengubahsuaian, penambahan, ataupun dikeluarkan. Di sini, hanya peruntukan piawaian semasa berkaitan aspek hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang tidak bertentangan dengan tuntutan syariah dicadangkan untuk dikekalkan. Manakala, cadangan penambahan dan pengubahsuaian dikemukakan ke atas bahagian piawaian yang memerlukan kesesuaian dengan tuntutan syariah. Seterusnya, bahagian piawaian yang bertentangan dengan syariat Islam dan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Institusi WZB dicadangkan untuk dikeluarkan serta akhir sekali penerangan yang lebih terperinci ditambah pada bahagian piawaian yang memerlukan penelitian khas khususnya bagi memenuhi ciri-ciri unik dalam Institusi WZB.

#### **1.4 Struktur Laporan**

Bab seterusnya iaitu Bab 2 akan menerangkan tentang latar belakang institusi yang dikaji. Manakala Bab 3 pula akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan yang dijadikan rujukan dalam kajian ini. Sementara itu, Bab 4 akan menjelaskan tentang kaedah penyelidikan dan Bab 5 pula akan melaporkan amalan semasa perakaunan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti Institusi WZB yang dikaji. Seterusnya, Bab 6 akan membincangkan mengenai keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual manakala Bab 7 akan membincangkan berkaitan batasan perundangan yang berkaitan. Bab seterusnya iaitu bab 8 akan memfokuskan kepada

cadangan pembangunan piawaian dan akhir sekali Bab 9 akan menerangkan mengenai rumusan kajian serta membincangkan tentang limitasi dan hala tuju kajian.

# **BAB DUA**

## **LATAR BELAKANG INSTITUSI**

### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan memberi tumpuan kepada latar belakang institusi yang terlibat dalam kajian ini. Struktur tadbir urus bagi setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dibincangkan khususnya MAIN di Zon 1 yang merupakan lokasi kajian iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Selain itu, bab ini akan menyentuh secara dasar berkaitan struktur pentadbiran majlis fatwa negeri yang berhubung secara tidak langsung bagi Zon 1.

### **2.2 Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri**

Bagi memahami amalan perakaunan berkaitan WZB di setiap MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu struktur tadbir urus setiap MAIN berkenaan. Struktur tadbir urus ini akan menunjukkan sama ada pentadbiran WZB diletakkan kesemuanya di bawah MAIN atau di bawah entiti MAIN yang berkaitan. Dari segi pelaporan kewangan, struktur tadbir urus juga akan menentukan bagaimana pelaporan akaun-akaun Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB) di satukan dalam akaun MAIN. Manakala, bahagian seterusnya akan membincangkan struktur tadbir urus bagi setiap MAIN dalam Zon 1.

#### **2.2.1 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor**


Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada awal penubuhannya, MAIS merupakan satu badan tetap yang

dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Ia ditubuhkan dibawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang bertujuan untuk menasihati DYMM Sultan dalam hal-hal yang bersabit dengan Agama Islam dan Adat Melayu. Nama dan identiti badan ini kemudiannya ditukar kepada satu pertubuhan perbadanan yang bernama Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan kepada seksyen 5 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada MAIS. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal. Selain itu, dalam peruntukkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dijelaskan bahawa MAIS berkuasa menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian, menggalakkan kegiatan komersial secara usaha sama, membuat pelaburan dan pinjaman serta menujuhkan perbadanan dan anak syarikat.

Rajah 2.1 menunjukkan struktur tadbir urus MAIS. Merujuk kepada Rajah 2.1, pentadbiran Baitulmal adalah di bawah tanggungjawab MAIS, manakala wakaf diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan pentadbiran zakat iaitu kutipan dan agihan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor (LZS). Selain PWS dan LZS, MAIS mempunyai anak syarikat dan Syarikat Bersekutu. MAIS mempunyai tiga anak syarikat dengan 100% pegangan, lima anak syarikat tahap 2 (*sub-subsdiary*) dan satu anak syarikat tahap 3 (*sub-subsubsdiary*). Syarikat Bersekutu pula adalah terdiri daripada dua entiti, masing-masing dengan pegangan 49% dan 48%.

**Rajah 2.1: Majlis Agama Islam Selangor**



## 2.2.2 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan


Penubuhan MAINS bermula sejak tahun 1947 apabila pihak British memperkenalkan sistem pentadbiran moden dan mula mengambil tindakan melantik pentadbir daripada golongan orang Melayu dalam usaha ke arah persediaan untuk kemerdekaan. Arahan penubuhan Majlis Agama Islam atau *Council of Muslim Religion* telah ada dalam peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1948. Walau bagaimanapun hanya pada tahun 1949, MAINS ditubuhkan dengan rasminya melalui Enakmen Majlis Agama 1949 (Enakmen No.5/1949).

Bidang kuasa tertentu MAINS adalah sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tahun 2003. Di samping menolong dan menasihati DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, MAINS juga merupakan badan Induk Agama Islam yang tertinggi bagi mengawal hal ehwal agama Islam negeri. Antara bidang kuasa MAINS ialah sebagai penguasa wasiat, pentadbir pusaka orang Islam dan pemegang amanah; menjalankan urusan kontrak atas harta alih dan tak alih menurut syarat-syarat tertentu mengenainya dan

mengikut hukum Syarak; hal mengenai fatwa rasmi Negeri Sembilan; pentadbir urusan baitulmal, zakat, dan khairat; pentadbir urusan wakaf, wasiat dan nazar serta pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak alih, termasuk urusan perlantikan pegawai-pegawai masjid, urusan berhubung dengan saudara-saudara baru, urusan tauliah mengajar agama dan urusan perbelanjaan wang zakat mengikut Asnaf.

Rajah 2.2 memaparkan struktur tadbir urus MAINS. Merujuk kepada Rajah 2.2, pentadbiran baitulmal dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINS, manakala fungsi kutipan zakat dilaksanakan oleh anak syarikat yang ditubuhkan iaitu MAINS Zakat Sdn. Bhd. Fungsi wakaf pula diletakkan dibawah tanggungjawab anak syarikat MAINS Holdings Sdn Bhd iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (PWNS). Selain itu, MAINS mempunyai dua anak syarikat lain dengan pemilikan 100%, manakala MAINS Holdings Sdn Bhd mempunyai satu lagi anak syarikat lain dengan pemilikan 100%.

**Rajah 2.2: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan**




### **2.2.3 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Melaka**

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah ditubuhkan pada 28 September 1960 sebagai badan induk kepada semua agensi dan institusi Islam di negeri Melaka. Antara fungsi MAIM ialah bertanggungjawab untuk mengurus hal ehwal Agama Islam Negeri Melaka di samping membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong. Ini selari dengan enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) pada tahun 2002 seksyen 4 ceraian 1.

MAIM berperanan dalam penggubalan dasar dan polisi berkaitan pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat negeri dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) adalah badan pelaksana kepada dasar dan polisi tersebut; di samping bertanggungjawab dalam pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, kesalahan-kesalahan jenayah syariah, pelaksanaan pendakwaan di mahkamah syariah, mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimaranan masjid dan surau.

Rajah 2.3 memaparkan struktur tadbir urus MAIM. Berdasarkan Rajah 2.3, pentadbiran baitulmal, wakaf dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAIM, manakala kutipan zakat adalah di bawah tanggungjawab anak syarikat MAIM iaitu Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd. (PZM). Selain PZM, MAIM juga mempunyai dua anak syarikat lain dengan pegangan 100% dan tiga anak syarikat tahap 2 (*sub-subsdiary*).

**Rajah 2.3: Majlis Agama Islam Melaka**




## **2.2.4 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Johor**

Pada tahun 1925, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah ditubuhkan di bawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. MAINJ berperanan menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang/Harta Baitulmal dan mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf di bawah Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Tahun 2003.

Rajah 2.4 memaparkan struktur tadbir urus MAINJ. Berdasarkan Rajah 2.4, pentadbiran bagi semua fungsi baitulmal, wakaf, kutipan dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINJ. Selain itu, MAINJ juga mempunyai tiga anak syarikat dengan 100% pegangan.

**Rajah 2.4: Majlis Agama Islam Negeri Johor**




## **2.2.5 Struktur Tadbir Urus Majlis Ugama Islam Sabah**

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) merupakan sebuah pertubuhan yang berjalan seiring dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam usaha menyampaikan syiar agama Islam di Sabah. Selain daripada bertanggungjawab dalam hal-hal menyampaikan ajaran Islam, memberikan pendidikan dan pengetahuan agama Islam, MUIS juga turut membina dan mentadbir bangunan masjid dan surau, mengesahkan perkahwinan orang-orang Islam, kemasukan saudara baru ke dalam

agama Islam di seluruh Sabah kepada masyarakat tanpa mengira kaum, agama, jantina dan batas had umur di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004.

Rajah 2.5 memaparkan struktur tadbir urus MUIS. Berdasarkan Rajah 2.5, pentadbiran wakaf<sup>1</sup> dan baitulmal (namun terhad kepada hasil seperti *luqatah* dan *fidyah*) dan fungsi kutipan dan agihan zakat yang dijalankan oleh Pusat Zakat Sabah adalah terletak di bawah tanggungjawab MUIS. Manakala pengurusan hasil baitulmal yang utama seperti hasil mahkamah syariah dan hasil operasi diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) iaitu sebuah entiti berasingan namun masih melaporkan aktiviti mereka kepada MUIS. Selain itu, MUIS mempunyai anak syarikat dan juga syarikat bersekutu. Anak syarikat MUIS adalah terdiri daripada dua entiti di mana MUIS mempunyai 100% pegangan. Syarikat Bersekutu pula adalah terdiri daripada satu entiti di mana MUIS mempunyai 30% pegangan.

**Rajah 2.5: Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)**



<sup>1</sup> Bermula 1 Jan 2019, urusan wakaf ditadbir oleh Perbadanan Wakaf Sabah yang telah ditubuhkan dan diwartakan pada 15 November 2018. Rujuk pautan ke laman sesawang berita berikut: <https://utusanborneo.com.my/2018/11/14/muis-tubuh-lembaga-pengurusan-wakaf-negeri-sabah>

### **2.3 Majlis Fatwa Agama Islam Negeri**

Perbincangan struktur MAIN juga tidak akan lengkap tanpa melihat kepada bahagian Majlis Fatwa Negeri tersebut kerana setiap tadbir urus berkaitan amalan semasa MAIN akan dipantau dan sebahagiannya difatwakan oleh Majlis Fatwa Negeri. Mana-mana fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri akan mengikat umat Islam yang berada dalam wilayahnya sekiranya diwartakan. Implikasi kuasa fatwa di negeri-negeri akan memberi kesan hukum dan undang-undang kepada sesebuah negeri (Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong, 2017). Keadaan ini termasuklah hal-hal berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal yang sentiasa melalui proses inovasi dari masa ke semasa yang memerlukan fatwa negeri dikeluarkan. Antaranya ialah keharusan melakukan pelaburan menggunakan manfaat wakaf.

Prosedur dan kriteria perlantikan pihak yang mengeluarkan dan menguatkuasakan fatwa di setiap negeri adalah berbeza namun, semua enakmen pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa pihak yang berhak dan bertanggungjawab mengeluarkan hukum apabila diperlukan ialah institusi fatwa setiap negeri. Ia terdiri daripada gabungan di antara mufti dan Jawatankuasa Syariah. Fatwa yang hendak dikeluarkan hendaklah melalui Jawatankuasa Syariah dengan mufti sebagai pengerusinya (Hasnan Kasan, 2006).

### **2.4 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas terdapat kepelbagaian dari segi struktur tadbir WZB. Terdapat MAIN yang meletakkan fungsi WZB dibawah pengurusan MAIN seperti di Johor, dan terdapat juga MAIN yang menubuhkan badan-badan korporat khusus untuk melaksanakan fungsi WZB secara berasingan seperti di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Sabah. Dari aspek pentadbiran dan pengurusan wakaf, MAIS dan MAINS meletakkan fungsi pengurusan dan pentadbiran wakaf di bawah anak syarikat milik penuh MAIN. Manakala, bagi MAINJ, MAIM dan MUIS, fungsi wakaf masih terletak dibawah pentadbiran dan pengurusan MAIN.

Seterusnya, dari aspek pengurusan zakat, terdapat MAIN yang meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah satu entiti dan terdapat juga MAIN yang mengasingkan fungsi kutipan dan agihan dibawah entiti yang berlainan. Contohnya di Selangor, fungsi kutipan dan agihan zakat diletakkan di bawah anak syarikat milik penuh yang ditubuhkan dibawah MAIS. Manakala MUIS dan MAINJ meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah pentadbiran MAIN sendiri. Bagi MAINS dan MAIM, urusan kutipan zakat diletakkan dibawah pengurusan entiti khas iaitu anak syarikat milik penuh majlis, manakala fungsi agihan zakat dilaksanakan oleh MAIN.

Seterusnya, bagi aspek pentadbiran dan pengurusan baitulmal, kesemua MAIN yang dikaji meletakkan fungsi tersebut dibawah majlis kecuali di Sabah dimana wujud dua entiti berbeza yang melaksanakan fungsi baitulmal iaitu pihak MUIS dan juga Perbadanan Baitulmal Sabah. Walau bagaimanapun, fungsi baitulmal yang dijalankan oleh MUIS adalah terhad kepada hasil luqatah dan fidyah manakala kebanyakkan hasil baitulmal yang lain diurus dan ditadbir oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah yang merupakan entiti berasingan tetapi masih melapor kepada MUIS.

# **BAB TIGA**

## **KAJIAN LITERATUR**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan kajian literatur yang dikupas berdasarkan lima isu utama. Pertama, perbincangan dimulakan dengan kupasan ringkas berkenaan sumber hukum syariah atau perundangan Islam yang relevan untuk dijadikan asas yang perlu dirujuk dalam pembentukan polisi dan piawaian perakaunan Islam. Kedua, kupasan tentang perakaunan dari perspektif Islam berdasarkan kajian-kajian lepas akan diketengahkan. Kupasan ini juga dilengkapkan dengan perbincangan ringkas tentang konsep Islamisasi ilmu pengetahuan, yang merupakan suatu pendekatan yang boleh digunakan dalam pembentukan piawaian bagi institusi yang mentadbir WZB. Ketiga, konsep umum bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dari perspektif konvensional dan juga perspektif Islam dibincangkan. Seterusnya, konsep dan amalan perakaunan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti khusus dalam konteks wakaf, zakat dan baitulmal akan dibincangkan secara ringkas dengan merujuk kepada tinjauan dari kajian empirikal lepas dan bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

### **3.2 Sumber hukum syariah atau perundangan Islam**

Islam adalah agama yang lengkap (*syumul*) dan mengatur manusia dalam semua aspek kehidupan. Urusan keduniaan tidak dianggap terpisah dengan urusan akhirat, malahan setiap apa yang diperbuat akan dipertanggungjawabkan di hari pengadilan. Justeru, sesuai dengan sifat agama Islam itu sendiri yang lengkap dan sesuai untuk semua zaman, Islam menyediakan garis panduan dalam aspek menentukan hukum dan perundangan. Oleh itu, perbahasan ilmu perakaunan yang merupakan salah satu cabang ilmu keduniaan yang mengatur kehidupan manusia terutamanya dalam aspek muamalat perlu disandarkan kepada sumber-sumber hukum Islam. Perbincangan sumber-sumber hukum Islam adalah penting untuk disentuh dalam kajian ini kerana dalam usaha mewujudkan tatacara dan piawaian perakaunan yang menepati syarak,

sumber-sumber hukum Islam yang telah digunakan oleh para ulama mujtahid harus dirujuk.

Dalam menentukan hukum, terdapat dua jenis sumber hukum yang dirujuk oleh para ulama. Pertama, dalil *qat’ie* atau sumber yang disepakati oleh para ulama dan kedua, dalil *zanni* iaitu sumber yang tidak disepakati. Sumber hukum yang disepakati terdiri dari empat iaitu Al-quran, As-sunnah, Ijma’ ulama’ dan Qias. Al-quran merupakan sumber utama bagi perundangan Islam dan ia membawa dalil-dalil yang berbentuk umum. Hukum yang terkandung dalam Al-quran ditaksir oleh Nabi Muhammad S.A.W melalui hadis dan kemudiannya ditaksir oleh para ulama. Seterusnya, sumber perundangan kedua iaitu As-sunnah. As-sunnah adalah segala perkataan, perbuatan, sifat, perjalanan hidup, persetujuan dan *takrir* (tidak melarang) yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. Kehujahan As-sunnah dijadikan sumber hukum yang disepakati ulama adalah berdasarkan dalil-dalil seperti berikut:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.” (Al-Hasyar: 7)

“Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian, jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (An-Nisa: 59)

Ijma’ ulama’ pula bermaksud kesepakatan para ulama’ mujtahid daripada umat Rasulullah S.A.W dalam perkara berhubung hukum syarak. Penggunaan Ijma’ Ulama dalam penetapan hukum syarak disandarkan kepada dalil Al-quran:

“... dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang

memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).” (Al-Baqarah: 143)

Akhir sekali Qias yang membawa maksud Ijtihad para ulama’ pada perkara baru yang disandarkan pada perkara yang telah wujud hukumnya. Contoh: pengharaman arak (telah jelas disebut di dalam Quran) kerana memabukkan menjadi sandaran ulama’ berpendapat semua minuman yang memabukkan itu adalah haram. Sumber pengharusan qias ialah berdasarkan Hadis:

Nabi S.A.W mengutus Muaz ke Yaman. Maka Nabi S.A.W bertanya kepadanya: “Bagaimana kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?” Muaz menjawab: “Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah”. Nabi S.A.W bertanya lagi: “Sekiranya kamu tidak mendapati didalam kitab Allah?” Jawab Muaz: “Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah.” Tanya Nabi lagi: “Sekiranya kamu tidak menemui di dalam Sunnah?” Muaz menjawab, “Saya akan berijtihad dengan pandanganku”. Nabi pun bersabda: “Segala puji bagi Allah yang telah member taufiq kepada utusan Rasulullah.” (Hadis Riwayat Ahmad)

Selain dari empat sumber hukum yang disepakati yang telah dibincangkan di atas, terdapat pelbagai sumber hukum yang tidak disepakati yang boleh dirujuk iaitu *Ihtisan*, *Masalah Mursalah*, *Ihtisab*, *Saddu Zara'i*, *Syar'u min koblana*, *Kaulu Sohabi*, *Amalul Ahli Madinah*, dan *Uruf Wa Adat* (Ariffin, Yahya, dan Sahi, 2015). Perbincangan sumber hukum yang tidak disepakati ini juga sewajarnya disentuh kerana sumber-sumber ini juga boleh dijadikan rujukan dalam menyelesaikan isu-isu baru seperti pembentukan piawaian perakaunan Islam. Oleh hal yang demikian, perbincangan bagi setiap jenis hukum dipersembahkan secara ringkas seperti berikut:

### 1. *Istihsan*

*Istihsan* bermaksud menggunakan qias yang tidak nyata dengan meninggalkan qias yang nyata atau mengecualikan sesuatu perkara dari dalil atau kaedah yang umum berdasarkan dalil-dalil yang tertentu. Contohnya, sisa minuman burung helang dianggap suci dengan mengkiaskan kepada lebihan minuman manusia kerana persamaan kedua-duanya dari segi dagingnya yang tidak halal di makan. *Istihsan*

mengambil qias yang tidak nyata iaitu tidak nyata persamaan antara kedua-duanya. Jika digunakan qias yang nyata iaitu dengan menqiaskan kepada sisa minuman binatang buas seperti harimau ataupun singa hukumnya tidak suci dan sudah pasti tidak boleh diminum (Ariffin, et. al, 2015).

## 2. *Masalih Mursalah*

*Masalih mursalah* bererti menentukan hukum sesuatu berdasarkan kepada kemaslahatan tertentu yang tiada ketentuan nas mahupun ijmak yang menerima atau menolaknya. *Masalih mursalah* dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu keperluan yang mendesak (*dharurriyah*) iaitu keperluan-keperluan utama yang manusia bergantung kepadanya. Tahap yang kedua dipanggil keperluan biasa (*hajiiyah*) iaitu keperluan yang diperlukan oleh manusia untuk mengelakkan diri daripada kesukaran. Tahap yang terakhir ialah keperluan kesempurnaan (*tahsiniyyah*) yang mana ianya diperlukan untuk keselesaan hidup manusia. Tiga tahap atau darjah keperluan ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks. Sebagai contoh, konteks pelaporan maklumat perakaunan (Salleh et. al, 2016). Tahap *dharurriyah* merujuk kepada pelaporan maklumat asas yang wajib dilaporkan dan boleh menyebabkan matlamat pelaporan tidak dapat dicapai jika tidak didedahkan. Seterusnya tahap *hajiiyah* iaitu pelaporan maklumat yang perlu untuk tujuan menambah kefahaman yang akan memudahkan pengguna maklumat memahami maklumat yang dilaporkan dan jika tidak dilaporkan mungkin boleh menimbulkan kekeliruan. Tahap ketiga iaitu *tahsiniyyah* adalah berkaitan dengan pendedahan maklumat yang bertujuan mengukuhkan pendedahan sedia ada, tetapi jika tidak didedahkan tidak menjelaskan tujuan pelaporan.

## 3. *Istishab*

*Istishab* adalah dalil yang menilai tetapnya sesuatu perkara selagi tidak ada yang mengubahnya. *Istishab* ini sangat berkait rapat dengan satu kaedah fiqh، ما بقاء الأصل كأن ما على كان yang bermaksud sesuatu perkara itu kekal seperti asalnya.

## 4. *Saddu zara'i*

*Saddu zara'i* dari segi bahasa bermaksud menutup jalan-jalan kejahatan. Menurut istilah syarak, ia bermaksud menghalang perkara-perkara harus yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang haram. Terdapat empat jenis *saddu zara'i*, iaitu sesuatu

yang pasti membawa kepada keburukan seperti membuang bahan lebihan proses kilang ke sungai. Kedua, sesuatu yang besar kemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual anggur kepada pembuat arak. Ketiga, sesuatu yang berkemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual barang secara bertangguh kerana boleh membawa kepada riba. Keempat, sesuatu yang jarang membawa kepada keburukan seperti menggali lubang di tempat-tempat yang jarang dilalui oleh manusia (Ariffin, et. al, 2015).

#### 5. *Syar'u min koblana*

*Syar'u min koblana* bermaksud syariat yang wujud sebelum Rasulullah S.A.W. diutuskan sebagai petunjuk jalan. Maksud menurut istilah ialah syariat-syariat rasul terdahulu yang terdapat dalam Al-Quran atau sunnah tetapi tiada arahan supaya kita mengikutinya. Sebagai contoh ialah syariat Nabi Musa A.S dan Nabi Adam A.S.

#### 6. *Kauli sohabi*

*Kauli sohabi* bererti kata-kata atau perbuatan orang yang pernah bertemu dengan Rasulullah S.A.W yakni para sahabat baginda dalam keadaan beriman serta berdamping dengannya untuk jangka masa yang lama, contohnya Khulafa Al-Rasyidin, Ibnu Abbas, Saidatina Aisyah dan lain-lain (Ismail, 2014). Dalam ayat Al-Quran juga ada menerangkan keredhaanNya dan menjanjikan syurga kepada para sahabat serta orang yang mengikut jejak dan tingkah laku sahabat. Dalilnya:

“Dan orang-orang terdahulu – yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang ‘Muhajirin’ dan ‘Ansar’, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.” (Surah At-Taubah: 100)

Serta dalam sebuah hadis berikut:

“Kami pernah dinasihati oleh Rasulullah shalallahu ‘alaihi wasallam dengan sebuah nasihat yang amat mendalam, yang menyebabkan air

mata kami berlinang dan hati kami bergetar, lalu seorang Sahabat bertanya: ‘Ya Rasulullah, seakan-akan ini sebagai nasihat seseorang yang akan pergi, maka apa pesanmu kepada kami?’ Beliaupun bersabda: ‘Aku wasiatkan kepadamu agar bertakwa kepada Allah, mendengar dan patuh (kepada pimpinan), meskipun ia seorang budak dari Habasyah (Ethiopia), kerana sesungguhnya orang yang hidup di antara kamu sesudahku akan melihat perselisihan yang banyak, maka berpegang teguhlah kamu kepada sunnahku dan sunnah para Khulafa’ (pengikutku) yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kamu padanya dan gigitlah dengan geraham-geraham (mu), dan jauhilah hal-hal yang diada-adakan (dalam agama) karena setiap yang baru itu adalah bid’ah dan setiap bid’ah adalah kesesatan.” (HR. Abu Dawud dan yang lainnya, dishahihkan oleh Ibnu Majah, demikian pula Syaikh Albani telah meneliti).

#### 7. *Amalul Ahli Madinah*

*Amalul Ahli Madinah* bermaksud perkataan atau perbuatan yang disepakati oleh penduduk Madinah dalam lingkungan kurun hijrah yang pertama. Sebagai contoh, Imam Malik telah menyatakan dalam kitab Al-Muwatta’ bahawa makmum tidak perlu membaca Al-Fatihah dalam solat yang nyaring. Kenyataan Imam Malik ini adalah berdasarkan amalan penduduk Madinah. Sementara itu, Imam Syafi’e menyatakan makmum perlu membaca surah Al-Fatihah walaupun dalam solat yang nyaring berdasarkan hadis yang lain. Tetapi Imam Malik tidak bersandarkan kepada hadis tersebut kerana beliau berpendapat bahawa *Amalul Ahli Madinah* lebih kuat berbanding hadis ini yang bertaraf hadis ahad.

#### 8. *Uruf wa adat*

*Uruf wa adat* bererti perkataan atau perbuatan yang menjadi kebiasaan sekumpulan manusia dan diterima oleh akal yang sejahtera. Sebagai contoh, perbuatan memakai kasut di dalam rumah dalam kalangan masyarakat melayu dianggap kurang sopan. Oleh itu, setiap tetamu hendaklah menanggalkan kasut mereka sebelum memasuki rumah masyarakat melayu.

Selain dari sumber yang disepakati dan tidak disepakati yang telah dibincangkan dalam perenggan di atas, kaedah fiqh atau dikenali sebagai *Qawaid Fiqhiyah Kubra* yang merupakan satu cabang ilmu yang menjelaskan hukum yang bersifat umum, yang boleh digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang baru dan bersifat praktikal. Walaupun kaedah fiqh tidak dianggap sebagai dalil syarak yang akan menentukan hukum, kaedah fiqh boleh dirujuk untuk memudahkan proses merujuk suatu permasalahan fiqh kepada prinsip syarak (Ismail, 2005). Terdapat lima kaedah fiqh asas yang masyur yang akan dibincangkan dengan menerangkan contoh secara ringkas seperti berikut:

i. Segala urusan berdasarkan niatnya

Kaedah ini menjelaskan bahawa niat seseorang *mukallaf* diambil kira dalam menentukan hala tuju perbuatannya. Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal. Dalil berdasarkan hadis:

"Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing".  
(Hadis Riwayat Bukhari).

Contoh aplikasi kaedah ini yang menarik untuk disertakan berdasarkan Ismail (2005) adalah jika seseorang mengambil suatu harta *luqatah* (barang dijumpai) dengan niat untuk memilikinya, maka ia dianggap perampas yang perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak. Tetapi jika seseorang itu berniat untuk menyimpan, menghebahkan dan memulangkan kembali kepada pemilik asal, dia dianggap sebagai pemegang amanah yang tidak perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak (al-Burnu, 1998, dalam Ismail, 2005).

ii. Keyakinan tidak dihapuskan dengan keraguan

Maksud kaedah ini ialah perasaan syak dan was-was tidak dapat menghapuskan keyakinan seseorang. Dalil dari hadis bagi kaedah ini:

"Nabi S.A.W bersabda, Apabila kamu syak dalam solat, lantas tidak mengetahui bilangan rakaat, 3 atau 4? Kamu hendaklah membuang syak tersebut dan meneruskan solat berdasarkan apa yang diyakininya" (Hadis Riwayat Muslim).

Contoh aplikasi kaedah ini adalah jika diketahui terdapat harta haram atau harta dirampas atau harta dicuri di sebuah kedai, namun demikian tidak dikenalpasti di bahagian mana, kita diharuskan untuk menjalankan urusan jual beli di kedai tersebut kerana barang yang hendak diurusniaga hanya disyaki haram dan keyakinan asal iaitu ia adalah halal tidak terhapus dengan keraguan tersebut (Ismail, 2005).

### iii. Kesukaran membawa kepada keringanan

Kaedah ini secara umumnya bermaksud hukum hakam yang mendatangkan kesukaran untuk dilaksanakan oleh mukallaf akan diringankan cara pelaksanaannya oleh syarak. Namun demikian, bukan bermaksud semua kesukaran diberikan keringanan. Contohnya kesukaran melaksanakan ibadah yang tidak dapat dielakkan seperti perlu bermusafir jauh untuk menunaikan haji tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menunaikan haji. Namun, jika kesukaran melibatkan kehilangan nyawa, maruah dan harta maka dibenarkan keringanan oleh syarak. Contohnya, jika perjalanan menuju ke Mekah tidak selamat, ibadah haji tidak wajib. Tujuh sebab bagi keringanan yang dibenarkan syarak dalam ibadat adalah sebab musafir, sakit, paksaan (seperti dipaksa melafazkan perkataan kufur), lupa (sehingga ia ingat), kejahilan, kepayahan, dan kekurangan (contoh orang gila yang kurang akal tidak dipertanggungjawabkan). Dalil berkaitan kaedah ini adalah:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Al-Baqarah: 185)

"Kami (Allah) tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya." (Al-An'am:152)

"Nabi S.A.W bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan."  
(Hadis Riwayat Bukhari)

Contoh aplikasi kaedah ini adalah syarak mengharuskan *gharar* yang ringan apabila wujud keperluan, seperti takaful dibenarkan walaupun terdapat *gharar* ringan kerana wujudnya keperluan terhadapnya (Majd Ahmad, 2001, dalam Ismail, 2005).

### iv. Kemudaratatan wajib dihilangkan

Kaedah ini dikaitkan dengan menjaga kepentingan agama, jiwa, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratatan perlu ditegah dan

diharamkan, termasuk mudarat yang umum dan khusus. Selain itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Contoh dalil dari hadis:

"Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan." (Hadis  
Riwayat Imam Malik, Baihaqi & Hakim)

Contoh aplikasi kaedah ini ialah penjualan harta *al-ihtikar* (kegiatan memonopoli suatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi) dengan harga semasa oleh pemerintah demi mengelakkan kemudaratan dan menjaga kemaslahatan masyarakat (Ibn Qudamah t.th: 308).

v. Adat kebiasaan dapat dijadikan landasan mengeluarkan hukum

Kaedah ini bermaksud bahawa adat sesuatu masyarakat yang tidak bertentangan dengan syarak diambil kira dalam penentuan hukum syarak (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Tetapi perlu memenuhi syarat iaitu adat tersebut perlu konsisten dan diterima majoriti masyarakat, tidak bertentangan dengan syarak, adat diterima pakai selagi tidak dipersetujui sebaliknya (Contohnya, adat masyarakat setempat adalah si pembeli yang harus menanggung kos penghantaran barang ke tempatnya. Namun, jika si pembeli dan si penjual telah bersetuju bahawa si penjual yang perlu menanggung kos tersebut, dalam situasi ini adat tidak diambil kira, sebaliknya persetujuan mereka yang menjadi penentu). Antara dalil bagi kaedah ini:

"... dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada para ibu menurut cara yang sepatutnya". (Al-Baqarah: 233).

Berdasarkan ayat tersebut, kadar makanan dan pakaian yang diwajibkan kepada seorang suami terhadap isterinya tidak diperincikan, tetapi diserahkan kepada adat yang patut untuk menentukannya (Ismail, 2005). Contoh aplikasi kaedah ini adalah, *sighah (ijab dan qabul)* merupakan salah satu rukun jual beli, namun demikian *fuqaha* antaranya al-Nawawiyy mengharuskan urusniaga yang dijalankan tanpa *sighah* jika ia menjadi adat sesuatu masyarakat (al-Khin,1989 dalam Ismail, 2005).

Oleh hal yang demikian, dalam usaha pembentukan piawaian dan polisi perakaunan yang menepati hukum syarak, sumber-sumber hukum sama ada yang disepakati atau

tidak disepakati perlu dirujuk untuk memberi ruang keluwesan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan kaedah-kaedah fiqh yang wujud. Kaedah-kaedah fiqh yang masyur seperti yang dijelaskan di atas juga boleh dijadikan asas dan panduan dalam membentuk piawaian yang selari dengan hukum syarak.

### **3.3 Konsep Perakaunan Islam dan Islamisasi**

Konsep perakaunan dari perspektif Islam ataupun disebut sebagai ‘perakaunan Islam’ adalah suatu konsep yang berbeza dari konsep perakaunan konvensional. Walaupun masih belum wujud suatu konsep atau teori yang jelas yang membentuk ‘teori perakaunan Islam’ (Mustaffha & Zainal, 2016), namun sorotan karya dari pelbagai sarjana perakaunan yang membincangkan asas perakaunan Islam penting untuk dibincangkan bagi memberi kefahaman tentang kerangka kerja yang mendasari polisi perakaunan yang patuh syariah.

Abdul Rahman (2010) mendefinisikan perakaunan Islam berdasarkan konsep tauhid dan konsep khalifah. Konsep tauhid secara ringkasnya adalah konsep mengesakan Allah S.W.T dan mengakui Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Konsep khalifah pula menerangkan tentang tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai khalifah yang mentadbir urusan di muka bumi mengikut aturan Penciptanya. Konsep khalifah yang menjadi asas kepada perakaunan Islam seterusnya membawa kepada pendefinisan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam. Konsep akauntabiliti dari perspektif konvensional menerangkan tentang tanggungjawab dan kebertanggungjawaban iaitu kesediaan untuk menjawab atas segala tindakan dan keputusan yang diambil (Gray et. al, 1987). Namun, konsep akauntabiliti dalam Islam meliputi kebertanggungjawaban yang lebih luas dan kritikal iaitu setiap tindakan atau perbuatan manusia yang merupakan khalifah Allah S.W.T akan dipertanggungjawabkan di akhirat dan akan dihisab dengan seadil-adilnya pada hari pengadilan. Dalil dari Al-Quran berikut boleh dirujuk:

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan

mendarangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung". (Surah Al-Anbiya: 47)

Oleh itu, urusan keduniaan adalah tidak dipisahkan dengan urusan akhirat, malah setiap urusan keduniaan mestilah bertujuan mencapai *mardhatilah* (keredaan Allah S.W.T) dan *al-falah* (kejayaan dunia dan akhirat). Seterusnya, beberapa sarjana yang lain membincangkan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam yang menjadi asas dan matlamat perakaunan Islam dengan konsep akauntabiliti dua lapisan iaitu manusia perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga akauntabiliti sesama umat manusia (Haniffa, Hudaib, & Mirza 2004; Mirza, 2012; Shahul, 2000).

Konsep perakaunan Islam juga lebih meluas dan tidak terhad kepada penyediaan maklumat kewangan kepada pengguna atau pihak berkepentingan, malah perakaunan harus berfungsi sebagai medium penzahiran akauntabiliti mengikut kehendak syariah (Abdul Rahman, 2010). Mirza (2012) pula menerangkan aspek etika yang mendasari perakaunan Islam adalah etika yang konsisten dengan syariah untuk membolehkan tujuan akauntabiliti terlaksana. Oleh itu, objektif utama perakaunan Islam adalah untuk mencapai maksud akauntabiliti Islam. Selain itu, Sulaiman (2005) memberi penekanan kepada beberapa aspek dalam perakaunan Islam iaitu kebenaran dan integriti, penyediaan maklumat yang telus tanpa unsur pemalsuan, dan juga konsep keadilan sosial iaitu peraturan atau konvensyen perakaunan Islam haruslah tidak memihak kepada satu kelompok khusus, sebaliknya perlu mengambil kira keperluan umat sejagat.

Abdul Rahman (2017) memberikan objektif perakaunan dan pelaporan kewangan dalam konteks Majlis Agama Islam adalah untuk memenuhi keperluan syariah dan memenuhi tiga tujuan. Pertama, perakaunan dan pelaporan membantu pengguna maklumat membuat pertimbangan dan keputusan yang berkaitan. Kedua, memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada semua pihak berkepentingan, dan ketiga, tujuan terunggulnya adalah untuk mencapai keredaan Allah S.W.T (*mardhatillah*). Konsep tuntutan akauntabiliti yang digarap dalam mendefinisikan objektif perakaunan tersebut adalah merujuk kepada dalil:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan

dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan". (Surah At-Taubah: 105)

Dalam konteks MAIN juga, pihak berkepentingan adalah dari kalangan pelbagai kelompok (contohnya pembayar zakat, penerima zakat, pewakaf, Sultan, Kerajaan Negeri, dan lain-lain) yang mempunyai keperluan dan kehendak maklumat yang pelbagai. Oleh itu, dimensi akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan kepada pihak berkepentingan (akauntabiliti sesama manusia) yang kritikal bagi institusi seperti MAIN menjadi faktor penting terhadap perlunya perakaunan Islam yang dapat memenuhi keperluan perakaunan dan pelaporan yang berlandaskan syariah (Shahul Hameed, 2000).

Walau bagaimanapun, seperti yang telah ditekankan pada awal perenggan yang membincangkan konsep perakaunan Islam ini, perakaunan Islam masih belum wujud sebagai satu konsep yang jelas dan tersendiri walaupun telah dibuktikan keperluan perakaunan yang berteraskan syariah yang berbeza dengan konsep perakaunan konvensional (Shahul Hameed, 2000; Sulaiman, 2005). Perbahasan pembentukan perakaunan Islam boleh dilihat dari konteks ‘Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari’ yang dibawa oleh sarjana Islam seperti Al-Attas (1978) dan Faruqi (1982). Menurut Hashim dan Rossidy (2000), konsep Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari seperti yang didefinisikan oleh Al-Attas adalah merujuk kepada proses pembebasan manusia dari taksiran ilmu pengetahuan berdasarkan ideologi sekular. Manakala, konsep Islamisasi yang dibawa oleh Faruqi adalah merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

Majid dan Haliding (2014) membahaskan tentang keperluan Islamisasi disiplin ilmu perakaunan disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah percanggahan objektif perakaunan konvensional dan perakaunan Islam dan ketidaksesuaian prinsip dan konvensyen perakaunan dalam mengakunkan transaksi yang bertepatan dengan syariah. Justeru, disiplin ilmu perakaunan konvensional sedia ada wajar dilihat semula dari perspektif syariah. Prinsip dan konvensyen perakaunan yang tidak bertentangan dengan keperluan syarak boleh diterima pakai, manakala prinsip yang bertentangan dengan syarak harus ditolak. Bagi perkara yang tiada nas atau dalil yang jelas seperti disiplin ilmu perakaunan, kedah fiqh boleh digunakan sebagai garis panduan dalam

merangka sesuatu polisi atau undang-undang. Hal ini kerana dalam perkara muamalat, satu kaedah fiqh yang diguna pakai ialah الإباحة الأشیاء فی الأصل yang bermaksud asal sesuatu perkara adalah harus sehingga wujud dalil yang mengharamkannya (Al-Bakri, 2010).

Pembentukan perakaunan Islam melalui pendekatan Islamisasi ini dilihat sebagai satu kaedah yang bersifat praktikal bagi menyelesaikan isu-isu kontemporari seperti keperluan kepada konsep perakaunan yang patuh syarak (Abdul Rahman, 2010; Majid dan Haliding, 2014). Hal ini diperkuatkan lagi dengan fakta bahawa institusi-institusi Islam seperti MAIN perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan yang pelbagai dan juga perlu menjalankan fungsi sebagai pemegang amanah selari dengan keperluan syarak. Walaupun terdapat kritikan terhadap kaedah Islamisasi ilmu pengetahuan dalam membina disiplin ilmu kontemporari seperti perakaunan Islam, kelebihan kaedah ini dilihat boleh menyumbang sebagai satu pendekatan yang praktikal dan sesuai digunakan sebagai langkah awal pembangunan disiplin ilmu (Ahmed, 2012). Namun, usaha untuk membangunkan kerangka kerja konseptual dan piawaian perakaunan Islam melalui pendekatan teori asas (*grounded theory*) dalam kerangka Islam amatlah perlu dipergiatkan bagi membolehkan pembentukan perakaunan Islam diperkuuh dan juga menjadi suatu mekanisme bagi menyemak dan mengimbangi proses pembentukan perakaunan Islam melalui pendekatan Islamisasi. Oleh itu, proses pembentukan perakaunan Islam akan sentiasa menjalani proses penambahbaikan dan dikembangkan dari semasa ke semasa sehingga suatu konsep yang benar-benar kukuh dapat ditegakkan.

### **3.4 Konsep hasil, belanja, liabiliti, dan ekuiti**

Bahagian ini akan membincangkan secara ringkas konsep-konsep hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dari perspektif konvensional dan juga perspektif Islam. Bahagian ini terdiri daripada beberapa sub-bahagian yang memberikan perbincangan secara fokus bagi setiap konsep tersebut.

### **3.4.1 Hasil**

Dari perspektif kerangka kerja perakaunan konvensional, istilah pendapatan dan hasil secara amnya merujuk kepada dua perkara yang berlainan tetapi saling berhubungan. Definisi pendapatan adalah merujuk kepada ‘peningkatan dalam manfaat ekonomi sepanjang tempoh perakaunan dalam bentuk aliran masuk atau penambahan aset atau pengurangan liabiliti yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan daripada penyumbang ekuiti’ (IPSASB, 2014). Pendapatan adalah terdiri daripada ‘hasil’ dan ‘laba (atau untung)’. Perbezaan antara hasil dan laba adalah hasil timbul disebabkan oleh aktiviti operasi biasa oleh entiti seperti jualan, yuran, dividen, dan royalti. Manakala istilah laba pula digunakan untuk merujuk kepada lain-lain pendapatan yang kebiasaannya timbul dari aktiviti selain dari aktiviti operasi biasa sesebuah entiti seperti laba yang timbul dari pelupusan aset tetap.

Definisi hasil dalam piawaian perakaunan akruan kerajaan Malaysia adalah merujuk kepada ‘aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan apabila aliran masuk tersebut menghasilkan peningkatan dalam aset bersih atau ekuiti, selain peningkatan berkaitan sumbangan daripada pemilik’ (Glosari Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan, 2014). Piawaian perakaunan kerajaan Malaysia yang dikenali sebagai Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) mengkelaskan hasil kepada dua kategori iaitu hasil daripada urus niaga pertukaran (MPSAS 9) dan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran (MPSAS 23).

Menurut MPSAS yang berkenaan, urus niaga pertukaran adalah urus niaga apabila suatu entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau melangsaikan liabilitinya, dan secara langsung memberikan nilai yang sama (terutamanya dalam bentuk tunai, barang, perkhidmatan, atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. Hasil yang termasuk dalam kategori hasil daripada urus niaga pertukaran ialah hasil daripada penyediaan perkhidmatan (seperti sewaan atau pajakan), jualan barang, faedah, royalti dan dividen. Urus niaga bukan pertukaran pula adalah selain daripada urus niaga pertukaran. Dalam urus niaga bukan pertukaran, suatu entiti sama ada menerima daripada atau memberi kepada entiti lain tanpa secara langsung memberi

atau menerima nilai yang hampir sama sebagai pertukaran. Antara contoh hasil daripada urus niaga bukan pertukaran ialah cukai dan pindahan (termasuk geran, pelepasan hutang, denda, pusaka, hadiah, derma, serta pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan). Walaupun kerajaan mungkin memperoleh hasil daripada dua kategori tersebut, namun majoriti hasil kerajaan adalah terdiri daripada hasil daripada transaksi bukan pertukaran. Konsep hasil daripada perspektif kerajaan ini mungkin juga boleh dikaitkan dalam memahami jenis hasil dan amalan pengiktirafan hasil bagi Institusi WZB di Malaysia. Hal ini kerana, MAIN sebagai institusi yang diberi mandat mentadbir harta wakaf, zakat dan baitulmal juga merupakan sebahagian dari komponen entiti kerajaan. Perenggan seterusnya membincangkan konsep hasil dalam konteks agama Islam yang menjadi fokus bagi kajian ini.

Dari perspektif Islam pula, definisi hasil yang ditemui lebih merujuk kepada definisi secara umum ataupun dengan memberi contoh-contoh hasil. Oleh itu, setakat tinjauan yang dilaksanakan, tiada definisi hasil secara operasi dalam konteks muamalat mahupun perakaunan secara khusus dari perspektif kerangka Islam. Contohnya, Gulaid (1995) membincangkan konsep hasil dalam Islam iaitu sumber hasil dapat dibahagikan kepada dua iaitu hasil daripada sumber tradisional seperti zakat, harta rampasan perang (*ghanimah*), *fai*, *kharaj*, *jizyah*, harta yang dijumpai (*luqatah*), wakaf dan hasil daripada sumber kontemporari seperti pembangunan hartanah, pelaburan dalam instrumen kewangan patuh syariah, fi dari pelbagai perkhidmatan seperti penyembelihan dan lain-lain. Manakala Hailani Muji Tahir (2007) pula membahagikan hasil agama yang merupakan hasil pendapatan baitulmal (baitulmal sebagai perpendaharaan Negara Islam) kepada dua kategori iaitu hasil khas dan hasil am. Hasil khas adalah hasil zakat termasuk zakat harta dan zakat fitrah kerana zakat perlu diurus dan ditadbir mengikut ketetapan syarak. Hasil am pula adalah hasil-hasil lain seperti *ghanimah*, *fai*, wakaf, pelbagai jenis cukai (*kharaj*, *jizyah*, *ushr*), harta pewarisan dan wasiat bahagian baitulmal, *luqatah*, dan lain-lain.

Berbeza dengan konsep baitulmal seperti yang dirujuk dari Hailani Muji Tahir (2007) iaitu baitulmal sebagai institusi perpendaharaan negara seperti yang dibincangkan di atas, baitulmal dari konteks Malaysia adalah merujuk kepada hasil agama Islam selain daripada wakaf dan zakat (Maliah et al., 2016). Oleh itu, hasil agama yang ditadbir dan diurus oleh MAIN secara umumnya dikelaskan kepada tiga kumpulan sumber

iaitu sumber zakat, wakaf dan baitulmal. Justeru, bagi tujuan keselarian dengan konteks kajian yang fokus kepada konteks Institusi WZB, perbincangan ringkas berkaitan hasil agama dalam perenggan-perenggan seterusnya akan dibahagikan kepada tiga iaitu hasil zakat, wakaf dan baitulmal.

### *Zakat*

Zakat secara umumnya merupakan hasil yang dikutip dari umat Islam yang bermampuan dari segi kekayaan dan merupakan tuntutan wajib dalam Islam berdasarkan dalil:

“Ambillah (sebahagian) dari harta-harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya tengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”  
(at-Taubah, 9: 103).

Hasil zakat pula seterusnya diagihkan kepada lapan golongan penerima (asnaf) yang telah ditentukan secara jelas dalam Al-Quran iaitu golongan fakir, miskin, amil, mualaf, hamba (*riqab*), orang berhutang (*gharimin*), untuk dibelanjakan di jalan Allah (*fisabilillah*), dan orang bermusafir dalam perjalanan (*ibnu sabil*) (Surah at-Taubah, 9:60). Oleh hal yang demikian, hasil zakat merupakan hasil yang mempunyai tujuan khusus seperti yang dikehendaki oleh syarak berbanding harta lain dan diurus secara berasingan dari harta yang lain (Qaradawi, 2011). Sehingga kini, zakat merupakan sumber hasil utama bagi umat Islam (Khairul Azhar, 2017).

Dari segi pengurusan zakat, ia bergantung kepada struktur pentadbiran institusi Agama Islam di setiap negeri. Bagi sesetengah negeri, pengurusan zakat dilaksanakan MAIN (seperti di Johor), manakala bagi sesetengah negeri yang lain, ia dilaksanakan oleh agensi di bawah MAIN seperti Lembaga Zakat atau Pusat Zakat (seperti di Selangor dan di Sabah). Bagi situasi yang kedua ini, perakaunan dan pelaporan zakat akan dilaksanakan oleh agensi berkenaan dan diakhiri tahun kewangan pelaporannya akan disatukan dengan MAIN.

## *Wakaf*

Bagi wakaf pula, tinjauan sejarah membuktikan bahawa wakaf telah wujud bermula zaman Rasulullah S.A.W berdasarkan hadis:

“Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekaan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. “(Hadis Riwayat Imam Muslim).

Hadis di atas memberikan dalil kepada pensyariatan wakaf serta menjelaskan beberapa ciri dan konsep wakaf iaitu ‘ain wakaf perlu dikekalkan, dan hasil wakaf boleh digunakan untuk tujuan sedekah dan juga diambil oleh pentadbir wakaf dengan sewajarnya. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat sedikit kelenturan dalam pengurusan hasil wakaf yang membenarkan pentadbir menggunakan budi bicara dalam menguruskan hasil wakaf berbanding hasil zakat.

Menurut Omar, Abu Bakar, Shuib dan Jusoh (2016), majoriti harta wakaf semasa pemerintahan kerajaan Uthmani dan Sultan Muhammad ‘Ali Basya adalah tertumpu kepada tanah wakaf pertanian dan wakaf bangunan bagi tujuan sosial seperti perpustakaan, masjid dan sekolah. Pembangunan wakaf era kontemporari menunjukkan pelbagai inovasi dalam wakaf dimana wakaf tidak hanya tertumpu kepada wakaf khas bagi tujuan pembinaan masjid dan sekolah semata-mata.

Wakaf masa kini berkembang mencakupi pelbagai sektor termasuk kesihatan, pendidikan, pertanian, dan juga pembangunan harta tanah dengan pelbagai bentuk-bentuk wakaf termasuk kutipan wakaf tunai (atau disebut saham wakaf), wakaf ilmu, dan wakaf korporat (wakaf saham) (Ainul Kauthar et al., 2016).

Dalam konteks pengurusan wakaf di Malaysia, seperti zakat ia dilaksanakan sama ada oleh MAIN sendiri atau agensi di bawah MAIN iaitu Perbadanan Wakaf (seperti di Selangor dan Negeri Sembilan). Seperti zakat juga, jika wakaf diuruskan oleh agensi di bawah MAIN, perakaunan dan pelaporan wakaf juga akan dilaksanakan oleh agensi tersebut dan pelaporan akan disatukan dengan MAIN pada akhir tahun kewangan.

### *Baitulmal*

Seperti yang telah disebut dalam perenggan-perenggan sebelum ini, konsep baitulmal di Malaysia adalah sedikit berbeza dengan konsep baitulmal yang difahami secara tradisional berdasarkan sejarah pentadbiran Negara Islam. Hasil baitulmal di MAIN adalah hasil-hasil agama atau hasil umum yang diterima selain dari zakat dan wakaf. Antara hasil-hasil baitulmal adalah hasil *fai*, *ghanimah*, *kharaj*, *jizyah*, harta yang dijumpai (*luqatah*), *rikaz*, harta pesaka bahagian baitulmal, sedekah, dan lain-lain (Sesetengah hasil baitulmal yang disebut mungkin tidak revelan dalam konteks negara Malaysia masa kini seperti *fai*, *ghanimah*, *kharaj*, *jizyah* disebabkan Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan dan ekonomi konvensional yang mengasingkan fungsi pentadbiran awam dan pentadbiran agama Islam). Berbanding zakat dan juga wakaf, pengurusan hasil atau harta am baitulmal ini boleh diurus dan ditadbir secara bebas untuk tujuan kemaslahatan ummah oleh pentadbirnya (Hailani Muji Tahir, 2007).

Bagi pengurusan sumber hasil baitulmal di Malaysia, boleh dikatakan hampir semua negeri ia dilaksanakan oleh MAIN kecuali bagi sebahagian kecil negeri (seperti di Sabah), ia dikendalikan oleh agensi khusus (seperti Perbadanan Baitulmal di Sabah). Sebagai agensi khusus yang ditubuhkan secara berasingan (iaitu sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Badan Berkanun),

Perbadanan Baitulmal Sabah mengakaun dan melaporkan sumber baitulmal secara tersendiri selaras dengan penubuhan Perbadanan Baitulmal Sabah sebagai sebuah entiti badan berkanun yang berasingan. Ini bermakna perakaunan dan pelaporan sumber baitulmal oleh Perbadanan Baitulmal Sabah tidak disatukan dengan Majlis Ugama Islam Sabah.

### **3.4.2 Belanja**

Sub-syeksyen ini digarap untuk mengulas elemen atau konsep dalam perakaunan berhubung ‘belanja’. Dari perspektif kerangka kerja perakaunan konvensional, istilah belanja adalah merujuk kepada ‘penurunan dalam nilai aset bersih entiti, selain yang berkaitan dengan pengurangan akibat dari pengagihan kepada penyumbang ekuiti’ (IPSASB, 2014). Definisi umum belanja yang dibincangkan dalam kerangka kerja konseptual bagi entiti berteraskan keuntungan (seperti MPERS dan MFRS) juga merangkumi ‘kerugian’ yang timbul disebabkan oleh aktiviti operasi biasa oleh entiti seperti kos barang dijual, belanja gaji, dan juga susutnilai. Belanja-belanja ini melibatkan pengaliran keluar tunai dan kesetaraan tunai ataupun penyusutan nilai (kelusuhan) bagi inventori, harta tanah, loji dan peralatan akibat penggunaan bagi tujuan operasi perniagaan. Selain itu, elemen belanja juga termasuk ‘kerugian’ yang timbul akibat dari peristiwa diluar perjalanan aktiviti operasi entiti seperti kerugian dari bencana alam serta kerugian yang timbul dari pelupusan aset bukan semasa entiti. Belanja-belanja tersebut dilaporkan dalam penyata pendapatan atau penyata prestasi dengan menepati prinsip pemadanan (konsep asas perakaunan yang memadankan hasil dan belanja iaitu belanja sebagai usaha yang dikorbankan dalam menjana hasil).

Kerangka kerja konseptual perakaunan seperti IPSASB 2014 yang dibangunkan berteraskan konteks sektor awam selanjutnya memberi klasifikasi kepada pertukaran dan bukan pertukaran (sama seperti konsep hasil walaupun klasifikasi tersebut tidak terlalu signifikan bagi aspek belanja berbanding hasil. Seterusnya, selari dengan konteks sektor awam yang memberi pengiktirafan terhadap elemen ‘potensi perkhidmatan’ selain dari manfaat ekonomi, definisi belanja juga merangkumi situasi ‘kerugian’ yang timbul akibat dari pengurangan ataupun hakisan bagi potensi perkhidmatan yang boleh dijana dari sumber-sumber entiti.

Seterusnya, tinjauan ke atas perbincangan aspek belanja dalam perspektif Islam tidak ditemukan secara khusus berdasarkan kajian empirikal, malah hampir tiada kajian-kajian yang memberi fokus secara terperinci ke atas aspek tersebut. Antara isu berkaitan belanja yang ditemui dalam perbincangan secara umum tentang perakaunan bagi Institusi Islam seperti zakat adalah persoalan mengenai kesesuaian pengiktirafan agihan zakat sebagai ‘belanja’ bagi entiti (Maliah et al., 2016). Maka, kajian ini amat berperanan dalam memperhalusi dan memperjelas konsep belanja dari perspektif perakaunan Islam khususnya bagi konteks Institusi WZB.

### **3.4.2 Liabiliti**

Sub-syeksyen ini akan memberikan perbincangan ringkas berhubung elemen atau konsep liabiliti. Dari perspektif kerangka kerja perakaunan konvensional sektor awam (IPSASB, 2014), liabiliti merupakan ‘obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber dari entiti’. Perbincangan berkaitan elemen liabiliti juga merangkum beberapa ciri seperti kewujudan obligasi semasa, penyelesaian yang menyebabkan aliran keluar sumber dari entiti serta timbul dari peristiwa lepas.

Tinjauan kajian literatur berhubung aspek liabiliti dalam perspektif Islam khususnya pemakaianya dalam konteks bidang perakaunan adalah jelas terhad sama seperti aspek-aspek pengoperasian elemen perakaunan yang lain seperti hasil dan belanja. Terma liabiliti yang dirujuk dan dibahaskan oleh *fuqaha* lebih memberi fokus kepada konteks perundangan (walaupun dilihat boleh diperhalusi untuk disesuaikan dalam konteks ilmu perakaunan) iaitu istilah ‘*damam*’ yang diterjemahkan sebagai tanggungjawab untuk membayar ganti rugi kewangan kesan dari kemudharatan (ke atas manusia dan harta benda) yang ditimbulkan kepada pihak lain (Wahbah al-Zuhaili, 2005).

### **3.4.2 Ekuiti**

Sub-syeksyen ini akan memberikan perbincangan ringkas berhubung elemen atau konsep ekuiti. Secara umumnya, elemen ekuiti didefinisikan sebagai residual atau perbezaan antara aset dan liabiliti dalam kerangka kerja konseptual perakaunan sektor

awam (IPSASB 2014) dan juga bagi entiti swasta (seperti MPERS/MFRS). Kerangka kerja konseptual perakaunan swasta selanjutnya memperjelaskan elemen-elemen dibawah klasifikasi ekuiti yang meliputi modal pemilik, pendapatan tertahan, dan juga rezab. Bagi konteks sektor awam, terma ‘aset bersih’ digunakan dalam kerangka kerja konseptual perakaunan bagi mewakili ‘ekuiti’ bersesuaian dengan sifat entiti sektor awam yang kebiasaannya tidak diwakili atau tiada pemilikan langsung seperti dalam sektor swasta.

Tinjauan ke atas piawaian perakaunan ataupun garis panduan perakaunan dan pelaporan bagi institusi berteraskan kebajikan seperti *The Statement of Recommended Practice (SORP)* mendapati penggunaan perakaunan dana merupakan asas kepada perakaunan dan pelaporan kewangan. Penggunaan perakaunan dana tidak lagi asing kerana telah lama dipraktikkan dalam perakaunan kerajaan di Malaysia semasa penggunaan asas tunai diubahsuai, justeru tidak perlu dibincangkan dengan mendalam. Namun, perbahasan mengenai perakaunan dana yang ditemukan dalam SORP yang menarik untuk diketengahkan adalah konsep pengasingan antara dana terhad dan juga dana tidak terhad (dikenal juga dengan ekuiti terhad dan ekuiti tidak terhad). Pengasingan antara dana terhad dan tidak terhad adalah bagi tujuan mengekalkan dan mengkomunikasikan akauntabiliti ke atas dua jenis sumber dana berdasarkan tahap keterbatasan dalam penggunaan dana. Dana terhad adalah merujuk kepada kumpulan dana yang tidak boleh digunakan kerana telah ditetapkan bagi tujuan tertentu. Manakala, dana tidak terhad merupakan kumpulan dana yang boleh digunakan oleh entiti mengikut keperluan kerana sifat dana tersebut adalah bertujuan umum. Konsep ini dilihat agak selari dengan konsep perakaunan bagi wakaf dimana wujudnya jenis wakaf khas dan wakaf am dan perlu diperhalusi bagi tujuan pembangunan kerangka kerja perakaunan dan pelaporan bagi Institusi WZB.

Konsep ekuiti dari perspektif Islam pula boleh dikaitkan dengan konsep pemilikan (*milkiyyah*) walaupun konsep pemilikan menurut perspektif Islam tersebut tidak secara langsung merujuk kepada konsep ‘ekuiti’ dalam perakaunan. Perbahasan pemilikan dari perspektif Islam mungkin selanjutnya dapat diperhalusi untuk dikaitkan dengan konsep ekuiti dalam perakaunan bagi tujuan pembentukan piawaian dan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam. Justeru, perbincangan ringkas berikut memberikan penerangan ringkas mengenai konsep

pemilikan dalam Islam yang dirujuk melalui artikel oleh Nik Abdul Rahim et al. (2016). Dalam artikel tersebut, menurut sarjana Islam Mazhab Hanafi, antaranya Ibn Nujaim (1999), pemilikan adalah ‘kemampuan asal yang ditetapkan oleh syarak bagi mengendalikan sesuatu harta melainkan jika terdapat halangan’.

Manakala sarjana Islam Mazhab Maliki iaitu al-Qarafi (2003) memberikan takrifan pemilikan sebagai ‘hukum syarak (mengikut perundangan yang sah) ditetapkan terhadap fizikal harta ataupun manfaat harta yang membolehkan seseorang untuk mengambil faedah daripada harta yang dimiliki dan menerima pampasan daripadanya’.

Seterusnya, sarjana Islam Mazhab Syafi’e iaitu al-Suyuti (1983) memberikan definisi pemilikan yang hampir serupa dengan al-Qarafi iaitu ‘hukum syarak (mengikut perundangan yang sah) yang ditetapkan terhadap fizikal harta ataupun manfaat yang diberikan kepada seseorang supaya beliau dapat mengambil faedah dan menerima pampasan daripadanya’.

Dan akhir sekali, menurut sarjana Islam Mazhab Hanbali iaitu Ibn Taimiyyah (2005), definisi pemilikan adalah ‘keupayaan yang sah untuk mengendalikan sesuatu harta’. Justeru, berdasarkan definisi atau takrifan yang diberikan oleh para sarjana Islam dari pelbagai mazhab tersebut, dapat dilihat beberapa ciri yang memberikan maksud kepada pemilikan iaitu ciri hubungan sah mengikut perundangan, hubungan antara manusia dan harta, keupayaan untuk mendapatkan manfaat atau faedah dari harta yang dimiliki, dan juga keterbatasan yang wujud dari mendapatkan manfaat atau faedah dari harta yang dimiliki. Justeru, konsep dan ciri pemilikan dari perspektif Islam ini boleh diambil kira dalam mendefinisikan ataupun memperhalusi definisi ekuiti dalam perakaunan konvensional sedia ada agar dapat diterima pakai dalam konteks perakaunan dan pelaporan kewangan Islam.

### **3.5 Konsep dan amalan perakaunan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti wakaf, zakat dan baitulmal: Tinjauan dari kajian Empirikal**

Aspek pengurusan harta agama Islam oleh Institusi yang diberi amanah merupakan faktor penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam khususnya dan negara

secara amnya. Dalam konteks Malaysia, pentadbiran harta termasuk hasil berkaitan agama Islam diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan dan pentadbiran tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi yang diberi mandat oleh MAIN.

Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan:

“(3) Jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-undang persekutuan apa-apa Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

Pengasingan pengurusan wang berkaitan agama Islam termasuk hasil yang ditadbirkan Institusi WZB yang tidak diiktiraf sebagai wang awam adalah jelas seperti yang termaktub dalam Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Definisi Wang Awam, Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957:

“Semua hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang dan semua bon-bon, debentur dan lain-lain jaminan yang diperolehi atau didapati tetapi tidak termasuk Zakat, Fitrah, Baitul-Mal atau lain-lain hasil Agama Islam.”

Oleh itu, Institusi WZB sebagai institusi yang diberi amanah menguruskan wang dan harta umat Islam memainkan peranan yang penting bagi memenuhi dan memelihara kepentingan umat Islam dan juga masyarakat awam amnya. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kewangan umat Islam, serta pemodenan tadbir urus Institusi WZB, pengurusan hasil agama Islam pada masa kini dilihat lebih kompleks dan memerlukan kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan bagi menjamin kelestarian sosioekonomi umat Islam. Peningkatan jumlah hasil agama, terutama hasil zakat yang diurus tahun ke tahun ditambah dengan jenis kutipan hasil yang pelbagai

menjadikan aspek pengurusan hasil oleh Institusi WZB termasuk MAIN lebih kritikal (Khairul Azhar, 2017). Secara spesifik, tatacara perakaunan dan pelaporan hasil yang sistematik dan telus amat diperlukan bagi membolehkan Institusi WZB menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan (Hailani Muji Tahir & Ahmad, 2009).

Sungguhpun akauntabiliti yang tinggi Institusi WZB dituntut oleh pihak berkepentingannya, kajian lepas melaporkan bahawa wujudnya ketidakseragaman dan kelemahan amalan perakaunan dan pengurusan di kalangan MAIN di Malaysia (Abdul Rahman & Goddard, 1998). Hal ini disebabkan oleh ketiadaan piawaian khusus yang sesuai untuk digunakan oleh institusi yang mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengakaunkan dan melaporkan harta termasuk hasil agama Islam yang diuruskan (Ihsan et al., 2017). Tambahan pula, pemakaian piawaian konvensional sedia ada adalah tidak sesuai disebabkan teras operasi Institusi WZB adalah unik dan berbeza berbanding entiti yang bermotifkan untung mahupun entiti awam yang lain (Nahar & Yaacob, 2011; Yaacob, Petra & Sumardi, 2015; Azmi & Haniffa, 2015). Oleh itu, keunikan Institusi WZB yang beroperasi dalam ruang lingkup yang berlandaskan ketetapan syarak menuntut suatu tatacara dan sistem perakaunan yang sesuai agar catatan urusniaga dan aktiviti institusi dapat diakaunkan dan dizahirkan selari dengan roh Islam yang mendasari operasi institusi tersebut.

Sistem perakaunan dan pelaporan yang telus merupakan salah satu medium penting bagi menzahirkan akauntabiliti sesebuah institusi (Connollay & Hyndman, 2013), termasuk institusi berlandaskan Agama Islam. Malahan bagi institusi berlandaskan Agama Islam ini, tuntutan akauntabiliti adalah lebih holistik meliputi tuntutan akauntabiliti kepada Allah dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat terutamanya umat Islam. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas melaporkan amalan perakaunan dan pelaporan di kalangan Institusi WZB termasuk MAIN adalah tidak seragam dan hal ini menimbulkan persoalan tentang isu ketelusan dan akauntabiliti yang dipamerkan oleh institusi berkenaan sebagai institusi yang diberi amanah mengurus harta umat Islam (Hasan Basri & Siti Nabiha, 2010). Ketidakyakinan segelintir orang awam dibuktikan dengan wujudnya isu seperti pembayar zakat yang enggan membayar zakat melalui institusi zakat kerana tidak yakin bagaimana kutipan dan agihan diuruskan oleh institusi berkenaan (Hairunnizam & Sanep, 2014; Azman et al., 2012). Sebaliknya, apa yang sebenarnya diperlukan adalah tatacara perakaunan

yang seragam serta pelaporan yang menyediakan maklumat yang lengkap, telus dan boleh dipercayai bagi membolehkan institusi yang mengurus wakaf, zakat dan baitulmal ini terus mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat (Md Salleh et al., 2016).

Walaupun amalan perakaunan di institusi yang mengurus hasil agama Islam seperti Baitulmal jelas telah lama wujud (Ahmad Zamri et al., 2017), kajian isu-isu dan amalan perakaunan di Institusi WZB adalah masih kurang terutamanya dalam konteks amalan di Malaysia (Maliah et al., 2016). Antara kajian awal yang telah dijalankan bagi memahami amalan perakaunan di Institusi WZB adalah kajian Abdul Rahman dan Goddard (1998) yang telah menjalankan kajian secara interpretif bagi memahami amalan perakaunan di dua MAIN di Malaysia. Dapatan kajian mereka melaporkan kewujudan isu-isu perakaunan yang kritikal seperti ketiadaan sistem perakaunan yang lengkap dan sistematik dan seterusnya menyumbang kepada kurangnya tahap akauntabiliti di kalangan MAIN yang dikaji.

Kajian-kajian lain berhubung amalan perakaunan dan pelaporan Institusi WZB kebanyakannya memberi fokus kepada aspek tertentu seperti kajian berkenaan pelaporan wakaf di kalangan Institusi WZB. Contohnya, Siti Rokyah (2005) mengkaji amalan pendedahan berhubung wakaf di kalangan 14 MAIN di Malaysia. Beliau mendapati beberapa isu ketelusan seperti tahap pendedahan yang rendah dan ketiadaan laporan kewangan yang terkini. Kajian yang lebih terkini, Mustaffha dan Zainal (2016) yang menjalankan analisis kandungan penyata kewangan terhadap sebuah MAIN di Malaysia juga mendapati tahap pendedahan maklumat wakaf adalah terhad. Selain itu, Azmi dan Haniffa (2015) dalam kajian mereka yang membandingkan amalan pelaporan perakaunan di dua institusi wakaf di Malaysia dan Singapura memberikan bukti bahawa pemakaian piawaian perakaunan konvensional yang berasaskan organisasi bukan untung tidak sesuai kerana gagal memenuhi keperluan pendedahan bagi isu-isu unik berhubung wakaf seperti istibdal.

Kajian-kajian lepas berhubung zakat pula lebih tertumpu kepada aspek pengurusan kutipan agihan zakat (Hairunnizam & Sanep, 2014; Zainal Abidin, 2006; Halidan 2006). Selain itu, Hairunnizam dan Radiah (2010) pula melaporkan pendedahan maklumat agihan zakat yang rendah boleh menjelaskan keyakinan pihak berkepentingan. Aspek perakaunan dan pelaporan Institusi zakat amat kurang dikaji

sehingga kini. Antara isu-isu kritikal berhubung perakaunan dan pelaporan zakat yang perlu dikaji secara mendalam seperti yang diketengahkan oleh Sulaiman et al. (2016) adalah kesesuaian penggunaan terma hasil bagi merujuk kepada kutipan zakat oleh Institusi WZB seperti yang diamalkan sehingga kini dan isu pelaporan lebihan kutipan zakat yang tidak diagihkan pada akhir tempoh perakaunan yang boleh menimbulkan salah faham di kalangan pengguna penyata kewangan.

Setakat ini, kajian empirikal yang secara khusus mengkaji olahan perakaunan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dalam konteks wakaf, zakat dan baitulmal amat kurang dan boleh dikatakan hampir belum wujud. Aspek yang bersifat teknikal ini dilihat sebagai suatu yang boleh dikategorikan sebagai ‘*grey area*’ dalam bidang perakaunan Islam yang perlu diterokai dengan mendalam disebabkan kurangnya kajian-kajian teknikal yang meneliti pengolahan perakaunan bagi transaksi hasil-hasil agama yang perlu selari dengan ketetapan syarak dan dapat membantu dari segi pencapaian akauntabiliti entiti yang menjalankan amanah dalam mengurus harta umat Islam. Justeru, kajian yang melihat secara khusus aspek perakaunan dan pelaporan Institusi WZB sangat penting untuk dilaksanakan bagi memberi kefahaman dan menjadi input dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam yang seragam dan seterusnya dapat membantu Institusi WZB melaksanakan dan menzahirkan akauntabiliti mereka dengan lebih berkesan.

### **3.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, kupasan dalam bab kajian literatur ini telah menemukan beberapa isu perakaunan dan pelaporan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi institusi yang mentadbir WZB. Kupasan dari sudut sumber hukum syariah iaitu sumber hukum utama dan beberapa sumber hukum yang lain serta kaedah-kaedah fiqh yang relevan, telah memberikan ruang panduan untuk dijadikan rujukan dalam membentuk piawaian perakaunan Islam. Seterusnya, sedikit perbincangan konsep perakaunan Islam dan kaedah Islamisasi juga boleh menjadi pemandu kepada pembentukan polisi dan piawaian agar piawaian yang dibangunkan dapat mencapai tujuan seperti yang dikehendaki syarak. Akhir sekali, kupasan konsep hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dalam konteks WZB dan amalan perakaunan berdasarkan kajian yang lepas menunjukkan wujudnya keperluan yang mendesak untuk membina suatu piawaian

yang boleh mengakaunkan dan melaporkan aset-aset unik tersebut selaras dengan roh syariah Islamiah dan seterusnya membantu Institusi WZB meningkatkan akauntabilitinya.

# **BAB EMPAT**

## **KAEDAH PENYELIDIKAN**

### **4.1 Pengenalan**

Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan pendekatan kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data dalam proses menjawab objektif kajian pertama hingga ke empat. Perbincangan bermula dengan penerangan tentang pelaksanaan dan lokasi kajian, diikuti dengan penerangan pendekatan kualitatif yang digunakan. Seterusnya penerangan kaedah pengumpulan data yang disertakan dengan perbincangan mengenai proses pengumpulan data. Akhir sekali, kaedah analisis yang digunakan dibincangkan dan disudahi dengan kesimpulan.

### **4.2 Pelaksanaan dan Lokasi Kajian**

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Pelaksanaan kajian Fasa Ketiga ini adalah merupakan kesinambungan kajian dari Fasa Pertama dan Kedua yang telah selesai dilaksanakan iaitu siri kajian yang dijalankan bagi membolehkan piawaian perakaunan Islam dan kerangka kerja konseptual bagi Institusi WZB dibangunkan. Justeru, kerjasama dari pihak MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya selaku sampel utama kajian diteruskan bagi fasa ini.

Kajian ini melibatkan lima (5) MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya sebagai sampel kajian seperti yang telah diamanahkan kepada kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Kesemua MAIN ini juga disebut sebagai MAIN Zon 1 dan terma ‘MAIN Zon 1’ akan digunakan bagi merujuk kesemua MAIN yang dikaji untuk tujuan perbincangan selanjutnya. Walau bagaimanapun, bagi memperkuatkan kefahaman berhubung

amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi WZB yang dikaji, penyelidik juga membuat rujukan silang dengan menemubual pegawai-pegawai perakaunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mendapatkan maklumat berhubung amalan-amalan perakaunan yang unik yang terdapat di MAIWP bagi menambah kefahaman bagi mendalami isu-isu amalan perakaunan yang ditemui di kalangan MAIN. Namun demikian, ianya adalah sebagai satu inisiatif penyelidik untuk mendapatkan kefahaman tambahan dan laporan ini sama sekali tidak akan menyentuh secara langsung tentang aspek amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIWP kerana diluar skop lokasi kajian.

Seterusnya, seperti mana fasa pertama dan kedua, kajian pada fasa ketiga ini mengambil pendekatan kualitatif bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Pendekatan kualitatif masih digunakan dalam fasa ini untuk mengungkap dan memahami fenomena yang ingin dikaji dengan memfokus kepada satu isu iaitu perakaunan dan pelaporan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi WZB. Perenggan seterusnya akan menjelaskan pendekatan kualitatif yang digunakan.

### **4.3 Pendekatan Kualitatif**

Menurut Creswell (2007), kajian kualitatif merupakan satu pendekatan kajian yang bertujuan mengungkap fakta untuk memahami sesuatu fenomena secara induktif. Pendekatan ini sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang bersifat subjektif seperti apa, bagaimana, dan kenapa yang mana ia cuba difahami dalam fenomena asalnya (*natural setting*) dan penelitian yang bersifat induktif. Oleh itu, bersesuaian dengan permasalah kajian yang ingin diselesaikan serta persoalan kajian yang ingin dijawab, tafsiran dan olahan data menggunakan kaedah induktif dilihat mampu memberi kekayaan maklumat yang diperlukan.

Selain itu, kajian yang dijalankan juga menjurus kepada penelitian eksploratori (*exploratory research*) memandangkan pemasalahan kajian ini merupakan pemasalahan baru yang perlu diselesaikan serta kekurangan maklumat yang lengkap yang boleh digunakan untuk membuat sebarang andaian awal. Justeru, para penyelidik perlu menjalankan penyelidikan secara interaktif, membuat penelitian yang lentur dan

terbuka untuk memperolehi dapatan induktif. Pendekatan kualitatif juga menitik beratkan perincian kontekstual dan mementingkan pandangan responden untuk dikembangkan. Oleh itu, pendekatan kualitatif seperti yang telah diterangkan jelas sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

#### **4.3.1 Pendekatan Islamisasi Ilmu Pengetahuan**

Bagi mencapai objektif kajian kedua iaitu berkaitan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB dan objektif keempat berkaitan cadangan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB, penyelidik menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan perakaunan sebagai asas dalam membuat analisis dan memberikan cadangan untuk mencapai objektif kajian yang berkenaan. Pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan telah dibincangkan secara ringkas dalam bab kajian literatur (rujuk Bab 3 Sub-topik 3.3) dan pendekatan ini dipilih oleh penyelidik atas faktor praktikaliti dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam untuk institusi berciri unik seperti MAIN yang masih belum wujud sehingga kini (Majid & Haliding, 2014).

Dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan semasa terutamanya dalam mengaplikasikan ilmu berkaitan perakaunan dan perundangan (*ilmu fard kifayah*) dalam membangunkan olahan perakaunan yang boleh digunakan dengan berkesan oleh pihak Institusi WZB, sandaran rujukan kepada korpus ilmu juga amat diperlukan selagi mana ia mengikut syarak. Pendekatan Islamisasi atau akomodatif-modifikasi & elektisme-metodologik diperlukan untuk meneliti dan membuat pengubahsuaian dalam memberikan takrifan kepada konsep-konsep hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti menurut ilmu perakaunan semasa. Kaedah akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran pengkaji bukan-Islam manakala kaedah elektisme-metodologik adalah merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, yang memilih-milih apa yang dirasakan baik daripada pelbagai sumber dan menggunakan secara kolektif (Muhammad Syukri, 2014; h.6-7). Namun begitu kaedah Islamisasi ini perlu dilakukan dengan berhati-hati (*ikhtiyat*) mengikut keperluan, urutan dan keutamaan ilmu iaitu (1) *aqidah* iaitu keyakinan yang tidak berbelah bahagi kepada sistem ilahi; (2) *naqliyah* iaitu sesuatu perkara yang berdasarkan dalil; dan (3) ‘*aqliyah* iaitu kebijakan akal untuk merungkai masalah

(Hailani Muji Tahir, 2016; h. 23) dan perlu dimulakan dengan *tasawwur* Islam yang jelas seperti dinukilkkan oleh Muhammad Syukri (2014).

Penyelidik mengambil pendekatan mengadaptasi Kerangka Kerja Konseptual untuk sektor awam (yang dikeluarkan oleh IPSASB pada 2014) dan piawaian perakaunan sedia ada yang berasaskan konvensional (seperti MPSAS, MPERS, PERS, SORP), dan juga konvensyen atau piawaian yang patuh syariah (seperti MASB SOPi, AAOIFI, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR, amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN) sebagai asas kajian, dan seterusnya disesuaikan dengan keperluan syariah dan kaedah fiqh yang bersesuaian. Prinsip, konvensyen, atau kaedah tersebut dikaji dan diperhalusi dan mana-mana item yang bertentangan dengan hukum syarak atau kaedah fiqh serta yang tidak relevan dengan Institusi WZB akan dicadangkan untuk dikeluarkan. Manakala, jika item yang terdapat dalam sistem perakaunan sedia ada tidak bercanggah dengan keperluan syarak ianya akan dicadangkan untuk dikekalkan dan terdapat juga item yang memerlukan pengubahsuaian bagi menepati keperluan syarak. Seterusnya, item-item yang menjadi tuntutan syarak yang tidak terdapat dalam perakaunan sedia ada akan dicadangkan untuk ditambah.

#### **4.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data kajian ini dirangka dan dilaksanakan agar bersesuaian dengan keperluan setiap objektif kajian. Justeru, perbincangan kaedah pengumpulan data akan dibuat mengikut objektif kajian. Maklumat perincian kerja lapangan yang dijalankan seperti tarikh kutipan data, tempoh masa kutipan data dilaksanakan, dan lokasi-lokasi yang berkenaan dilampirkan dalam Lampiran 1.

##### **4.4.1 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Pertama**

Objektif kajian pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN. Bagi mencapai objektif ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) dan juga semakan

dokumen (*document reviews*). Menurut Jasmi (2012), kaedah perbincangan kumpulan fokus dijalankan dengan memilih sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk berbincang dan berkongsi dengan mendalam tentang sesuatu isu atau topik. Segala respon dari individu yang terlibat dalam kaedah ini merupakan input penting dan kaedah ini sesuai dilaksanakan bagi penyelidikan yang memerlukan kefahaman mendalam tentang sesuatu fenomena. Melalui kaedah ini, permasalahan yang ingin dikaji perlu dikenalpasti dan didefinisikan, iaitu amalan semasa perakaunan dan pelaporan berhubung hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi WZB.

Penyelidik diamanahkan dalam fasa kajian yang ketiga ini untuk mengkaji 10 piawaian berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan instrumen kewangan. Piawaian-piawaian yang dikaji dalam fasa ini dikelaskan dan dibincangkan mengikut tema atau aspek seperti dalam jadual 4.1 di bawah:

**Jadual 4.1: Piawaian MPSAS mengikut tema**

Aspek	Piawaian
Hasil	(1) MPSAS 9: Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
	(2) MPSAS 23: Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
	(3) MPSAS 11: Kontrak Pembinaan
Belanja	(4) MPSAS 5: Kos Pinjaman
Liabiliti/ Ekuiti	(5) MPSAS 4: Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
	(6) MPSAS 19: Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka
	(7) MPSAS 25: Manfaat Pekerjaan
	(8) MPSAS 28: Instrumen Kewangan: Pembentangan
	(9) MPSAS 29: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran
	(10) MPSAS 30: Instrumen Kewangan: Pendedahan

Bagi kesemua 10 aspek piawaian yang dikaji, penyelidik menggali maklumat secara mendalam tentang amalan termasuk jenis-jenis hasil, belanja dan liabiliti serta isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berhubung aspek-aspek tersebut yang diamalkan di MAIN di Zon 1. Peserta dalam perbincangan kumpulan fokus terdiri daripada semua pegawai perakaunan utama MAIN, pegawai perakaunan yang menguruskan hal-ehwal wakaf, zakat, dan baitulmal, pegawai perakaunan entiti

berkenaan di bawah MAIN, pegawai perundangan MAIN dan negeri, Mufti atau wakil dari pejabat Mufti dan juga ahli jawatan kuasa fatwa MAIN.

Sebelum memulakan sesi perbincangan kumpulan fokus, kumpulan penyelidik membuat semakan dokumen ke atas pernyataan kewangan MAIN yang terlibat bagi tahun kewangan berakhir 2016 (tahun kewangan terakhir yang boleh didapati semasa tarikh kutipan data) dan mengkaji piawaian MPSAS (piawaian yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini), The Statement of Recommended Practice (SORP) dan MPERS yang berkaitan. Seterusnya, berdasarkan analisis kandungan laporan kewangan berkenaan dan piawaian perakaunan, kumpulan penyelidik mengadakan beberapa sesi perbincangan untuk memahami amalan perakaunan berdasarkan analisis pelaporan kewangan MAIN dan juga piawaian perakaunan sedia ada berkaitan aspek yang dikaji. Kemudian, kumpulan penyelidik menyediakan suatu panduan pertanyaan yang tidaklah bersifat terstruktur tetapi lebih kepada ringkasan aspek-aspek yang hendak digali dari responden semasa sesi perbincangan. Setiap sesi perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan dimulai dengan mukadimah dan kata-kata aluan ketua penyelidik yang bertujuan menerangkan objektif dan hala tuju perbincangan tersebut agar semua peserta perbincangan kumpulan fokus memahami objektif perbincangan. Semasa sesi perbincangan kumpulan fokus dijalankan, pertanyaan yang dilontarkan oleh kumpulan penyelidik adalah bersifat bebas dan interaktif dan tidak terhad kepada panduan pertanyaan yang disediakan tersebut. Sebaliknya, penyelidik menggali maklumat dengan mendalam bagi mendapatkan kejelasan bagi setiap respon yang diberikan. Semua maklumat yang diperoleh dicatat oleh semua penyelidik dan pada akhir sesi perbincangan, wakil penyelidik akan membentangkan dapatan yang digarap dari sesi perbincangan untuk disahkan oleh semua peserta. Sebarang ketidaktepatan maklumat terus diperbetulkan dalam sesi rumusan tersebut.

#### **4.4.2 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Kedua**

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenalpasti keperluan syariah dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB iaitu pada peringkat pengoperasian iaitu berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti. Bagi mencapai objektif

ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah temu bual mendalam dengan pakar-pakar syariah menggunakan teknik persampelan bertujuan. Pakar-pakar syariah yang dirujuk adalah terdiri daripada pakar dalam bidang syariah, fiqh dan muamalah, serta yang mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan Islam. Senarai responden yang dirujuk ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah manakala biodata penuh pakar dilampirkan dalam bahagian lampiran (rujuk Lampiran 2). Pendekatan temu bual mendalam yang dilaksanakan adalah bersifat luas, terbuka, dan tidak berstruktur antara kumpulan penyelidik dengan panel pakar syariah yang telah dikenalpasti. Setiap pakar yang dikenalpasti, ditemu bual dalam sesi berasingan bagi membolehkan penyelidik mendapatkan keterangan yang terperinci dan berbincang tentang isu-isu syariah yang dibahaskan oleh pakar tersebut. Disamping kaedah temu bual pakar syariah, pengumpulan data bagi objektif kajian kedua juga menggunakan kaedah analisis kandungan artikel atau kitab yang membahaskan aspek syariah dan kaedah fiqh bersesuaian dengan isu yang dikaji.

**Jadual 4.2: Senarai Pakar Rujuk**

<b>Nama Responden</b>	<b>Jawatan (semasa ditemubual)</b>
Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya Ahmad	Timbalan Mufti Negeri Johor
Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Opir	Timbalan Mufti Negeri Selangor
Ustaz Dr. Azizi Che Seman	Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Ustaz Dr. Luqman Abdullah	Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Ahli Jawatan kuasa MAINK
Ustaz Nazri Chik	Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Islam dan Penasihat Syariah Baitulmal MAIS
YM Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali	Felo Kanan IKSIM
Ustaz Mohd Ariffin Bin Ali	Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Ketua Bahagian Fatwa MUIS
Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid	Pengurus Harta Baitulmal, MAIS

Sebelum sesi temu bual mendalam dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti isu-isu syariah yang ingin ditanya kepada panel pakar syariah. Isu-isu syariah yang dikumpul ini digarap melalui pembacaan artikel, kitab fiqh, dan piawaian perakaunan yang relevan. Penyelidik juga merangka panduan temubual berdasarkan prinsip pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan seperti dalam Kerangka Kerja Konseptual bagi tujuan umum untuk sektor awam yang dikeluarkan oleh IPSASB pada tahun 2014. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mendapatkan pandangan pakar berhubung kesesuaian, percanggahan, atau ketidakcukupan prinsip-prinsip perakaunan yang terdapat dalam IPSASB (2014) tersebut. Walau bagaimanapun, panduan temubual yang disediakan tersebut bukanlah menjadi suatu rangka yang terstruktur dan terhad kepada isu yang dirangka semata-mata. Seperti yang dinyatakan dalam kaedah perbincangan kumpulan fokus di atas, temubual mendalam bersama pakar syariah juga adalah bersifat bebas, luwes dan terbuka bagi menggali sebanyak mungkin maklumat.

#### **4.4.3 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Ketiga**

Objektif kajian ketiga adalah untuk mengenalpasti batas-batas perundangan yang ada bagi melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB. Pengumpulan data bagi mencapai objektif ini dilaksanakan melalui kaedah analisis kandungan terhadap kerangka perundangan sedia ada yang relevan termasuk perundangan peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri, peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, serta manual-manual pengurusan yang diterbitkan oleh JAWHAR. Bagi tujuan ini, penyelidik mendapatkan khidmat pakar perundangan profesional bagi menjalankan kerja-kerja analisis teks kandungan undang-undang dan peraturan serta memberikan taksiran perundangan yang diperlukan. Senarai kerangka perundangan yang dirujuk dan dianalisis dilampirkan dalam Lampiran 3.

Selain itu, penyelidik juga membuat semakan aspek dan isu perundangan dengan pegawai undang-undang setiap MAIN yang menyertai sesi ditemu bual kumpulan fokus semasa kutipan data objektif pertama (mengkaji amalan perakaunan) dijalankan. Penggunaan beberapa kaedah pengumpulan data bagi tujuan mencapai objektif ini dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan ketepatan dan kesahan maklumat yang diperoleh melalui teknik triangulasi dan semak silangan (Jasmi, 2012).

#### **4.4.4 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Keempat**

Objektif kajian yang keempat adalah untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan. Kaedah kutipan data bagi tujuan objektif ini adalah kaedah analisis kandungan MPSAS yang berkaitan iaitu 10 MPSAS berkaitan yang telah dinyatakan sebelum ini, serta piawaian-piawaian lain yang relevan iaitu MPERS, MFRS, SORP, MASB SOPi, AAOIFI, terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN. 10 MPSAS tersebut dijadikan asas dalam merangka cadangan maklumat untuk tujuan pembangunan piawaian dan juga disokong oleh sumber yang relevan dari piawaian lain selain MPSAS seperti yang telah dinyatakan. Seterusnya, ianya disesuaikan dengan menggunakan maklumat yang diperolehi dalam objektif 1 dan 2 serta dapatan kajian Fasa Pertama dan Fasa Kedua.

#### **4.5 Kaedah Analisis Data**

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis data mengikut objektif kajian. Bagi **objektif kajian pertama**, kaedah analisis data adalah berdasarkan tema dapatan kajian dan juga tempat penyelidikan iaitu lima MAIN dalam Zon 1. Berdasarkan kaedah analisis berdasarkan tema, penyelidik membangunkan pola bagi merumuskan dapatan kajian. Seterusnya, pemetaan tema bagi setiap MAIN dalam Zon 1 juga dibuat bagi membolehkan dapatan kajian dibandingkan dan dikelaskan mengikut ciri tertentu.

Bagi **objektif kajian kedua**, kaedah analisis data berdasarkan tema juga digunakan. Berbeza sedikit pendekatan analisis yang digunakan dalam objektif kajian pertama, dapatan dari temu bual pakar-pakar syariah ditranskripkan secara kata demi kata (*verbatim*) dan kemudiannya di analisis mengikut tema. Transkripsi penuh temu bual pakar-pakar syariah boleh dirujuk dalam Lampiran 4. Tujuan transkripsi secara kata demi kata dibuat adalah bagi memastikan penyelidik dapat memastikan sumber maklumat yang disampaikan oleh pakar-pakar syariah dapat dilaporkan dengan lebih terperinci. Hal ini kerana, majoriti ahli penyelidik tidak mempunyai latar belakang

syariah yang membolehkan rumusan dibuat secara langsung (tanpa transkripsi kata demi kata) seperti yang dilaksanakan dalam analisis objektif kajian pertama (objektif kajian pertama adalah berkaitan dengan amalan perakaunan semasa yang mana majoriti ahli penyelidik merupakan penyelidik dalam bidang perakaunan, oleh itu rumusan secara langsung dengan pengesahan responden pada akhir sesi perbincangan kumpulan fokus dirasakan memadai). Sesetengah transkripsi pakar syariah yang sangat relevan dipetik secara langsung (dengan meletakkan tanda pengikat kata) dalam perbincangan dapatan kajian dan dimasukkan ke dalam jadual yang bersesuaian untuk tujuan analisis dan perbincangan. Pakar-pakar syariah yang dirujuk dalam teks perbincangan akan diberikan kod berasaskan nombor seperti ‘Informan 1,2,3..’ untuk memudahkan penulisan dan perbincangan. Kod-kod yang mewakili pakar-pakar syariah tertentu boleh dikenalpasti melalui maklumat yang dikenalpasti dalam jadual yang beriringan dengan perbincangan. Selain itu, harus ditekankan bahawa pendekatan dalam merumuskan dapatan kajian yang digunakan bagi objektif ini adalah dengan memberi keutamaan kepada pandangan ulama’ yang muktabar serta meraikan amalan majoriti (MAIN) selagi mana tidak bertentangan dengan syarak.

Seterusnya, data bagi **objektif kajian ketiga** dianalisis menggunakan analisis kandungan. Pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian bagi objektif ketiga berhubung batasan perundangan yang ada bagi melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB.

Manakala, kaedah analisis data yang digunakan untuk mencapai **objektif kajian yang keempat** ialah kaedah analisis tema dan atribut yang merujuk kepada 10 MPSAS yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam merumuskan dapatan objektif kajian keempat, dapatan dari objektif kajian kedua (iaitu keperluan syariah dan kerangka kerja konseptual) juga dirujuk dan digunakan secara bersama. Dalam melaporkan dapatan kajian objektif keempat, seperti yang telah dibincangkan dalam seksyen kaedah pengumpulan data, piawaian MPSAS akan digunakan sebagai asas dalam membuat cadangan maklumat kepada piawaian perakaunan Islam yang ingin dibangunkan. Mana-mana peruntukan MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dikekalkan, peruntukan yang bercanggah digugurkan, dan keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan dicadangkan untuk ditambah. Selain itu terdapat perenggan MPSAS yang dipinda bagi mengeluarkan klausa atau perincian

yang kurang relevan serta menambah perincian dengan contoh-contoh yang sesuai dengan Institusi WZB terutama yang berkaitan isu-isu unik berhubung hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi WZB.

Ringkasan kaedah yang digunakan dalam analisis data dan persempahan dapatan bagi objektif ke empat iaitu untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan adalah seperti Jadual 4.3 berikut:

**Jadual 4.3 Kaedah Analisis Objektif Kajian Keempat**

<b>Perenggan dalam Piawaian MPSAS</b>	<b>Penerangan</b>
Kekal	Perenggan asal tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan disokong oleh dalil serta selari amalan majoriti Institusi WZB.
Ubahsuai	Perenggan asal mengandungi klausa atau perincian yang kurang relevan atau tidak jelas dan perlu disesuaikan dengan keperluan syariah dan konteks Institusi WZB.
Tambah	Keperluan yang tidak disentuh dalam mana-mana perenggan sedia ada tetapi perlu ditambah untuk memenuhi keperluan syariah dan selari dengan amalan majoriti Institusi WZB.
Keluarkan	Perenggan asal bercanggah dengan keperluan syariah (walaupun selari dengan amalan majoriti Institusi WZB).

Selain itu, walaupun MPSAS dijadikan asas, kerangka perundangan lain yang sesuai masih juga dirujuk sebagai asas dalam memberikan cadangan iaitu SORP 2005 dan 2015, MFRS, MPERS, MASB SOPi, AAOIFI, terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN. Oleh itu, cadangan kepada maklumat asas dalam pembentukan piawaian Islam tidaklah semata-mata terikat kepada piawaian MPSAS sedia ada semata-mata malahan suatu piawaian khusus akan dicadang untuk ditambah ataupun digugurkan secara keseluruhannya mengikut kesesuaian.

Aspek analisis data bagi objek kajian keempat juga memberi penekanan kepada peranan fatwa setiap negeri dalam mempengaruhi olahan perakaunan selari dengan dapatan dua fasa penyelidikan sebelum ini. Oleh hal yang demikian, cadangan maklumat asas bagi pembangunan piawaian perakaunan Islam adalah berdasarkan kerangka syariah dan juga amalan majoriti Institusi WZB yang tidak bercanggah dengan syariah tetapi masih meraikan perbezaan fatwa setiap negeri yang memberikan kesan olahan perakaunan yang berbeza selagi mana pendedahan yang mencukupi diberikan.

#### **4.6 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mencapai kesemua objektif kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Kaedah pengumpulan data juga dirangka dan dijalankan mengikut kesesuaian bagi setiap objektif kajian. Antaranya ialah perbincangan kumpulan fokus, temu bual mendalam dan analisis kandungan. Seterusnya, data dianalisis berdasarkan tema dan pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian. Bagi objektif pertama, dapatan kajian tentang amalan perakaunan dan pelaporan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dianalisis mengikut tema dan dibuat perbandingan amalan antara Institusi WZB dalam Zon 1 yang dikaji. Manakala, bagi objektif kedua dan ketiga, data yang diperolehi dianalisis juga menggunakan kaedah analisis tema seterusnya dipetakan dan dibuat perbandingan dengan prinsip dan konvensyen perakaunan dan perundangan sedia ada. Akhir sekali, dapatan kajian bagi objektif kajian ke empat dianalisis dengan kaedah analisis berdasarkan tema dan atribut.

# **BAB LIMA**

## **AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN**

### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal oleh institusi WZB (MAIN atau institusi yang diberi kuasa oleh MAIN) dalam Zon 1 bagi memenuhi objektif pertama kajian. Perbincangan akan menyentuh tentang isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi:

1. Hasil daripada urus niaga pertukaran
2. Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran
3. Manfaat pekerja
4. Peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka
5. Kos pinjaman
6. Kontrak pembinaan
7. Kesan perubahan matawang asing
8. Instrumen kewangan: Pembentangan
9. Instrumen kewangan: Pengiktirafan & pengukuran
10. Instrumen kewangan: Pendedahan

Maklumat yang diperlukan untuk memenuhi objektif kajian pertama ini diperoleh melalui semakan dan analisis penyata kewangan Institusi WZB untuk tahun berakhir 31 Disember 2016 serta perbincangan kumpulan fokus dengan wakil dari institusi WZB bagi memahami dan mengesahkan maklumat yang dilaporkan dalam laporan kewangan.

Amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang dibincangkan dalam bab ini melibatkan Institusi WZB seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.1.

**Jadual 5.1: Institusi WZB dalam Zon 1 dan Penyata Kewangan Disatukan**

NEGERI	KUMPULAN WANG	NAMA ENTITI	PENYATA KEWANGAN
Selangor	<b>Wakaf</b>	Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	Penyata Kewangan berasingan KWW
	<b>Zakat</b>	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Penyata Kewangan berasingan KWZ
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Penyata Kewangan Disatukan KWW, KWZ & KWB
Negeri Sembilan	<b>Wakaf</b>	Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS)	MAINS - Penyata Kewangan Disatukan KWW, KWZ & KWB
	<b>Zakat</b>	Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS)	
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	
Melaka	<b>Wakaf</b>	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	MAIM - Penyata Kewangan Disatukan KWW, KWZ & KWB
	<b>Zakat</b>	MAIM – Pusat Zakat Melaka (PZM)	
	<b>Baitulmal</b>	MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM)	
Johor	<b>Wakaf</b>	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)	MAINJ Penyata Kewangan Disatukan KWW, KWZ & KWB Penyata Kewangan berasingan KWW, KWZ & KWB
	<b>Zakat</b>		
	<b>Baitulmal</b>		
Sabah	<b>Wakaf</b>	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Penyata Kewangan Disatukan KWW, KWZ & KWB
	<b>Zakat</b>	MUIS – Pusat Zakat Sabah (PZS)	
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	
	<b>Baitulmal</b>	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS)	Penyata Kewangan berasingan KWB PBNS - tidak disatukan dengan Penyata Kewangan MUIS

## 5.2 Penyata Kewangan

Ringkasan mengenai penyata kewangan mengikut kumpulan wang yang disediakan oleh institusi WZB dalam Zon 1 dipaparkan dalam Jadual 5.1. Merujuk kepada Jadual 5.1, secara umumnya penyata kewangan MAIN, kecuali MUIS, menyatukan maklumat tentang Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB); tidak kira sama ada semua kumpulan wang tersebut diurus oleh MAIN seperti di Johor dan Melaka atau diuruskan oleh entiti berasingan seperti di Selangor dan Negeri Sembilan.

Di Melaka dan Negeri Sembilan penyata kewangan yang disediakan ialah penyata kewangan yang menyatukan ketiga-tiga kumpulan wang sahaja dan tiada penyata kewangan berasingan untuk setiap kumpulan wang. Di Johor pula, sungguhpun

ketiga-tiga kumpulan wang diurus oleh MAINJ, namun MAINJ turut menyediakan penyata kewangan berasingan bagi setiap kumpulan wang di samping penyata kewangan yang menyatukan ketiga-tiga kumpulan wang.

Di Selangor KWW diurus oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), KWZ diurus oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) manakala KWB diurus oleh MAIS. Setiap entiti yang bertanggungjawab ke atas kumpulan wang berkenaan menyediakan penyata kewangan khusus untuk kumpulan wang tersebut. Contohnya PWS menyediakan penyata kewangan untuk KWW dan LZS menyediakan penyata kewangan untuk KWZ. Walau bagaimanapun penyata kewangan MAIS menyatukan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB.

Di Sabah, penyata kewangan MUIS hanya menyatukan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB yang terhad kepada urus niaga tertentu yang dilibatkan oleh MUIS sahaja manakala KWB yang dikendalikan oleh PBNS tidak disatukan di dalam penyata kewangan MUIS. Sebaliknya, PBNS menyediakan penyata kewangan berasingan bagi mengambil kira urus niaga berkaitan baitulmal yang di bawah kendaliannya.

### **5.3 Piawaian Perakaunan**

Secara umumnya institusi WZB dalam Zon 1 merujuk kepada piawaian MPERS atau PERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan untuk Majlis Agama Islam bagi tujuan penyediaan penyata kewangan masing-masing. Piawaian MPERS yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016, telah diterbitkan oleh MASB bagi menggantikan PERS. Institusi WZB dari negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor telah beralihan kepada MPERS dan rujukan kepada piawaian MPERS untuk tujuan penyediaan penyata kewangan dinyatakan dengan jelas di dalam nota kepada akaun. Selangor turut mengenalpasti polisi perakaunan yang diubah selaras dengan peralihan kepada kerangka pelaporan MPERS.

Institusi WZB di Johor dan Sabah (MUIS dan PBNS) masih lagi merujuk kepada PERS. Walau bagaimanapun hanya PBNS menyatakan dengan jelas dalam nota kepada

akaun bahawa penyata kewangan disediakan berasaskan PERS manakala MUIS hanya menyatakan bahawa piawaian perakaunan yang dirujuk ialah piawaian perakaunan yang diluluskan MASB. MAINJ pula menyatakan bahawa piawaian yang dirujuk ialah piawaian yang sama sebagaimana penyata kewangan tahun 2015.

Sebab utama institusi WZB tidak menyatakan dengan jelas piawaian perakaunan yang dijadikan rujukan ialah kerana piawaian perakaunan yang sedia ada tidak dapat menangani sepenuhnya keperluan perakaunan dan pelaporan bagi urus niaga khusus yang melibatkan WZB. Oleh yang demikian di mana tiada panduan daripada piawaian perakaunan, institusi WZB merujuk kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam dan di mana tiada panduan dari Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam, maka institusi WZB berkenaan akan menetapkan kaedah yang dianggap bersesuaian dan kaedah tersebut kemudian akan dijadikan amalan di masa depan.

#### **5.4 Amalan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Isu Dikaji**

Bahagian ini akan membincangkan tentang amalan perakaunan dan pelaporan kewangan setiap institusi WZB, berkaitan isu yang dikaji. Perbincangan akan menyentuh tentang pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berhubung isu tersebut. Kesimpulan berhubung amalan perakaunan setiap isu yang dikaji dikemukakan di penghujung perbincangan setiap isu.

Jadual 5.2 memberikan ringkasan tentang kewujudan transaksi berkaitan isu yang dikaji di institusi WZB dalam Zon 1 bagi tahun 2016. Merujuk kepada Jadual 5.2, secara umumnya terdapat transaksi berkaitan hasil daripada urusniaga pertukaran; hasil daripada urusniaga bukan pertukaran; instrumen kewangan; peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka serta manfaat pekerja. Transaksi yang melibatkan kos pinjaman hanya terdapat di MAIM sahaja manakala bagi institusi WZB di negeri lain, kos pinjaman hanya dilibatkan di peringkat anak syarikat. MAIM mengiktiraf semua kos pinjaman yang dilibatkan sebagai belanja dan tiada kos pinjaman yang dipermodalkan.

Bagi tahun 2016, tiada transaksi yang melibatkan kontrak pembinaan kerana institusi WZB tidak bertindak sebagai kontraktor. Selain dari itu juga, tiada keperluan untuk mengambilkira kesan perubahan matawang asing di semua institusi WZB dalam Zon 1. Ini kerana amaun yang diperuntukan atau dibelanjakan untuk aktiviti di luar negara, contohnya untuk operasi asrama pelajar di Mesir atau untuk dermasiswa semuanya dilibatkan dalam Ringgit Malaysia dan tiada peruntukan atau belanja dalam matawang asing. Selain dari itu, institusi WZB dalam Zon 1 juga tidak mempunyai unit berasingan di luar negara yang beroperasi secara berautonomi dan mempunyai aset dan liabiliti tersendiri serta hasil dan belanja tersendiri yang direkodkan dalam matawang asing sehingga memerlukan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan unit tersebut diterjemah dari matawang asing kepada Ringgit Malaysia untuk tujuan pelaporan kewangan di peringkat MAIN.

Perbincangan seterusnya akan memberi tumpuan kepada amalan perakaunan dan pelaporan berkaitan isu dikaji, yang terdapat di institusi WZB dalam Zon 1, bagi tahun 2016 iaitu yang melibatkan hasil, instrumen kewangan, manfaat pekerja dan peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka.

**Jadual 5.2: Kewujudan Transaksi di Institusi WZB Zon 1**

MAIN	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH		
Piawaian dirujuk	MPERS			MPERS			MPERS			PERS			PERS		
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB
Hasil daripada urus niaga pertukaran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓
Instrumen Kewangan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka	✓	✓	✓	x	x	x	x	x	✓	✓	x	x	x	x	✓
Manfaat Pekerja	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	x	✓	✓	✓	✓	x	x	✓
Kos pinjaman	x	x	x	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	x
Kontrak Pembinaan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kesan Perubahan Matawang Asing	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

Nota : ✓ wujud transaksi, x tidak wujud transaksi

#### **5.4.1 Hasil**

Amalan perakaunan dan pelaporan kewangan semasa Institusi WZB adalah sama ada berpandukan piawaian MPERS (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka) atau PERS (Johor dan Sabah) yang tidak membezakan hasil daripada urus niaga pertukaran dan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran. Sungguhpun begitu, secara umumnya hasil bagi Institusi WZB boleh dikelaskan kepada hasil daripada urus niaga pertukaran seperti hasil sewa, hasil dividen dan keuntungan dari pelaburan manakala hasil yang boleh dikelaskan kepada hasil daripada urus niaga bukan pertukaran ialah geran dari kerajaan negeri dan hasil agama seperti hasil pesaka bahagian baitulmal, hasil luqatah dan hasil denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama. Ringkasan maklumat tentang perakaunan dan pelaporan bagi hasil dipaparkan dalam Jadual 5.3 hingga 5.5. Perbincangan lanjut tentang hasil dilakukan mengikut kumpulan wang.

##### **a) Hasil Kumpulan Wang Wakaf**

Ringkasan maklumat tentang hasil daripada Kumpulan Wang Wakaf dipaparkan dalam Jadual 5.3 (a) dan 5.3 (b). Merujuk kepada Jadual 5.3 (a) dan menyentuh tentang pengiktirafan dan pengukuran hasil, secara umumnya hasil daripada Kumpulan Wang Wakaf bagi semua negeri kecuali Sabah terdiri dari hasil sewa, hasil dividen dan hasil kutipan saham wakaf tunai am. Hasil sewa termasuk hasil daripada sewaan tanah wakaf, sewaan bangunan wakaf (seperti premis kedai dan bazar) dan sewaan menara masjid kepada syarikat telekomunikasi. Secara umumnya perbezaan dari segi pengiktirafan dan pengukuran untuk hasil bagi Kumpulan Wang Wakaf melibatkan hasil daripada kutipan wakaf.

Pengiktirafan hasil bagi kutipan saham wakaf tunai am adalah konsisten bagi semua MAIN. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi amalan bagi lain-lain kutipan wakaf. Kutipan saham wakaf tunai khas hanya diiktiraf sebagai hasil di Negeri Sembilan manakala di Selangor dan Melaka ianya diiktiraf sebagai liabiliti. Wakaf hartanah am, hanya diiktiraf sebagai hasil di Negeri Sembilan dan Selangor sahaja. Di Negeri Sembilan hasil daripada wakaf hartanah am diiktiraf pada nilai pasaran manakala di Selangor pada nilai nominal. Wakaf hartanah khas diiktiraf sebagai hasil pada nilai pasaran di Negeri Sembilan sahaja manakala di Selangor ia diiktiraf sebagai liabiliti.

Johor menggunakan konsep dana untuk mengakaunkan kutipan saham wakaf tunai am dan saham wakaf tunai khas. Contohnya untuk wakaf Rumah Kenangan, satu akaun dana khas yang dinamakan Dana Rumah Kenangan dibuka untuk wakaf tersebut, sebarang sumbangan kepada wakaf Rumah Kenangan diiktiraf sebagai hasil yang meningkatkan Dana Rumah Kenangan manakala belanja berkaitan yang dilibatkan akan diiktiraf sebagai belanja yang mengurangkan Dana Rumah Kenangan. Baki bagi setiap akaun dana akan terkumpul di dalam ekuiti. Sehubungan itu MAINJ tidak menyediakan Penyata Pendapatan untuk Kumpulan Wang Wakaf.

**Jadual 5.3 (a): Hasil Kumpulan Wang Wakaf Zon 1 – Pengiktirafan & Pengukuran**

JENIS HASIL	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
Hasil Sewa: Premis kedai	✓	-	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Hasil Sewa: Bangunan	-	-	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Hasil Sewa: Bazar di kawasan masjid	✓	✓	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Hasil Sewa/pajakan: Tanah	✓	✓	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Hasil Sewa: Menara masjid (sewaan kepada syarikat telekomunikasi)	-	-	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Kutipan saham wakaf tunai (am)	✓	✓	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	✓ (PBNS)
Kutipan saham wakaf tunai (khas)	Iktiraf liabiliti	✓	Iktiraf liabiliti	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Kutipan wakaf harta tanah am	✓ (nilai nominal)	✓ (harga pasaran)	x	x	-
Kutipan wakaf harta tanah khas	Iktiraf liabiliti	✓ (harga pasaran)	x	x	-
Hibah/Keuntungan Simpanan Tetap/Dividen	✓	✓	✓	✓ (Dana Wakaf Khusus)	-
Kutipan khairat (sedekah/derma masjid)	-	✓	✓	-	-

Nota : ✓ iktiraf hasil, x tidak iktiraf hasil, - tiada urusniaga

**Jadual 5.3 (b): Hasil Kumpulan Wang Wakaf Zon 1 - Pendedahan**

	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
<b>PENDEDAHAN</b>					<b>PBNS</b>
<b>Didedah:</b>					
- Muka PK	✓	✓	✓	✓	x
- Nota	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Polisi perakaunan</b>	✓ Mengikut jenis pendapatan	✓ Mengikut jenis pendapatan tertentu	✓ Mengikut jenis pendapatan	x	x
<b>Tahap pendedahan:</b>					
- Terhad				<ul style="list-style-type: none"> <li>✓</li> <li>➤ Kurang naratif dan perincian</li> <li>➤ Tiada Penyata Pendapatan untuk KWW - Pendapatan &amp; perbelanjaan diambilkira sebagai peningkatan (penurunan) dana wakaf khusus</li> </ul>	✓
- Sederhana		✓ Perincian maklumat dalam Penyata Pendapatan mengikut kumpulan wang - makluman pengurusan			
- Komprehensif	✓ Perincian mengikut kumpulan wang & dalam PK berasingan KWW (PWS)		✓ Perincian mengikut kumpulan wang		

Nota : ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

Di Sabah, dana wakaf dipertanggungjawabkan kepada MUIS. Sungguhpun MUIS ada menerima wakaf harta tanah tetapi penerimaan tersebut tidak diiktiraf sebagai hasil dan harta tanah yang diterima tidak diiktiraf sebagai aset. Selain dari itu, aktiviti wakaf juga masih belum diaktifkan. Oleh yang demikian setakat ini tiada sebarang hasil bagi Kumpulan Wang Wakaf dalam penyata kewangan MUIS. Sungguhpun wakaf diuruskan oleh MUIS dan baitulmal (tertentu) diuruskan oleh PBNS, namun setakat ini hasil daripada aktiviti wakaf dilaporkan di dalam penyata kewangan PBNS yang merupakan hasil kutipan saham wakaf tunai am oleh PBNS yang sangat kecil amaunnya.

Merujuk kepada Jadual 5.3(b), dari segi pendedahan, secara umumnya pendedahan tentang hasil kumpulan wang wakaf didedahkan di muka penyata kewangan dan di nota. Selangor dan Melaka mempunyai tahap pendedahan yang secara relatifnya dianggap komprehensif kerana memberi perincian maklumat mengikut kumpulan wang. Selain dari itu polisi perakaunan bagi pengiktirafan bagi setiap jenis hasil dinyatakan dengan jelas. Tahap pendedahan di Negeri Sembilan boleh dianggap sederhana. Sungguhpun MAINS menyediakan perincian maklumat dalam Penyata Pendapatan mengikut kumpulan wang, namun maklumat tersebut adalah terhad untuk makluman pengurusan sahaja. Polisi perakaunan bagi pengiktirafan hasil juga adalah terhad kepada jenis hasil tertentu sahaja seperti sewaan, dividen dan keuntungan dari pelaburan, manakala polisi perakaunan bagi pengiktirafan hasil agama tidak didedahkan. Di Johor sungguhpun angka yang dilaporkan adalah terperinci namun kekurangan naratif dan perincian menyukarkan pemahaman. Selain dari itu polisi perakaunan bagi pengiktirafan hasil juga tidak didedahkan. Oleh yang demikian tahap pendedahan oleh MAINJ secara relatifnya adalah terhad.

**b) Hasil Kumpulan Wang Zakat**

Ringkasan maklumat tentang hasil daripada Kumpulan Wang Zakat dipaparkan dalam Jadual 5.4(a) dan 5.4(b). Merujuk kepada Jadual 5.4(a) serta menyentuh tentang pengiktirafan dan pengukuran, hasil bagi Kumpulan Wang Zakat terdiri kutipan semua jenis zakat yang terdiri zakat fitrah dan zakat harta serta hasil daripada dividen, hibah dan keuntungan dari simpanan tetap. Di Johor terdapat keuntungan dari pelaburan yang melibatkan pelaburan dalam syer ekuiti yang

merupakan pelaburan lama yang masih dipegang. Di Selangor dan Melaka terdapat juga hasil daripadasewaan premis bangunan yang diperolehi menggunakan dana dari Kumpulan Wang Zakat. Di Selangor kadar sewaan adalah pada kadar pasaran bagi penyewa selain dari asnaf manakala kadar sewaan bagi asnaf adalah pada kadar yang lebih rendah, manakala di Melaka kadar sewaan adalah pada kadar nominal. Selain dari itu di Melaka juga terdapat hasil daripadakutipan bayaran balik pinjaman perniagaan di bawah kontrak Qardul Hassan. Kontrak Qardul Hassan digunakan untuk agihan zakat dalam bentuk pinjaman sebagai modal perniagaan kepada asnaf, dan perlu dibayar balik. Semasa agihan dibuat di bawah kontrak Qardul Hassan, ianya diiktiraf sebagai belanja dan apabila bayaran balik diterima maka hasil diiktiraf. Kontrak Qardul Hassan diperkenalkan untuk mendidik asnaf agar mengambil serius bantuan modal yang diberi. Pemberian bantuan modal dalam bentuk pinjaman dilaksanakan bagi menangani masalah bantuan modal yang disalah gunakan oleh penerima sebelum ini apabila bantuan modal diberikan tanpa mengenakan syarat bayaran balik.

**Jadual 5.4 (a): Hasil Kumpulan Wang Zakat Zon 1 – Pengiktirafan & Pengukuran**

	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
Kutipan semua jenis zakat harta & fitrah	✓	✓	✓	✓	✓
Dividen/Hibah/Keuntungan Simpanan Tetap (jangka pendek)	✓	✓	✓	✓	✓
Keuntungan Pelaburan	-	-	-	✓ (pelaburan lama)	-
Kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan kontrak Qardul Hassan	-	-	✓	-	-
Hasil Sewa Premis	✓ (kadar pasaran - penyewa bukan asnaf)	-	✓ (nilai nominal)	-	-

Nota : ✓ iktiraf hasil, x tidak iktiraf hasil, - tiada urusniaga

**Jadual 5.4 (b): Hasil Kumpulan Wang Zakat Zon 1 – Pendedahan**

	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
<b>PENDEDAHAN</b>					
<b>Didedah:</b>					
- Muka PK	✓	✓	✓	✓	✓
- Nota	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Polisi perakaunan</b>	✓ Mengikut jenis pendapatan	✓ Mengikut jenis pendapatan tertentu	✓ Mengikut jenis pendapatan	x	✓ umum
<b>Tahap pendedahan</b>					
- Terhad					
- Sederhana		✓ Perincian maklumat dalam Penyata Pendapatan mengikut kumpulan wang - makluman pengurusan		✓ Penyata Pendapatan berasingan bagi KWZ	✓ Penyata Pendapatan berasingan bagi KWZ
- Komprehensif	✓ Perincian mengikut kumpulan wang & dalam PK berasingan KWZ (LZS)		✓ Perincian mengikut kumpulan wang		

Nota : ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

Merujuk kepada Jadual 5.4 (b), dari segi pendedahan, maklumat tentang hasil Kumpulan Wang Zakat didedahkan di muka penyata kewangan dan di nota, dan turut disertakan dengan polisi pengiktirafan hasil kecuali di Johor di mana polisi pengiktirafan hasil tidak didedahkan. Dilihat dari segi tahap pendedahan, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah mempunyai tahap pendedahan yang sederhana manakala Selangor dan Melaka yang memberikan perincian mengikut kumpulan wang mempunyai tahap pendedahan yang komprehensif.

Hasil daripada perbincangan dengan wakil Institusi WZB dalam Zon 1 ada isu penting berhubung perakaunan dan pelaporan kewangan berhubung zakat yang perlu diberi perhatian. Secara umumnya akauntan dan pihak pengurusan MAIN bersepakat bahawa amalan semasa yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan baki zakat belum agih sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama tentang zakat. Kutipan zakat sebenarnya merupakan amanah yang perlu diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan syarak. Amaun yang belum diagihkan adalah amaun yang perlu ditahan untuk menampung komitmen pada awal tahun berikutnya memandangkan kutipan zakat pada awal tahun lazimnya adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menampung komitmen sedia ada. Menamakan baki belum agih sebagai lebihan terkumpul dan mengakaunkannya sebagai ekuiti memberi indikasi seolah-olah Institusi WZB mempunyai budibicara untuk menentukan bagaimana amaun lebihan tersebut boleh digunakan sedangkan agihan zakat adalah terhad kepada lapan asnaf sahaja. Selain dari itu, lebihan terkumpul yang merupakan baki belum agih juga menimbulkan salah tanggapan di kalangan pemegang kepentingan yang melihat lebihan sebagai indikasi bahawa Institusi WZB tidak melaksanakan agihan dengan cekap. Walau bagaimanapun memandangkan tiada piawaian perakaunan khusus yang boleh dirujuk dan berpandukan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan untuk Majlis Agama Islam yang mengambil kira kutipan zakat sebagai hasil dan agihan zakat sebagai belanja maka amalan ini dikekalkan bagi memastikan keseragaman pelaporan antara Institusi WZB.

**c) Hasil Kumpulan Wang Baitulmal**

Ringkasan maklumat tentang hasil daripada Kumpulan Wang Baitulmal dipaparkan dalam Jadual 5.5(a) dan 5.5(b). Merujuk kepada Jadual 5.5(a) serta menyentuh tentang pengiktirafan dan pengukuran, hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal terdiri daripada hasil sewa, hasil dividen, hasil hibah, keuntungan dari pelaburan, geran dari kerajaan negeri serta hasil agama yang merangkumi hasil pesaka bahagian baitulmal, hasil daripada penebusan pesaka oleh waris, hasil luqatah (harta yang dijumpai), wang tak patuh syariah, denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama, hasil tauliah penyembelihan, yuran sijil halal, hasil perkhidmatan wasiat dan hibah, hasil perkhidmatan penandaan arah kiblat dan derma orang ramai. Secara umumnya perbezaan dari segi pengiktirafan dan pengukuran untuk hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal melibatkan hasil pesaka hak baitulmal dan hasil luqatah.

Setakat ini hasil pesaka hak baitulmal hanya diiktiraf di Selangor dan Johor sahaja. Pengiktirafan dibuat berdasarkan perintah mahkamah pada nilai nominal di Selangor manakala di Johor pengiktirafan ialah pada nilai saksama yang dinyatakan dalam perintah mahkamah. Di Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah sungguhpun MAIN di negeri-negeri tersebut ada menerima harta pesaka hak baitulmal, namun pengiktirafan tidak akan dilakukan sehingga geran berasingan atas mana MAIN dikeluarkan. Setakat ini di ketiga-tiga majlis tersebut belum terdapat geran berasingan dikeluarkan. Oleh yang demikian belum terdapat pengiktirafan hasil atau aset dilakukan.

Harta dijumpai atau luqatah diiktiraf sebagai hasil di semua MAIN. Walau bagaimanapun di Selangor dan Johor pengiktirafan sebagai hasil hanya dilakukan selepas tempoh transisi 12 bulan. Tempoh transisi 12 bulan ialah tempoh pemakluman kepada awam bahawa terdapat harta dijumpai dan tuntutan boleh dibuat oleh pemilik atau waris. Selepas 12 bulan, harta dijumpai yang diterima dalam bentuk bukan tunai akan dicairkan dan kemudian diiktiraf sebagai hasil bersama-sama harta dalam bentuk tunai. Di semua negeri, sungguhpun luqatah telah diiktiraf sebagai hasil namun pada bila-bila masa sekiranya pemilik atau waris membuat tuntutan yang sah maka ianya akan diserahkan semula kepada pemilik atau waris berkenaan.

**Jadual 5.5 (a): Hasil Kumpulan Wang Baitulmal Zon 1 – Pengiktirafan dan Pengukuran**

	SELANGOR	N SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
<b>Hasil Sewa: Premis kedai</b>	✓	-	✓	✓	-
<b>Hasil Sewa: Bangunan</b>	✓	-	✓	✓	✓
<b>Hasil Sewa: Bazar</b>	-	✓	-	-	-
<b>Hasil Sewa/pajak: Tanah</b>	✓	✓	✓	✓	-
<b>Hasil Sewa: Gudang</b>	-	-	-	-	✓
<b>Hasil Sewa: Kuari/Ladang</b>	-	✓	-	-	-
<b>Faraid/Pesaka Baitulmal – Hartanah</b>	✓ (nilai nominal)	x	x	✓ (nilai saksama)	x
<b>Faraid/Pesaka Baitulmal – Tunai</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Faraid/Pesaka Baitulmal – Penebusan waris</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Geran/Terimaan dari Kerajaan Negeri atau persekutuan</b>	-	✓	✓	-	✓
<b>Dividen/Hibah/Keuntungan Simpanan Tetap/Pelaburan</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Luqatah (harta dijumpai)</b>	✓ Selapas 1 tahun	✓	✓	✓ Selapas 1 tahun	✓
<b>Wang Tak Patuh Syariah</b>	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Yuran sijil halal</b>	✓	✓	✓	✓	-
<b>Wasiat dan Hibah</b>	✓	✓	-	✓	-
<b>Wang serahan (individu yang ingin melepaskan hutang)</b>	✓	✓	-	-	-
<b>Denda mahkamah syariah &amp; pentadbiran agama</b>	✓	✓	-	-	✓
<b>Sumbangan/derma orang awam</b>	✓	✓	✓	-	✓
<b>Cetakan kad nikah</b>	-	-	✓	-	-
<b>Penjualan enakmen</b>	-	-	✓	-	-
<b>Penandaan arah kiblat/tauliah penyembelihan</b>	-	-	✓	-	-

Nota : ✓ iktiraf hasil, x tidak iktiraf hasil, - tiada urusniaga

**Jadual 5.5 (b): Hasil Kumpulan Wang Baitulmal Zon 1 – Pendedahan**

	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
<b>PENDEDAHAN</b>					
<b>Didedah:</b>					
- Muka PK	✓	✓	✓	✓	✓
- Nota	✓	✓	✓	✓	✓
Polisi perakaunan	✓ Mengikut jenis pendapatan	✓ Mengikut jenis pendapatan tertentu	✓ Mengikut jenis pendapatan	x	✓ (MUIS) x (PBNS)
<b>Tahap pendedahan:</b>					PBNS – Hasil agama dlm KW Amanah dan hasil lain dlm Untung terkumpul
- Terhad				✓ Kurang naratif	
- Sederhana		✓ Perincian maklumat dalam Penyata Pendapatan mengikut kumpulan wang - makluman pengurusan			✓
- Komprehensif	✓ Perincian mengikut kumpulan wang		✓ Perincian mengikut kumpulan wang		

Nota : ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

Satu lagi perbezaan dari segi pengolahan perakaunan ialah bagi hasil agama dan hasil lain di PBNS. Di PBNS lebihan dari hasil agama tidak dimasukkan dalam keuntungan terkumpul sebaliknya diasingkan dan dimasukkan dalam kumpulan wang amanah.

Merujuk kepada Jadual 5.5(b), dari segi pendedahan mengenai hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal, secara umumnya tahap pendedahan ialah pada tahap komprehensif bagi Selangor dan Melaka yang memberi perincian maklumat mengikut kumpulan wang dan pada tahap sederhana bagi Negeri Sembilan dan Sabah. Tahap pendedahan bagi Johor adalah secara relatifnya terhad khususnya disebabkan kekurangan naratif. Maklumat tentang hasil daripada Kumpulan Wang Baitulmal didedahkan di muka penyata kewangan dan di nota oleh semua Institusi WZB. Polisi pengiktirafan hasil turut disertakan kecuali MAINJ dan PBNS. Polisi pengiktirafan hasil adalah mengikut jenis hasil di Selangor dan Melaka tetapi terhad kepada hasil tertentu saja di Negeri Sembilan.

Kesimpulan yang boleh dibuat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi hasil oleh Institusi WZB dalam Zon 1 adalah seperti berikut:

1. Hasil daripada urusniaga pertukaran terdiri dari hasil sewaan/pajakan, hasil pelaburan (hibah dan dividen), penandaan arah kiblat dan tauliah penyembelihan.
2. Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran terdiri dari geran dari kerajaan negeri dan hasil agama yang termasuk hasil faraid, luqatah (harta dijumpai), wang tak patuh syariah, denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama, kutipan wakaf.
3. Kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil dan agihan zakat diiktiraf belanja
4. Amalan bagi pengiktirafan hasil kutipan wakaf harta tanah khas dan am, luqatah, faraid bahagian baitulmal adalah tidak konsisten antara Institusi WZB.
5. Hasil kutipan wakaf harta tanah am dan khas, diukur pada nilai pasaran atau nilai nominal.
6. MAINJ menggunakan konsep perakaunan dana untuk mengakaunkan KWW dan dengan itu penyata pendapatan tidak disediakan untuk KWW.

7. Dalam penyata kewangan PBNS, hasil agama (contoh - luqatah, faraid, wang tak patuh syariah) dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah manakala hasil lain (contoh - sewa, komisyen dan sumbangan) dimasukkan dalam Untung Terkumpul
8. Pendedahan bagi hasil secara umumnya ialah pada tahap sederhana atau komprehensif.

#### **5.4.2 Instrumen Kewangan**

Ringkasan maklumat tentang instrumen kewangan bagi Institusi WZB dalam Zon 1 dipaparkan dalam Jadual 5.6(a), 5.6(b) dan 5.6(c). Merujuk kepada Jadual 5.6(a) secara umumnya jenis instrumen kewangan yang terdapat dalam Institusi WZB dalam Zon 1 terdiri dari instrumen kewangan asas seperti tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum bayar dagangan, belum terima dan belum bayar antara syarikat dalam kumpulan, belum terima dan belum bayar antara kumpulan wang, lain-lain belum terima dan belum bayar, pinjaman dari kerajaan negeri, pinjaman bank (MAIM sahaja), pelaburan dalam syer ekuiti, pelaburan dalam amanah saham, dan pelaburan mudharabah, istibdal wakaf (MAIS sahaja) dan wakaf khas (MAIS sahaja). Di semua Institusi WZB, tiada pelaburan di dalam instrumen derivatif.

Merujuk kepada Jadual 5.6(b) yang meringkaskan amalan pengiktirafan dan pengukuran bagi instrumen kewangan, dapat disimpulkan bahawa pengiktirafan adalah selari dengan keperluan piawaian. Dari segi pengukuran, semua Institusi WZB menggunakan asas kos ditolak rosotnilai kecuali di Selangor (KWW dan KWB) dan Melaka yang turut menggunakan asas nilai saksama. PWS yang mengurus Kumpulan Wang Wakaf merupakan satu-satunya institusi yang menggunakan kos terlunas sebagai asas ukuran. Asas pengukuran bagi pengiktirafan awal bergantung kepada jenis instrumen kewangan dan asas pengukuran susulan yang dipilih. Sekiranya pengukuran susulan ialah kos ditolak rosotnilai atau kos terlunas maka pengukuran awal ialah pada kos dicampur kos transaksi manakala sekiranya pengukuran susulan ialah pada nilai saksama maka pengukuran awal juga adalah pada nilai saksama.

Dari segi pendedahan, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.6(c), maklumat tentang instrumen kewangan didedahkan di muka penyata kewangan dan di nota

dengan disertakan polisi perakaunan tentang instrumen kewangan kecuali Kumpulan Wang Wakaf MAINJ tidak mendedahkan polisi perakaunan mengenai instrumen kewangan bagi Kumpulan Wang Wakaf. Tahap pendedahan yang secara relatifnya lebih komprehensif ialah di Selangor dan Melaka yang memberikan perincian mengikut kumpulan wang. Johor juga mempunyai tahap pendedahan yang komprehensif bagi instrumen kewangan bagi Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal dengan memberikan perincian angka mengikut kumpulan wang. Tahap pendedahan oleh MAINJ bagi instrumen kewangan Kumpulan Wang Wakaf adalah sederhana. Pendedahan oleh MAINS, MUIS dan PBNS adalah secara umum dan tidak dapat dikenalpasti mengikut kumpulan wang. Secara perbandingan, tahap pendedahan di Sabah adalah pada tahap sederhana manakala tahap pendedahan di Negeri Sembilan adalah terhad.

Pendedahan tentang rosotnilai instrumen kewangan adalah terhad. Pendedahan di muka penyata kewangan dan dalam nota dengan bersertakan polisi perakaunan bagi rosotnilai instrumen kewangan hanya dilakukan oleh MAIM dan MAINJ (Kumpulan Wang Baitulmal). Polisi perakaunan tentang rosotnilai instrumen kewangan didedahkan oleh semua Institusi WZB kecuali PBNS. Walau bagaimanapun, polisi perakaunan bagi rosotnilai MUIS adalah polisi rosotnilai umum bagi semua aset dan tidak terhad kepada instrumen kewangan. Tiada pendedahan tentang lindungnilai memandangkan semua Institusi WZB dalam Zon 1 tidak melaksanakan aktiviti lindungnilai.

Kesimpulan yang boleh dibuat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi instrumen kewangan bagi Institusi WZB dalam Zon 1 adalah seperti berikut:

1. Instrumen kewangan yang terdapat di semua Institusi WZB ialah instrumen kewangan asas sahaja.
2. Tiada pelaburan dalam instrumen derivatif
3. Tiada aktiviti lindungnilai
4. Tahap pendedahan tentang instrumen kewangan ialah pada tahap sederhana atau komprehensif manakala pendedahan tentang rosotnilai instrumen kewangan adalah terhad.

**JADUAL 5.6(a): INSTRUMEN KEWANGAN ZON 1- JENIS**

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	PBNS
																KWB
<b>Jenis IK</b>																
- Tunai & KT (simpanan tetap & wang wakaf)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
- BT & BB dagangan	✓	x	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓
- BT & BB antara sy dlm kump	x	x	✓	x	x	x	x	x	x	✓	✓	✓	x	x	x	✓
- BT & BB antara kumpulan wang	x	x	x	x	x	x	✓	KWZ kpd KWW	x	✓	KWZ kpd KWW & KWB	✓	x	x	x	x
- Lain-lain BT & BB	✓	✓	✓	x	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓
- Pinjaman bank	x	x	x	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	x	x
- Pinjaman dari kerajaan negeri	x	x	x	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	✓	✓
- Pelaburan dalam instrumen ekuiti	x	x	✓	x	x	✓	x	x	✓	x	✓ Amil	✓	x	x	✓	x
- Pelaburan dalam amanah saham	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
- Pelaburan Mudharabah	✓	✓	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
- Istibdal wakaf	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
- Wakaf khas	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

**JADUAL 5.6 (b) : INSTRUMEN KEWANGAN ZON 1 – PENGIFTIRAFAN & PENGUKURAN**

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	PBNS	
													KWW	KWZ	KWB	
<b>PENGIFTIRAFAN</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
<b>PENGUKURAN</b>																
<b>Pengukuran awal</b>																
- Nilai Saksama + kos urus niaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
- Nilai Saksama	✓	x	✓	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	x	
<b>Pengukuran susulan</b>																
- Kos terlunas	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	
- Kos - rosotnilai		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
- Nilai saksama	✓	x	✓	x	x	x	x	x	✓	x	x	x	x	x	x	

Nota : Pengiftirafan ✓ iktiraf, x tidak iktiraf, - tiada urusniaga

Pengukuran ✓ asas pengukuran berkenaan diamalkan, x asas pengukuran berkenaan tidak digunakan

### JADUAL 5.6 (c): INSTRUMEN KEWANGAN ZON 1 - PENDEDAHAN

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	MUIS	PBNS		
													KWW	KWZ	KWB	KWB
<b>PENDEDAHAN:</b>																
Didedah:																
- Muka PK	✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
- Nota	✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Polisi Perakaunan	✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tahap pendedahan:	➤ PKK bagi setiap kumpulan wang			➤ Pendedahan secara umum (tidak dapat dikenalpasti mengikut kumpulan wang)			➤ Perincian nota berkenaan mengikut kumpulan wang			➤ PKK & perincian angka mengikut kumpulan wang ➤ Kurang naratif			➤ Pendedahan secara umum (tidak dapat dikenalpasti mengikut kumpulan wang)			
- Terhad						✓										
- Sederhana		✓								✓				✓	✓	✓
- Komprehensif	✓		✓						✓		✓	✓				
<b>ROSOTNILAI</b>																
Pendedahan																
- Muka PK	x	x	x	x			✓			x	x	✓	-	x	x	
- Nota	x	x	✓	x			✓			x	x	✓	-	x	x	
- Polisi	✓	✓	✓	✓			✓			x	✓	✓	-	✓	x	
				➤ Penyata Pendapatan KWB – makluman pengurusan									➤ Polisi rosotnilai bagi semua aset secara umum			
<b>LINDUNGNILAI</b>	Tiada aktiviti lindung nilai.															

Nota : ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

### **5.4.3 Manfaat Pekerja**

Ringkasan maklumat tentang manfaat pekerja bagi Institusi WZB dalam Zon 1 dipaparkan dalam Jadual 5.7(a) dan 5.7(b). Merujuk kepada Jadual 5.7(a) jenis manfaat pekerja yang terdapat di semua Institusi WZB merangkumi manfaat dalam perkhidmatan seperti emolumen, manfaat kesihatan, cuti sakit & cuti tahunan berbayar, PERKESO dan Takaful serta manfaat persaraan seperti gantian cuti rehat (GCR) dan ganjaran perkhidmatan. Dari segi pengiktirafan, hanya belanja dan belanja terakru berkait manfaat dalam perkhidmatan bagi tempoh semasa diiktiraf dan tiada pengiktirafan liabiliti jangka panjang bagi mengambil kira liabiliti persaraan. Ini bermakna dalam mana-mana tahun di mana bilangan pekerja yang bersara adalah tinggi maka belanja berkaitan manfaat persaraan akan menjadi tinggi pada masa ganjaran persaraan dibayar.

Dari segi pendedahan seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.7(b), kebanyakan Institusi WZB membuat pendedahan di dalam nota kecuali di MUIS yang membuat pendedahan di muka penyata kewangan. Polisi perakaunan berhubung manfaat pekerja didedahkan oleh semua Institusi WZB kecuali MAINJ dan PBNS. MAIM mempunyai tahap pendedahan paling komprehensif untuk manfaat pekerja yang melibatkan Kumpulan Wang Wakaf dan Kumpulan Wang Baitulmal manakala pendedahan tentang manfaat pekerja bagi Kumpulan Wang Zakat adalah terhad. MAIM juga merupakan satu-satunya Institusi WZB yang mendedahkan dalam nota mengenai asas pengukuran yang digunakan iaitu amaun tidak terdiskaun. Selangor dan PBNS mempunyai tahap pendedahan yang sederhana manakala tahap pendedahan bagi Negeri Sembilan, Johor dan MUIS adalah terhad.

Kesimpulan yang boleh dibuat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi manfaat pekerja bagi Institusi WZB dalam Zon 1 adalah seperti berikut:

1. Manfaat pekerja merangkumi manfaat dalam perkhidmatan dan manfaat persaraan.
2. Hanya belanja dan belanja terakru berkaitan manfaat dalam perkhidmatan diiktiraf.
3. Tiada peruntukan dibuat untuk manfaat persaraan dan belanja berkaitan manfaat persaraan hanya diiktiraf dalam tempoh bayaran tunai dibuat.

4. Belanja dan belanja terakru yang diiktiraf diukur berdasarkan amaun tidak didiskaun.
5. Secara umumnya tahap pendedahan ialah sederhana atau terhad.

**JADUAL 5.7 (a): MANFAAT PEKERJA ZON 1 – PENGIFTIRAFAN DAN PENGUKURAN**

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	MUIS	PBNS		
													KWW	KWZ	KWB	KWB
<b>Jenis manfaat pekerja</b>																
Manfaat dalam perkhidmatan. Contoh: Emolumen, Manfaat kesihatan, Cuti sakit & tahunan berbayar, PERKESO, Takaful	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓
Manfaat persaraan. Contoh: GCR, Ganjaran perkhidmatan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓
<b>PENGIFTIRAFAN</b>																
Belanja	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓
Liabiliti persaraan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	-	x	x	x
<b>PENGUKURAN</b>	Amaun tidak didiskaun															

Nota : ✓ iktiraf, x tidak iktiraf, - tiada urusniaga

### JADUUAL 5.7 (b): MANFAAT PEKERJA ZON 1 – PENDEDahan

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	MUIS			PBNS
													KWW	KWZ	KWB	KWB
<b>PENDEDahan</b>																
- Muka PK	x	x	x	x			x			x			-	✓	x	
- Nota	✓	✓	✓	x			✓	x	✓	✓	✓	✓	-	x	✓	
- Polisi	✓	✓	✓	✓			✓			x	x	x	-	✓	x	
Tahap pendedahan:	➢ Perincian nota dalam PK berasingan KWZ (LZS) & KWW (PWS)			➢ Perincian maklumat dalam PPendapatan mengikut kumpulan wang – makluman pengurusan			➢ Perincian nota mengikut kumpulan wang ➢ Pendedahan asas pengukuran			➢ Belanja sumber am			➢ Pendedahan umum			➢ Perincian belanja ➢ Tiada polisi
- Terhad				✓				✓		✓			✓			
- Sederhana	✓	✓	✓													✓
- Komprehensif							✓		✓							

Nota : ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

#### **5.4.4 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

Ringkasan maklumat tentang peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka bagi Institusi WZB dalam Zon 1 dipaparkan dalam Jadual 5.8. Merujuk kepada Jadual 5.8 maklumat mengenai peruntukan hanya terdapat di Selangor, Johor dan Sabah (MUIS). Peruntukan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan MAINJ melibatkan Kumpulan Wang Wakaf iaitu untuk kos pembinaan bangunan wakaf manakala peruntukan yang diiktiraf dalam penyata kewangan MUIS melibatkan Kumpulan Wang Baitulmal untuk bencana gempa bumi dan banjir. Asas pengukuran yang digunakan untuk mengiktiraf peruntukan ialah anggaran terbaik. Bagi ketiga-tiga negeri tersebut, pendedahan hanyalah dalam bentuk nota. Polisi perakaunan berhubung peruntukan hanya didedahkan oleh MAIM manakala Institusi WZB lain tidak mendedahkan polisi perakaunan berhubung peruntukan.

Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka tidak diiktiraf, sebaliknya hanya didedahkan dalam nota. Pendedahan mengenai liabiliti luar jangka hanya terdapat dalam penyata kewangan MAIS bagi Kumpulan Wang Baitulmal yang melibatkan jaminan kepada anak syarikat. Hanya Selangor yang mendedahkan polisi perakaunan berhubung liabiliti luar jangka dan aset luar jangka bagi ketiga-tiga kumpulan wang. Melaka mendedahkan polisi bagi liabiliti luar jangka tetapi tiada polisi untuk aset luar jangka. Walau bagaimanapun polisi bagi liabiliti luar jangka MAIM adalah lebih mirip kepada nota kepada akaun.

**JADUAL 5.8: PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA ZON 1**

AMALAN SEMASA	SELANGOR			NEGERI SEMBILAN			MELAKA			JOHOR			SABAH			
	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	KWW	KWZ	KWB	MUIS	PBNS		
													KWW	KWZ	KWB	KWB
<b>PERUNTUKAN</b>																
PENGIKTIRAFAN	x	x	✓				x	x	x	✓	x	x	x	x	✓	x
PENGUKURAN	x	x	Anggaran terbaik	x	x	x	x	x	x	Anggaran terbaik	x	x	x	x	Anggaran terbaik	x
<b>PENDEDAHAN</b>																
- Muka PK			x	x			x			x			-	x	x	
- Nota			✓	x			x			✓			-	✓	x	
- Polisi			x	x			✓			x			-	x	x	
<b>LIABILITI LUAR JANGKA</b>																
<b>PENDEDAHAN</b>																
- Polisi	✓	✓	✓	x			✓			x			x	x	x	
- Nota	x	x	✓	x			x			x			x	x	x	
	jaminan anak syarikat			x			polisi & nota bercampur			x			x	x	x	
<b>ASET LUAR JANGKA</b>					x			x			x			x		
<b>PENDEDAHAN</b>																
- Polisi	✓	✓	✓	x			x			x			x	x	x	
- Nota	x	x	x	x			x			x			x	x	x	

Nota : Pengiktirafan ✓ iktiraf, x tidak iktiraf, - tiada urusniaga

Pengukuran ✓ asas pengukuran berkenaan diamalkan, x asas pengukuran berkenaan tidak digunakan

Pendedahan ✓ wujud pendedahan, x tidak wujud pendedahan

Berdasarkan perbincangan kumpulan fokus dengan wakil Institusi WZB, didapati berkemungkinan ada item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak didedahkan. Antara sebab pendedahan tidak dibuat ialah kerana kurang penyelarasan di antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun.

Kesimpulan yang boleh dibuat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka bagi Institusi WZB dalam Zon 1 adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan peruntukan terdapat di Selangor, Johor dan Sabah (MUIS) sahaja.
2. Peruntukan diiktiraf berdasarkan anggaran terbaik.
3. Tahap pendedahan berhubung peruntukan adalah terhad.
4. Pendedahan mengenai liabiliti luar jangka hanya dilakukan oleh MAIS.
5. Tahap pendedahan bagi liabiliti luar jangka dan aset luar jangka adalah terhad.
6. Terdapat item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka (selain di MAIS) tetapi tidak didedahkan kerana kurang penyelarasan antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun.

## **5.5 Kesimpulan**

Berikut ialah rumusan berhubung amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi WZB dalam Zon 1 berhubung isu yang dikaji:

### **5.5.1 Hasil**

Amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan untuk hasil tidak dibezakan mengikut kategori hasil daripada urus niaga pertukaran dan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran. Walau bagaimanapun secara umumnya hasil bagi Institusi WZB boleh dikelaskan kepada hasil daripada urus niaga pertukaran seperti hasil sewa, hasil dividen dan keuntungan dari pelaburan manakala hasil yang boleh dikelaskan sebagai hasil daripada urus niaga bukan pertukaran ialah geran dari kerajaan negeri dan hasil agama seperti hasil pesaka bahagian baitulmal, hasil luqatah dan hasil denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama. Ini bermakna piawaian bagi hasil

daripada urus niaga bukan pertukaran perlu diubahsuai bagi mengambil kira hasil agama.

Mengikut amalan semasa kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil dan agihan zakat diiktiraf belanja. Pihak pengurusan MAIN di semua Institusi WZB dalam Zon 1 bersepakat bahawa amalan semasa yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan baki zakat yang belum diagihkan sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama tentang zakat. Kutipan zakat sebenarnya merupakan amanah yang perlu diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan syarak. Sungguhpun olahan perakaunan yang melibatkan urusniaga berkaitan zakat adalah konsisten antara Institusi WZB dalam Zon 1, namun mengambilkira keunikan urusniaga berhubung zakat serta panduan pendedahan seperti yang dicadangkan dalam Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang dibangunkan dalam Fasa Pertama maka adalah lebih sesuai sekiranya diwujudkan seksyen khas dalam piawaian perakaunan yang sedang dibangunkan bagi menangani isu perakaunan dan pelaporan kewangan untuk Zakat. Langkah ini selaras dengan pendekatan yang diambil oleh badan penetap piawaian seperti IASB yang membangunkan piawaian khusus untuk pajakan dan cukai.

Pengolahan perakaunan bagi urusniaga yang melibatkan wakaf adalah tidak konsisten antara Institusi WZB dalam Zon 1. Ada Institusi WZB mengiktiraf penerimaan wakaf sebagai hasil (contoh Wakaf Tunai Am), ada yang mengiktiraf sebagai liabiliti (contoh Wakaf Tunai Khas) dan ada yang tidak mengiktiraf (contoh Wakaf Hartanah Am dan Khas). Selain dari itu, wakaf seperti zakat juga mempunyai keperluan khusus yang perlu diambilkira seperti keperluan untuk mengasingkan di antara ain dan manfaat, keperluan mengekalkan ain, perbezaan di antara Wakaf Am dan Wakaf Khas serta isu berhubung dengan istibdal (penggantian aset). Sehubungan itu mengambilkira keunikan urusniaga berhubung wakaf serta panduan pendedahan seperti yang dicadangkan dalam Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah, maka selari dengan zakat, adalah lebih sesuai sekiranya seksyen khas diwujudkan dalam piawaian

perakaunan yang sedang dibangunkan bagi menangani isu perakaunan dan pelaporan kewangan untuk Wakaf.

Sungguhpun terdapat amalan yang tidak konsisten bagi pengiktirafan hasil faraid bahagian baitulmal namun masalah utama ialah berhubung dengan titik pengiktirafan seperti yang dibincangkan dalam Laporan Penyelidikan Fasa Kedua. Apabila isu titik pengiktirafan telah diselesaikan maka masalah amalan yang tidak konsisten akan dapat ditangani.

### **5.5.2 Instrumen kewangan**

Semua Institusi WZB dalam Zon 1 terlibat dalam transaksi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Sungguhpun begitu, instrumen kewangan yang terdapat di semua Institusi WZB ialah instrumen kewangan asas sahaja, tiada pelaburan dalam instrumen derivatif dan tiada aktiviti lindungnilai dilakukan. Mengambilkira jenis aktiviti yang dijalankan oleh Institusi WZB, maka adalah lebih wajar jika piawaian perakaunan untuk instrumen kewangan dipermudahkan seperti MPERS dan dimasukkan keperluan untuk menggunakan instrumen yang patuh syariah serta asas pengukuran yang selari dengan keperluan syariah.

### **5.5.3 Libiliti**

Secara umumnya amalan perakaunan dan pelaporan kewangan berhubung liabiliti adalah konsisten antara Institusi WZB dalam Zon 1. Tahap pendedahan berhubung peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka adalah terhad. Selain itu, berdasarkan pemerhatian, terdapat item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak didedahkan kerana kurang penyelarasan antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun. Dari segi piawaian perakaunan perkara yang perlu dimasukkan ialah perbincangan tentang obligasi kontraktual yang timbul akibat dari pematuhan keperluan syariah serta keperluan untuk menggunakan instrumen yang patuh syariah serta menggunakan asas pengukuran yang selari dengan keperluan syariah.

#### **5.5.4 Belanja dan Ekuiti**

Secara umumnya olahan perakaunan bagi belanja dan ekuiti adalah konsisten antara Institusi WZB dalam Zon 1. Isu unik yang perlu diberi perhatian ialah urusniaga yang berkait dengan wakaf dan zakat seperti yang telah dibincangkan di atas.

# **BAB ENAM**

## **KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN**

### **KERANGKA KERJA KONSEPTUAL**

### **PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN**

### **ISLAM**

#### **6.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan asas dan prinsip keperluan syariah dalam mengukuhkan kerangka kerja konseptual dalam fasa ini. Justeru, bab ini perlu dimulakan dengan epistemologi yang berkaitan dengan sumber ilmu yang benar yang telah disepakati oleh jumhur ulama' Mazhab iaitu Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Ulama dan Qias yang merupakan satu sumber nilai yang utama. Ia merupakan rujukan utama kepada doktrin atau satu cara hidup dalam Islam dan menjadi *nukleus* dalam kajian ini (Sanep, 2016). Namun begitu dalam menyelesaikan permasalahan semasa terutamanya dalam mengaplikasikan ilmu berkaitan perakaunan dan perundangan (*ilmu fard kifayah*), sandaran rujukan kepada *korpus* ilmu juga amat diperlukan selagi mana ia mengikuti syara'. Pendekatan Islamisasi<sup>2</sup> atau akomodatif-modifikasi dan elektisme-metodologik juga diperlukan untuk meneliti dan membuat pengubahsuaian kepada takrifan istilah dalam ilmu perakaunan semasa. Kaedah akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran pengkaji bukan-Islam manakala kaedah elektisme-metodologik adalah merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, yang memilih-milih apa yang dirasakan baik daripada pelbagai sumber dan menggunakan secara kolektif (Muhammad Syukri, 2014a). Walau bagaimanapun,

---

<sup>2</sup> Dalam proses mencari kebenaran terhadap permasalahan yang wujud dalam merungkai sesuatu fenomena merupakan satu proses islamisasi iaitu satu proses reformasi sosio-ekonomi berdasarkan *Islamic world-view* dan visi dalam Islam. Menurut Mohamed Aslam (1997), proses islamisasi di peringkat polisi merupakan satu perkembangan yang bersifat semulajadi dimana proses islamisasi dilakukan di peringkat kerangka teori dan konsep dengan bersandarkan kepada *Islamic world-view* dan konsep *ad-din*.

kaedah Islamisasi ini perlu dilakukan dengan berhati-hati (*ikhtiyat*) mengikut keperluan, urutan dan keutamaan ilmu iaitu (1) *aqidah* iaitu keyakinan yang tidak berbelah bahagi kepada sistem ilahi; (2) *naqliyah* iaitu sesuatu perkara yang berdasarkan dalil; dan (3) ‘*aqliyah* iaitu kebijakan akal untuk merungkai masalah (Hailani Muji Tahir, 2016) dan perlu dimulakan dengan *tasawwur* Islam yang jelas seperti dinukilkhan oleh Muhammad Syukri (2014a). Adalah diharapkan penggunaan kaedah ini akan membuka ruang keluwesan untuk memberikan pendapat kepada para pengkaji semasa untuk meneroka inovasi produk yang komprehensif dalam muamalat, sistem ekonomi dan kewangan Islam. Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa para pengkaji tersebut perlu menguasai ilmu kemahiran dan memahami epistemologi dalam ilmu (Muji Tahir, 2016). Terdapat dua bentuk kemahiran dalam penguasaan ilmu menurut ibn Khaldun (Sanep, 2006) iaitu (1) ilmu asas (*al-Ulum al-Naqliyah al-Wadi’iyah*) iaitu ilmu untuk urusan akhirat yang diperolehi oleh manusia daripada rasul (melalui wahyu) dan; (2) ilmu alat (*al-Ulum al-Hikmiyah al-Falsafiyah*) iaitu ilmu urusan dunia yang diperolehi berdasarkan proses aqal (usaha dan pemikiran) dan amat perlu dalam memastikan penerokaan kepada penyelesaian masalah kehidupan bermuamalah dalam konteks perakaunan dalam kalangan manusia dapat diselesaikan dengan kaedah yang terbaik.

Dalam konteks penerokaan, cadangan piawaian perakaunan Islam yang melibatkan Institusi WZB dan agensi berkaitan di bawahnya seperti baitulmal, institusi zakat dan institusi wakaf, keluwesan dalam mencadangkan satu kerangka syariah dalam kajian ini amat diperlukan namun ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati agar proses penghasilan piawaian perakaunan Islam terhadap pengurusan aset WZB adalah benar-benar mengikut kerangka syariah. Penyediaan penyata kewangan yang patuh syariah diharapkan dapat merungkai dan menjawab segala persoalan serta tomahan negatif masyarakat terhadap institusi tersebut. Pokok utama perbincangan dalam bab ini ialah cadangan satu kerangka syariah berkaitan dengan konsep hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti dalam Islam untuk membuka satu ruang kepada para ahli perakaunan untuk (1) mengiktiraf; (2) mengukur; dan (3) melaporkan urusniaga yang berkaitan dengan konsep tersebut daripada dana zakat, wakaf dan baitulmal di Institusi WZB menurut kerangka syariah.

Kajian ini akan merujuk kepada laporan fasa kedua yang telah mencadangkan satu kerangka syariah berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pelaporan berkenaan aset di Institusi WZB kerana kerangka kerja syariah yang berkaitan dengan perakaunan aset amat berkait dengan cadangan pembinaan kerangka syariah yang berkaitan dengan elemen perakaunan yang lain seperti hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuti. Perbincangan dalam fasa kedua telah merumuskan bahawa terdapat dua kategori aset di Institusi WZB iaitu; (1) aset baitulmal yang mana aset tersebut merupakan harta milik sempurna dan Institusi WZB mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menguruskan aset tersebut (*tasarruf*); dan (2) aset yang dibiayai oleh dana wakaf dan zakat telah diletakhakkan kepada Institusi WZB untuk menguruskan aset tersebut yang mana pengurusan aset tersebut merupakan satu amanah daripada pihak berkepentingan untuk dimanfaatkan oleh mereka yang mempunyai hak atas aset tersebut dan pemilikan serta kawalan terhadap aset tersebut adalah pemilikan yang tidak sempurna oleh Institusi WZB. Merujuk kepada Jadual 6.1, laporan di fasa dua mendapati hampir kesemua negeri-negeri di zon yang dikaji mempunyai aset yang dijana daripada dana baitulmal yang dikategorikan kepada aset bukan amanah serta aset yang dijana daripada dana zakat dan wakaf yang kategorikan kepada aset berbentuk amanah.

Jadual 6.1: Pembahagian aset mengikut kumpulan wang di Zon 1 tahun 2015

Aset <sup>1</sup>	Selangor			Negeri Sembilan			Melaka			Johor			Sabah		
	K W W	K W Z	K W B	K W W	K W Z	K W B	K W W	K W Z	K W B	K W W	K W Z	K W B	K W W	K W Z	K W B
Hartanah, Loji & Peralatan															
o Tanah	✓	✗	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓	✗	✗	✓	✗	✗	✓
o Bangunan	✓	✗	✓	✗	✗	✓	✓	✗	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓
o HLP lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: <sup>1</sup> berdasarkan penyata kewangan MAIN tahun 2015

KWW: kumpulan wang wakaf; KWZ: kumpulan wang zakat; KWB; kumpulan wang baitulmal

Sumber: Penyata Kewangan MAIN terpilih tahun 2015

Berdasarkan Jadual 6.1, laporan fasa kedua mendapati hampir kesemua negeri di dalam zon yang dikaji telah merekod dan mengakaunkan aset baitulmal dalam penyata kewangan. Namun begitu, bagi perekodan aset wakaf dan zakat, hanya ada dua negeri sahaja iaitu negeri Selangor dan Negeri Sembilan yang telah merekod aset wakaf dalam bentuk tanah manakala tiga negeri yang merekodkan aset wakaf dalam bentuk bangunan masing-masing ialah negeri Selangor, Melaka dan Johor. Namun bagi aset yang berkaitan dengan dana zakat untuk aset tanah dan bangunan, hampir kesemua negeri yang dikaji tidak merekodkan dan mengakaunkan dalam penyata kewangan. Namun begitu sebenarnya aset ini wujud di negeri yang dikaji berdasarkan temubual yang telah dijalankan dengan para akauntan MAIN. Contohnya di beberapa negeri yang dikaji, kajian ini mendapati tanah yang diterima untuk tujuan wakaf am tidak diiktiraf sebagai aset dan amalan Institusi WZB hanya merekodkan sahaja aset tersebut di dalam buku atau file daftar aset sahaja. Laporan di fasa kedua juga mendapati wujud beberapa negeri sahaja yang telah mengiktiraf tanah wakaf am di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset. Laporan tersebut juga mendapati, mengikut amalan semasa, kesemua aset ini tidak diiktiraf tetapi hanya direkodkan dalam ‘daftar aset’ disebabkan oleh pihak akauntan akan merekodkan aset tersebut berdasarkan amalan terbaik yang mereka ada dalam merekod aset Institusi WZB. Selain daripada itu, fatwa berkaitan juga tidak didedahkan sedangkan maklumat tersebut adalah penting bagi membantu pihak berkepentingan memahami asas kepada tindakan Institusi WZB.

Rentetan daripada pengelasan aset amanah dan aset bukan amanah yang dijelaskan sebelum ini, maka ia akan memberi satu implikasi yang hampir sama terhadap elemen hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti yang juga berbentuk bukan amanah dan amanah kerana segala transaksi tersebut akan berkait dengan kategori aset Institusi WZB yang juga berbentuk aset bukan amanah dan aset amanah. Bab ini mendapati asas utama perbahasan syariah berkaitan hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti dalam laporan ini sebenarnya dicetuskan oleh dua isu fiqh yang utama iaitu; (1) perbincangan berkaitan konsep pemilikan (*tamlik*) *ain* dan manfaat yang berkait dengan agihan dana WZB kepada penerima manfaat yang ditentukan oleh syarak. (2) kaedah dan bentuk agihan dana WZB kepada penerima manfaat sama ada dalam bentuk konsumtif atau bentuk produktif.

Berdasarkan perbincangan di dalam laporan fasa kedua, Institusi WZB mempunyai kuasa mengurus secara sempurna dan spara terhadap aset fizikal yang dibiayai oleh dana WZB mengikut enakmen sebagai pemegang amanah tunggal di negeri berkenaan. Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini, merujuk kepada cadangan kerangka syariah untuk aset dalam laporan fasa kedua, secara umumnya menyimpulkan bahawa aset baitulmal merupakan aset pemilikan sempurna dan mempunyai kuasa kawalan yang sepenuhnya terhadap *ain* dan manfaat aset. Oleh yang demikian, dengan mengaitkan dapatan tersebut dengan laporan di fasa ketiga, segala hasil yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh dana baitulmal sudah pastilah dimiliki sepenuhnya oleh Institusi WZB. Manakala dalam aspek belanja pula, segala hasil yang diperoleh seperti yang dijelaskan tadi adalah diharuskan untuk tujuan perbelanjaan pengurusan terhadap aset tersebut dan patuh syariah. Justeru pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang berkait dengan dana baitulmal adalah seperti institusi lazim yang mempunyai pemilikan, kawalan dan kuasa pengurusan (*tasarruf*) sepenuhnya terhadap dana tersebut.

Walau bagaimanapun, pandangan syarak terhadap agihan zakat dan wakaf dalam bentuk aset dan hasil/faedah dan manfaat daripada aset tersebut serta perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan aset tersebut adalah berbeza. Ini kerana dalam laporan fasa kedua, ia merupakan pemilikan yang tidak sempurna dimana manfaat daripada kedua-dua aset yang dibiayai oleh dana zakat dan wakaf adalah dimiliki oleh penerima manfaat yang telah ditentukan. Oleh itu, hasil dan manfaat yang dijana daripada aset tersebut perlu dikembalikan kepada kumpulan wang yang berkenaan dan manfaatnya adalah tertumpu kepada penerima manfaat yang telah ditentukan oleh syarak berdasarkan nas al-Quran dan As-Sunnah dan niat pewakif. Manakala perbelanjaan pengurusan terhadap aset tersebut adalah diharuskan untuk diambil sebahagian daripada hasil penjanaan aset tersebut untuk tujuan penjagaan *ain* aset agar ia dapat dikenalkan sebaik yang mungkin dan manfaat aset tersebut berkekalan serta cakupan manfaat tersebut dapat diluaskan kepada pelbagai penerima manfaat yang ramai.

Asas perbahasan aspek syariah kedua ialah bentuk agihan dalam bentuk konsumtif dan produktif. Ini kerana agihan berbentuk konsumtif adalah bentuk agihan yang lazim

diamalkan oleh Institusi WZB dalam agihan zakat yang mana barang yang diagihkan adalah berbentuk pakai habis (*mal istikhlaki*) dan sekiranya dalam bentuk wang, ia juga akan dibelanjakan habis. Kaedah ini lebih kepada memenuhi keperluan asas penerima manfaat untuk teruskan kehidupan (kecukupan untuk hidup). Manakala bentuk kaedah kedua adalah berbentuk produktif yang melibatkan agihan berbentuk penggunaan dan perkongsian manfaat secara ramai dan berpanjangan dan biasanya dalam bentuk aset dan barang modal (*mal isti'mali*) atau manfaat secara khusus kepada individu asnaf tertentu. Kaedah ini antara lainnya adalah bertujuan untuk mengubah sikap asnaf menjadi berdikari menjana pendapatan sendiri dan institusi zakat juga dapat menjana hasil pendapatan daripada aset tersebut untuk diagihkan kepada asnaf dalam jangka masa panjang. Implikasi daripada kedua-dua bentuk agihan ini akan melahirkan perbincangan yang menjurus kepada elemen hasil dan belanja yang berkait dengan ekuiti atau sebaliknya. Perkara ini akan dibincangkan dengan mendalam di dalam bahagian seterusnya dengan merujuk kepada dalil-dalil yang berkaitan serta amalan semasa di Institusi WZB di zon yang dikaji.

Pada akhir bab ini, satu kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB berkaitan elemen penyata kewangan dikemukakan. Bahagian seterusnya akan membincangkan dalil menjelaskan perkara ini dengan lebih mendalam untuk menjelaskan konsep hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti (HBLE) untuk Institusi WZB.

## **6.2 Asas Dalil Perbahasan Konsep Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Untuk WZB**

Bahagian ini akan membincangkan beberapa dalil daripada sumber al-Quran dan as-Sunnah yang berkaitan dengan agihan zakat dan wakaf sebagai asas dalam membina satu kerangka kerja konseptual perakaunan Islam. Seperti yang dijelaskan sebelumnya, dalil serta nas yang dikaji adalah berkaitan dengan dua asas perbincangan utama iaitu (1) Isu pemilikan (*tamlik*) sama ada *ain* atau manfaat aset; (2) Isu kaedah dan bentuk agihan iaitu konsumtif dan produktif.

## 1. Nas Al-Quran

Kajian ini akan dimulakan dengan mengemukakan satu dalil naqli yang diambil daripada al-Quran yang khusus berkaitan konsep agihan zakat yang berkemungkinan boleh diqiaskan juga dengan pengurusan wakaf. Al-Quran telah memberi penerangan yang jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat berdasarkan ayat 60 Surah at-Taubah yang memperincikan arahan pengagihan zakat. Ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar dipikul oleh Institusi WZB terutamanya dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat (Qardawi, 2000 dan Mahmood Zuhdi, 2003). Dalam surah at-Taubah ayat 60, Allah SWT telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud,

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Ayat al-Quran tersebut juga menunjukkan pengagihan zakat amat penting memandangkan penegasan dan penjelasan yang nyata dalam pengagihan zakat. Institusi zakat atau Baitul Mal yang diwujudkan oleh kerajaan mempunyai kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Majoriti para *fuqaha'* berpendapat pembayaran zakat perlu dilakukan kepada Institusi

WZB sebagai *syakhsiyah iktibariyyah* kerana beberapa alasan termasuklah peranan Institusi WZB yang mampu dan berupaya mengagihkan zakat dengan lebih berkesan kepada asnaf zakat seperti dinyatakan dalam al-Quran.

## 2. Nas Al-Hadis

Dalil yang berkaitan dengan pengurusan dan pengagihan manfaat wakaf dapat dilihat daripada sebuah hadis Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Ibn Umar RA,

“Daripada Ibnu Umar RA katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.”

(Muttafaq a'laik dan susunan matan tersebut menurut riwayat Muslim)

Hadis ini telah menjelaskan kaedah asas agihan manfaat aset wakaf kepada penerima wakaf. Terdapat tiga implikasi yang dapat diambil daripada hadis ini iaitu; (1) Aset wakaf tersebut perlu ditahan daripada dipindahkan pemilikan ain aset tersebut kepada orang lain sama ada melalui kontrak jualbeli, hibah atau faraid. (2) Manfaat daripada aset wakaf tersebut adalah harus untuk diagihkan kepada golongan fakir dan miskin, kaum kerabat, hamba yang ingin memerdahakukan dirinya daripada tuannya, mereka yang berjihad di

jalan Allah serta *ibn sabil*. (3) Hadis ini juga menjelaskan adalah harus untuk diambil sebahagian daripada hasil wakaf secara *makruf* untuk tujuan belanja operasi pengurusan aset wakaf tersebut untuk mengekalkan manfaat aset tersebut berpanjangan.

### **6.3 Perbahasan Fuqaha' berkenaan Isu *Tamlil* zakat kepada asnaf**

Isu syariah yang agak lama telah dibincangkan oleh para fuqaha ialah berkenaan pemilikan (*tamlil*) *ain* dan manfaat sesuatu aset yang terbit daripada kaedah dan bentuk agihan zakat sama ada berbentuk produktif atau konsumtif dan isu ini telah dibincangkan oleh para fuqaha' klasik sejak dahulu lagi (Suhaili dan Nor 'Azzah, 2009). Ini kerana terdapat beberapa fuqaha' yang cenderung berpandangan adalah perlu memberi milik (*tamlil*) kepada asnaf sekiranya ia melibatkan harta zakat (*mal isti'mali*) ketika pengagihan zakat tersebut berlaku (Al-Ghufayli, 2008). Namun terdapat juga pandangan para fuqaha' yang tidak sependapat demikian (Suhaili dan Nor 'Azzah, 2009). Isu *tamlil* adalah amat relevan dalam perbincangan ini kerana ia berkait rapat dengan kaedah agihan zakat semasa yang telah menjadi praktis dalam kalangan Institusi WZB di Malaysia. Kaedah agihan zakat dalam bentuk produktif adalah bertujuan untuk mengubah sikap asnaf daripada sikap meminta-minta kepada masyarakat kepada sikap berdikari mencari rezeki yang akhirnya berkemungkinan akan berubah menjadi pembayar zakat. Persoalan utama konsep *tamlil* dalam kalangan fuqaha' semasa sebenarnya banyak tertumpu kepada kaedah agihan zakat yang berbentuk program latihan kemahiran serta penggunaan manfaat aset seperti bangunan yang dijana daripada dana zakat yang juga amat berkait dengan program penjanaan pendapatan kepada asnaf melalui dana zakat (Suhaili dan Nor 'Azzah, 2009). Proses menyerahkan zakat (*al-tamlil*) inilah yang telah banyak dibincangkan oleh majoriti para fuqaha' klasik.

*Al-Tamlil* membawa maksud perpindahan hak pemilikan individu zakat daripada pembayar atau wakilnya kepada penerima yang disahkan oleh institusi zakat kecuali sekiranya ada kekangan tertentu. Dalam keadaan normal, agihan zakat berbentuk barang (harta) akan dipindahkan kepada penerima secara individu, supaya mereka mempunyai hak penuh dan pemilikan yang sempurna ke atasnya. Kesannya, penerima manfaat iaitu asnaf dapat memanfaatkan dana zakat secara sepenuhnya akibat pemilikan

secara sempurna seperti yang mereka inginkan tanpa campur tangan daripada pihak luar (Suhaili dan Nor ‘Azzah, 2009).

Terdapat satu kajian oleh Nurul Ilyana dan Zahri (2018) yang berpendapat secara umumnya, pandangan fuqaha’ dalam isu *tamlik* terbahagi kepada dua mazhab iaitu mazhab yang mensyaratkan *tamlik* dan mazhab yang tidak mensyaratkan *tamlik*. Menurut kajian ini, majoriti fuqaha’ yang dipelopori oleh mazhab Hanafi, Shafie (Al-Nawawi 2001) dan Hanbali (Al-Mardāwī, t.th), berpandangan bahawa *tamlik* harta zakat merupakan satu syarat perlu dalam agihan zakat kepada semua asnaf zakat. Ini bermakna agihan zakat adalah tidak sah jika tidak diberikan *tamlik* kepada mereka. Al-Kasani (1986, 2:39) telah menjelaskan perkara ini dalam tulisannya yang bermaksud:

“Apabila seseorang pengeluar zakat memberi makanan dengan wang zakatnya lalu memberi makan kepada orang fakir pada waktu siang dan malam, di mana beliau tidak menyerahkan zat makanan kepada mereka, maka ini tidak harus kerana tidak wujud elemen *tamlik* (penyerahan hak milik)”.

Menurut Nurul Ilyana dan Zahri (2018) lagi seperti yang dinukilkan oleh al-Mardawi (t.th), seorang tokoh daripada mazhab Hanbali juga berpandangan, maksudnya;

“Disyaratkan dalam pengeluaran zakat tamlik (memberi milik) kepada asnaf yang diberi, sepertimana terdahulu dalam bab terakhir sebelum ini, maka tidak harus hanya memberi makan atau memberi pakaian kepada golongan fakir”.

Hujah Ini adalah bersandarkan kepada firman Allah Taala dalam surah Al-Tawbah ayat 60 seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Berdasarkan kepada ayat tersebut, huruf lam pada perkata “*li al-fuqara*” membawa maksud *tamlik* (Al-Ghufaylī 2008). Ini kerana Allah SWT menyandarkan perkataan sedekah kepada golongan yang boleh memiliki. Sekiranya huruf “*lam*” tersebut disandarkan kepada golongan asnaf yang tidak layak memiliki sepenuhnya maka ia akan membawa makna lain iaitu ikhtisas atau eksklusif

(Nurul Ilyana dan Zahri, 2018) yang mana *tamlīk* hanya boleh dilakukan kepada individu asnaf tertentu atau wakil dalam kalangan mereka. Rumusannya, pandangan ini sebenarnya mensyaratkan *tamlīk* kepada semua asnaf sama ada individu tertentu atau wakil dalam kalangan asnaf. Menurut Suhaili dan Nor ‘Azzah (2009) pula, golongan pengikut mazhab Hanafi adalah yang paling ketat pandangan berhubung isu *tamlīk* di mana mereka berpendapat bahawa pemilikan sempurna mesti dipatuhi sepanjang masa dan diperluaskan kepada semua penerima yang ditetapkan. Pemilikan yang sempurna dianggap sebagai unsur penting iaitu rukun untuk menentukan kesahihan agihan zakat yang hanya dipatuhi dengan memuaskan apabila syarat hak penuh harus diberikan kepada asnaf dengan kebebasan peribadi yang sempurna untuk memanfaatkankekayaan tanpa ada batasan. Malah menurut pengikut mazhab Hanafi lagi, membayar zakat dalam bentuk manfaat tidak ketara, seperti contohnya memberi hak untuk tinggal di rumah, adalah tidak sah kerana golongan ini tidak menganggap manfaat sedemikian sebagai kekayaan yang menjadi intipati falsafah pembayaran zakat iaitu *aghniya*'.

Menurut Nurul Ilyana dan Zahri (2018) ada mengatakan bahawa Al-Shirazi pernah menyebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Nawawi (2001) yang bermaksud:

“Dan Allah menyandarkan semua zakat kepada mereka dengan huruf *lam* bermakna *tamlīk* (memberi milik) dan Allah menghimpunkan antara mereka semua (asnaf) dengan huruf *waw*. Maka ini menunjukkan bahawa zakat tersebut dimiliki oleh mereka dan dikongsi oleh mereka bersama”.

Selain itu, menurut Nurul Ilyana dan Zahri (2018) lagi seperti yang dinukilkan oleh al-Kasani (1986, 2:39), Allah SWT telah menamakan zakat sebagai sedekah dalam firmanNya {إِنَّمَا الصَّفَاتُ لِلْفَقَرَاءِ} dan *al-tasadduq* (memberi sedekah) ialah satu bentuk *tamlīk*. Dengan kata lain, perkataan sedekah menunjukkan bahawa ia tidak akan berlaku kecuali dengan cara memberi milik (*tamlīk*) kepada orang yang disedekahkan (Al-Ghufaylī 2008). Pendapat inilah yang dinyatakan oleh al-Nawawi secara jelas (2001, 8:307) yang bermaksud,

“Disyaratkan *tamlik* kepada golongan yang berhak dan memberi kuasa kepada mereka secara penuh. Maka tidak memadai hanya memberi makan siang atau malam dengan tamar dan seumpamanya”.

Dan dikuatkan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:43) yang bermaksud

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk."

dan Firma Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2: 110) yang bermaksud,

"Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan"

Dapat difahami daripada kedua-dua ayat ini adalah disyaratkan *tamlik* kerana ayat ini menggunakan perkataan *ita'* yang bermaksud berilah. *Ita'* bermaksud *tamlik* (memberi milik). Malahan objektif zakat ialah golongan fakir dan miskin dapat mengambil manfaat daripada dana zakat, maka ia tidak akan tercapai melainkan dengan cara memberi milik penuh kepada mereka (Al-Ghfaylī 2008, dan Nurul Ilyana dan Zahri, 2018).

Manakala terdapat pendapat kedua pula yang dipelopori oleh Mazhab Maliki dan disokong oleh Ibn Taimiyyah di mana mereka menyatakan bahawa wajib *tamlik* harta zakat kepada sebahagian asnaf sahaja (Nurul Ilyana dan Zahri, 2018). Antara asnaf yang tidak perlu kepada *tamlik* ialah *riqab*, *gharimin* dan *fī sabilillah*. Manakala selain daripada asnaf tersebut termasuk fakir miskin, maka diwajibkan *tamlik* harta zakat kepada mereka ketika agihan zakat dilakukan. Mereka berhujahkan dengan ayat yang sama kerana huruf *lam tamlik* hanya difokuskan kepada empat asnaf pertama iaitu faqir, miskin, amil dan muallaf. Selain itu, menurut mazhab Maliki, tafsiran huruf *lam* di sini juga bukan untuk *tamlik*, sebaliknya untuk menjelaskan asnaf agihan. Ini kerana sekiranya *lam* tidak

ditafsirkan sebegitu, maka ia menjadikan agihan kepada semua kelapan-lapan asnaf adalah wajib sedangkan ia bukan satu pendapat yang tepat. Pandangan ini disokong oleh beberapa pandangan fuqaha'. Menurut Nurul Ilyana dan Zahri (2018) dalam kitab al-Tanbih yang merupakan kitab fiqh mazhab Maliki, Al-Mahdawi ada menyatakan (2007, 2: 845) bermaksud,

“Dan huruf lam di sisi kami ialah *lam al-sarf* (menjelaskan agihan) bukannya lam bermaksud *tamlik*. Oleh itu kami berpendapat, tidak wajib mengagihkan sedekah kepada semua lapan asnaf, di mana setiap asnaf mendapat bahagian. Sebaliknya jika diberikan kepada satu asnaf sahaja sudah memadai. Dan agihan ini sebenarnya berdasarkan *ijtihad*”.

Tambahan pula, menurut mereka, apa yang nyata daripada surah Al-Tawbah ayat ke-60 tersebut tidak mewajibkan *tamlik*. Pandangan yang mengatakan wajib *tamlik* adalah dianggap suatu tambahan ke atas nas al-Quran. Maka sebarang bentuk tambahan adalah tertolak (Nurul Ilyana dan Zahri, 2018). Manakala menurut Suhaili dan Nor ‘Azzah (2009) pula, merujuk kepada pandangan fuqaha' klasik yang lepas, ia mungkin tidak menjadi masalah kepada perpindahan pemilikan yang sempurna untuk dipatuhi sepanjang masa terutamanya melibatkan perpindahan *ain* dan manfaat zakat yang nyata yang melibatkan agihan berbentuk konsumtif dan melibatkan harta *istikhaki*. Walau bagaimanapun, ini tidak mungkin berlaku dalam keadaan moden apabila agihan zakat digunakan untuk tujuan agihan berbentuk manfaat seperti menyediakan latihan dan kemahiran untuk penerima yang layak. Dalam keadaan ini, penerima tidak akan menerima sebarang aset ketara atau *ain* fizikal zakat tetapi akan menerimanya dalam bentuk ilmu pengetahuan dan kepakaran yang tidak ketara.

Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa para ulama klasik juga membincangkan tentang keadaan di mana *al-tamlik* yang sempurna mungkin tidak diperlukan. Merujuk kepada surah Al-Taubah (9:60) yang dinyatakan sebelum ini, bukannya penggunaan kata “*li*”, separuh daripada penerima yang lain telah disebutkan menggunakan “*fi*” kata preposisi. Kata-kata yang berbeza digunakan untuk kumpulan kedua iaitu hamba,

penghutang, *fi sabilillah* dan *ibn sabil* menandakan perbezaan bagaimana zakat itu harus diagihkan kepada mereka. Contohnya menurut Suhaili dan Nor ‘Azzah (2009), golongan ahli mazhab Hanbali dan Shafi'i telah membahagikan penerima kepada dua golongan, iaitu pertamanya terdiri daripada empat kumpulan awal di mana kekayaan fizikal mesti diserahkan secara individu. Awalan "lam" dari empat kumpulan pertama menunjukkan perpindahan pemilikan mutlak kerana ia melibatkan penerima individu yang boleh memiliki kekayaan. Namun golongan mazhab Maliki berpandangan asnaf *ibn sabil* juga termasuk dalam empat kumpulan pertama.

Pengagihan zakat berbeza untuk empat kumpulan penerima yang terakhir di mana "*fi*" *al-zarfiyyah* menandakan bahawa pemilikan hanya terhad untuk tujuan khusus sahaja. Dalam kes ini, kekayaan itu sebenarnya bukan untuk penggunaan peribadi mereka tetapi dibayar kepada orang lain, oleh itu penerima hanya bertindak sebagai penjaga bagi pemilik sebenar (*ahzan mura'an*). Sebagai contoh, kekayaan (dana zakat) yang diberikan kepada penghutang sebenarnya tidak dimaksudkan untuknya tetapi untuk membayar pemutang yang secara tidak langsung akan memberi faedah kepada penghutang. Para fuqaha' menegaskan jika ada lebihan wang setelah menyelesaikan hutang tersebut, penerima zakat tersebut (penghutang asal) harus mengembalikannya lebihan zakat tersebut kepada institusi zakat (Suhaili dan Nor ‘Azzah, 2009).

Suhaili dan Nor ‘Azzah, (2009) terus menjelaskan di samping maksud “*fi*” yang merupakan perkataan khas yang seterusnya boleh menghadkan hak mutlak penerima asraf, kuasa amil adalah faktor lain yang perlu dipertimbangkan yang mana amil difahami daripada ayat ke-60 surah Al-Tawbah sebagai mewakili penerima zakat, sebagai pemegang amanah yang menjaga kepentingan asraf. Peranan mereka dalam pengurusan zakat disokong oleh ayat surah Al-Taubah (9: 103) yang telah mewajibkan pembayaran zakat bermaksud:

"Ambil sadaqa dari kekayaan mereka untuk membersihkan dan membersihkan mereka".

Menurut Suhaili dan Nor ‘Azzah, (2009), ayat ini ditujukan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara, sehingga apabila Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA menggantikannya sebagai khalifah, dia terus menggunakan kuasa negara untuk mengurus zakat. Bagi Sunnah, pelantikan sahabat nabi bernama Mu’adh RA sebagai pengumpul zakat di Yaman adalah bukti bahawa negara adalah kuasa untuk mengambil dan mengagihkan zakat. Penguasa dan pengumpul mereka memainkan peranan penting antara pembayar dan penerima seperti yang dipertimbangkan, di satu sisi sebagai mewakili penerima dan mewakili pembayar di pihak lain. Justeru para amil berhak untuk menentukan cara terbaik untuk mengagihkan zakat berdasarkan keperluan tempatan semasa. Dalam hal ini, dikatakan bahawa Mu’adh RA sebagai pengumpul zakat di Yaman dilaporkan memiliki kain atau pakaian yang lebih disukai sebagai ganti makanan untuk kemudahannya.

Selain itu, pemerintah juga mempunyai hak untuk menggunakan budi bicara mereka untuk menguruskan zakat demi kepentingan penerima zakat yang berpotensi. Menurut golongan mazhab Hanbali, pemerintah dapat menukar kekayaan zakat untuk apa-apa bentuk keperluan yang diperlukan dengan syarat kepentingan asnaf dipelihara dengan baik. Sebagai contoh, zakat boleh digunakan untuk membayar sewa rumah untuk golongan miskin jika mereka tidak mempunyai tempat perlindungan. Malah menurut golongan mazhab Shafi'i pada masa-masa lain telah memberikan hak kepada pegawai pemerintah atau amil untuk menentukan jumlah yang harus diberikan kepada individu penerima kerana amil adalah orang yang mengetahui keperluan asnaf yang terbaik.

Justeru, kajian ini cenderung kepada menyokong pandangan kedua tersebut sebagai kerangka asas untuk cadangan kerangka syariah untuk pengiktirafan hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti dengan merujuk kepada pandangan Imam Al-Nawawi (1996) yang amat jelas seperti yang telah dibincangkan oleh Ahmad Husni dan Muhammad Furqan (2018) dimana Imam Al-Nawawi ada menyebut secara jelas bentuk agihan zakat dalam bentuk yang produktif iaitu;

“Fakir dan miskin harus mendapat agihan zakat dalam bentuk modal pelaburan seperti dibelikan alat-alat mengikut kemahiran masing-masing supaya mereka boleh mendapat keuntungan demi memenuhi keperluan harian mereka. Jika golongan fakir dan miskin merupakan seorang tukang kayu, agihan itu harus digunakan untuk membeli alat-alat pertukangan selengkapnya. Jika ia seorang peniaga, berilah modal secukupnya bersesuaian dengan perniagaan yang mereka ceburi. Contohnya, peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan modal sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Penjual minyak wangi satu ribu dinar dan peniaga intan berlian sepuluh ribu dinar. Bagi tiada kemahiran walaupun diberikan latihan bolehlah dibelikan aset sebagai modal pelaburan yang dapat menampung diri dan tanggungannya serta menjadi harta pusaka”

Berdasarkan pandangan Imam Al-Nawawi pula, Ahmad Husni dan Muhammad Furqan (2018) telah mencadangkan kaedah terbaik dalam pengagihan wang zakat secara efektif dan dapat membasmi kemiskinan pada masa kini adalah melalui kaedah pengagihan zakat dalam bentuk zakat produktif sama ada melalui pembangunan diri asnaf zakat dalam aspek kerohanian, sozial, pendidikan dan ekonomi atau pun melalui pemberian dana zakat dalam bentuk pinjaman mikro kredit sama ada berbentuk kontrak *Qardul Hassan*, *Mudharabah* atau *Musyarakah*. Kaedah ini telah dipraktikkan di negeri Melaka yang telah melaksanakan kontrak *Qardul Hassan* untuk pembiayaan modal perniagaan kepada asnaf. Perlu difahami bentuk agihan zakat yang produktif bertujuan untuk mengubah sikap asnaf daripada sikap meminta-minta kepada masyarakat kepada sikap berdikari dan berusaha sedaya upaya untuk mengubah nasib mereka. Pandangan ini agak konsisten dengan pandangan Muhammad Syukri (2014b) yang menyarankan peranan zakat dalam mengubah sikap asnaf yang diukur dengan ukuran bersifat Islami seperti melahirkan asnaf berjiwa kaya dan lain-lain.

Terdapat dua pandangan ulama berkenaan pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin berdasarkan pandangan fuqaha' semasa termasuklah Qardawi (2000). Pandangan pertama ialah pengagihan yang berfokus untuk memenuhi kecukupan asnaf tanpa meletak

kadar tertentu (*unfixed value*) daripada harta yang akan diagihkan kepada asnaf. Pandangan yang kedua pula, pengagihan yang menentukan kadar tertentu (*fixed value*) daripada harta yang akan diagihkan kepada asnaf (Qardawi, 2000). Menurut Qardawi (2000), pandangan pertama lebih menepati maksud sebenar pengagihan kepada asnaf fakir dan miskin. Bagi memenuhi kecukupan ini, terdapat dua cara iaitu;

- (1) memberikan bantuan kepada asnaf dengan sejenis bantuan yang dapat menghapuskan sebab kemelaratan dan kesempitan hidup mereka. Cara ini dinamakan sebagai ‘pemberian kecukupan umur’ dan dianggap sebagai bentuk konsumtif.
- (2) memberikan bantuan kepada asnaf untuk membiayai mereka sepanjang tahun dalam erti kata lain memberikan bantuan *qatihanah*. Cara ini dinamakan “pemberian kecukupan sara diri” dan dianggap sebagai bentuk produktif. Dalam melaksanakan cara pengagihan pemberian kecukupan umur ini, Qardawi (2000) telah menjelaskan bahawa berdasarkan cara pengagihan ini, ia mengharuskan institusi zakat membangunkan kilang-kilang, premis-premis kediaman, kompleks-kompleks perniagaan dan pelbagai lagi harta *aqar* dengan menggunakan harta-harta zakat. Harta-harta *aqar* tersebut dijadikan milik *asnaf* dengan pemilikan penuh atau pemilikan separa. Diharapkan agar harta-harta *aqar* tersebut dapat menjana pendapatan bagi mereka yang dapat memenuhi kecukupan mereka dengan sempurna. Namun begitu, menurut Qardawi lagi, mereka berhak untuk menjual atau memindahkan pemilikannya kepada orang lain agar harta *aqar* tersebut menjadi seumpama harta yang diwaqafkan untuk mereka. Ini dengan tujuan agar manfaat harta-harta *aqar* tersebut berpanjangan untuk dimanfaatkan oleh asnaf yang lain.

Oleh itu, pandangan Qardawi ini jelas mengharuskan pengagihan zakat dalam bentuk aset atau seumpama dengannya yang bertujuan pembangunan asnaf untuk jangkamasa panjang sama ada pemilikan penuh iaitu memindahkan milik sepenuhnya aset kepada asnaf atau separa iaitu pemilikan *ain* aset di bawah Institusi WZB. Sekiranya pengagihan

zakat dalam bentuk bantuan pembinaan rumah mampu milik secara khusus untuk individu tertentu yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin, maka pemilikan aset tersebut telah menjadi hak milik sepenuhnya asnaf tersebut dan hal ini tidak menimbulkan sebarang isu pemilikan. Namun, sekiranya pihak Institusi zakat ingin menggunakan dana zakat untuk pembelian aset tertentu tetapi bagi tujuan agihan berbentuk manfaat asnaf yang umum, seperti rumah perlindungan untuk asnaf mualaf, rumah transit untuk manfaat umum asnaf fakir dan miskin, sekolah pendidikan agama Islam untuk kategori asnaf *fisabilillah*, maka pemilikannya berkemungkinan menjadi pemilikan separa menurut Qardawi (2000) dimana Institusi zakat atau baitulmal sebagai pemilik aset tersebut berdasarkan enakmen dan manfaatnya adalah kepada asnaf yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa syariah atau fatwa.

Pandangan ini juga disokong oleh pandangan Sulaiman al-Ashqar et al. (2004) yang berpendapat bahawa jumhur fuqaha' yang terdiri daripada Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali membenarkan pemerintah atau pihak yang menguruskannya untuk membuat pembelian berbentuk aset contohnya senjata dan alat perang dari wang zakat di bawah dana *fi sabilillah*. Hal ini bermanfaat untuk para mujahidin di jalan Allah SWT tanpa pemilikan secara individu untuk mereka. Menurut mereka lagi berdasarkan kitab Tafsir Al-Mannar, ada menyatakan bahawa peralatan perang ini yang berbaki seperti senjata, kuda dan lain-lain perlu dipulangkan semula kepada baitulmal semula selepas perang. Selain itu, dana zakat juga boleh digunakan untuk membina bangunan yang berkaitan dengan aset seperti hospital ketenteraan yang dilengkapi dengan alat perubatan begitu juga dengan kilang yang membekalkan peralatan perang. Di samping itu, wang zakat bahagian tersebut juga boleh digunakan untuk membina kubu, menara kawalan dan parit dalam misi ketenteraan. Bagi pendidikan ketenteraan seperti membina kolej tentera dan penubuhan sebarang media yang dapat menaikkan semangat dan moral juga termasuk dalam perkara yang dibenarkan untuk menggunakan wang zakat tersebut. Rumusannya, pandangan ini menyokong kepada pemilikan separa aset zakat tersebut namun menekankan kepada bahagian *fisabilillah*.

Menurut Sulaiman al-Ashqar et al. (2004) lagi, terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sekiranya ingin menggunakan dana wang zakat untuk mencipta aset seperti berikut: (1) Tujuan pembinaan institusi tersebut adalah menepati maksud asas pelaksanaan zakat; (2) manfaat itu terhad bagi golongan yang berhak memperoleh zakat sahaja. Jika ia manfaat institusi tersebut diberi kepada orang yang tidak berhak contohnya golongan yang kaya, ia tidak dibolehkan kecuali jika mereka membayar wang dan kemudiannya digunakan untuk kepentingan institusi tersebut; (3) pembinaan institusi tersebut diketahui oleh pihak muslim yang berautoriti seperti qadhi syariah, persatuan yang menguruskan dan sebagainya; (4) pemilikan institusi itu perlulah mengikut semua prosedur perundangan untuk memastikan bahawa institusi tersebut menjadi pemilikan bahagian hal ehwal orang Islam yang berkaitan dengan zakat; dan (5) institusi yang dibina ini diisyiharkan sebagai institusi zakat dan sepenuhnya menggunakan harta zakat.

#### **6.4 Implikasi perbahasan Fuqaha' agihan zakat dan wakaf terhadap kerangka kerja konseptual untuk Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti**

Pengurusan dana zakat oleh institusi yang diberi amanah merupakan faktor penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam khususnya dan negara secara amnya. Dalam konteks Malaysia, pentadbiran harta umat Islam termasuk hasil berkaitan agama Islam seperti zakat, wakaf dan baitulmal diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan dan pentadbiran tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi yang diberi mandat oleh MAIN. Pengasingan pengurusan wang berkaitan agama Islam termasuk zakat yang tidak diiktiraf sebagai wang awam adalah jelas seperti yang termaktub dalam Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957. Perundangan ini digubal bertujuan untuk memastikan kutipan zakat dapat diagihkan dengan sempurna dengan mematuhi tuntutan syarak oleh Institusi zakat seperti MAIN atau agensi yang diberi kuasa oleh Institusi WZB yang berperanan sebagai *ulul amri*. Malah sebenarnya Institusi WZB merupakan entiti perundangan (*syakhsiyah iktibariyyah*) yang mempunyai hak ke atas pengurusan dan pemegang amanah harta awam umat Islam menurut maslahat (Wahbah al-Zuhaili, 2005) yang berkaitan pengurusan harta atau aset WZB.

Menurut Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya Ahmad, Timbalan Mufti Negeri Johor,

“...majlis berperanan sebagai ulul amri dan atas nama ulul amri itulah majlis mengutip, mengurus dan mengagihkan. Jadi dari segi itu mungkin mengurus itu termasuk dari sudut pemilikan aset yang akhirnya juga manfaatnya kepada asnaf. Oleh itu dari segi syaraknya “*khuz min amwalihim..*” ambillah dari harta mereka, ambil itu daripada ulul amri tadi yang disebutkan sultan sebagai ulul amri kemudian sultan memberikan kuasa kepada majlis dan majlis berperanan dengan perkenan daripada sultan...”

Institusi WZB sebagai institusi *ulul amri* yang diberi amanah menguruskan dana WZB memainkan peranan yang penting bagi memenuhi dan memelihara kepentingan umat Islam dan juga masyarakat awam amnya. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kewangan umat Islam, serta pemodenan tadbir urus MAIN, pengurusan WZB pada masa kini dilihat lebih kompleks dan memerlukan kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan bagi menjamin kelestarian sosioekonomi umat Islam.

Satu pendedahan maklumat kutipan dan pengagihan zakat yang lengkap dan telus adalah perlu untuk mengurangkan tahap ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat terhadap pendedahan pelaporan dan maklumat kewangan dan bukan kewangan oleh institusi zakat. Ini diakui sendiri oleh Timbalan Mufti Negeri Johor yang berpandangan,

“...persepsi masyarakat kita macam mana pun persepsi masyarakat ini perlu diberi keutamaan kerana kita menerima amanah dari masyarakat. kalau masyarakat tak percaya dia tak akan bayar zakat kepada kita... Tapi kadang-kadang mungkin ada persepsi yang negatif dan sebagainya. Itu kena tanggungjawab majlislah untuk beri pencerahan...”

Oleh yang demikian, satu pelaporan kewangan Institusi WZB yang komprehensif dan telus amat diperlukan untuk menangkis segala persepsi negatif dari kalangan masyarakat Islam dalam menguruskan aset dan manfaat WZB dan memastikan ia sampai kepada penerima manfaat yang telah ditentukan oleh syarak.

Penerima manfaat berdasarkan tafsiran ayat Surah Al-Tawbah ayat ke-60 jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat kepada penerima manfaat dengan cekap dan berkesan, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran adalah umum dan perlu diperhalusi konsep agihan zakat. Contohnya Mujaini (2005) telah mengklasifikasikan semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori atas agihan iaitu:

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan *ibn sabil*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah *muallaf* dan *fi-sabilillah*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah amil.

Dalam konteks pengurusan aset zakat oleh Institusi WZB, ia hanya melibatkan pengurusan kumpulan wang zakat iaitu melibatkan tujuh asnaf daripada lapan asnaf (tidak termasuk amil). Ini bermakna kategori atas agihan pertama dan kedua yang dinyatakan di atas yang perlu diberikan perhatian oleh Institusi WZB. Manakala agihan bagi asnaf amil adalah lebih kepada sebagai insentif bayaran pengurusan kepada tugas-tugas mengutip dan mengagihkan zakat.

Manakala penerima manfaat wakaf berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA pula telah memberi satu panduan yang bersifat umum dalam menjelaskan satu kaedah pengagihan manfaat daripada harta wakaf tersebut adalah harus untuk diberikan kepada golongan fakir dan miskin, kaum kerabat, hamba yang ingin memerdekaan dirinya daripada tuannya, mereka yang berjihad di jalan Allah serta ibn sabil serta diharuskan untuk diambil sebahagian daripada hasil manfaat wakaf untuk tujuan belanja operasi pengurusan aset wakaf tersebut.

Daripada perbincangan ini, beberapa implikasi penting perakaunan daripada perspektif syariah dapat dibahaskan seperti berikut:

1. Aset zakat dan wakaf adalah aset berbentuk amanah yang perlu mematuhi keperluan syariah dan enakmen MAIN. Justeru segala manfaat yang berkait hasil serta belanja pengurusan yang berkaitan dengan aset tersebut juga adalah berbentuk amanah. Daripada sudut perbincangan ilmu perakaunan, konsep amanah pula dibahagikan kepada dua bentuk layanan perakaunan iaitu; (1) liabiliti; (2) ekuiti terhad. Takrif dan implikasi layanan ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut di bahagian berikutnya.
2. Perbahasan berkenaan pengurusan manfaat agihan zakat juga boleh dipraktiskan kepada agihan manfaat aset wakaf walaupun kajian ini merujuk kepada surah Al-Tawbah ayat 60 yang membincangkan agihan zakat secara khusus. Ini disebabkan oleh agihan zakat adalah melibatkan pengurusan ke atas dana serta aset zakat yang terkait dengan hukum wajib pembayarannya setelah memenuhi syarat serta rukunnya dan mempunyai satu kaedah fiqh yang khusus dan ada nas yang *sorih*. Manakala sumbangan wakaf pula berkait dengan sunnah (*voluntary*) menunaikannya oleh umat Islam dan tiada kaedah fiqh yang khusus yang dipetik secara langsung daripada al-Quran berkaitan pengurusan aset wakaf. Kawalan terhadap aset wakaf dan zakat adalah terhad dan oleh kerana itu ia dikelaskan sebagai aset amanah yang mana Institusi WZB hanya mempunyai hak untuk mengurus dan menjaga aset daripada dipindah milik kepada orang lain dan memastikan penyaluran manfaat daripada aset tersebut kepada penerima yang dimaksudkan dan seperti yang ditentukan dalam nas al-Quran dan *aqad* serta niat pewakif.

3. Perbincangan pengurusan aset dan manfaat daripada dana KWB tidak dibahaskan dengan mendalam kerana ia merupakan aset yang lazim dan melibatkan pemilikan aset dan kuasa *tasarruf* yang sempurna. Justeru pengurusan manfaat daripada dana dan aset baitulmal adalah dilayan seperti pengurusan aset yang lazim diuruskan oleh institusi Islam. Maka dapatlah disimpulkan bahawa ciri kawalan oleh Institusi MAIN terhadap aset baitulmal adalah sepenuhnya dikawal dan oleh kerana itu ia dikelaskan sebagai aset bukan amanah dalam konteks perakaunan. Aset baitulmal (aset bukan amanah) dimiliki oleh Institusi MAIN secara sempurna iaitu pemilikan ‘ain (fizikal) dan manfaat secara sempurna, namun pemilikan aset oleh Institusi WZB adalah secara bersyarat (Muji Tahir, 2016). Sehubungan itu, Institusi WZB perlu mengurus aset tersebut dengan cara yang terbaik selaras dengan kaedah atau tatacara yang telah ditetapkan bagi aset baitulmal demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam.
4. Isu agihan zakat dan pemilikan (*tamlik*) aset dan manfaat zakat. Ini bersandarkan kepada Al-Quran Surah At-Taubah (9:60) yang dinyatakan sebelum ini iaitu kepada lapan golongan tersebut dengan huruf *laam at-tamlik* iaitu huruf *Laam* yang diguna pakai untuk menyatakan pemilikan dan menghubungkan antara asnaf tersebut dengan *wawu at-tasyriik* iaitu huruf *waw* (huruf *ataf*) yang bererti “dan” yang menunjukkan masing-masing mempunyai hak yang sama bersandarkan kepada pendapat para ulama *Syafi’iyyah* (Wahbah az-Zuhaili, 2011). Oleh itu, semua bentuk zakat merupakan milik semua golongan dengan hak yang sama (Mohamad Uda, 2005) dan para ulama telah membincangkan isu ini dengan lebih mendalam daripada sudut bentuk agihan zakat.

Contohnya menurut Qardawi (2000) yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat dua cara agihan zakat, iaitu (1) memberikan bantuan kepada asnaf dengan sejenis bantuan yang dapat menghapuskan sebab kemelaratan dan kesempitan hidup mereka. Cara ini dinamakan sebagai ‘pemberian kecukupan umur’. (2) memberikan bantuan kepada asnaf untuk membiayai mereka sepanjang tahun dalam erti kata lain memberikan bantuan tahunan. Cara ini dinamakan “pemberian kecukupan sara diri”. Dalam melaksanakan cara pengagihan pemberian kecukupan umur ini, Qardawi (2000) telah menjelaskan

bahawa adalah harus institusi zakat membangunkan kilang-kilang, premis-premis kediaman, kompleks-kompleks perniagaan dan pelbagai lagi harta *aqar* dengan menggunakan harta-harta zakat. Manfaat dan faedah daripada harta-harta *aqar* tersebut dapat menjana pendapatan bagi memenuhi kecukupan mereka dengan sempurna.

Namun pandangan pengkaji semasa telah membahagikan bentuk dan kaedah bantuan zakat secara khususnya dan wakaf secara umumnya kepada dua bentuk iaitu; (1) bantuan berbentuk konsumtif; (2) bantuan berbentuk produktif. Kajian oleh Suhaili dan Nor'Azzah (2009) serta kajian oleh Muhammad Anwar (1995) secara khususnya telah membincangkan cadangan kaedah yang boleh mengubah nasib asnaf menjadi pembayar zakat melalui kaedah agihan zakat berbentuk produktif seperti mengadakan program latihan dan pembangunan modal insan asnaf serta mencadangkan pemberian suatu bentuk pinjaman sama ada menggunakan kontrak qardul hassan dan sebagainya. Namun isu pemilikan (*tamlik*) tetap menjadi isu utama berdasarkan perbincangan surah Al-Taubah ayat 60 yang telah dijelaskan sebelum ini. Rumusannya beberapa pandangan mencadangkan agar agihan zakat berbentuk konsumtif adalah kepada empat asnaf yang utama dalam surah Al-Taubah ayat 60 iaitu asnaf fakir, miskin, amil dan hamba manakala agihan zakat berbentuk produktif adalah kepada empat asnaf yang seterusnya. Walau bagaimanapun terdapat juga pandangan yang tidak menghadkan bentuk agihan konsumtif dan produktif kepada kumpulan asnaf tertentu.

5. Isu manfaat dan faedah daripada agihan zakat. Merujuk kepada bentuk agihan zakat (1) komsumtif dan (2) produktif, maka kajian ini berpandangan konsep pemilikan (*tamlik*) berdasarkan surah At-Taubah ayat 60 dan pandangan Qardawi (2000) yang membezakan huruf *li-tamlik* yang menunjukkan pemilikan sempurna asnaf empat yang pertama dan huruf *fi* yang menunjukkan pemilikan secara spara. Implikasinya (1) segala terimaan dan kutipan zakat yang dikutip daripada masyarakat Islam dan diagihkan secara langsung kepada empat asnaf yang pertama atau kepada asnaf yang lain dalam bentuk agihan konsumtif atau; (2) bentuk agihan produktif yang memberi implikasi pindahan hak milik aset secara milik sempurna atau secara spara, maka ia perlu dilayan sebagai liabiliti. Ini adalah kerana ia merupakan satu amanah yang perlu ditunaikan pada tahun berkenaan dan

sekiranya berlaku lebihan agihan zakat pada tahun tersebut, maka ia perlu dilayan sebagai liabiliti semasa yang perlu didedahkan di penyata kewangan MAIN.

Manakala segala terimaan daripada aset zakat yang berbentuk agihan produktif seperti pelaburan aset zakat dalam institusi kewangan berbentuk deposit tetap atau mendapat hasil sewaan daripada aset zakat, maka ia perlu dilayan sebagai ekuiti terhad dan segala hasil manfaat daripada aset tersebut diiktiraf sebagai hasil. Ini kerana ia melibatkan usaha bersungguh-sungguh pihak Institusi WZB yang telah mengubah bentuk agihan zakat daripada tradisionalnya berbentuk konsumtif kepada bentuk produktif (Suhaili dan Nor'Azzah, 2009). Manakala segala kos yang terlibat dalam penyelenggaraan aset bertujuan untuk memastikan manfaat aset tersebut secara berterusan, maka item ini perlu diiktiraf sebagai belanja. Item yang lain yang terlibat termasuklah belanja susut nilai. Lebihan hasil tolak belanja akan dilayan sebagai ekuiti zakat. Ekuiti zakat agihan berbentuk produktif yang diperolehi daripada manfaat daripada aset zakat yang diletakhakkan kepada Institusi WZB untuk kegunaan asnaf yang ditentukan. Ia merupakan ekuiti terhad.

Berdasarkan penyelidikan ini, Institusi WZB secara praktisnya telah melaksanakan kaedah agihan berbentuk produktif berpandukan kepada pandangan jawatankuasa syariah dan fatwa negeri masing-masing yang mempunyai pandangan yang berbeza dalam menguruskan dana zakat dan agensi berkaitan di bawahnya. Contohnya dalam enakmen pentadbiran agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah seksyen 47,

‘...sumber pembiayaan kos-kos agihan zakat secara manfaat hendaklah diambil berdasarkan kepada dana asnaf tersebut diagihkan. Sebagai contoh pembinaan asrama anak yatim Baitul Hasanah yang dibina untuk manfaat anak-anak yatim fakir dan miskin dengan menggunakan dana asnaf fakir dan miskin. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolumen kakitangan, emolumen tenaga pengajar dan segala keperluan asas asrama tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf fakir dan miskin..’

Contoh lain di negeri Perlis juga ada menyatakan keharusan agihan dana zakat digunakan dalam bentuk manfaat daripada aset iaitu;

‘...peruntukan untuk asnaf fakir dan miskin perlu diagihkan dan diurus dengan lebih berkesan dan sistematik serta mendatangkan faedah jangka panjang kepada mereka seperti mendirikan kilang perusahaan yang membabitkan fakir dan miskin, dan memberi pulangan kepada mereka untuk mendapat faedah sepenuhnya daripada program tersebut’

Tarikh: 11 Mei 1998 [Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis]

6. Isu manfaat dan faedah daripada wakaf. Aset wakaf seperti dijelaskan sebelum ini merupakan aset berbentuk amanah yang terdiri daripada dua jenis, (1) aset wakaf khas, dan (2) aset wakaf am. Layanan terhadap aset-aset ini berbeza mengikut niat para pewakif sama ada niat manfaatnya berbentuk khas seperti masjid, tanah perkuburan, sekolah dan sebagainya dan niat manfaat berbentuk am iaitu mengikut ijтиhad pihak Institusi WZB untuk memastikan manfaat aset wakaf adalah memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam serta merujuk garis panduan asas agihan manfaat wakaf adalah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA yang telah dibincangkan sebelum ini. Oleh itu, kajian ini berpandangan, untuk kategori manfaat wakaf yang dilayan sebagai liabiliti adalah seperti berikut; (1) Saham Wakaf Tunai Khas yang merupakan wakaf tunai yang dipegang oleh institusi wakaf yang belum ditukarkan kepada aset; (2) Wakaf Hartanah Khas yang merupakan niat pewakif yang belum disempurnakan oleh institusi wakaf yang telah mewakafkan tunai bagi tujuan hartanah khas seperti dimaksudkan tujuan pembinaan atau pembelian aset tertentu seperti pembinaan sekolah, masjid, tahfiz dan sebagainya; dan (3) Manfaat Wakaf Khas yang mana telah ditentukan tujuan dan niat pewakif dalam *hujah* wakaf.

Manakala untuk kategori manfaat wakaf yang dilayan sebagai ekuiti adalah seperti berikut; (1) Hasil iaitu manfaat penjanaan pendapatan yang dihasilkan daripada wakaf am dan khas yang tidak ditentukan niat khas oleh pewakif; (2) Belanja yang melibatkan pengurusan aset wakaf sama ada wakaf khas atau wakaf am dan diuruskan oleh pihak institusi wakaf; dan (3) Ekuiti Wakaf yang melibatkan ain atau aset wakaf yang disumbangkan oleh pewakif dan pemilikan aset tersebut diletakhakkan kepada Institusi WZB dan telah disempurnakan niat pewakif tersebut oleh Institusi WZB.

Daripada perbincangan ini, maka satu cadangan kerangka kerja konseptual dapat dibina secara sistematik seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6.1. Seterusnya bab ini akan membincangkan pandangan pakar rujuk termasuklah timbalan mufti di zon yang dikaji untuk mendapatkan gambaran lebih jelas amalan perakaunan di zon yang dikaji dan dapat mengukuhkan cadangan kerangka kerja konseptual perakaunan Islam yang akan dicadangkan kepada Institusi WZB.

## **6.5 Pandangan Pakar Rujuk terhadap konsep perakaunan yang melibatkan Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti untuk zakat dan wakaf**

### **6.5.1 Pandangan terhadap amalan pengurusan zakat di Institusi WZB**

Kajian ini mendapat terdapat beberapa pandangan yang berbeza dan unik terhadap aspek pengiktirafan kutipan dan agihan sebagai hasil dan belanja oleh institusi zakat. Secara umumnya kesemua responden bersetuju bahawa kutipan zakat adalah satu amanah yang perlu diselesaikan pengagihannya dengan segera. Malah Informan 1 (IF1) berpendapat, kutipan zakat sebenarnya bukan hasil kepada institusi MAIN kerana dana zakat adalah lebih berbentuk *yaddul amanah*. Justeru penggunaan istilah hasil menurut beliau adalah kurang tepat walaupun sebenarnya pihak MAIN cuba memastikan tidak timbul kekeliruan dalam pelaporan zakat tahunan dengan menggunakan perkataan ‘terimaan’ atau ‘pungutan’ dan mengelakkan menggunakan istilah ‘hasil’ zakat (lihat Jadual 6.2).

Namun terdapat pandangan Informan 6 (IF6) yang mencadangkan agar dikekalkan istilah hasil dan belanja seperti dalam terma perakaunan konvensional kerana menurut IF6 isu pengistilahan ini bukan satu masalah besar kerana yang penting adalah *musamma* iaitu *substancenya* atau hakikat nama tersebut dan bukan *asma'* (nama)<sup>3</sup>. Menurut beliau isu yang lebih utama adalah para akauntan dan masyarakat masih memahami falsafah asal dan realiti sebenar peranan Institusi WZB sebagai pemegang amanah terhadap hasil dan belanja dana zakat. Pandangan ini juga disokong oleh Informan 2 (IF2). Namun pandangan IF2 ialah sebaik-baiknya menghubungkan terus dengan subjek (*idhofah*) seperti ‘hasil zakat’ atau ‘terimaan zakat’ dan ‘belanja zakat’ kerana ia dianggap memadai untuk difahami oleh pembaca penyata kewangan MAIN. Malah sekiranya diubah istilah atau nama sekalipun, falsafahnya tetap sama iaitu sebagai amanah untuk diagihkan kepada asnaf. Ini telah dijelaskan lagi oleh Informan 4 (IF4) yang mengatakan kaedah mengekalkan istilah perakaunan konvensional sedia ada kerana itu adalah amalan yang sedia ada diharuskan selagi tidak bertentangan dengan syarak. Beliau menamakan ia sebagai *uruf* perakaunan. IF4 berpandangan amalan atau *uruf* yang sedia ada diamalkan oleh MAIN tidak menjaskan malah status fiqh tetap sama. IF4 juga berpandangan wujud satu kaedah fiqh iaitu ‘*la mushahata fil istilah*’, iaitu tidak perlu berbalah dalam meletakkan istilah asalkan *substance* dan falsafah masih mengikut syariah. Kaedah fiqh *la mushahah fi al-istilah* bermakna tiada perdebatan dalam istilah (selagi mana hakikatnya sama). Terdapat dua contoh lain yang menyerupai maksud kaedah fiqh ini iaitu *la mashahah fi al-alfaz ba'da ma'rifah al-ma'ani* dan *la mashahah fi al-asami*.

Tiada sebarang pertikaian bahawa setiap ulama' mempunyai istilah khusus yang digunakan dalam mendefinisikan sesuatu perkara tertentu. Hal ini kerana mereka mengeluarkan istilah tersebut mengikut pengetahuan yang mereka ada. Istilah-istilah ini juga perlu mengikut kesesuaian masa dan tempat. Sebagai contoh, tidaklah boleh

---

<sup>3</sup> Perkataan *al-asma'* bermaksud nama (yang padanya ia dikenali sebagai sesuatu). *Al-asma'* juga digunakan hanya untuk mengetahui sesuatu dan untuk merujuk kepada sesuatu. Manakala perkataan *al-musamma* memberi erti daripada sudut bahasa adalah takrifan kepada apa yang dimaksudkan. Ia bermaksud makna atau sesuatu yang dilambangkan oleh kata nama. *Al-musamma* juga merupakan padanan atau persamaan tentang nama dengan hakikat nama yang dipanggil tersebut. (kamus al-ma'ani <https://www.almaany.com/>)

berpegang kepada istilah-istilah tertentu dalam hal muamalat. Contohnya lafaz al-*bai'* dan lafaz al-*ijarah* digunakan dalam akad jual beli dan sewaan dalam bahasa Arab, namun begitu tidak semestinya lafaz ini digunakan dalam bahasa Parsi, Turki dan lain-lain bahasa. Seterusnya, akad tersebut boleh menggunakan bahasa lain yang difahami oleh kedua pihak yang berurusan dengan maksud yang sama dengan jual beli dan sewaan (Abi Abdulrahman, t.t).

Terdapat juga pandangan daripada pakar rujuk agar diwujudkan satu istilah yang baru seperti pandangan Informan 3 (IF3) dan Informan 5 (IF5). IF5 berpandangan perubahan kepada istilah yang baru diharuskan sekiranya timbul kesan negatif kepada masyarakat untuk memahami istilah hasil zakat itu menjadi hasil Institusi WZB. Istilah baru yang dicadangkan adalah penting untuk menunjukkan Institusi WZB menerima dana kutipan zakat atas dasar pemegang amanah dan ia diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas. Namun apa yang pastinya beberapa pakar rujuk bersetuju bahawa falsafah disebalik terminologi ‘kutipan zakat’ dan ‘agihan zakat’ adalah merupakan ‘liabiliti’ atau tanggungjawab kepada institusi MAIN untuk menjalankan amanah menguruskan dana tersebut. Ini dinyatakan secara jelas oleh IF2 dan IF4. Namun IF4 berpandangan amalan semasa mengkelaskan lebihan agihan zakat sebagai ekuiti adalah dibenarkan atas sebab amalan *uruf* perakaunan tetapi konsep lebihan zakat tersebut diubah kepada ekuiti terhad (*restricted equity*) agar ia selari dengan konsep Institusi WZB sebagai pemegang amanah. Rumusannya terdapat dua pandangan yang perlu diberi perhatian dalam mencadangkan satu kerangka syariah. (1) Istilah dan terminologi perkataan ‘hasil’ dan ‘belanja’ zakat sama ada perlu dikekalkan atau diberi nama ‘asma’ yang baru dengan merujuk kepada takrif ilmu perakaunan. (2) Pengiktirafan lebihan dana zakat yang belum diagihkan sebagai elemen ‘liabiliti’ iaitu satu cadangan yang baru atau kekal sebagai elemen ‘ekuiti’ kepada MAIN seperti amalan semasa institusi MAIN.

Jadual 6.2: Pandangan Pakar rujuk terhadap terminologi kutipan dan agihan zakat

Informan	Maklumat
Informan 1 (IF1) Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya Ahmad <i>Timbalan Mufti Negeri Johor</i>	<p>...saya ingat dari segi istilah perakaunan jadi ia dah datang begitu, jadi kita menyesuaikan dengan istilah yang sedia ada. Tapi kita tengok memang dari segi hasil itu memang daripada sesuatu benda yang kita buat... Ia punya hasil itu sepatutnya hasil bukannya amanah yang diberi itu dikatakan sebagai hasil. Jadi dari segi syaraknya, ia memang lebih tepat lagi. Kerana zakat ini, kita <i>yaddul amanah</i> (pemegang amanah)</p> <p>... Maknanya duit zakat itu perlu diagihkan semula kepada asnaf. Tapi kalau macam hasil itu dah jadi macam hasil kita, dah jadi macam kita punya... ....Kalau masuk pada hasil negeri, negerilah punya. Kalau hasil pada majlis, majlis bukan empunya duit zakat. Dia tak boleh punya duit zakat, dia hanya pemegang amanah sahaja.</p> <p>.... kalau istilah itu lebih sesuai, pandangan daripada audit dalam macam mana? dari segi syarak...itu istilah yang digunakan oleh akaun. Jadi dari segi maksudnya memang ada lari sebenarnya. Mungkin boleh dibina semula istilah yang lebih tepat, saya ingat dari segi syarak lebih-lebih lagi mengalukan...</p> <p>.....penjelasan, report kita lebih menjelaskan kutipan dan pungutan. Kita tidak menggunakan istilah terimaan. Tapi dari segi perakaunan itu yang letakkan terimaan sebab mungkin dah <i>term</i> pada perakaunan kita beranggapan begitulah. Kalau perkara itu boleh diubah, sebab dari segi report kita tak sebut terimaan zakat, kita kata pungutan, kutipan itu sahaja yang biasa guna term itu...</p>
Informan 2 (IF2) Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Opir <i>Timbalan Mufti Negeri Selangor</i>	<p>..so sekarg ini ada 2 kaedah. Yang pertama istilah itu diubah, yang ini nampaknya cadangan daripada penyelidik. Sebab kesan daripada istilah itu ada konotasinya sendiri. Yang kedua, mungkin istilah itu dikekalkan tapi mungkin perlu diberikan definisi yang tresendiri. Antara 2 ini yang mana lebih <i>afthal</i>?...</p> <p>.. sebab waktu orang akaun buat istilah itu pun mungkin sudah berat juga kan..mereka mengistilahkan perkataan itu..agaknya kalau nak nampak berbeza dan meraikan pandangan untuk istilah itu diubah, kena jadikan <i>idhafah</i> la. McM tadi cadangn Dr. tadi ekuiti terhad, ekuiti sementara...</p> <p>... so zakat pun <i>liabiliti</i> lah. sebab kalau tengok report ini pun, zakat ini lebihan duit lama yang kebelakangan ini kutipan lebih sedikit dari agihan. Defisit. Memang agih habis...</p> <p>.... makna kata selagi tak bercanggah.kalau istilah itu walaupun difahami oleh org akauntan dengan maksud yang lain tapi bila orang wakaf, zakat memahami hasil ini bukan hasil kita akan guna tapi hasil dengan maksud, masuk dalam akaun kemudian akan diagihkan. Macam pernah berlaku pada zaman Umar lah. beberapa orang Kristian datang jumpa Saidina Umar,</p>

	<p>“ kami tak nak bayar jizyah, kami nak bayar duit kami namanya zakat”.</p> <p>..waktu itu mereka bangga bila sebut zakat. Umar kata</p> <p>“ikutlah nak letak nama zakat ke apa, bagi kami ia adalah jizyah.”</p> <p>Maknanya istilah itu difahami dengan maksud lain tapi Umar memahami walaupun kata zakat, sebab <i>substance</i> nya ia bukan dari orang Islam. So tetap nama jizyah. So ambil pendekatan selagi mana tidak melanggar...</p>
Informan 3 (IF3)  Ustaz Indera Shahril Mohd Shahid <i>Pengurus Harta Baitulmal, MAIS</i>	<p>...tukar istilah..sebab istilah ini kalau istilah yg sedia ada kita memberi makna yg tersendiri, bagi saya ia memberi kesan dari sudut tafsiran...</p>
Informan 4 (IF4)  YM Ust Engku Ahmad Fadzil Engku Ali <i>Felo Kanan IKSIM</i>	<p>... Samalah sini uruf <i>accounting</i> ini mungkin beri kesan kepada fiqh punya stand. Dalam dunia <i>accounting</i> itu sendiri, liabiliti itu adalah yang bagaimana? Kalau <i>liability</i> itu adalah <i>something</i> yang <i>you have to pay</i>, now atau in the future adalah liabiliti <i>then it seems</i> zakat adalah liabiliti lah. Sebab dia dah sebenarnya kena agih tapi <i>somehow</i> ada lebihan tapi dia kena agih juga <i>then it should describe as liability</i>. Kalau itulah liabiliti dalam dunia <i>accounting</i>...</p> <p>.. yang 7 bahgian itu adalah liabiliti...so far yang saya nampak daripada <i>description</i> itu <i>tally</i> lah. Kalau saya faham daripada liabiliti dan ekuiti itu.. .. tapi kalau mcum itu, ia menggambarkan sudut pandangan orang yang terima zakat la kan. Padahal dia buat <i>accounting</i> itu utk majlis. Orang yang terima zakat itu yang sebenarnya dapat hasil. Betul kan? Penerima zakat asnaf itu yang dapat hasil sedangkan <i>accounting</i> ini bukan untuk asnaf. Ia macam transit saja lah. Sepatutnya kalau dari sudut itu memang tak boleh katakan hasil lah. Tapi dia kena keluarkan pada asnaf. Dari sudut itu dia macam liabiliti...</p> <p>... sebab tu kata, <i>for the sake of convenient</i>, orang nampak okay yang ini <i>standard</i> berlaku masih ada lebihan, okay yg ini kita punya ekuiti. Yang mana kita perlukan untuk <i>fulfill</i> kita punya liabiliti <i>in the future</i>. Tapi kalau kita lihat <i>nature</i> majlis itu sendiri, bukan <i>business</i> entiti so liabiliti menggambarkan apa yang dia ada nanti akan agihkan kepada asnaf. Kalau benda itu kita bagi kesedaran kepada masyarakat <i>then it should not be a problem</i>. Ini bukan rugi tapi ini ada asnaf yang akan dibayar. Tapi terpulang lah, kalau kita nak letak <i>uruf</i> begitu, anggap sebagai ekuiti juga <i>as long as</i> tiada bentuk penipuan, atau apa <i>that's it</i> lah. Maknanya <i>uruf accounting</i> itu tak jejaskan fiqh status tetap sama. Duit itu tetap kena bayar pada asnaf juga. Bukan bila dikelaskan sebagai ekuiti <i>then</i> asnaf dah tiada hak, tak juga...</p> <p>... kita ada 2 choice, sama ada kita nak <i>go by nature of zakat</i>. so kita kena buat satu naratif bahawa yang dikatakan liabiliti utk pusat zakat tidak menggambarkan yang dia banyak hutang, dia <i>just</i> menggambarkan amanah yg akan diberi kepada asnaf. Satu cara lah. Yg kedua, kita <i>give way</i> pada <i>uruf</i>, masih dikelaskan sebagai ekuiti tapi ekuiti untuk pusat zakat adalah yang</p>

	<p><i>something</i> pusat zakat akan gunakan untuk <i>fulfill</i> dia punya liabiliti iaitu pembayaran kepada asnaf. Yang ni saya nampak 2 <i>choice</i> kita nak...kepada yg biasa..mana-mana akauntan pun dia <i>comfortable</i> dengan term itu. Ataupun kita nak buat satu benda baru, yang mungkin ada <i>resistance to change initially</i> kan. So kena ada satu <i>transition period</i> lah..</p> <p>... kita meraikan uruf dalam penamaan tapi hukumnya tidak diubah disebabkan nama itu. Sebab itu ada kaedah iaitu <i>la mushahata fil istilah</i>, tak perlu kita berbalah meletakkan istilah. Janjinya isinya tidak lari...</p> <p>...Jadi tak perlu berbalah. Janji benda ini dri segi syarak tidak dilarang... Jadi sama juga. Kita namakan ekuiti ke, liabiliti ke, nature dia majlis perlu bayar pada asnaf. So nak lebih terang lagi kita guna <i>restricted equity</i> misalnya. Terpulanglah. Kita <i>give way</i> pada <i>uruf</i>. So the choice is to the practitioner to decide. Syarak tiada beza pun. Kecualilah kalau dia term kan sebagai ekuiti, memang praktis semua jadi milik majlis, zakat tak dapat pada asnaf..itu tak boleh lah..</p> <p>...jadi macam hasil tadi definisi hasil zakat terima tu pun kita masih lagi boleh...ya boleh kerana ia tak mengubah <i>nature</i>. Kalau yang biasa di kalangan akauntan..yang masuk dinamakan sebagai hasil, di keluarkan itu dipanggil sebagai belanja <i>that's it</i> lah..</p>
Informan 5 (IF 5)  Ustaz Azizi Che Seman <i>Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad</i>	<p>...kalau apa sahaja istilah yang digunakan kalau lebih tepat. Kalau terimaan itu lebih tepat. Kalau kita lihat status majlis agama islam negeri, mereka menerima bukan atas dasar mereka punya duit, mereka menerima atas dasar pemegang amanah. Dan sperti pemegang amanah yg lain, tuan-tuan lebih arif la bagaimana status harta, dana dan sebagainya yang mereka terima nak direkodkan sebagai apa. Maka <i>treatmentnya</i> sama.</p> <p>...Mereka pegang bagi pihak asnaf cuma satu bahagian sahaja dia punya. Itu bergantung lah, bukan dia punya pun.setengh majlis 1/16, ada setengahnya lebih kecil dari itu lagi. Jadi dia memegang amanah kepada semua pihak berkenaan termasuk majlis agama Islam yg mengarahkannya utk uruskan zakat tersebut dan apa sahaja terma yang sesuai utk menggambarkan situasi pada saya adalah dialu-alukan. Yang penting ia tidak mengelirukan.</p> <p>...Kalau sampai orang faham hasil itu jadi hasil kita, nak buat apa pun boleh. Ia akan pergi pada persepsi macam itu, saya rasa sangat wajar untuk istilah baru diperkenalkan tapi istilah itu boleh difahami, <i>then</i> mungkin okay. Bila kita sebut hasil, ia dah jadi milik kita. Bukan diterima atas dasar pemegang amanah, patut guna istilah lain yg lebih tepat untuk menggambarkan situasi dan wang yang diterima...</p>

Informan 6 (IF 6) Ustaz Nazri Chik <i>Ketua Kumpulan Pegawai Syariah,            BIMB Holdings Berhad</i>	<p>...accounting body yang ada di Malaysia tidak mengeluarkan sesuatu yang spesifik kepada <i>body</i> yg macam ini pada saat ini kan? Jadi ia <i>continue</i> dengan konvensional <i>approach</i> la. Cuma dari sudut istilah itu, syariah ini sebenarnya tidak...</p> <p>...isu pengistilahan ini bukan satu masalah besar pun, yang lagi penting itu adalah <i>musamma</i> bukan <i>asma'</i> (nama), <i>substance</i> nya, bukan nama. Jadi kalau nak diubah hasil pada istilah lain, untuk <i>me reflect</i> realiti sebenar majlis agama ini, sebenarnya bukan macam majlis perbandaran yg memang orang bayar cukai dalam bentuk hasil...</p>
---	---

Sumber: Temubual bersama pakar 2018

### 6.5.2 Pandangan terhadap amalan pengurusan wakaf di Institusi WZB

Kupasan dalam pandangan pakar terhadap aspek perakaunan wakaf tidaklah begitu menyeluruh disebabkan telah wujud manual untuk pengurusan harta wakaf yang telah dikeluarkan oleh pihak JAWHAR. Tambahan lagi, aspek perakaunan dan pengiktirafan yang berkaitan dengan dana wakaf daripada sudut fiqh tidaklah begitu ketat secara relatifnya dengan fiqh zakat memandangkan sumbangan dana wakaf adalah berbentuk suka rela tidak seperti pembayaran zakat yang hukumnya wajib sekiranya cukup rukun dan syaratnya. Walau bagaimanapun, pengurusan dana wakaf juga perlu dianggap amat penting kerana ia merupakan amanah yang dipertanggung jawabkan oleh Allah SWT bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini dikuatkan oleh pandangan IF4 yang berpandangan prinsip dan konsep wakaf dan zakat adalah berbeza dan pengurusan wakaf adalah lebih fleksibel dan pelbagai mengikut niat pewakif.

Berdasarkan pandangan IF1, pengalaman di Johor menunjukkan sesuatu wakaf menurut mazhab Syafie, mesti ada *ain* fizikal yang kekal dan manfaat dapat dihasilkan daripada penggunaan *ain* tersebut. Namun sekiranya wakaf berbentuk saham, ia melibatkan hukum yang dipegang daripada mazhab lain. IF1 juga berpandangan, aset wakaf perlu didaftarkan kepada majlis berdasarkan perundangan dimana MAIN merupakan entiti pemegang amanah. Namun apa yang menariknya, terdapat pembelian aset wakaf di Johor adalah daripada sumber dana zakat yang dijadikan sebagai pendahuluan dan pihak

pengurusan wakaf di masa akan datang akan menggantikan dana zakat tersebut. Contohnya asrama pelajar di Jordan dan Mesir. Ini bertujuan untuk menangani persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Islam di Johor sekiranya dana zakat digunakan secara terus untuk membeli aset asrama tersebut.

Spektrum *khilaf* berkaitan wakaf adalah lebih luas berbanding zakat dan ini disokong oleh IF5. Malah menurut IF5, berdasarkan pengalaman wakaf Selangor Muamalat, manfaat harta wakaf seperti hasil sewa boleh disalurkan kepada kos pengurusan dan penyelenggaraan aset tersebut untuk menjamin kelestarian aset wakaf tersebut. Ini menunjukkan manfaat wakaf bukan sahaja untuk penerima manfaat wakaf yang diniatkan oleh pewakif sahaja serta menambahkan lagi aset wakaf, malah boleh digunakan untuk tujuan penjagaan *ain* aset wakaf tersebut dan lain-lain bentuk harta yang berbentuk *istikhlaki* iaitu pakai habis.

Menurut IF6, dalam pengurusan harta wakaf, ia bergantung kepada peranan nazir yang memahami keperluan pengurusan harta tersebut selagi mana ia tidak melanggar prinsip syarak. Malah nazir wakaf dibenarkan mengambil manfaat daripada aset wakaf secara *makruf* iaitu secara baik dalam konteks *hifzul ajri* mengikut urufnya seperti tidak mengambil kos pengurusan melebihi 2.5% dan sebagainya. Isu istibdal harta wakaf juga sepatutnya tiada masalah selagi manfaat wakaf tersebut dapat berlaku secara berterusan (pandangan IF 8)

Namun dalam perbincangan wakaf semasa, wujud satu pandangan menarik oleh IF 8 yang berpendapat wujud keharusan menurut mazhab Hanafi yang membenarkan pemisahan antara aset tanah dan aset bangunan yang berada di atas tanah tersebut. Malah sekiranya aset bangunan di atas tanah wakaf tersebut dijual kepada orang lain sementara aset tanah kekal milik Institusi WZB, adalah dibenarkan dan memberi satu implikasi perakaunan yang jelas mengikut apa yang diamalkan secara lazim atau konvensional. Begitu juga wujud satu isu yang lain yang berpandangan wakaf tunai itu sendiri adalah wakaf walaupun belum ditukarkan kepada aset wakaf. Ini berdasarkan pandangan IF 2 berdasarkan fatwa tahun 2000 di negeri Selangor. Implikasinya ialah aset bangunan yang dibeli dengan wang wakaf bukanlah *ain* wakaf yang sebenarnya tetapi nilai aset bangunan tersebut yang terus meningkat setiap tahun adalah sebenarnya *ain* wakaf.

Jadual 6.3: Pandangan Pakar rujuk terhadap isu pengurusan wakaf

Informan	Maklumat
Informan 1 (IF1)  Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya Ahmad <i>Timbalan Mufti Negeri Johor</i>	<p>..kalau ada lebihan, kita gunakan dulu untuk keperluan sekolah agama dalam ....masa yang sama saham wakaf menjalankan kutipan mereka, bila cukup duit itu akan dikembalikan kepada tabung wakaf. begitu juga dengan saya ingat ada beberapa projek yang lain yang digunakan atas nama pendahuluan mungkin atas nama baitulmal pun ada juga, kita buat pendahuluan tapi baitulmal kena topup balik semula, kiranya dalam akaun dipanggil si penghutang, wakaf dan baitulmal masih berhutang kepada kumpulan wang zakat. Adapun yang lain macam pusat-pusat perniagaan ke memang belum lagilah dari segi tersebut. Kalau ada pun mungkin dari segi baitulmal ataupun wakaf, zakat belum..</p> <p>....Adapun saya ingat dalam keadaan aset kalau kita di Johor seperti saya sebut tadi walaupun banyak lagi negeri lain di Malaysia yang begitu sebahagiannya kecenderungannya kepada pemilikan aset-aset yang pelbagai tadi tapi ‘uruf kita sangat berhati-hatilah kerana kita bimbang persepsi. Sebab itu kita ada saluran-saluran yang lain yang kita gunakan; wakaf, baitulmal pun kita bagi keutamaan. Sebab itu aset kita bangunan pelajar di Mesir, bangunan pelajar di Jordan yang kita nak buat semula di kampus ak-Azhar Mesir, semua kita cuba pakai wakaf ini. Kita takut tadi persepsi walaupun di situ pun ada kebaikan tapi keutamaan tadilah masih ramai lagi orang yang memerlukan bantuan-bantuan dalam bentuk one-off tadi, itu dari segi Johorlah. Dari segi hak milik yang Dr. bangkitkan tadi, itu dari segi perundangan sebab kalau misalnya kita sebutkan wakaf itu sendiri orang berwakaf pada Allah taala tapi asetnya itu daftarnya pada majlis. Kalau ikutkan apa kena mengena, memang semua sekali daftar-daftar wakaf ini dia punya hak miliknya kepada majlis agama Islam begitu juga baitulmal dan sebagainya sebab dari segi konsepnya atau dari segi perundangan dan sebagainya, majlis agama ini badan pemegang amanah. So misal kata kita nak minta asnaf berhujah atau berikrar menyerahkan pada majlis....</p> <p>.....yelah, mmg kalau dr segi mzhb syafie, ‘ain itu ‘ain lah wakf itu mst ada ‘ain dan yg kekal itu adalh ‘ain. Hasil dan apa-apa yg kluar drpd ‘ain itu dpnggil mnfaat. Mnfaat ini tidaklh bersifit kekal. Yg kekal itu ialh ‘ain. Tpi lain dgn nilai, nilai saham ke apa tu bukn wakaf dr segi bukn wakf ‘ain, itu wakf saham yeloh wakf sahm. Wakf sahm dh msuk mzhab lain. Itu dah cerita lain. Mknanya wakf sahm ni mknanya kita apa ni drpd saham itu membeli ‘ain. Dan ‘ain itu apa ni yg kita nk jga supya dia brsift kekal...</p>
Informan 2 (IF2)  Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Opir <i>Timbalan Mufti Negeri Selangor</i>	<p>...fatwa tahun 2017, kita baru putuskan wakaf tunai adalah wakaf. So ruhnya ialah tidak mesti dijadikan aset. Amaun wakaf tunai itu adalah wakaf. Katalah pihak perbadanan wakaf ada duit 10 juta, nak kembangkan duit itu dia beli bangunan. Lagi 2 tahun nilainya jadi 20 juta, bangunan itu bukan wakaf. Tetapi nilai bagunan itu yg wakaf. Itu kesan dari fatwa 2017...</p>

Informan 4 (IF4)  YM Ust Engku Ahmad Fadzil Engku Ali <i>Felo Kanan IKSIM</i>	<p>..mungkin nature lain kot. Nature zakat dan wakaf tak sama. Wakaf lebih fleksibel. Tapi kita settle yang zakt ini dulu, ya. So sekarang ni yang sama nampak kemungkinan dia gunakan istilah ini for the sake of convenient je kot. Sennag org baca dan bayangkan benda yg dah common. Ada bayaran, dia hasil. Kita byr pada org, belnya. So dia tak really tengok nature of zakat. dia just tengok flow itu sahaja...            ...Cuma wakaf ini fleksibel. Dia bergantung kepada term yg ditentukan oleh wakif itu. Dia boleh tetapkan sekian tahun utk org ini, lepas sekian tahun boleh jadi umum. Macam-macam boleh buat, fleksibel....</p>
Informan 5 (IF 5)  Ustaz Azizi Che Seman <i>Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad</i>	<p>...Jadi..Wallahu'alam dalam perbincangan tentang wakaf spektrum khilaf itu sangat luas, bukan sahaja wakaf tapi bab muamalat ini...ia berbeza dengan ibadat, ibadat tiada yang khilaf pasal zohor 4 rakaat, asar 4 rakaat...tapi mungkin berbeza dari sudut perkara kecil dalam solat lah..itu khilaf furu'..tapi perkara yg membabitkan muamalat, jual beli, cara membabitkan jual beli kebanyakannya bersifat khilafiyah...            ....Cnthy wakaf selangor muamalat ada kedai yg kita sewakan di GM Klang, beli dengan duit wakaf tapi bukan niat untuk wakaf tapi harta itu adalah pelaburan supaya sewanya boleh disalurkan pada pentadbiran 2 perkara tadi. Saya rasa itu lebih...dari sudut kelestarian wakaf itu sendiri akan lebih trjamin berbanding dengan kita terima duit RM10 jadi buku...atau nak maitain, 'nanti kita fikir kemudian lah in shaa Allah Allah jagalah', tak akan jadi macam itu... kita sebagai nazir atau mutawalli wakaf perlu fikir bagaimana utk maintain harta tadi....            ....seingat saya agak terbuka ialah mazhab Maliki...cuma kalau boleh sy kongsi tentang wakaf Selangor muamalat..apa yg ketiga kami buat pelaburan, hasil itu kita gunakan pada perkara yang bersifat maintenance, atau ada yg kita nak namakan wakaf tapi tak sesuai cthnya peralatan makmal yg pakai habis ini...ini nak namakan wakaf atau tidak? Diputuskan dalam jawatankuasa kami, dia bukan wakaf tapi kita still menyumbangkan daripada sumber pelaburan tadi. Sumber pelaburan tadi agak fleksibel kegunaanya...</p>
Informan 6 (IF 6)  Ustaz Nazri Chik <i>Ketua Kumpulan Pegawai Syariah, BIMB Holdings Berhad</i>	<p>...juga harta wakaf..ia memahami peranan nazir. Dan apa yg nazir ptut buat atas harta itu. Jadi selagi mana tidak dilihat perkara itu melanggar prinsip, maka setakat ini komuniti syariah diizinkan benda itu berjalan lah. jadi proses recording begini sentiasa terbuka kalau kita rasa boleh improvise utk yg lebih baik. Itu sahaja kaedahnya....            ...saya rasa decision nya dduk pada nazir wakaf sendiri akhir sekali..secara hukum itu, yg paling mendekatinya ialah dalam konteks hafzul ajri, nazir wakaf dalam menguruskan atas kadar yg makruf. Hadis Umar tanah di...hadis itu yg menjadi asas kepada rukun wakaf. Ada org waqif (org yg mewaqafkan), ada penerima waqaf, kemudian ada hadis itu yg menyatakan harus bagi nazir wakaf itu untuk mengambil duit wakaf (makan dr harta wakaf) itu pada kadar yg makruf. Jadi kadar makruf ini tiada quite perspective nas la....            tak..isunya ialah sejauh mana nazir boleh mkn dr harta wakaf? Nas kata kadar yg makruf dan kadar makruf ini menjadi suatu perbahasan dalam kalangan ulama.</p>

	Setakat ini literature yg saya baca, paling tinggi pun di bench mark kan pada zakat. 2.5%. jadi tak da mana-mana fuqaha yg berani pergi lebih dari itu. Sebab dalam sedekah wajibah pun iaitu zakat dia pergi pd 1/8 apatah lagi benda sedekah yg bersifat <i>tatawwu'</i> seperti zakat. takkan nak pergi lebih dari 1/8 @2.5%? jadi atas dasas yg sama, kalau dia nak makan dari situ pun dia kena buat decision pada kadar yg makruf, jadi dalam konteks menguruskan termasuk ada elemen nanti ada hutang yg tak mampu dia kutip, jadi pertimbangannya mesti pertimbangan makruf juga. Jadi pertimbangan makruf boleh pergi pada apa praktis dalam dunia, urufnya. Kalau urufnya kata memang benda yg mustahil nak kutip mst di keluarkan dr buku, keluarkan lah daripada buku. Tetapi untuk tujuan rekod, benda itu boleh direkodkan utk diusahakan lagi. Walaupun kita tahu ada yg mustahil akan dapat pun...
Informan 7 (IF 7)  Akauntan MAIS	..kalau dalam wakaf ada 2 jenis yg kita praktis. Cnthyka kalau kutipan saham wakaf yg berbentuk am yg tiada tujuan lagi dari segi istilahnya kita masukkan sebagai hasil dalam kumpulan wang wakaf, manakala utk kutipan tunai yg sudah dikhaskan cthnya utk pembinaan satu masjid kita akan letakkan di bawah item liabiliti. Kita namakn sebagai wakaf khas tapi di bawah kategori liabiliti lah. kita tak masukkan di dalam pendapatan tadi sebab dia dah ada tujuan asal khas nya tadi....
Informan 8 (IF 8)  Ustaz Arifin <i>Ketua Bahagian Fatwa MUIS</i>	..contohnya masjid yang berdekatan....yang kedua tidak boleh juga kita boleh jual harta wakaf tersebut, hasilnya itu masuk ke tempat wakaf itulah supaya manfaatnya berterusan....
Informan 9 (IF 9)  Dr Luqman Abdullah <i>Ahli Jawatan kuasa MAINK</i>	dia dalam mazhab Hanafi dia ada dua, satu dipanggil al-khullu, al-khullu mazhb Maliki...al bina' wal gharsu al-aradhi al....makna binaan pokok kayu pun bukan wakaf, tpi tanah tu tanah wakaf. Memg ada dlm feqah tu tak de masalah.. dia ada dalam wakaf ini...dia ada..wakaf itu tanah, binaan nya itu tidak wakaf..jadi kita boleh akaunkan tanah itu milik mjlis, tapi rumah itu dijual..feqqah membenarkan... ...sebb mnfaat...klu mcm hrtा wakaf, so dia dapat jual manfaat sahaja. Jdi mnfaat harta wakaf itu pergi kepada beneficiary..jdi mnfaat itu dlm pelbgi bentuk trmasuk keuntgn perniagaan, keuntungan penyawaan, itu bermksud mnfaat utk wakaf. McM kita kata rumh tu rumh wakf, disewakan..jadi yg beneficiary dia berhak utk dpt mnfaat. Jdi mnfaat tu sama ada kalau rumah tu disewakan, dia sebgai org yg dduk atas rmah sewa tu dia dapat mnfaat....

Sumber: Temubual bersama pakar 2018

Rumusannya, perbincangan bersama pakar berkenaan aspek pengiktirafan hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti wakaf tidak dijelaskan oleh mereka secara mendalam memandangkan telah wujud satu garis panduan pengurusan harta wakaf berdasarkan Manual pengurusan wakaf oleh JAWHAR. Bab berikutnya akan membincangkan takrif

kepada terminologi hasil, belanja dan liabiliti mengikut syarak untuk memudahkan pihak akauntan untuk mengiktiraf terminologi tersebut yang akhirnya dapat mengukur dan mendedahkan dalam penyata kewangan.

## **6.6 Takrif Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti**

Berdasarkan pemerhatian terhadap buku-buku perakaunan Islam, pentakrifan secara jelas terhadap keempat-empat item utama yang dikaji di dalam kajian ini, kajian ini akan hanya merujuk kepada beberapa buah buku perakaunan utama yang didapati banyak menjelaskan istilah perakaunan yang berkaitan kajian ini antaranya buku bertajuk *al muhasabah al maliah wa usuluha al Islamiyah* oleh Husin Hassan Al Khotib (2002). Husin Hassan Al-Khotib (2002) telah mentakrifkan istilah tersebut seperti berikut:

1. Takrif aset sebagai sekumpulan harta (pemilikan) yang dimiliki oleh syarikat/entiti/projek (*masyru'*) itu. Manakala takrif liabiliti adalah kumpulan liabiliti/kewajipan projek yang (dimana kewajipan tersebut) merupakan sumber pembiayaan untuk penggunaan asetnya.
2. Takrif belanja adalah jumlah yang ditanggung oleh projek dan dikorbankan untuk mendapatkan manfaat dan perkhidmatan
3. Takrif hasil adalah jumlah yang dikutip atau diterima dari projek akibat daripada penjadualan semula pelbagai aktiviti di mana aliran masuk berlaku.

Adapun kajian ini mendapati bahawa pentakrifan aset tidak dibincangkan secara khusus di dalam buku-buku lain. Walau bagaimanapun terdapat pendapat bahawa aset juga merupakan *mal* iaitu harta. Justeru, perbincangan berkaitan aset seterusnya dihuraikan melalui pentakrifan *mal* mengikut pandangan Imam empat mazhab. Pembahagian *mal* kemudiannya dilihat mempunyai persamaan dengan aliran semasa yang mana pembahagian *mal* ini turut membawa kepada aset tetap dan aset berubah. Perbincangan pentakrifan *mal* daripada aspek manfaat turut dibincangkan dan dapat disimpulkan

bahawa *mafhum mal* di sisi fiqh Islam merangkumi manfaat, hak, dan usul *maknawiah*. Sebagaimana pentakrifan aset yang tidak dibincangkan secara jelas, begitu juga dengan takrif liabiliti. Hanya sebuah buku perakaunan Islam yang menjelaskan takrif liabiliti secara khusus. Kebanyakan kajian lain hanya membincangkan berkaitan aspek liabiliti daripada sudut unsur-unsur liabiliti dan pembahagian liabiliti.

Istilah *al-masrufat* kebiasaannya merujuk kepada istilah belanja di dalam terma perakaunan. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian, buku-buku perakaunan Islam mempunyai satu bab khas berkaitan “*an-nafaqat fil Islam*”, “perakaunan kos di dalam Islam”, “*mafhum takallufah min manzur Islami*”, dan “*nafaqat min manzur Islami*”. Walau bagaimanapun, tiada pentakrifan belanja secara khusus yang dinyatakan di dalam buku-buku ini. Perbincangan bab *an-nafaqat* dan *at-takalluf* ini membincangkan perkara berkaitan kelebihan berbelanja, kaedah berbelanja, item kos perbelanjaan dan larangan perbelanjaan. Menurut Husin Hassan Al Khotib (2002), terdapat perbezaan antara istilah *masrufat*, *nafaqat*, *taklufah* dan *hosair*. Namun, beliau tidak menyatakan perbezaan tersebut secara jelas. Manakala *al-iradat (revenue)* membawa maksud hasil pendapatan. Di sisi fiqh Islam (muamalat Islam), hasil pendapatan merujuk kepada hasil daripada amalan aktiviti yang diwujudkan, mengikut Fiqh Perakaunan Islam hasil dirujuk sebagai hasil proses pertukaran iaitu menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain (barang /perkhidmatan) yang bertujuan untuk mendapat keuntungan (Syauqi Ismail Syuhatah, 1987). Manakala menurut Abdul Wahab (2011) di dalam bukunya *Dirasat fi al-Muhasabah al-Islamiah* menyatakan bahawa pentakrifan *iradat* mengikut pandangan perakaunan Islam secara meluas dimana ianya merangkumi hasil jualan barang, riba, untung dan sebarang jenis pertumbuhan/perkembangan (lihat Jadual 6.4 dan Jadual 6.5).

Jadual 6.4: Pentakrifan Aset, Liabiliti, Belanja dan Hasil berdasarkan beberapa buku perakaunan Islam

Bil	Buku	Aset	Liabiliti	Belanja	Hasil	Analisis Ringkas
1.	Husin Hassan Al Khotib, (2002), <i>Al Muhasabah Al Maliah Wa Usuluha Al Islamiyah</i>	Adalah sekumpulan harta (pemilikan) yang dimiliki oleh syarikat/entiti/projek ( <i>masyru'</i> ) itu.	Adalah kumpulan liabiliti/kewajipan projek yang (dimana kewajipan tersebut) merupakan sumber pembiayaan untuk penggunaan asetnya.	Adakah jumlah yang ditanggung oleh projek dan dikorbankan untuk mendapatkan manfaat dan perkhidmatan.	Jumlah yang dikutip atau diterima dari projek akibat daripada penjadualan semula pelbagai aktiviti di mana aliran masuk berlaku.	<p>Ada 4-4 takrif.</p> <p>*terdapat perbezaan antara istilah <i>masrufat</i>, <i>nafaqat</i>, <i>taklufah</i> dan <i>hosair</i>. Namun, beliau tidak menyatakan perbezaan tersebut.</p>
2.	Dr Ziyad Abdul Halim, Dr Husin Muhammad Samhan, (2011) <i>Dirasat Muhasabah Islamiah</i>			<p><u>Nafaqat :</u> Kelebihan <i>nafaqat</i> : Ukur jumlah kos dan bandingkan dengan pendapatan untuk mencapai hasil aktiviti (untung rugi). (lihat hlm. 36)</p>	<p><u>Asas mencapai (<i>tahqiq</i>) irad:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Asas <i>nuqdi</i> -jualan tunai (Pembelian aset tetap daripada perbelanjaan Pendapatan cukai lewat untuk beberapa tahun)</li> <li>2. Asas kelayakan -jualan tangguh</li> <li>3. Asas pengeluaran (rujuk hlm.49).</li> </ol>	<p>Tiadauraian berkaitan aset &amp; liabiliti.</p> <p>Tiada pengtakrifan hasil &amp; belanja</p> <p>Menggunakan perkataan <i>nafaqat</i> dan bukannya <i>masrufat</i></p>
3.	Muhammad Kamal Atiyyah (1989) <i>Nuzum Muhasabiyah Fi Al-Islam</i> ,	<u>Mal</u> Bahasa : setiap sesuatu yang Semua orang mahu miliki atau memiliki sendiri.	Pengekelasan liabiliti ( <i>iltizamat</i> ) : <i>current (Tadawul)</i> & <i>fixed (thabit)</i> (lihat hlm. 114)	<u>Takalif (takrif ilmu takalif):</u> Ilmu kos bergantung kepada kepentingan perbelanjaan ( <i>nafaqat</i> ) dan penyusunan aliran	Aliran wang masuk dalam sistem akaun Islam berbeza dengan sistem perakaunan moden. Dalam sistem perakaunan Islam,	Asset sebagai <i>mal</i> Tiada pentarifan khusus berkaitan liabiliti, belanja & hasil

		<p><i>Mu'jam arabi</i> : apa yang dimiliki dari setiap sesuatu</p> <p><u><i>Mal fi fiqh Islami</i></u> :</p> <p>Mazhab Hanafi : Semua yang boleh dikawal (<i>hiyazah</i>) dan digunakan dengan cara yang biasa</p> <p>Mazhab Maliki &amp; Hanbali : mengiktiraf manfaat sebagai harta</p> <p>Mazhab Syafie : ada nilai adanya, dan nilainya tidak hilang kecuali semua orang meninggalkannya (tidak menggunakan lagi) (lihat hlm. 15 &amp; 16)</p> <p>Pengelasan asset : <i>nuqud, urud tijarah, urud qinniyah</i> (lihat hlm.112)</p>	<p>organisasi dan pengukurannya supaya dapat digunakan dalam perancangan masa depan dan pengawalan untuk masa lalu (lihat hlm. 146)</p> <p><u><i>nafaqat fil islam</i></u> :</p> <p>Bahasa : lenyap, pergi</p> <p>*rujuk حياة محمد على خفانة، النفقات في الشريعة الإسلامية، رسالة دكتوراه في الفقه جامعة أم القرى، 1403هـ، صفة 3 نقل عن لسان العرب لابن منظور، جزء 3 ، وص 233</p> <p>Kepentingan <i>nafaqat</i> :</p> <p>Untuk membantu dalam mengukur keseluruhan kos dan membandingkannya dengan pendapatan untuk perakaunan hasil (untung rugi) (lihat hlm.212)</p> <p>- Kepentingan, prinsip, item, pengelasan, larangan</p>	<p>semua pertambahan diambil kira sama ada yang benar-benar telah didapati (<i>muhaqqaq</i>) atau yang belum didapati (<i>gheir muhaqqaq</i>).</p> <p>Contoh : keuntungan modal setelah dinilai semula &amp; keuntungan hasil jualan yang belum selesai lagi jualannya</p> <p>Tidak memasukkan semua kos anggaran, tetapi ia memasukkan jumlah kos</p> <p>Mengambil berat 2 sumber berikut : zakat &amp; keuntungan yang boleh diagihkan (lihat hlm. 86)</p>	<p>Mempunyai satu bab khas berkaitan perakaunan kos di dalam Islam (menggunakan terma <i>taklufah</i> pada pentakrifan ilmu kos &amp; <i>nafaqat</i> pada bahagian yang lain)</p>
--	--	--	--	--	---

4.	<p>Syauqi Ismail, Syuhatah, (1987) <i>Nazoriah Al-</i> <i>Muhasabah Al-Maliah</i> <i>Min Manzur Islami</i></p>	<p><u>Pembahagian asset</u>  <u>-nuqud</u>  <u>-urud qunniyah</u>  <u>-urud tijarah</u></p> <p>Mafhum <i>mal</i> pada fiqh Islam merangkumi manfaat, hak, dan usul maknawiah (lihat hlm. 93)</p>	-	<p><u><i>Mafhum takallufah min manzur Islami</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membincangkan perkara berkaitan <i>historical cost</i> (lihat hlm.125)</li> </ul>	<p>1) disisi fiqh Islam (muamalat Islam): Hasil daripada amalan aktiviti yang diwujudkan</p> <p>2) Fiqh perakaunan Islam sebagai: Hasil Proses pertukaran iaitu menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain (barang /perkhidmatan) yang bertujuan untuk mendapat keuntungan. (lihat hlm. 122).</p>	<p>Hanya hasil yang mempunyai pentakrifan khusus.</p> <p>Turut mentakrifkan aset sebagai mal</p> <p>Tiada pentakrifan &amp; huraihan berkaitan liabiliti</p> <p>Menggunakan terma <i>taklufah</i></p>
5.	<p>Abdul Wahab Habasy Tokmah, (2011) <i>Dirasat Fi Al</i> <i>Muhasabah Al Islamiah</i></p>	-	-	<p><u><i>Nafaqat min manzur Islami :</i></u>  : UKur jumlah kos dan bandingkan dengan pendapatan untuk mencapai hasil aktiviti (untung rugi). (lihat hlm. 95.)</p> <p>Kaedah <i>infaq</i>: larangan <i>tabzir wal israf</i>, jauhi sifat bakhil, tidak</p>	<p>Pentakrifan iradat mengikut pandangan perakaunan Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan barang</li> <li>2. Riba</li> <li>3. Untung</li> <li>4. Pertumbuhan/ Berkembang (lihat hlm. 101)</li> </ol>	<p>Tidak menyentuh berkaitan aset dan liabiliti</p> <p>Tiada pentakrifan belanja. Menggunakan terma nafaqat berbanding masrufat</p> <p>Perluasan pentakrifan hasil merangkumi 4 item.</p>

			dibenarkan untuk <i>iktinaz</i> Kos aktiviti dalam Islam ( <i>takalifnasyat fil</i> <i>Islam</i> ) : 1. <i>Amal</i> , 2. <i>Mawad</i> /sumber /bahan 3. <i>Khidmat ukhra</i>  Larangan dalam <i>nafaqat</i>		
--	--	--	--	--	--

Jadual 6.5: Pentakrifan Aset, Liabiliti, Belanja dan Hasil berdasarkan beberapa buku perakaunan konvensional (bahasa Arab)

Bil	Sumber	Aset	Liabiliti	Belanja	Hasil
1	Dr. Walid Naji Al –Hiyali (2007) <i>Usul Al</i> <i>Muhasabah Al</i> <i>Maliah (Juzuk</i> <i>Awal)</i>	Semua yang dimiliki oleh pengasas ( <i>munsyiah</i> ) daripada aspek Hak dan sumber.  Ia mempunyai nilai tunai Sama ada hak dan sumber-sumber ini berada dalam kawalan ( <i>hiyazah</i> ) dan peredaran ( <i>tadawul</i> ) mereka (lihat hlm. 36)	Adalah kewajipan perusahaan/pengasas kepada pihak ketiga Atau, dengan kata lain, hak orang lain ke atas perusahaan/pengasas tersebut. (lihat hlm. 37)	adalah aliran kewangan yang keluar dari unit perakaunan yang mengakibatkan kekurangan sesuatu aset atau peningkatan satu atau kedua-duanya.  jumlah yang dibayar oleh pertubuhan/ pengasas untuk tujuan memudahkan pelaksanaan pelbagai aktiviti Sama ada yang berkaitan dengan pengeluaran, pembelian, penjualan,	Adakah aliran kewangan yang masuk ke dalam unit perakaunan yang membawa kepada peningkatan dalam aset atau pengurangan liabiliti atau kedua-duanya. Adalah satu pulangan atau satu kemasukan yang diterima oleh pihak perusahaan kesan dari pelaksanaan pelbagai jenis aktiviti yang dijalankan. (lihat hlm.39)

				pengurusan atau pekerjaanya. (lihat hlm.38)	
2.	<i>Mabadik Al Muhasabah</i>	Adalah apa yang dimiliki oleh sebuah entiti / pengasas dari sesuatu perkata dan manfaat dan mempunyai nilai yang dapat diukur. (lihat hlm. 5)	Kewajipan sesebuah entiti terhadap pihak ketiga sebagai penukaran mendapatkan barang, perkhidmatan dan pinjaman. (lihat hlm.6)	Semua kos ( <i>takalif</i> ) yang ditanggung oleh entiti sebagai penukaran atas penerimaan pendapatan. Seperti kos barang dan perkhidmatan yang digunakan di dalam proses tersebut. (lihat hlm. 6)	Semua hasil yang diterima oleh entiti sebagai penukaran atas jualan barang, penyediaan perkhidmatan (sama ada hasil telah diterima atau belum diterima) dan hasil daripada keuntungan pelaburan. (lihat hlm. 6)
3.	<i>Muhasabah Maliah</i>	Semua sumber ekonomi yang dimiliki oleh sesebuah entiti, yang boleh diukur, Selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum (lihat hlm.9)	Kewajipan ke atas sesebuah entiti kepada pihak ketiga, yang boleh diukur, Selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum (lihat hlm.10)	Semua kos ( <i>takalif</i> ) yang ditanggung oleh entiti sebagai penukaran atas penerimaan pendapatan. Seperti kos barang dan perkhidmatan yang digunakan di dalam proses tersebut. (lihat hlm. 11)	Semua hasil yang diterima oleh entiti sebagai penukaran atas jualan barang, penyedian perkhidmatan (sama ada hasil telah diterima atau belum diterima) dan hasil daripada keuntungan pelaburan. (lihat hlm. 10)
4.	Dr. Walid Naji Al –Hiyali (2007) <i>Nazoriah Al Muhasabah</i>	Kumpulan alatan ekonomi yang dimiliki oleh unit ekonomi untuk mendapatkan faedah ekonomi masa depan daripada alatan tersebut (lihat hlm.234)		Setiap pengurangan pada aset untuk satu unit perakaunan atau peningkatan pada kewajipan ( <i>liabiliti</i> ) atau kedua-duanya sekali Hasil daripada pengeluaran barang atau penyediaan perkhidmatan kepada orang lain. (lihat hlm.197)	Jumlah aliran masuk yang membawa kepada peningkatan satu unit perakaunan dalam jumlah aset atau pengurangan satu unit perakaunan dalam jumlah liabiliti atau kedua-duanya sekali. (lihat hlm.181)  *perbezaan gains ( <i>makasib</i> ) dengan <i>revenue</i> . <i>Gains</i> : aliran masuk yang membawa kepada peningkatan satu unit

				*kerugian ( <i>hosair</i> ) : Kemerosotan hak (pemilikan) akibat operasi sampingan kecil atau akibat daripada keadaan lain yang mempengaruhi unit perakaunan. Tidak termasuk perbelanjaan atau pengagihan keuntungan kepada pemilik.	perakaunan tetapi tidak berulang dan tidak mempunyai kaitan dengan aktiviti biasa (operasi) dalam unit perakaunan.
5.	Dr Sulaiman Husin Al Basytawi & Dr Ihab Muhammad Abu Khaznah, (2016) <i>Mabadik Al Muhasabah</i>			<p><i>Masrufat</i>: Kos (<i>taklufah</i>) barang dan perkhidmatan yang digunakan untuk mendapatkan hasil</p> <p>Contoh : gaji pekerja, kos pengiklanan, air, elektrik.</p> <p>Perbelanjaan dianggap sebagai kos yang ditanggung untuk mencapai pendapatan. Perbelanjaan menyebabkan penurunan dalam ekuiti. (lihat hlm.177)</p> <p>Pembahagian <i>masrufat</i> : <i>tasyghili</i>, <i>gheir tashgili</i></p> <p><i>Masrufat</i> ialah aliran keluar/ aliran tanggungan dari entiti hasil membuat aktiviti seperti</p>	<p><i>Iradat</i> ialah pertambahan pada aset (kemasukan aliran kewangan atau pertambahan pada aset yang boleh ditagihkan) hasil daripada aktiviti entiti yang dihitung dan dikira mengikut prinsip perakaunan yang diterima.</p> <p>Juga menggambarkan pengurangan pada liabiliti. (lihat hlm. 180)</p> <p>Pembahagian iradat : <i>tashgili</i>, <i>gheir tashgili</i></p> <p>Aliran yang diterima/ aliran kemasukan untuk sesuatu entiti hasil aktiviti biasa.</p> <p>Pendapatan dari jualan dll (lihat hlm. 32)</p>

				pembelian, perbelanjaan jualan, gaji pekerja dll. (lihat hlm.32)	
6.	Muhammad Hamid Ahmad Ja'bari Sameer Hamudah Aliyan Syarif Rasyad Assor, (2000) <i>Mabadik Al Muhasabah Al Maliah, Juzuk Awwal</i>	Aset projek dan pemilikannya (lihat hlm.49)	Hak orang lain (pihak ketiga) ke atas projek/entiti. (lihat hlm.49)	<p><i>Masrufat:</i></p> <p>Jumlah yang dibayar oleh sesebuah entiti untuk mendapatkan perkhidmatan seperti gaji</p> <p>Pembahagian:</p> <p><i>Masorif iradiyah</i> <i>Masorif rask maliah</i> (lihat hlm.107)</p>	
7.	Samer Adnan Syarif, (2001) <i>Usul Muhasabah</i>	Pemilikan entiti Pembahagian aset: - <i>fixed</i> - <i>Current</i> (lihat hlm.45)	Hutang ke atas entiti terhadap orang persendirian ( <i>ashos tobiyyin au iktibariyin</i> ) dari luar entiti, dan muncul hutang ini hasil daripada aktiviti mendapatkan pembiayaan untuk entiti ini (lihat hlm.45)	<p>Pembahagian :</p> <p><i>Masorif idarah wa intajiah</i> <i>Masorif ras maliah</i> (lihat hlm. 44)</p> <p>Pembahagian : -<i>Fixed</i> -<i>current</i></p>	Hasil daripada pelaksanaan projek untuk aktiviti utamanya yang telah diwujudkan atau hasil daripada aktiviti sampingan ( <i>amaliat ardiyah</i> ) yang bukan merupakan tabiat amalan entiti. Amalan tersebut dinamakan <i>iradat ardiyah</i> atau <i>iradat toiroh</i> . (lihat hlm.44)

Daripada perbincangan tersebut, beberapa implikasi yang berkaitan dengan takrif hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti berdasarkan beberapa pandangan para pengkaji serta rujukan buku perakaunan di Timur Tengah adalah seperti berikut;

1. Hasil (*iradat*): ialah hasil daripada amalan aktiviti yang diwujudkan melibatkan proses pertukaran iaitu menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain (barang atau perkhidmatan) yang bertujuan untuk mendapat keuntungan (Syuhatah, 1987) yang benar-benar telah didapati (*muhaqqaq*) atau yang belum didapati (*gheir muhaqqaq*) (Kamal Atiyyah, 1989) yang membawa kepada peningkatan dalam aset atau pengurangan liabiliti atau kedua-duanya (Al-Hiyali, 2007).
2. Belanja (*nafaqat* atau *masrufat*): ialah adalah aliran kewangan yang keluar dari unit perakaunan yang mengakibatkan kekurangan sesuatu aset atau peningkatan satu atau kedua-duanya (Al-Hiyali, 2007) akibat aktiviti seperti pembelian, perbelanjaan jualan, gaji pekerja dan lain-lain (Al-Basytawi dan Abu Khaznah, 2016) untuk mendapatkan manfaat dan perkhidmatan (Al-Khotib, 2002).
3. Liabiliti (*iltizam* atau *al-khusum*) ialah kewajipan yang boleh diukur ke atas perusahaan atau entiti kepada pihak ketiga atau hak orang lain ke atas perusahaan atau entiti tersebut (Al-Hiyali, 2007) kesan penukaran mendapatkan barang, perkhidmatan dan pinjaman.

Kesemua takrif tersebut akan di bandingkan dengan takrif oleh IPSASB 2014. Satu cadangan takrif elemen hasil dan belanja serta liabiliti dan ekuiti yang menepati kehendak syariah akan dicadangkan sebagai kerangka asas kepada kajian ini

## **6.7 Pengiktirafan Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti berdasarkan kerangka syariah**

Penerokaan kepada perakaunan Islam masih lagi baru dan kebanyakkan kajian semasa hanya menumpukan kepada aspek pendedahan maklumat perakaunan daripada perspektif Islam seperti yang telah dijelaskan di bahagian awal kajian ini dan tiada kajian yang melihat aspek pengiktirafan kepada kutipan dan agihan zakat menurut syarak. Malah menurut Hailani Muji Tahir (2016), dalam menyelesaikan

permasalahan manusia semasa dalam konteks ilmu perakaunan, konsep kewajaran, mudah dan anjal (*flexible*) memainkan peranan yang penting supaya penyelesaian permasalahan ini dapat diterima oleh pemikiran yang rasional berasaskan doktrin Islam yang bersumber epistemologi Islam yang sebenar. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah (2:185) menjelaskan perkara tersebut yang bermaksud;

“...Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”

Dan Firman Allah SWT lagi dalam surah Al-Baqarah (2: 286) yang bermaksud,

“Allah (sekali-kali) tidak akan memberatkan kamu melainkan apa yang terdaya kamu lakukan”

Dalam hal ini, para imam mazhab telah merumus suatu kaedah dalam muamalah bahawa,

“asal hukum suatu perkara dalam muamalat adalah diharuskan sehingga ada dalil yang menunjukkan sebaliknya”

Justeru kajian ini juga akan merujuk kepada beberapa kaedah fiqh yang telah menjadi asas pertimbangan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM) mengaplikasikan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam sebagai asas pertimbangan kepada prinsip pengiktirafan terhadap istilah dan terminologi ‘hasil’, ‘belanja’, ‘liabiliti’ dan ‘ekuiti’, mengikut syarak yang juga menjadi teras kepada pelaporan kewangan Islam. Menurut Bank Negara Malaysia (2010), kaedah kemungkinan yang kuat (*zan al-ghalib*) boleh diambilkira disamping keharusan menggunakan beberapa kaedah fiqh yang berkaitan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam iaitu antaranya (1) *al- Aslu as-Sihah* (asal sesuatu itu adalah sah); (2) *al- 'Irah lil ghalib as-Sya 'i la linnadir* (pertimbangan adalah kepada kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil); (3) *ma qaraba as-Syai' yu'tho hukmah* (apa-apa yang hampir kepada sesuatu itu, maka ia mengambil hukum yang sama); dan (4) *az-Zhon wajib al-ittiba'* (kebarangkalian hendaklah diikuti).

Namun berdasarkan kepada praktis dalam membina piawaian perakaunan Islam, kajian ini berpandangan kaedah *al-adah al-muhakkamah* dan *al-umur bi al-maqasidiha* banyak digunakan dan dipraktikkan disebabkan oleh kebanyakan Institusi WZB mempunyai keunikan masyarakat Islam yang berbeza amalan dan adat masyarakat Melayu serta meraikan niat serta maksud daripada sesuatu transaksi oleh Institusi WZB. Secara praktisnya, pengurusan zakat oleh Institusi WZB adalah berpandukan kepada pandangan jawatankuasa syariah dan fatwa negeri masing-masing yang sudah pasti mempunyai pandangan yang berbeza mengikut tempat dan masa dalam menguruskan dana WZB. Kajian ini juga akan merujuk kriteria pengiktirafan terhadap terminologi perakaunan menggunakan kerangkakerja konseptual IPSASB (2014) serta MPSAS sebagai rujukan asas yang telah menjadi rujukan yang lazim atau *mainstream* dalam bidang perakaunan.

Jadual 6.6: Cadangan kerangka syariah terhadap istilah hasil, belanja dan liabiliti

Takrif	IPSASB 2014	Buku Perakaunan Islam	Cadangan Kerangka Syariah
Hasil	Peningkatan dalam manfaat ekonomi sepanjang tempoh perakaunan dalam bentuk aliran masuk atau penambahan aset atau pengurangan liabiliti yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan daripada penyumbang ekuiti.  [Timbul dari sumber pertukaran dan bukan pertukaran]	Hasil ( <i>iradat</i> ): ialah hasil daripada amalan aktiviti yang diwujudkan melibatkan proses pertukaran iaitu menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain (barang atau perkhidmatan) yang bertujuan untuk mendapat keuntungan (Syuhatah, 1987) yang benar-benar telah didapati ( <i>muhaqqaq</i> ) atau yang belum didapati ( <i>gheir muhaqqaq</i> ) (Kamal Atiyyah, 1989) yang membawa kepada peningkatan dalam aset atau pengurangan liabiliti atau kedua-duanya (Al-Hiyali, 2007).	Definisi hasil*: <ul style="list-style-type: none"><li>• Peningkatan manfaat ekonomi oleh entiti melalui transaksi/kontrak yang patuh syariah.</li><li>• Yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan yang telah ditetapkan tujuan/niat oleh penyumbang.</li></ul> [Timbul dari sumber pertukaran dan bukan pertukaran.]  *Terpakai untuk hasil baitulmal (sumber am), manfaat wakaf am & khas (yang tidak ditentukan tujuan), dan manfaat pelaburan wang/harta zakat.
Belanja	Pengurangan dalam kedudukan kewangan bersih entiti, selain yang berkaitan dengan pengurangan akibat dari pengagihan kepada penyumbang ekuiti.	Belanja ( <i>nafaqat</i> atau <i>masrafat</i> ): ialah adalah aliran kewangan yang keluar dari unit perakaunan yang mengakibatkan kekurangan sesuatu aset atau peningkatan satu atau kedua-duanya (Al-Hiyali, 2007) akibat aktiviti seperti pembelian, perbelanjaan jualan, gaji pekerja dan	Definisi belanja*: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurangan dalam kedudukan kewangan bersih entiti melalui transaksi/kontrak yang patuh syariah.</li><li>• Penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan (Wahbah-Al-Zuhaili, 2005).</li></ul>

		lain-lain (Al-Basytawi et al, 2016) untuk mendapatkan manfaat dan perkhidmatan (Al-Khotib, 2002).	*Terpakai untuk baitulmal (sumber am), dan belanja pengurusan harta zakat dan wakaf.
Lebihan/ Kurangan	Lebihan atau kurangan dalam tempoh iaitu perbezaan antara hasil dan belanja yang dilaporkan dalam penyata prestasi.	-	Lebihan atau kurangan dalam tempoh iaitu perbezaan antara hasil/kutipan dan belanja/agihan.
Liabiliti	Obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber dari entiti. - Obligasi yang timbul boleh sama ada mengikat atau tidak mengikat secara perundangan dimana entiti tidak dapat mengelak dari memenuhi tuntutan. - Obligasi mesti timbul kepada pihak luar. - Penyelesaian akan melibatkan aliran keluar sumber entiti - Timbul dari peristiwa lepas	Liabiliti ( <i>iltizam</i> atau <i>al-khusum</i> ) ialah kewajipan yang boleh diukur ke atas perusahaan atau entiti kepada pihak ketiga atau hak orang lain ke atas perusahaan atau entiti tersebut (Al-Hiyali, 2007) kesan penukaran mendapatkan barang, perkhidmatan dan pinjaman	Definisi: Obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber dari entiti atau memenuhi tuntutan syarak. - Obligasi yang timbul kerana tuntutan syarak (Contoh: Zakat – zakat belum agih, Saham wakaf tunai khas, Istibdal wakaf). - Obligasi yang timbul boleh sama ada mengikat atau tidak mengikat secara perundangan dimana entiti tidak dapat mengelak dari memenuhi tuntutan. - Obligasi mesti timbul kepada pihak luar. - Penyelesaian akan melibatkan aliran keluar sumber entiti. - Timbul dari peristiwa lepas

Sumber: IPSASB (2014), MPSAS, MASB SOPi, Pakar Rujuk & Wahbah Al-Zuhaili (2005)

### 1. Takrif Hasil

Merujuk kepada Jadual 6.6, menggunakan IPSASB 2014 dan SOPi sebagai asas takrif secara ringkasnya takrif hasil yang dicadangkan menurut syarak ialah,

‘Peningkatan manfaat ekonomi oleh entiti melalui transaksi dan kontrak yang patuh syariah yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan yang telah ditetapkan tujuan atau niat oleh penyumbang dan wujud daripada hasil pertukaran dan hasil bukan pertukaran’.

Takrif ini agak konsisten dengan takrif hasil (*iradat*) yang telah dibincangkan dalam buku perakaunan Islam berdasarkan takrif oleh Syuhatah (1987), Kamal Atiyyah (1989) dan Al-Hiyali (2007).

Oleh itu, takrif hasil ini adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada perkara berikut:

1. Hasil (manfaat) daripada wakaf am dan khas yang tidak ditentukan tujuan
2. Manfaat pelaburan harta zakat (kaedah agihan berbentuk produktif)
3. Hasil yang diterima daripada transaksi yang dilakukan oleh Baitul mal (melalui hasil sumber am).

Walau bagaimanapun, di dapati terminologi ‘hasil’ tidak sesuai untuk *diidhofahkan* kepada kutipan zakat yang dikutip daripada pembayar zakat secara bulanan atau tahunan kerana transaksi tersebut bukan melibatkan sebarang transaksi muamalah (kontrak jualbeli dan sebagainya) tetapi sebagai penerima dana daripada pembayar zakat sebagai amil untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang telah ditentukan dalam Islam seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran, surah At-Taubah 9:60).

Penerima manfaat berdasarkan tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Berdasarkan ayat tersebut juga jelas menunjukkan institusi yang dipertanggungjawabkan di bawah Institusi WZB sebagai amil perlu mengagihkan zakat dengan segera pada tahun berkenaan.

## 2. Takrif Belanja.

Merujuk kepada Jadual 6.6, menggunakan IPSASB 2014 dan SOPi sebagai asas, cadangan takrif ‘belanja’ menurut syarak ialah,

‘Pengurangan dalam kedudukan kewangan bersih entiti melalui transaksi/kontrak yang patuh syariah dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan’

Takrif ini juga agak konsisten dengan takrif belanja (*nafaqat* atau *masrufat*) yang telah ditakrifkan oleh Al-Hiyali (2007), Al-Basytawi dan Abu Khaznah (2016) dan Al-Khotib (2002).

Justeru, takrif belanja ini adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada perkara berikut:

1. Belanja yang melibatkan belanjawan pengurusan aset wakaf am dan wakaf khas.
2. Belanja pengurusan harta yang dibiayai dana zakat
3. Segala perbelanjaan yang wujud juga daripada transaksi yang dilakukan oleh institusi Baitul mal kesan daripada kontrak muamalat (melalui hasil sumber am)

Berdasarkan takrif ‘belanja’ tersebut juga adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada segala perbelanjaan yang wujud juga daripada transaksi yang dilakukan oleh institusi Baitul mal kesan daripada kontrak muamalat (melalui hasil sumber am iaitu KWB) dan juga perbelanjaan terhadap wakaf am yang melibatkan KWW. Justeru terminologi ‘belanja’ juga agak tidak sesuai untuk *idhofahkan* kepada zakat kerana institusi MAIN hanya agihkan zakat kepada asnaf. Berdasarkan Jadual 6.6 juga, takrif liabiliti yang dicadangkan menurut Islam ialah obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber daripada entiti dan obligasi ini wujud disebabkan oleh tuntutan syarak. Kecenderungan dana yang terlibat dalam elemen ‘liabiliti’ menurut kajian ini ialah baki wang zakat yang belum diagih pada tahun berkenaan serta wang tunai yang dipegang dari urus niaga istibdal sebelum ditukar kepada aset. Berdasarkan pandangan ini, elemen ‘liabiliti’ yang wujud adalah baki wang zakat yang belum diagihkan pada tahun berkenaan yang perlu diagihkan segera pada tahun berikutnya dan juga wang yang dipegang dari urus niaga istibdal perlu segera ditukar kepada aset tetap (jika ain wakaf tersebut terletak kepada aset tetap). Elemen ini perlu didedahkan di bahagian ‘liabiliti semasa’ di penyata kewangan MAIN untuk menunjukkan obligasi institusi MAIN yang belum diselesaikan pada tahun sebelumnya. Justeru takrif belanja adalah terpakai untuk baitulmal (sumber am), dan belanja pengurusan harta zakat dan wakaf.

### 3. Takrif Liabiliti.

Berdasarkan Jadual 6.6 juga, menggunakan IPSASB 2014 dan SOPi sebagai asas dan merujuk kepada takrif liabiliti berdasarkan buku perakaunan Islam oleh Al-Hiyali (2007), takrif liabiliti yang dicadangkan ialah,

‘Obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber daripada entiti dan obligasi ini wujud disebabkan oleh tuntutan syarak’

Takrif liabiliti yang dicadangkan oleh penyelidik memasukkan elemen ‘obligasi yang timbul disebabkan oleh tuntutan syarak’ kerana penyelidik berpendapat bahawa elemen tersebut merupakan adalah suatu bentuk tanggungan yang perlu dilunaskan secara khusus oleh Institusi WZB sebagai pemegang amanah harta umat Islam terutamanya berhubung kewajipan yang digariskan oleh hukum-hukum syarak secara spesifik seperti agihan zakat yang perlu disegerakan (diagih dalam tempoh setahun) dan tunai dari urus niaga istibdal harus segera ditukar kepada aset tetap (jika ain terletak pada aset secara fizikal). Selain itu, tanggungan juga wujud bagi Institusi WZB untuk menyempurnakan niat pewakif bagi wakaf harta tanah khas (niat pewakif dinyatakan dalam *sighah* dan *sighah* merupakan salah satu rukun wakaf), maka ia merupakan suatu liabiliti bagi Institusi WZB selagi mana niat pewakif belum disempurnakan. Begitu juga dengan elemen manfaat wakaf khas yang telah ditentukan tujuan, maka wujudnya obligasi dipihak Institusi WZB untuk melaksanakan tujuan bagi manfaat wakaf tersebut. Hal ini kerana, penyelidik berpandangan bahawa ianya dapat memenuhi dan menterjemahkan objektif pelaporan kewangan yang berlandaskan bagi memenuhi akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga kepada manusia dengan lebih berkesan. Justeru, item yang dikelaskan sebagai liabiliti bagi setiap kumpulan wang adalah seperti berikut:

- a. Kumpulan Wang Wakaf (KWW)
  - i. Saham wakaf tunai khas
  - ii. Wakaf harta tanah khas yang belum disempurnakan niat pewakif
  - iii. Manfaat wakaf khas yang telah ditentukan tujuan
  - iv. Wang Tunai dari urus niaga Istibdal (yang perlu ditukar kepada aset tetap)

- b. Kumpulan Wang Zakat (KWZ)
  - i. Baki zakat belum agih pada tahun berkenaan (Terimaan-Agihan)

- c. Kumpulan Wang Baitulmal (KWB)
  - i. Obligasi lazim oleh institusi baitulmal

Jadual 6.7: Cadangan kerangka syariah terhadap Ekuiti, Ekuiti Wakaf dan Ekuiti Zakat

<b>Item</b>	<b>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</b>	<b>Kerangka Syariah</b>
Ekuiti/Aset Bersih	Residual atau perbezaan antara aset dan liabiliti.	Residual atau perbezaan antara aset dan liabiliti (terpakai bagi sumber am/baitulmal).
Ekuiti Wakaf	Tidak berkenaan	Sumbangan oleh pewakif yang telah diletakhakkan kepada MAIN dan telah dilaksanakan niat pewakif.  *Ain wakaf dan lebihan manfaat wakaf
Ekuiti Zakat	Tidak berkenaan	Agihan produktif (perolehan aset) yang diletakhakkan kepada MAIN untuk kegunaan asnaf yang ditentukan.  *Perolehan aset dari agihan produktif dan lebihan manfaat pelaburan zakat

Sumber: SORP 2015, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, Pakar Rujuk

#### 4. Takrif Ekuiti

Berdasarkan Jadual 6.7, definisi ekuiti dalam kerangka kerja konseptual perakaunan sektor awam (IPSASB 2014) adalah merujuk kepada residual ataupun perbezaan antara aset dan liabiliti. Namun, bagi kerangka syariah, definisi ekuiti harus dibezakan bagi wakaf dan zakat kerana kedua-dua item ini bukanlah merujuk kepada baki atau perbezaan antara aset tolak liabiliti. Sebaliknya, ekuiti bagi wakaf dan zakat wujud sebagai ‘pembiaya’ bagi aset amanah (rujuk perbincangan tentang pengelasan aset amanah dalam bab 6 laporan UKM Fasa kedua). Dengan kata lain, ianya adalah sama

seperti konsep ‘ekuiti terhad’ seperti yang digariskan dalam *The Statement of Recommended Practice (SORP)*. Namun, bagi menambah kejelasan, penyelidik cenderung untuk terus menggunakan terma khusus iaitu ‘Ekuiti Wakaf’ dan ‘Ekuiti Zakat’ sebagai pembiaya aset amanah yang dilaporkan.

a. Takrif ekuiti wakaf

‘Sumbangan oleh pewakif yang telah diletakhakkan kepada MAIN dan telah dilaksanakan niat pewakif’

b. Takrif ekuiti zakat

‘Agihan produktif (perolehan aset) yang diletakhakkan kepada MAIN untuk kegunaan asnaf yang ditentukan’

Jika diterjemahkan dalam persamaan perakaunan, persamaan perakaunan bagi kerangka syariah adalah seperti berikut:

$$\text{Aset Amanah} (\textit{wakaf dan zakat}) = \text{Ekuiti Wakaf} + \text{Ekuiti Zakat}$$

$$\text{Aset} (\textit{baitulmal}) = \text{Liabiliti} + \text{Ekuiti}$$

Implikasi daripada perbincangan dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Kajian ini juga mendapati amalan semasa KWZ tidak menunjukkan banyak perbezaan dalam kalangan Institusi WZB yang dikaji. Namun, fokus harus diberikan bagi meneliti ketepatan amalan mengiktiraf kutipan zakat dan wakaf sebagai ‘hasil’ sama ada amalan tersebut selari dengan konsep hasil daripada perspektif syarak dan juga daripada sudut kerangka perakaunan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Pengiktirafan kutipan zakat dan wakaf tunai sebagai ‘hasil’ dalam penyata pendapatan bagi Institusi WZB boleh menimbulkan persoalan dan salah faham pengguna penyata kewangan kerana amalan perakaunan semasa mengkelaskan ‘lebihan’ kutipan yang belum diagih dimasukkan ke dalam bahagian ekuti. Ini adalah kerana amalan semasa oleh Institusi WZB terhadap ‘lebihan belum agih’ tersebut dilayan sama seperti ‘lebihan pendapatan atas perbelanjaan’ daripada sudut perakaunan kerana pelaporan Institusi WZB semasa adalah mengikut piawaian perakaunan konvensional. Namun

begitu perlu dijelaskan bahawa amalan tersebut tidak bertentangan dengan syarak kerana ia merupakan *uruf* perakaunan yang diamalkan sebelum ini dan sekiranya ingin mengekalkan lebihan zakat yang belum diagihkan sebagai elemen ekuiti, maka Institusi WZB perlu mengkelaskannya sebagai ekuti terhad.

2. Satu cadangan kerangka syariah ke arah mengubah istilah ‘hasil’ kepada ‘terimaan’ atau ‘pungutan’ serta ‘belanja’ kepada ‘agihan’ serta konsep lebihan agihan zakat pada tahun semasa diiktiraf sebagai ‘liabiliti’ atau ‘ekuiti terhad’ adalah disarankan agar istilah yang akan digunakan tidak mengelirukan masyarakat Islam serta pemegang taruh yang semakin memahami dan membaca penyata kewangan MAIN. Justeru kajian ini merumuskan tiga perkara utama iaitu (1) dana wakaf dan zakat merupakan liabiliti kepada entiti yang menguruskan zakat berdasarkan konsep *yaddul amanah* yang telah dijelaskan oleh pakar rujuk kajian ini dan Institusi WZB adalah *yaddul amanah* kepada dana zakat di sesebuah negeri berdasarkan perundangan. Ini menjelaskan lagi bahawa Institusi WZB merupakan entiti perundangan yang kuasanya dirujuk kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri dan pengurusannya terbatas kepada perundangan di peringkat persekutuan dan negeri; (2) Cadangan penggunaan istilah yang betul iaitu ‘kutipan zakat dan wakaf tunai’ dan ‘agihan zakat dan manfaat wakaf’ berdasarkan amalan semasa perakaunan yang merujuk kepada IPSASB (2014) dan MPSAS.

Namun kajian ini mencadangkan adalah sesuai perkataan ‘terimaan’ dan ‘belanja’ *diidhofahkan* secara terus dengan perkataan zakat atau wakaf. Pihak Institusi WZB juga perlu dedahkan satu penyata yang khusus untuk menunjukkan ‘terimaan’ dan ‘agihan’ tersebut di penyata kewangan tahunan Institusi WZB untuk menunjukkan Institusi WZB telah menunaikan amanah tersebut. Amalan di kebanyakkan negeri yang dikaji berdasarkan perbincangan dengan pakar menunjukkan kebanyakkan negeri lebih selesa dengan istilah ‘Terimaan’ dan ‘Agihan’. Cadangan ini juga selari dengan pandangan pakar rujuk dimana istilah yang dicadangkan tidak menimbulkan kekeliruan; (3) Cadangan untuk mengiktiraf konsep lebihan agihan pada tahun berkenaan kepada ‘liabiliti’ dan bukan ‘ekuiti terhad’ kerana takrif ‘hasil’ dan ‘belanja’ yang tidak konsisten dengan falsafah zakat. Justeru jika ia tidak sesuai dengan terminologi ‘hasil’ dan ‘belanja’, maka konsep lebihan agihan zakat pada tahun berkenaan tidak sesuai dikelaskan sebagai ‘ekuiti’ atau ‘ekuiti terhad’.

3. Cadangan satu piawaian baru diwujudkan secara khusus untuk perakaunan kutipan dan agihan zakat terutamanya dalam aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dana zakat untuk dilaksanakan oleh semua Institusi WZB di Malaysia kerana keunikan yang wujud dalam menguruskan zakat. Ini kerana pelaporan kewangan zakat perlu dilihat daripada dimensi yang lebih luas termasuklah kaedah doktrin yang berkait dengan fiqh zakat yang melibatkan pelbagai fatwa yang sentiasa kehadapan untuk menangani permasalah fiqh semasa serta kaedah sains yang berkait dengan pengurusan zakat yang dinamik. Justeru satu takrifan yang baik berdasarkan kaedah fiqh iaitu *jami'* dan *mani'* diperlukan untuk mentakrifkan zakat, kutipan zakat, agihan zakat serta baki zakat yang belum diagihkan agar konsisten dengan piawaian perakaunan semasa untuk memudahkan para akauntan di Institusi WZB untuk mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan maklumat tersebut di penyata kewangan zakat dengan telus, komprehensif dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada pemegang taruh.
4. Cadangan satu enakmen zakat yang khusus digubal seperti enakmen wakaf yang telah digubal dibeberapa buah negeri di Malaysia. Penggubalan ini perlu memandangkan pengurusan KWZ telah menjadi semakin kompleks dan dinamik seperti yang dijelaskan sebelum ini. Cadangan pembentukan satu piawaian baru untuk perakaunan zakat serta diperkuuhkan dengan aspek perundangan seperti menggubal satu enakmen zakat adalah wajar memandangkan wujudnya banyak transaksi baru berkait dengan penggunaan dana zakat seperti pembelian aset bangunan dan tanah, penjanaan hasil sewa atau pulangan keuntungan daripada aset zakat, pembelian aset kenderaan, pendahuluan wang zakat daripada kategori asnaf *fisabilillah* untuk tujuan pembangunan harta wakaf atau baitulmal, kewujudkan transaksi pinjaman kepada asnaf melalui dana zakat, pendefinisian asnaf yang semakin luas, bantuan zakat yang telah melangkaui sempadan geografi dan sebagainya. Kewujudan enakmen pentadbiran agama Islam negeri yang sedia ada untuk pengurusan zakat didapati adalah amat terhad sedangkan perkembangan semasa menunjukkan pengurusan zakat semakin mencabar bukan sahaja untuk mempelbagaikan kaedah pengagihan zakat ke arah yang lebih produktif, malah menyahut cabaran pihak pemegang taruh untuk menjadikan pengurusan zakat ke arah lebih profesional.

## **6.8 Kriteria Pengiktirafan Hasil dan Belanja serta Liabiliti dan Ekuiti dalam Islam**

Bahagian ini membincangkan kriteria pengiktirafan HBLE dalam Islam dan menggunakan kerangkakerja konseptual IPSASB (2014) sebagai rujukan asas. Menurut IPSASB (2014), kriteria pengiktirafan HBLE adalah memenuhi definisi dan dapat diukur dengan munasabah (IPSASB, 2014; h. 73). Namun begitu, dalam membincangkan daripada sudut syariah, kajian ini mencadangkan konsep pengiktirafan HBLE dalam Islam adalah memenuhi definisi, dapat diukur dengan munasabah dan perlu selari dengan hukum-hakam, prinsip dan syariat Islam yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam berdasarkan maqasid syariah.

Namun berdasarkan kepada praktis dalam membina piawaian perakaunan Islam, kajian ini berpandangan kaedah *al-adah al-muhakkamah* banyak digunakan dan dipraktikkan. Prinsip keanjalan dan keluwesan dalam berijtihad telah berlaku dalam kalangan ulama dan mufti negeri yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam mengikut maqasid syariah yang telah digariskan dalam Islam. Menurut pandangan mufti yang telah ditemubual, yang paling penting adalah manfaat pengurusan aset itu sampai kepada umat Islam dengan cekap dan berkesan.

Jadual 6.8: Kriteria Pengiktirafan

<b>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</b>		
Pengiktirafan		
Kriteria pengiktirafan	Memenuhi definisi dan dapat diukur dengan munasabah	Memenuhi definisi dan dapat diukur dengan munasabah yang selari dengan hukum-hakam, prinsip dan peraturan Islam untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam berdasarkan maqasid syariah (Hailani Muji Tahir, 2016).  Diukur berdasarkan amalan semasa ( <i>uruf</i> ) yang tidak bertentangan dengan syara' dan selari dengan perundangan sivil.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaedah fiqh yang umum iaitu <i>at-tasaruff al-imam 'ala ra'iyati manut bil maslahah</i> (peraturan/polisi/tindakan pemerintah kpd rakyatnya perlulah mengikut maslahah)</li> <li>- Antara kaerah ilmu fiqh perlu diperaktikkan:           <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>al-umur bi al-maqasidiha</i> (setiap perkara dinilai berdasarkan niat)</li> <li>2. <i>al-a'dah muhakkamah</i> (adat menjadi hukum)</li> </ol> </li> </ul>
--	--	---

Sumber: IPSASB 2014, Wahbah Al Zuhaili (2005), Hailani Muji Tahir (2016), Pakar Rujuk

Kajian ini mendapati, prinsip keanjalan dan keluwesan dalam berijtihad telah berlaku dalam kalangan ulama dan mufti negeri yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam mengikut maqasid syariah yang telah digariskan dalam Islam. Menurut pandangan mufti yang telah ditemubual, yang paling penting adalah manfaat atau faedah daripada pengurusan aset itu sampai kepada umat Islam dengan cekap dan berkesan terutamanya kepada asnaf zakat atau penerima manfaat yang telah ditentukan dalam kontrak. Pandangan ini adalah selari dengan kaerah fiqh yang umum iaitu *at-tasarruf al-imam 'ala ra'iyati manut bil maslahah* iaitu bermaksud ‘peraturan/polisi/tindakan pemerintah kepada rakyatnya perlulah mengikut maslahah’.

Menurut Nasir Muhammad al-Ghamidi (2011), kaerah ini merupakan satu kaerah daripada kaerah-kaerah *siyasah syar'iyyah*, fiqh dan perundangan. Melalui pemerhatian daripada kitab-kitab fiqh secara umum dan kitab *qawa'id* secara khusus, telah wujud lafaz-lafaz kaerah ini dalam kalangan para sarjana. Semuanya cenderung kepada kewajipan untuk pemerintah dalam membuat peraturan atau polisi yang memberi kebaikan kepada rakyat dan menjauhkan mereka daripada kemudaratian. Terdapat lafaz-lafaz yang mempunyai persamaan dengan kaerah tersebut dalam keempat-empat mazhab, antaranya ialah seperti berikut: (1) Imam Muhammad bin Idris as-Syafie (mazhab Syafie) menyatakan: *Manzilah al-wālī min ro'iyyatihi bi manzilah wālī māl al-yatīm mālihi* iaitu bermaksud ‘pemerintah berhak mengambil tindakan/ menghukum bagi menjaga maslahah rakyat di bawah pemerintahannya seperti orang yang menjaga dan mengurus harta anak yatim tersebut. (2) Imam Syamsuddin as-Sarkhasi al-Hanafi (mazhab Hanafi) menyatakan: *Tasaruf al-Imām alā wajhi al-Nazar* iaitu bermaksud ‘pemerintah mengambil tindakan atas

pandangannya’; (3) Imam Syahbuddin Abu Abbas Ahmad bin Abi al-‘ala Idris bin Abdul Rahman as-Sinhaji al-Qarafi al-Maliki (Mazhab Maliki) menyatakan: *Kullu man walī wilāyah al-khilafah famā dunaha lā yahillu lahu an yatasarrafu illa yajlibu maslahah au daru mafsadah* iaitu bermaksud ‘setiap pemerintah suatu tempat/wilayah/daerah tak boleh menghukum/mengambil tindakan kecuali untuk kemaslahatan atau mencegah kerosakan’; dan akhir sekali (4). Sheikhul Islam Abu Abbas Ahmad bin Abdul Halim bin Taimiyyah al-Harani al-Hanbali (mazhab Hanbali) menyatakan: *Al-walīy ‘alātih an yatasarrafu li maslahah al-muwallī ‘alātih* iaitu bermaksud ‘pemerintah bertanggungjawab mengambil tindakan/menghukum bagi kemaslahatan orang di bawah pemerintahannya’. Kepentingan kaedah ini ialah (1) kaedah ini melihat dengan teliti had pentadbiran umum, *siyasah syar‘iyyah* dalam penguasaan gabenor dan tindakan/peraturan/polisi kepada rakyat. Maka apa yang bermanfaat daripada tindakan/peraturan/ polisi pemerintah kepada rakyat yang dikuatkuasakan ia terikat dengan hak-hak am dan khas. Ia bertujuan untuk kebaikan dan manfaat; (2) kaedah syariah ini meletakkan had pada gabenor dan pemerintah dalam urusan am dan khas; (3) kaedah ini berlegar di bawah prinsip yang besar di bawah prinsip Islam iaitu membawa kebaikan dan menolak kerosakan. Maka, polisi/tindakan tersebut dilaksanakan kepada rakyat untuk menyelaras dan mengikat manfaat dan maslahah. Ini merupakan ijтиhad daripada mereka untuk maslahah ummat dan mengekalkan kemakmuran rakyat di bawah tanggungannya

Perenggan seterusnya akan membincangkan tentang asas pengukuran hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dari perspektif syariah dan juga kerangka kerja konseptual IPSASB 2014.

## **6.9 Asas Pengukuran Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti**

Bahagian ini membincangkan asas pengukuran hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dalam kerangka syariah dan menggunakan kerangka kerja konseptual yang diterbitkan oleh IPSASB (2014) sebagai rujukan asas. Konsep pengukuran merupakan aspek yang dibincangkan sesuatu dalam kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan bagi memberikan panduan kepada penggubal piawaian dan juga penyedia penyata kewangan dalam memilih asas-asas pengukuran yang seharusnya diguna

pakai dalam mengukur aset, liabiliti, hasil, belanja dan ekuiti. Menurut kerangka konseptual IPSASB 2014, objektif pengukuran adalah:

‘untuk memilih asas-asas pengukuran yang paling adil dalam menggambarkan kos perkhidmatan, keupayaan pengoperasian, dan keupayaan kewangan sesebuah entiti dengan cara yang membolehkan entiti tersebut dipertanggungjawabkan (tujuan akauntabiliti) dan juga bagi tujuan pembuatan keputusan’

(diterjemah dari Kerangka konseptual IPSASB 2014, halaman 78)

Objektif pengukuran yang digariskan dalam kerangka IPSASB menunjukkan wujudnya ciri-ciri pengukuran yang diterima dalam perakaunan Islam, iaitu pengukuran yang adil dan boleh menggambarkan akauntabiliti (Haniffa et. al, 2004). Namun, prinsip keadilan yang dinyatakan mestilah merujuk konsep keadilan (*‘adalah’*) yang didasari oleh akidah Islam.

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al- Maidah, ayat 8 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sifat adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Al-Maidah: ayat 8)

Menurut Haniffa dan Hudaib (2011), asas pengukuran dalam kerangka syariah yang bermatlamatkan keadilan (iaitu keadilan sosial) mestilah mematuhi syarat pra-pengukuran iaitu konsep urus niaga yang halal. Konsep urus niaga halal yang dimaksudkan adalah meliputi sumber urus niaga (iaitu bukan sumber yang haram), kontrak (iaitu kontrak urus niaga mestilah bebas riba dan dijalankan secara adil), dan mengelak dari unsur ketidakpastian melampau (*gharar*). Selain itu, matlamat akauntabiliti juga tidak lagi asing tetapi maksud akauntabiliti yang ingin dicapai dalam

pengukuran adalah merujuk kepada konsep akauntabiliti Islam iaitu individu dalam entiti dan entiti secara keseluruhannya tidak hanya perlu mencapai akauntabiliti kepada pihak berkepentingan (*hablumminannas*), malah yang lebih utama adalah mencapai akauntabiliti kepada Allah S.W.T (*hablumminallah*).

Dalam membincangkan tentang asas pengukuran, kaedah dan amalan semasa atau *uruf* (adat) yang telah dipraktikkan dalam masyarakat untuk bermuamalat adalah diterima selagi ia tidak bertentangan dengan hukum syarak dan perundangan sivil. Hal ini adalah berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'e berhubung pendekatan dalam urusan muamalat yang menyebut asal sesuatu hukumnya harus, sehingga ada dalil yang menunjukkan ia haram. Menurut Muhammad Nasri et. al. (2013), kaedah umum (*kuliyyah*) dalam ilmu kaedah fiqh yang dipraktikkan oleh para fuqaha terbahagi kepada lima iaitu:

1. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat (*al-umur Bi al-Maqasidiha*)
2. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan (*al-Yakin Ma Yazalu Bi al-Syakkin*)
3. Kesukaran membawa keringanan (*al-Masyaqqah Tajlib al-Taysir*)
4. Bahaya mesti dihapuskan (*al-Darurah al-Yuzal*)
5. Adat menjadi hukum (*al-'Adah al-Muhakkamah*)

Oleh itu, kelima-lima kaedah fiqh yang disebutkan boleh dijadikan panduan kepada pemilihan asas pengukuran dalam kerangka syariah. Jadual 6.9 berikut menunjukkan asas pengukuran liabiliti mengikut kerangka syariah.

Jadual 6.9: Asas pengukuran liabiliti dalam Islam

	<b>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</b>	<b>Kerangka Syariah</b>
Pengukuran (Liabiliti)		
Asas Pengukuran	1. Kos Sejarah 2. Kos Penyempurnaan 3. Nilai Pasaran 4. Kos Pelepasan 5. Kos Andaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anggaran terbaik (<i>best estimation</i>) - dengan asas-asas yang kukuh dan mengelakkan ketidakpastian (<i>gharar</i>) yang melampau.</li> <li>Nilai kini (nilai terdiskaun) dibenarkan untuk kontrak pertukaran kecuali bagi kontrak pinjaman dan kadar diskau yang digunakan mestilah sumber patuh syariah.</li> </ul> <p>Keharusan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam menggunakan kaedah kemungkinan yang kuat (<i>zan al-ghalib</i>) dan kaedah fiqh seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>al-Aslu as-Sihah</i> (asal sesuatu itu adalah sah)</li> <li><i>al- 'Ibrah lil ghalib as-Sya 'I la linnadir</i> (pertimbangan adalah kpd kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil)</li> <li><i>Ma qaraba as-Syai yu 'tho hukmah</i> (apa-apa yang hampir kpd sesuatu itu, maka ia mengambil hukum yang sama)</li> <li><i>Az-Zhon wajib al-ittiba'</i> (kebarangkalian hendaklah diikuti)</li> </ol>

Sumber: IPSASB 2014, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh Bank Negara, Pakar Rujuk

Berdasarkan kerangka kerja konseptual IPSASB (2014), terdapat enam asas pengukuran bagi liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.9. Pengukuran liabiliti secara umumnya boleh dibentuk berdasarkan kerangka kerja konseptual IPSASB (2014) selagi ia tidak bertentangan dengan syarak. Ini kerana dalam pengkajian yang berkaitan dengan aspek pengukuran, agak sukar untuk mendapatkan satu rujukan yang tepat kerana amat kurang pengkaji Islam mengkaji dan membincangkan aspek ini dalam konteks syariah.

### **6.9.1 Isu Pengukuran: Anggaran Terbaik**

Pengukuran liabiliti adalah suatu pengukuran yang melibatkan elemen anggaran kerana liabiliti adalah sesuatu obligasi yang akan diselesaikan pada masa hadapan tetapi nilainya perlu diukur pada tarikh pelaporan kewangan dimana ia dilaporkan. Justeru, prinsip anggaran terbaik (*best estimation*) digunakan bagi mengukur liabiliti berdasarkan maklumat-maklumat yang dipercayai yang boleh menggambarkan obligasi yang ditanggung oleh sesebuah entiti. Contohnya, bagi mendapatkan nilai untuk mengakaunkan peruntukan manfaat pekerjaan (liabiliti), entiti akan membuat anggaran nilai peruntukan berdasarkan maklumat dari penilaian aktuari<sup>4</sup>.

Dalam kerangka syariah, pertimbangan anggaran terbaik ini harus diperhalusi kerana elemen anggaran boleh mewujudkan risiko ketidakpatuhan syariah iaitu ketidakpastian (*gharar*). Justeru, hal ini perlu dirujuk kembali kepada konsep *gharar* iaitu gharar dikategorikan kepada tiga jenis (Zaharuddin Abd Rahman, 2008):

1. *gharar fahish* (ketidakpastian yang melampau)
2. *gharar yasir* (ketidakpastian yang minimum)
3. *gharar mutawassit* (ketidakpastian yang sifatnya sederhana)

Dari segi hukum, pemahaman tentang kategori ini sangat penting kerana sekiranya sesuatu transaksi itu mempunyai elemen *gharar fahish* maka transaksi berkenaan adalah dilarang. Sebaliknya sekiranya sesuatu transaksi itu hanya mengandung elemen *gharar yasir*, maka transaksi itu dibenarkan kerana elemen gharar yang wujud adalah dimaafkan. Sekiranya elemen *gharar mutawassit* wujud, maka biasanya wujud khilaf dikalangan fuqaha' dalam memberi penilaian dan status hukum khususnya jika transaksi berkenaan melibatkan perkara yang sangat diperlukan oleh masyarakat dan gharar tersebut adalah daripada jenis yang tidak mampu dielakkan melainkan dengan cara yang sangat menyusahkan (Imam Al-Nawawi dalam kitab *Majmu Syarhu Al-Muhadzab*, 9/311).

---

<sup>4</sup> Suatu kaedah pengukuran secara matematik dan statistik untuk mengukur implikasi kewangan masa hadapan dengan mengambil kira faktor-faktor risiko penting dalam pengiraan (Haslifah Mohamad Hasim, 2015).

Oleh itu, penggunaan prinsip anggaran terbaik dalam pengukuran bagi kerangka kerja konseptual perakaunan Islam yang dibangunkan perlu dipastikan tidak mengandungi elemen *gharar fahish* iaitu ketidakpastian yang melampau yang dilarang dalam Islam. Kerangka kerja konseptual perakaunan Islam juga adalah perlu berhati-hati dalam penggunaan prinsip anggaran terbaik yang mengandungi elemen *gharar mutawassit*.

Justeru, prinsip anggaran terbaik yang dibenarkan haruslah merujuk kepada ketidakpastian yang hanya mengandungi elemen *gharar yasir* iaitu ketidakpastian yang minimum dalam membuat anggaran. Hal ini adalah selaras dengan pengaplikasian kaedah fiqh iaitu kesukaran membawa keringanan. Contoh yang boleh dirujuk adalah berdasarkan Majd Ahmad, (2001) dalam Ismail (2005) yang menyatakan syarak mengharuskan *gharar* yang ringan apabila wujud keperluan, seperti takaful dibenarkan walaupun terdapat *gharar* ringan kerana wujudnya keperluan terhadapnya.

Seterusnya, prinsip anggaran terbaik juga adalah bergantung kepada asas-asas atau faktor-faktor tertentu yang kukuh dan boleh dipercayai. Dalam kerangka kerja konseptual perakaunan Islam, pemilihan asas-asas yang digunakan mestilah berlandaskan prinsip keadilan Islam dan berteraskan akhlak Islamiyyah yang membawa kepada penggunaan asas-asas kukuh dan dipercayai, berintegriti, dan adil dengan niat yang tulus ikhlas kepada Allah S.W.T (Haniffa dan Hudaib, 2011).

### **6.9.2 Isu Pengukuran: Kesan Nilai Masa Wang**

Suatu lagi isu pengukuran yang perlu dibincangkan adalah berhubung dengan elemen kesan nilai masa wang (*time value of money*) yang digunakan dalam sesetengah asas pengukuran liabiliti. Isu kesan nilai masa wang merupakan satu isu yang telah lama diperdebatkan dan suatu resolusi syariah telah dikeluarkan berhubung penggunaan konsep nilai masa wang yang menjadi polemik kerana disandarkan kepada unsur riba. Petikan keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) dalam Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam (edisi kedua) terbitan Bank Negara Malaysia pada 2010 berhubung isu nilai masa wang:

“MPS pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa penerapan prinsip nilai masa dalam kewangan dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertangguh. Namun demikian, ia dilarang sama sekali dalam urus niaga pinjaman (*qard*).”

Dalam resolusi syariah yang diterbitkan juga dimasukkan perbincangan yang menerangkan asas pertimbangan yang digunakan dalam memberikan keputusan seperti berikut:

“Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. Terdapat perbincangan oleh para ulama yang membenarkan harga jualan secara bertangguh yang lebih tinggi berbanding dengan harga jualan secara tunai. Ini bermakna faktor masa boleh diambil kira dalam penentuan harga dalam jual beli. Selain itu, Al-Kasani ada menerangkan bahawa jika sesuatu barang dibeli secara bayaran bertangguh (*al-ajl*), maka ia tidak boleh dijual secara murabahah melainkan jika dimaklumkan kepada pembeli (kedua) bahawa barang tersebut telah dibeli secara bertangguh.
- ii. Di samping itu, Al-Sarakhsy juga menyatakan perkara yang sama seperti berikut: “Sesungguhnya (sesuatu yang bertangguh) adalah lebih rendah daripada (sesuatu) yang segera dari segi nilai hartanya.”

Penjelasan Al-Sarakhsy di atas menunjukkan bahawa masa sekarang adalah lebih berharga daripada masa hadapan. Justeru itu, harga dalam jual beli secara bertangguh perlu dinaikkan bagi mewujudkan keadilan kepada pihak yang berkontrak terutamanya pihak penjual yang mengorbankan penggunaan wang pada kadar segera (*present consumption*) kerana pembayaran harga barang tidak dibuat secara tunai. Oleh itu, penyataan Al-Kasani menjelaskan bahawa tangguhan layak diberikan imbalan (*iwad*) dalam bentuk wang iaitu melalui kenaikan harga jika dijual secara bertangguh. Namun begitu, keadaan ini hanya diiktiraf dalam urus niaga jual beli sahaja manakala dalam urus niaga pinjaman

wang (*qard*), tangguhan tidak boleh sama sekali menerima imbalan dalam bentuk wang kerana ini merupakan riba al-nasia'h yang membawa kepada wang menghasilkan wang (*al-naqd yalid al-naqd*) atau “*money begets money*”.

Ini tidak bermakna Islam tidak mengiktiraf nilai masa wang dalam kontrak *qard* kerana tangguhan dalam kontrak ini diberikan imbalan dalam bentuk pahala yang berganda bersesuaian dengan kontrak ini yang berdasarkan prinsip ihsan. Sebaliknya, kontrak jual beli yang berdasarkan prinsip keadilan boleh menerima tambahan harga disebabkan tangguhan seperti yang dijelaskan di atas. Jika dibandingkan prinsip ihsan dengan prinsip keadilan, maka adalah jelas bahawa ihsan adalah lebih tinggi martabatnya daripada keadilan bersesuaian dengan balasan ihsan iaitu pahala yang lebih baik daripada balasan atau imbalan wang.”

(Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, halaman 196 -197)

Oleh hal yang demikian, kajian ini mengambil daptan dari resolusi syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara tersebut yang membawa kepada penetapan asas pengukuran yang mengambil kira kesan nilai mata wang adalah dibenarkan untuk kontrak pertukaran kecuali bagi kontrak pinjaman.

Selain itu, berhubung isu penggunaan kadar diskauan dalam pengiraan nilai kini dalam mengambil kira kesan nilai mata wang, pakar syariah yang dirujuk iaitu Ustaz Nazri Chik (lihat Lampiran 2 untuk profil pakar) menyatakan:

“.... (penggunaan kadar diskauan dalam pengiraan nilai kini) semata-mata *benchmarking to syariah compliance. Benchmark will not make a valid transaction invalid from syariah perspective*. Jadi saya bagi contoh mudah: saya jual ayam, sembelih dengan cara patuh syariah, kawan sebelah sana pun jual ayam tapi pancung kepala. Saya kata saya *benchmark* kan harga ayam saya kepada harga ayam dia. Setiap kali dia naikan harga ayam dia 20 sen, saya akan naikan harga ayam saya 20 sen. Semata-mata saya *benchmark* kan harga ayam saya kepada dia tidak menjadikan transaksi saya ini tak patuh syariah. Sebab patuh syariah atau tak ia bergantung kepada macam mana saya sembelih tu. Jadi sekalipun menggunakan indeks konvensional, buat *benchmarking* kepada indeks konvensional to

*get into the market rate because market* ini pun di *control by them* tidak menjadikan transaksi yang patuh syariah itu jadi tidak patuh syariah. Ia kekal patuh syariah.”

(Pakar syariah: Ustaz Nazri Chik)

Ustaz Nazri Chik juga menambah penerangan dengan memberi penekanan berhubung intipati sesuatu urus niaga yang menentukan sama ada ianya halal atau haram dan bukannya penggunaan kadar diskaun pasaran. Beliau memetik dari Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat 275:

“Mereka berkata, sesungguhnya jual beli itu sama seperti riba.” (Surah al-Baqarah: 275). Lalu Allah menyanggah perkataan mereka dengan firman-Nya, “Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” (Surah al-Baqarah: 275)

Justeru, kajian ini berpendapat bahawa elemen kesan nilai masa wang yang wujud dalam pengukuran dilihat tidak menimbulkan risiko ketidakpatuhan syariah dan boleh digunakan selagi mana ianya digunakan dengan niat dan cara yang baik. Walau bagaimanapun, selagi mana kadar diskaun yang patuh syariah dapat diperoleh dengan cara yang munasabah, kerangka kerja konseptual perakaunan Islam haruslah mencadangkan keutamaan kepada kadar diskaun yang patuh syariah (iaitu kadar yang diperhatikan daripada pasaran kewangan Islam) selagi mana ia tidak memberi kesan yang negatif.

## **6.10 Asas Pendedahan serta Prinsip Persembahan dan Pendedahan bagi Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti dalam Islam**

Bahagian ini akan dibincangkan dalam dua sub-syeksyen. Sub-seksyen pertama akan membincangkan asas pendedahan maklumat dalam pelaporan dalam konteks kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam. Sub-seksyen seterusnya membincangkan prinsip persembahan dan pendedahan dalam pelaporan. Bahagian ini menggunakan asas dan prinsip yang telah dicadangkan dalam laporan fasa kedua tetapi perbincangannya adalah merujuk kepada konteks hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti iaitu aspek yang dikaji dalam fasa ini.

### 6.10.1 Asas Pendedahan

Asas pendedahan adalah merujuk kepada asas yang digunakan dalam pertimbangan pemilihan maklumat yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan serta pendedahan lain yang berkaitan selain dari penyata kewangan.

Jadual 6.10: Asas Pendedahan dalam Kerangka Kerja Konseptual Mengikut Syariah

	<b>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</b>	<b>Kerangka Syariah</b>
Pendedahan		
Maklumat untuk didedahkan dalam muka penyata kewangan	Tujuan untuk mengkomunikasikan mesej utama dalam laporan kewangan.	Tujuan untuk mengkomunikasikan mesej utama dalam laporan kewangan dan mencapai tahap ‘ <i>dharuriyah</i> ’ mengikut maqasid syari’ah.
Maklumat untuk didedahkan dalam nota kepada akaun	Tujuan untuk menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami.	Tujuan untuk menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami selari dengan tahap ‘ <i>hajiyah</i> ’ dan ‘ <i>tahsiniyyah</i> ’ (jika perlu).

Jadual 6.10 memaparkan aspek asas pendedahan maklumat dalam penyata kewangan yang dibahagikan kepada dua iaitu pendedahan maklumat dalam muka penyata kewangan dan pendedahan maklumat dalam nota kepada akaun. Berdasarkan kerangka syariah, asas pendedahan adalah didasarkan kepada pertimbangan mengikut tiga darjah keutamaan dalam *maqasid syariah* iaitu:

1. *Dharuriyah*
2. *Hajiyah*
3. *Tahsiniyyah*

Aplikasi tiga darjah keutamaan dalam *maqasid syariah* terhadap konteks pelaporan kewangan khusus bagi Institusi WZB telah dipelopori dan dibangunkan oleh Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, dan Wahid, H (2016). Dalam artikel tersebut, darjah *dharuriyah* adalah merujuk kepada tahap paling atas yang mana pendedahan dalam pelaporan pada tahap ini adalah pendedahan ‘wajib’ yang melibatkan pendedahan maklumat asas. Maklumat asas ini mesti didedahkan oleh

semua Institusi WZB yang terlibat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu bagi tujuan penzahiran akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan pihak berkepentingan serta bagi tujuan pembuatan keputusan. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut dalam pelaporan boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan boleh membawa kepada implikasi negatif kepada pihak berkepentingan sebagai pengguna laporan. Oleh itu, item pendedahan yang mencapai darjah *dharuriyah* mestilah didedahkan dalam muka penyata kewangan.

Seterusnya, tahap kedua adalah tahap *hajiyah* iaitu tahap pendedahan kedua penting bagi menambah pemahaman dan memperjelaskan maklumat asas (tahap *dharuriyah*). Pendedahan dalam tahap ini akan mewujudkan kemudahan serta kelapangan kepada pihak berkepentingan dalam memahami maklumat asas yang dilaporkan. Ketiadaan pendedahan pada tahap *hajiyah* ini boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak dapat dicapai dengan sempurna dan boleh memberi sedikit kesukaran atau kekeliruan kepada pengguna laporan. Manakala, tahap *tahsiniyyah* adalah tahap ketiga yang mana pendedahan maklumat pada tahap ini perlu dibuat bagi tujuan mengukuhkan pendedahan maklumat sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjelaskan pencapaian tujuan pelaporan tetapi lebih membantu memperkuuhkan cara entiti pelapor menzahirkan akauntabilitinya.

Berikut merupakan beberapa contoh pertimbangan pemilihan maklumat yang perlu didedahkan sama ada dalam muka penyata kewangan atau nota kepada akaun dan lain-lain medium pendedahan berdasarkan darjah *dharuriyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah*:

- a) Maklumat terimaan atau kutipan zakat serta agihan zakat mengikut kategori asnaf yang disyariatkan sebagai penerima zakat yang layak adalah menepati tahap *dharuriyah*. Maklumat ini amat penting untuk didedahkan dalam muka penyata kewangan kerana ia membolehkan pihak berkepentingan mengetahui dan menilai sejauhmana pihak Institusi WZB telah menjalankan amanah dalam mengutip dan mengagihkan zakat berlandaskan syariat Islam. Oleh itu, penyelidik mencadangkan maklumat tersebut didedahkan dalam penyata khusus yang dipanggil ‘Penyata Terimaan dan Agihan Zakat’ dan ia merupakan salah satu penyata utama dalam pelaporan Institusi WZB. Bagi mencapai tahap *hajiyah*, perincian mengenai jenis-jenis zakat yang dikutip dan bentuk agihan perlu diperincikan dalam nota kepada akaun. Tambahan pula, fatwa berkaitan

yang relevan berkaitan agihan boleh juga didedahkan bagi membolehkan pengguna laporan memahami maklumat dengan lebih baik, terutama dalam memahami asas agihan dan kutipan yang mungkin berbeza bagi setiap negeri berdasarkan keputusan fatwa negeri masing-masing. Manakala bagi mencapai tahap *tahsiniyyah*, agihan zakat dalam bentuk rajah, carta atau graf untuk memberi maklumat tambahan seperti maklumat agihan mengikut lokasi, prestasi kutipan berbanding agihan, dan lain-lain didedahkan sebagai tambahan bagi mengukuhkan pendedahan maklumat agihan zakat.

- b) Maklumat baki zakat belum agih. Maklumat ini menepati tahap *dharuriyyah* iaitu amat penting dan seharusnya didedahkan dalam muka penyata kewangan kerana ia juga bermatlamatkan pencapaian tujuan akauntabiliti pihak Institusi WZB dalam menguruskan agihan zakat. Dalam era masa kini yang wujudnya isu ketidakpercayaan terhadap institusi yang mengutip dan mengagihkan zakat (Hairunnizam, Sanep dan Radiah, 2009; Azman et al. 2012), pendedahan berhubung maklumat ini seharusnya jelas dan dilakukan dalam muka penyata kewangan bagi menggambarkan akauntabiliti pihak institusi dalam melaksanakan tanggungjawab agihan. Seterusnya, pendedahan baki zakat belum agih perlu diperincikan dalam nota kepada akaun (tahap *hajiyah*) dengan sewajarnya (seperti komponen-komponen yang membentuk baki zakat belum agih, justifikasi dan lain-lain) agar kurangnya timbul isu salah faham dan keraguan pihak berkepentingan terhadap peranan dan amanah yang telah dijalankan oleh Institusi WZB. Manakala bagi mencapai tahap *tahsiniyyah*, maklumat baki zakat belum agih boleh diperincikan dengan lain-lain maklumat tambahan (contohnya dengan menjelaskan pelan agihan yang akan dilaksanakan) bagi mengukuhkan pendedahan maklumat baki zakat belum agih.
- c) Pengasingan antara Wakaf Am dan Wakaf Khas. Maklumat berhubung aset, hasil, belanja bagi wakaf am dan wakaf khas perlu didedahkan dalam muka penyata kewangan dengan pengasingan sewajarnya bagi kedua-dua jenis wakaf tersebut dan hal ini boleh dikatakan mencapai tahap ‘*dharuriyyah*’. Hal ini penting bagi membolehkan Institusi WZB menzahirkan akauntabiliti dengan berkesan disebabkan ciri dan sifat bagi kedua-dua wakaf am dan khas

adalah berbeza. Seterusnya, bagi menambah kefahaman pengguna laporan dan membolehkan Institusi WZB menzahirkan akauntabiliti dengan lebih baik, perincian maklumat dengan mengasingkan pendedahan ain' dan manfaat wakaf bagi kedua-dua jenis wakaf perlu dilaksanakan dalam nota kepada akaun (tahap *hajiyah*). Hal ini dapat memberi kelapangan kepada pengguna dan mempamerkan akauntabiliti institusi dalam memastikan aspek pengekalan ain wakaf dengan memperincikan pendedahan setiap jenis wakaf dengan membezakan ain dan manfaatnya. Manakala bagi mencapai tahap *tahsinyyah*, entiti boleh membuat pendedahan tambahan dengan memberikan perincian mengenai aset-aset wakaf (seperti jenis, lokasi, saiz, maklumat pewakif, dan lain-lain) yang dipersembahkan di laman web MAIN dengan 'link' atau pautan ke laman web berkenaan disertakan dalam nota kepada akaun.

#### **6.10.2 Prinsip Persembahan dan Pendedahan**

Bagi mencadangkan prinsip persembahan dan pendedahan dari perspektif Islam, ciri-ciri kualitatif maklumat perakaunan adalah juga penting untuk diambilkira. Ciri-ciri kualitatif merujuk kepada atribut yang diperlukan bagi menjadikan maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan berguna kepada pengguna maklumat dan juga membantu pencapaian objektif pelaporan kewangan.

Secara umumnya, ciri-ciri kualitatif dalam kerangka kerja konseptual konvensional dilihat adalah baik dan diterima tetapi harus disandarkan kepada niat yang baik dan ikhlas kepada Allah S.W.T. Seterusnya, ciri-ciri kualitatif yang dicadangkan dalam kerangka syariah adalah sebagai tambahan bagi memastikan aspek persembahan dan pendedahan penyata kewangan dan pelaporan menepati keperluan syariah dengan sewajarnya.

Jadual 6.11: Prinsip Persembahan dan Pendedahan dalam Islam

	<b>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</b>	<b>Kerangka Syariah</b>
Pendedahan		
Prinsip persembahan dan pendedahan	<p>Memenuhi ciri-ciri kualitatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Relevan (<i>relevance</i>)</li> <li>• Perwakilan benar (<i>faithful representation</i>)</li> <li>• Kebolehfahaman (<i>understandability</i>)</li> <li>• Pemasaan (<i>timeliness</i>)</li> <li>• Kebolehbandingan (<i>comparability</i>)</li> <li>• Kebolehsahan (<i>verifiability</i>)</li> </ul>	<p>Maklumat yang didedahkan mesti mengandungi ciri berikut (Haniffa et al., 2004 – Polisi Pendedahan dari Perspektif Islam):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Relevan – maklumat tepat dan menunjukkan pihak terlibat telah memenuhi obligasi kepada Allah s.w.t dan masyarakat.</li> <li>• Objektif – maklumat berdasarkan ukuran yang adil dan patuh syariah</li> <li>• Material – maklumat yang menunjukkan keadilan dalam penilaian dan yang menunjukkan hak Allah, masyarakat dan individu telah dipenuhi.</li> </ul> <p>Mengikut pandangan pakar (Dato Dr. Haron Din, Dato Dr. Hailani Muji Tahir, Dato Dr. Zulkifli Albakri, Dr. Zaharuddin, Ustaz Engku Fadzil dan Dr. Luqman):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Telus</li> <li>• Tepat</li> <li>• Komprehensif</li> <li>• Tidak mengelirukan</li> <li>• Tidak menimbulkan fitnah</li> <li>• Elak dari perkara yang boleh beri kesan negatif</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 6.11, terdapat enam ciri kualitatif yang disebut dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan untuk Tujuan Umum yang dikeluarkan oleh IPSASB 2014 iaitu ciri kerelevanan, perwakilan benar, kebolehfahaman, pemasaan, kebolehbandingan dan kebolehsahan. Penerangan ringkas bagi maksud setiap ciri kualitatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerelevan – bermaksud maklumat kewangan dan bukan kewangan yang dilaporkan mesti mampu memberi kesan kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan. Untuk membolehkan maklumat tersebut memberi kesan, maklumat tersebut mesti mempunyai ciri boleh mengesahkan maklumat lepas atau masa

depan dan juga mempunyai ciri boleh meramal. Contohnya, maklumat tentang kedudukan aset dan liabiliti suatu entiti membantu pengguna mengesahkan tentang impak pengurusan sumber yang dilaksanakan oleh entiti dan pengguna boleh menggunakan maklumat tersebut untuk meramal keupayaan entiti menghadapi situasi masa hadapan.

2. Perwakilan benar – bermaksud maklumat yang didedahkan mestilah boleh mewakili situasi ekonomi dan situasi lain yang diwakili entiti tersebut. Ia boleh dicapai jika maklumat tersebut lengkap, tidak bias, dan bebas dari kesilapan yang material.
3. Kebolehfahaman – bermaksud maklumat yang dilaporkan mestilah boleh difahami maksudnya oleh pengguna. Ciri kebolehfahaman dapat ditingkatkan jika pendedahan maklumat tersebut dibuat dengan pengelasan tertentu, dibezakan mengikut cirinya, boleh dibandingkan dan dipersembahkan dengan jelas dan tepat.
4. Pemasaan – bermaksud maklumat disediakan pada masa ia berguna untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Sesetengah maklumat jika didedahkan lebih awal akan menambah kerelevannya kerana ia boleh dijadikan input berguna untuk menilai akauntabiliti dan tujuan pembuatan keputusan.
5. Kebolehbandingan – bermaksud maklumat yang didedahkan akan membantu pengguna mengenalpasti persamaan atau perbezaan bagi kedua-dua situasi yang dibandingkan. Ciri kebolehbandingan boleh ditingkatkan jika maklumat tersebut disediakan secara konsisten dan seragam.
6. Kebolehsahan – bermaksud maklumat yang didedahkan dapat membantu keyakinan pengguna bahawa pelaporan kewangan yang disediakan adalah mewakili situasi ekonomi dan juga situasi lain yang diwakili entiti tersebut. Kebolehsahan juga merujuk kepada ciri kebolehbergantungan atau jaminan bahawa maklumat yang dilaporkan adalah benar. Contohnya, maklumat yang dilaporkan dikatakan mempunyai ciri kebolehsahan jika pengguna pelaporan

kewangan dari pelbagai latar belakang pengetahuan boleh secara umumnya mencapai konsensus terhadap maklumat yang didedahkan.

Pendedahan daripada perspektif perakaunan Islam pula bermaksud mendedahkan maklumat yang menerangkan tentang kedudukan ekonomi serta membantu pembuatan keputusan agama. Bagi tujuan ini, maklumat yang didedahkan perlu mempunyai sifat yang relevan, objektif, material serta boleh dipercayai (Haniffa et al., 2004). Justeru, pendedahan sepenuhnya tidak bermaksud bahawa entiti perlu mendedahkan segala sesuatu, yang sememangnya tidak praktikal. Ia bermaksud mendedahkan apa-apa maklumat yang dianggap relevan dan harus diberi hak dengan betul kepada ahli-ahli ummah untuk memudahkan pembuatan keputusan ekonomi dan agama mereka.

Selain itu, maklumat perakaunan menurut perspektif Islam perlu menunjukkan bahawa pihak yang terlibat dalam usaha ekonomi telah memenuhi kontrak (tugas dan kewajiban) mereka kepada Allah S.W.T, masyarakat, individu, dan persekitaran amnya. Dalam erti kata lain, ia berkaitan dengan mempunyai hati nurani yang bersih dengan Allah S.W.T - terutamanya apabila memenuhi kewajiban mengenai perkara kewangan seperti mengukur zakat, keuntungan, hutang atau transaksi kewangan lain.

Pendedahan dalam penyata kewangan organisasi berlandaskan Islam adalah dibimbing oleh beberapa pertimbangan. Penggunaan kos sejarah untuk penilaian aset memenuhi objektif pengawasan. Sebaliknya, untuk mengira dan membayar zakat, penggunaan nilai pasaran adalah lebih sesuai. Harus ada perbezaan yang dibuat antara urus niaga halal dan haram dan bagaimana keuntungan dari urusniaga haram tersebut disalurkan (misalnya, wang yang diberi kepada badan amal). Perlu ada pendedahan tambahan mengenai prestasi sosial operasi organisasi, termasuk peruntukan dan penggunaan dana untuk zakat.

Jika dilihat secara keseluruhannya, prinsip pendedahan yang ditekankan dalam kerangka konseptual perakaunan Islam dilihat menekankan perincian-perincian bagi menambah kefahaman pengguna laporan. Walaupun dalam kerangka kerja konseptual konvensional, pertimbangan kos dan manfaat akan diambil kira dalam aspek pendedahan dan persembahan, kerangka kerja konseptual syariah menekankan

pertimbangan aspek pendedahan dan persembahan berdasarkan semangat bahawa entiti perlulah sebolehnya mengelak dari menimbulkan fitnah dan syak wasangka selagi mana tidak menimbulkan kesan yang lebih mudarat (jika usaha menambah pendedahan memberi lebih mudarat). Hal ini boleh dirujuk berdasarkan pengajaran dari sebuah hadis:

“Daripada Safiyyah binti Huyay r.a, dia berkata, ‘Pada suatu ketika Nabi S.A.W sedang iktikaf. Lalu aku mendatangi baginda malam hari, lalu aku berbicara kepadanya. Sesudah itu, aku berdiri hendak pulang, dan baginda berdiri pula menghantarku (ketika itu Safiyyah tinggal di rumah Usamah bin Zaid r.a). Tiba-tiba lalu dua orang lelaki Ansar. Tatkala mereka melihat Nabi S.A.W, mereka mempercepatkan langkahnya. Lalu, Nabi berkata kepada mereka, ‘Hai, perlahan-lahanlah kamu, ini adalah isteriku, Safiyyah Binti Huyay.’ Mereka menjawab, ‘Subhanallah, ya Rasulullah!’. Baginda bersabda, ‘Sesungguhnya syaitan berjalan dalam tubuh manusia melalui aliran darah. Aku khuatir kalau-kalau syaitan membisikkan sesuatu yang jahat ke dalam hatimu’.” (Hadis Riwayat Bukhari-Muslim).


Hadis di atas memberi pengajaran bahawa Nabi S.A.W mengambil tindakan proaktif dalam mencegah dua orang lelaki tersebut dari berprasangka dengan memanggil mereka dan memperjelaskan situasi tersebut. Begitulah jika Institusi WZB ingin mengelak dari timbulnya syak wasangka pihak yang berkepentingan mahupun seluruh umat sejagat, perlu bertindak secara proaktif (dengan langkah-langkah yang penuh hikmah dan bijaksana) bagi menonjolkan akauntabiliti yang telah dijalankan sekali gus menguruskan persepsi pihak berkepentingan dalam era akhir zaman yang fitnah mudah disebarluaskan memadamkan kebenaran. Akhirnya, keyakinan umat Islam terhadap Institusi WZB dapat diperkuuhkan dan seterusnya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi ummah dengan lebih mantap.

## **6.11 Kesimpulan**


Perbincangan dalam Bab ini adalah input untuk pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam yang telah dibangunkan pada kajian Fasa Pertama dan Kedua sebelum ini. Input untuk pengukuhan yang dicadangkan dalam Bab ini adalah tertumpu kepada tahap ketiga kerangka kerja konseptual berkenaan iaitu tahap yang melibatkan pengoperasian perakaunan. Secara khusus, input yang dikemukakan adalah berfokus kepada hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sebagai elemen asas penyata kewangan. Tahap pengoperasian perakaunan bagi elemen-elemen ini melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan kerangka Syariah.

Sebagai penutup bagi bab ini, Rajah 6.1 berikut dipaparkan bagi merumuskan definisi dan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi elemen-elemen asas penyata kewangan dalam kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi Insititusi WZB berdasarkan cadangan yang diberikan dalam Fasa kedua dan juga fasa laporan ini (iaitu Fasa ketiga). Seterusnya, Rajah 6.2 pula memberikan gambaran keseluruhan kedudukan kumpulan wang Institusi WZB iaitu MAIN dan seterusnya bagaimana elemen-elemen asas penyata kewangan (aset, liabiliti, hasil, belanja, ekuiti) dipetakan kepada setiap kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal. Pemetaan ini dibuat berdasarkan cadangan penyelidik terhadap olahan perakaunan setiap elemen bagi kumpulan-kumpulan yang dinyatakan serta ditunjukkan juga bentuk-bentuk pelaporan yang asas yang dicadangkan bagi setiap kumpulan wang. Walau bagaimanapun, cadangan awal terhadap kerangka kerja konseptual perakaunan Islam ini sememangnya perlu kepada proses lanjut untuk mengukuhkan dan mengesahkan apa yang telah dibangunkan agar dapat menepati kehendak syarak. Wallahu’alam.

**RAJAH 6.1 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WZB  
(ELEMEN ASAS PENYATA KEWANGAN)**



## **RAJAH 6.2 KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WZB (PEMETAAN KUMPULAN WANG MAIN DAN ELEMEN ASAS PENYATA KEWANGAN)**



\* Penyata Kewangan Utama juga termasuk Penyata Aliran Tunai dan juga Nota kepada Akaun.

# **BAB TUJUH**

## **BATASAN PERUNDANGAN**

### **7.1 Pengenalan**

Sebelum cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dikemukakan dalam bab seterusnya, peruntukan perundangan iaitu perundangan sivil dan perundangan syariah, yang memberi implikasi perakaunan perlu diambilkira terutamanya implikasi yang boleh menjadi batasan dalam pemakaian piawaian perakaunan Islam yang sedang dalam proses dibangunkan itu. Batasan perundangan yang diambilkira ini memungkinkan keperluan pindaan ke atas akta, peraturan dan/atau polisi agar pemakaian Piawaian Perakaunan Islam tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar selaras dengan keperluan *Syariah Islamiah*.

Batasan perundangan yang dibincangkan dalam Bab ini memfokuskan kepada peruntukan perundangan yang berkaitan dengan atau memberi implikasi kepada perakaunan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang ditadbirkan oleh Institusi WZB. Secara khusus, batasan perundangan yang dimaksudkan itu adalah merujuk terutamanya kepada peruntukan dalam perundangan sivil bagi Persekutuan dan Negeri iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dan Enakmen Badan-Badan Berkanun bagi negeri Sabah. Selain itu, batasan perundangan juga dikenalpasti daripada enakmen kerajaan negeri dalam Zon 1 yang berkaitan dengan hal-ehwal Islam ataupun perundangan syariah iaitu Enakmen Perbadanan Baitulmal, Enakmen Zakat dan Fitrah serta Enakmen Majlis Ugama Islam bagi negeri Sabah, Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri Selangor, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, Enakmen Wakaf bagi Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Selain perundangan utama ini, semakan juga dibuat ke atas perundangan subsidiari (*by-laws*) iaitu garis panduan yang bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

## **7.2 Perundangan Persekutuan dan Implikasinya kepada Perakaunan dan Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal**

Bahagian ini menerangkan tentang perundangan yang telah disemak dan peruntukan dalam perundangan tersebut yang memberi implikasi kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB secara umum. Implikasi perundangan yang dibincangkan boleh menjadi sama ada sokongan atau batasan kepada perakaunan dan pelaporan bagi Institusi WZB berdasarkan Piawaian Perakaunan Islam yang digubal.

### **7.2.1 Perlembagaan Persekutuan**

Perlembagaan Persekutuan, yang dikuatkuasakan pada 1957 adalah undang-undang tertinggi Malaysia. Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 Perkara beserta 13 Jadual. Bagi setiap perkara terdapat beberapa Fasal yang dijelaskan dengan terperinci sebagai garis panduan perundangan bagi kepentingan rakyat. Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan kajian ini adalah berkenaan kuasa kerajaan negeri bagi perkara berkaitan hal-ehwal agama Islam dan Perkara 96 hingga 112 iaitu perkara berkaitan peruntukan kewangan.

#### **a) Kuasa Kerajaan Negeri dalam Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam**

Senarai II iaitu Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hal ehwal Agama Islam (dalam konteks kajian ini adalah hal ehwal berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal) adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

Melalui peruntukan ini, setiap negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengatur hal ehwal Agama Islam atau hukum syarak. Perlembagaan Persekutuan

memperuntukan bahawa, kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran dan melaksanakan undang-undang berkenaan, seperti penubuhan Majlis-majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah.

Perlu ditegaskan, walaupun bidang kuasa diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam, ianya masih lagi tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang digubal oleh Badan Perundangan Negeri mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga mana-mana undang-undang Persekutuan yang lain. Kebenaran menggubal undang-undang Islam ini bukanlah suatu yang mutlak. Kuasa yang diberikan ini juga tertakluk kepada Perkara 75 yang menjelaskan seandainya berlaku pertentangan antara undang-undang Negeri dan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Negeri itu adalah terbatal setakat yang bertentangan.

Peruntukan perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa hal berkaitan WZB adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini bermaksud setiap Kerajaan Negeri berkuasa untuk menggubal sebarang undang-undang berkaitan WZB secara khusus atau undang-undang berkaitan pentadbiran Agama Islam secara umum. Atas dasar ini boleh wujud ketidakseragaman berkenaan undang-undang dan seterusnya ketidakseragaman dalam perkara berkaitan perakaunan dan pelaporan kerana badan perundangan negeri boleh mengeluarkan garis panduan atau manual perakaunan dan pelaporan masing-masing bagi Institusi WZB di bawah setiap Kerajaan Negeri berkenaan. Ini boleh ditafsirkan menjadi batasan kepada pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB iaitu untuk mendapatkan keseragaman dalam perakaunan dan pelaporan dalam kalangan Institusi WZB.

Sungguhpun dalam perkara melibatkan hal ehwal agama Islam kuasa penuh adalah kepada Kerajaan Negeri dan secara umumnya dilihat seperti batasan perundangan bagi pemakaian undang-undang Persekutuan, Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan secara khusus memberi kuasa kepada kerajaan Persekutuan melalui Parlimen untuk membuat undang-undang bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman. Kuasa melalui Perkara 76(4) ini boleh digunakan oleh JANM sebagai jabatan Persekutuan untuk

memperkenalkan undang-undang subsidiari (*by-law*) seperti Piawaian Perakaunan Islam bagi tujuan penyeragaman perakaunan dan pelaporan Institusi WZB.

**b) Pengasingan Wakaf, Zakat dan Baitulmal daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri**

Menurut Perkara 97(2) Perlembagaan Persekutuan, semua hasil yang diterima oleh sesuatu negeri adalah dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri berkenaan kecuali hasil Agama Islam.

“Segala hasil dan wang tidak kira bagaimana juapun diperdapatkan atau diterima oleh sesuatu Negeri, tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang, yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu.” (Perkara 97(2), Perlembagaan Persekutuan)

Fasal (3) yang dirujuk oleh Perkara 97 (2) di atas adalah berkaitan zakat, fitrah dan lain-lain hasil agama Islam. Peruntukan Fasal (3) tersebut adalah seperti berikut:

“Jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-undang persekutuan, apa-apa zakat, fitrah, baitumal atau hasil Agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”(Perkara 97(3), Perlembagaan Persekutuan)

Hasil agama Islam yang disebut dalam Fasal (3) tersebut dinyatakan secara umum dan ini boleh ditafsirkan termasuk wakaf dan lain-lain hasil yang tertakluk kepada undang-undang Islam dan hukum syarak seperti harta faraid bahagian baitulmal dan harta luqatah. Mengikut Perkara 97 (3), kesemua terimaan ini termasuk WZB perlu

dimasukkan dalam kumpulan wang yang berasingan daripada Kumpulan Wang Hasil Disatukan negeri. Ini bermaksud perakaunan dan pelaporan wakaf, zakat dan sumber baitulmal yang disediakan oleh Institusi WZB tidak termasuk atau tidak disatukan dalam akaun dan laporan Kumpulan Wang Hasil Disatukan negeri. Peruntukan ini jelas menyokong pembangunan dan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang dikhatuskan bagi Institusi WZB.

### **7.2.2 Akta Tatacara Kewangan 1957**

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewangan kerajaan diperjelaskan lagi melalui Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mengawal dan mengelola kewangan awam Malaysia. Akta ini memperuntukkan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuklah dari segi pungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Menurut Seksyen 8(2) Akta Tatacara Kewangan 1957, wang yang dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri adalah dianggap sebagai wang awam yang merupakan harta Negeri dan ia tertakluk kepada tatacara kewangan dan perakaunan yang dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan. Walaubagaimanapun, Seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 mendefinisikan ‘wang awam’ sebagai kesemua hasil, pinjaman, amanah, semua bon, debentur dan sekuriti lain yang didapati atau diterima daripada akaun Persekutuan atau akaun Negeri kecuali yang melibatkan zakat, fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya. Ini bermakna sebarang hasil atau terimaan yang berkaitan dengan wakaf, zakat dan baitulmal adalah bukan sebahagian daripada wang awam. Justeru, wakaf, zakat dan sumber baitulmal tidak terikat dengan tatacara kewangan dan perakaunan yang diperuntukkan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan.

Walaupun secara umum peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai ke atas perakaunan wakaf, zakat dan sumber baitulmal, terdapat institusi berkenaan yang menerima pakai tatacara kewangan dan perakaunan sepertimana diperuntukkan dalam Arahan Perbendaharaan. Daripada lima negeri yang dibuat semakan, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah melalui Enakmen Perbadanan Baitulmal, Seksyen 24(2), adalah institusi yang dengan jelas dinyatakan terikat dengan peruntukan Arahan Perbendaharaan dalam pengurusan kewangan dan perakaunannya. Walau

bagaimanapun, selain Arahan Perbendaharaan, peruntukan dalam Enakmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah ini turut memasukkan undang-undang Islam yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Ini jelas menyokong pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang sedang digubal oleh JANM dalam pengurusan kewangan dan perakaunan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.

### **7.2.3 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 - Akta 240**

Akta 240 (Seksyen 2) memperuntukkan badan berkanun sebagai sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan dan merupakan pihak berkuasa awam ataupun agensi kerajaan Malaysia, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Peruntukan Akta 240 mengikut Seksyen 3 terpakai kepada semua Badan Berkanun Persekutuan dan perlu dibaca bersama dengan peruntukan Akta yang memperbadankan sesebuah Badan Berkanun Persekutuan itu. Berbeza dengan Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Agama Islam Negeri (selepas ini dinyatakan sebagai MAIN) diperbadankan di bawah enakmen negeri masing-masing seperti Enakmen Badan Berkanun bagi negeri Sabah.

Akta 240 (Akaun dan Laporan Tahunan) ini antaranya menetapkan had masa tertentu bagi sebuah Badan Berkanun Persekutuan untuk menyediakan dan menyerahkan penyata akaun dan laporan tahunan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara yang kemudiannya akan dibentangkan di Parlimen. Secara khusus, Seksyen 5(1) Akta 240 menyatakan bahawa akaun disediakan “mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum” dan penyata akaun disediakan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan untuk diaudit. Manakala Seksyen 11(2)(b) memperuntukan “menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan Akta Badan Berkanun, menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan polisi-polisi pelaburan”. Peruntukan-peruntukan ini membolehkan pada masa ini MPERs dan Manual Amalan Terbaik perakaunan digunakan oleh MAIN dan agensi dibawahnya yang mentadbir WZB.

Pengkaji berpendapat peruntukan Seksyen 5(1) dan Seksyen 11(2)(b) ini boleh digunakan bagi pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB yang sedang digubal berdasarkan dapatan bermula daripada Fasa 1 kajian ini.

### **7.3 Perundangan Negeri dan Implikasinya kepada Perakaunan dan Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, implikasi yang dimaksudkan adalah merupakan sama ada sokongan atau batasan kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB berdasarkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang digubal. Perundangan negeri yang disemak bagi menentukan batasannya kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB secara umum dan secara khusus kepada perakaunan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti mengikut keperluan Piawaian Perakaunan Islam yang digubal adalah merangkumi perundangan syariah. Perundangan syariah utama yang disemak adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri dalam zon kajian. Setiap negeri tersebut mempunyai Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (dengan nama yang berbeza) dikanunkan pada tahun yang berbeza. Bagi tujuan kajian ini, Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang dirujuk adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (pindaan 2015), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (pindaan 2009), Enakmen Majlis Ugama Islam (Negeri Sabah) 2004. Enakmen-enakmen tersebut bertujuan menyatukan dan meminda undang-undang pentadbiran hal ehwal agama Islam termasuk wakaf, zakat dan baitulmal.

Selain Enakmen Pentadbiran Agama Islam, daripada lima negeri dalam Zon 1 kajian, negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan mempunyai enakmen khusus untuk wakaf iaitu Enakmen Wakaf (Selangor) 1999 (pindaan 2015), Enakmen Wakaf (Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Bagi negeri Johor dan Sabah, mereka tidak mempunyai enakmen wakaf khusus sebaliknya perkara-perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam termasuk wakaf dan zakat di kedua negeri berkenaan di peruntukkan masing-masing dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 dan Enakmen Majlis Ugama Islam (Sabah) 1977. Walaupun tidak mempunyai enakmen khusus berkaitan wakaf, Sabah mempunyai enakmen khusus bagi zakat dan fitrah iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah (Sabah) 1993 (pindaan 2003). Disebabkan struktur tadbir urus Institusi WZB yang berbeza (seperti yang telah diterangkan dalam Bab 2), di Sabah terdapat Enakmen Perbadanan Baitulmal (Sabah)

1998 yang menyediakan kerangka perundangan berkaitan hal ehwal baitulmal yang ditadbirkan oleh Perbadanan Baitulmal Sabah.

### **7.3.1 Batasan Perundangan berkaitan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan**

Batasan perundangan negeri yang dikenalpasti terhadap perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi WZB secara umum dikenalpasti berdasarkan enakmen-enakmen berikut:

#### **a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, Akta Badan Berkanun (Akta 240) adalah akta yang digubal khusus untuk badan berkanun persekutuan. Walau bagaimanapun terdapat juga Majlis seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Johor turut terikat dengan peruntukan Akta 240 sungguhpun institusi-institusi berkenaan bukanlah Badan Berkanun Persekutuan. Hal ini kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri berkenaan dengan jelas menyatakan bahawa peruntukan dalam Akta 240 terpakai bagi MAIN berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.1.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, pemakaian Akta 240 dalam perakaunan dan pelaporan bagi Institusi WZB membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam oleh Institusi WZB. Ini adalah kerana Seksyen 5(1) Akta 240 menyatakan bahawa akaun disediakan “mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum”. Selain itu, Seksyen 11(2)(b) pula memperuntukan menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan Akta Badan Berkanun dan menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum. Bagi negeri Johor oleh kerana MAINJ diamanahkan mentadbirkan ketiga-tiga kumpulan wang WZB, Akta 240 yang terpakai kepada Majlis bermaksud terpakai bagi perakaunan dan pelaporan KWW, KWZ dan KWB. Dengan terpakainya Akta 240 di MAINJ membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam perkara melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal. Bagi negeri Melaka, walaupun dalam Enakmen Wakafnya tidak menyatakan pemakaian Akta 240, ketiga-tiga kumpulan wang WZB ditadbirkan oleh MAIM dan MAIM menggunakan Akta 240. Implikasinya, seperti negeri Johor, membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam perakaunan dan pelaporan KWW, KWZ dan KWB oleh MAIM.

Jadual 7.1: Enakmen Kerajaan Negeri berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan

<b>SELANGOR</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (pindaan 2015)	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] <b>tidak terpakai</b> bagi Majlis dan mana-mana perbadanan di bawah Enakmen [Akta] ini.
Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015	Tidak dinyatakan pemakaian Akta 240. Terdapat peruntukan bagi akaun dan laporan KWW.
<b>NEGERI SEMBILAN</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (pindaan 2009)	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005	Akta Badan Berkanun 1980 tidak <b>terpakai</b> bagi Majlis dan Panel Penasihat berhubung dengan Kumpulan Wang Wakaf. Terdapat peruntukan khusus bagi akaun dan laporan KWW.
<b>JOHOR</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] <b>terpakai</b> bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.
<b>MELAKA</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	Tidak dinyatakan pemakaian Akta 240 dan tiada peruntukan bagi akaun dan laporan.
<b>SABAH</b> Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004	Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 hendaklah <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998	Prosedur kewangan dan perakaunan Perbadanan hendaklah berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan dan Undang-undang Islam yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (pindaan 2003)	Tidak dinyatakan pemakaian mana-mana Akta/ Enakmen berkaitan. Tiada peruntukan bagi akaun dan laporan.

Namun begitu, berdasarkan Jadual 7.1 juga, terdapat MAIN yang tidak menerima pakai Akta 240 ini seperti Majlis Agama Islam Selangor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, selepas pindaan dibuat pada 2011 terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu Seksyen 85 berkaitan Akaun dan Laporan tahunan. Pindaan 2011 yang dibuat ialah dengan

mengeluarkan atau membatalkan Seksyen 85 ini iaitu peruntukan bagi pemakaian Akta badan Berkanun (Akta 240) bagi MAIS dan mana-mana perbadanan negeri berkaitan. Ini bermakna selain MAIS, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga tidak menerima pakai Akta 240. Walaupun terdapat pindaan terkini (pindaan 2015) terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, masih tiada peruntukan menggantikan pemakaian Akta 240.

Begitu juga dengan Negeri Sembilan, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 jelas menyatakan bahawa Akta 240 tidak terpakai kepada entiti yang mentadbirkan kumpulan wang wakaf. Entiti yang mentadbir wakaf di Negeri Sembilan iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah anak syarikat yang jelas menunjukkan bahawa akaun dan laporan kewangannya tertakluk kepada Akta Syarikat sungguhpun terdapat peruntukan dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan berkaitan akaun dan laporan Kumpulan Wang Wakaf yang perlu disediakan oleh entiti berkenaan.

Ketidak pemakaian Akta 240 ini khususnya oleh MAIS dan entiti berkaitan di bawahnya serta oleh Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan dilihat boleh menjadi batasan kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB yang membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam. Ini adalah kerana tiada peruntukan perundangan seperti peruntukan Seksyen 5(1) dan Seksyen 11(2b) seperti dibincangkan sebelum ini.

### **b) Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah**

Jika Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor menyatakan pemakaian Akta Badan Berkanun bagi akaun dan laporan kewangan MAIN di negeri-negeri berkenaan, Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah pula menyatakan pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997 bagi akaun dan laporan kewangan MUIS. Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun berkenaan antaranya membolehkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri mengeluarkan arahan MUIS sebagai badan berkanun negeri untuk mengikuti prinsip perakaunan tertentu. Ini dilihat sekurang-kurangnya juga membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam oleh MUIS yang mentadbirkan Kumpulan Wang Wakaf dan Kumpulan Wang Zakat dalam perakaunan dan pelaporannya. Walau bagaimanapun, dilihat terdapat

sedikit kekangan atau batasan perundangan dalam perkara ini kerana pemakaian Piawaian Perakaunan Islam adalah tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Ini bermakna JANM perlu meyakinkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri tentang keperluan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam urusan perakaunan dan pelaporan kewangan wakaf dan zakat di MUIS.

### c) Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997

Daripada semakan yang dibuat ke atas perundangan sivil lima negeri, terdapat enakmen khas digubal yang terpakai kepada badan berkanun negeri seperti negeri Sabah, iaitu Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. Mengikut Enakmen ini, MUIS sebagai badan berkanun negeri perlu menyediakan penyata akaun untuk diaudit serta disiarkan dalam Warta. Selain itu, penyata akaun MUIS dan penyata akaun syarikat subsidiari perlu dihantar kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri<sup>5</sup>. Seterusnya penyata akaun yang telah diaudit bersama laporan aktiviti itu perlu diserahkan kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas penyata akaun teraudit diterima daripada Ketua Audit Negara.

Sepertimana yang telah diterangkan di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004, dari segi akaun dan laporan kewangan, MUIS menerima pakai Enakmen Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan 1997). Walau bagaimanapun pemakaian enakmen ini dilihat terdapat batasan untuk Piawaian Perakaunan Islam diterima pakai kelak. Ini dsebabkan oleh peruntukan Seksyen 4(1) enakmen berkenaan yang mengkehendaki MUIS sebagai badan berkanun perlu menyediakan akaun menurut prinsip dan amalan perakaunan komersial.

“Tiap-tiap badan berkanun hendaklah menyimpan atau menyebabkan untuk disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod lain berkenaan dengan operasinya menurut prinsip-prinsip dan amalan-amalan perakaunan komersial yang diterima secara umum” (Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan tambahan, 1997)

---

<sup>5</sup>Seksyen 4(3) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997.

**d) Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998**

Pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi perakaunan dan pelaporan sumber baitulmal yang ditadbirkan oleh Perbadanan Baitulmal Sabah dilihat tidak menimbulkan halangan kerana Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 jelas menekankan pemakaian perundangan Islam yang dikuatkuasa dari masa ke semasa apabila memperuntukan bahawa prosedur kewangan dan perakaunan Perbadanan adalah berdasarkan Arahan Perbendaharan dan Undang-Undang Islam. Pemakaian Perundangan Islam yang dikuatkuasa itu memboleh pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Perbadanan Baitulmal Sabah.

**e) Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Pindaan 2003)**

Semakan perundangan lima negeri dalam zon kajian, hanya di Sabah terdapat perundangan khusus berkaitan dengan zakat iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Pindaan 2003). Walaupun terdapat enakmen khusus berkaitan zakat tetapi tiada sebarang peruntukan berhubung akaun dan laporan kewangan dan tidak juga terdapat peruntukan berkaitan pemakaian mana-mana enakmen atau akta seperti enakmen badan-badan berkanun. Ini dilihat boleh menjadi batasan atau halangan sekiranya Piawaian Perakaunan Islam hendak diterima pakai.

**7.3.2 Batasan Peundangan Berkaitan Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Wakaf, Zakat dan Baitulmal**

Dapatan kajian mengenai peruntukan perundangan syariah dan batasannya kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB khususnya yang berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti dilapor dan dibincangkan dalam bahagian ini mengikut perkara berikut.

**a) Terimaan Sebagai Hasil**

Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 97(3) seperti yang telah dibincangkan sebelum ini merujuk kepada terimaan zakat, wakaf dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya sebagai hasil. Sekiranya hasil yang dinyatakan

ini sama maksudnya dengan hasil dalam perakaunan, maka terimaan yang diiktiraf sebagai hasil ini akan didedahkan dalam penyata pendapatan. Ini bermaksud terimaan zakat, wakaf dan baitulmal yang diiktiraf sebagai hasil ini merupakan item ekuiti.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ciri zakat dan wakaf yang mempunyai unsur pengamanahan, selagi mana terimaan kutipan zakat itu belum diagihkan kepada asnaf dan wakaf khas yang belum disempurnakan tujuan atau niat pewakaf, zakat dan wakaf tersebut lebih sesuai diiktiraf sebagai item liabiliti. Justeru, pengiktirafan terimaan zakat dan wakaf sebagai hasil seperti dalam peruntukan Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan, akan membataskan terimaan kutipan zakat dan wakaf terutama wakaf tunai khas untuk diakaun dan dilaporkan sebagai liabiliti.

**b) Baitulmal Sebagai Kumpulan Wang**

Terma “baitulmal” mengikut enakmen pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dalam Zon 1 kajian adalah merujuk kepada satu kumpulan wang dan bukannya sebagai sebuah institusi. Ini jelas di peruntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri Selangor, Johor dan Negeri Sembilan (ketiga-tiganya di bawah Seksyen 81) dan bagi negeri Melaka di bawah Seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka seperti berikut:

“Suatu kumpulan wang bernama Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan” (Seksyen 81).

“Suatu kumpulan wang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan” (Seksyen 69).

Bagi negeri Sabah, Baitulmal juga dirujuk sebagai satu kumpulan wang sepertimana yang diperuntukan dalam Seksyen 20 Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah (Kewangan) seperti berikut:

“...adalah ditubuhkan kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Baitulmal” (kemudian ini disebut “Baitulmal”) yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan”.

Oleh kerana baitulmal mengikut enakmen berkenaan dirujuk sebagai kumpulan wang, maka hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang akan dibincangkan selepas ini adalah merujuk kepada kumpulan wang baitulmal.

**c) Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Kumpulan Wang Baitulmal**

*i. Hasil dan Ekuiti*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Bahagian Kewangan) negeri Selangor (S81), Johor (S81), Melaka (S69) dan Negeri Sembilan (S81) memperuntukan item-item yang dimasukkan dalam KWB. Seksyen 81(2) dan Seksyen 69(2) bagi negeri-negeri berkenaan memperuntukkan Baitulmal, yang dirujuk dalam Enakmen berkenaan sebagai KWB hendaklah terdiri daripada “semua wang dan harta, alih atau tidak alih, yang menurut hukum Syarak...”. Wang dan harta menurut hukum syarak dilihat sebagai satu pernyataan yang umum dan boleh ditafsirkan termasuk wang dan harta zakat dan wakaf.

Sub-seksyen seterusnya dalam Seksyen 81 dan Seksyen 69 iaitu Sub-seksyen 3 memperuntukan bahawa semua wang dan harta dalam Baitulmal (i.e. dirujuk sebagai KWB) adalah terletak hak pada Majlis dan Subseksyen 4 seterusnya memperuntukan bahawa wang atau harta yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan. Ini bermaksud wang atau harta zakat dan wakaf juga boleh dijual, dihasilkan (contoh bangunan wakaf yang disewakan) dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan (contoh hasil daripada keuntungan pelaburan). Persoalannya, wajarkah harta wakaf dan harta zakat yang dibeli atau dibina untuk asnaf dijual? Bagi wakaf, telah jelas dinyatakan dalam Enakmen Wakaf bahawa harta wakaf tidak boleh dijual tetapi bagaimana dengan wang dan harta zakat? Batasan perundangannya disini adalah tiada sebarang perundangan syariah sama ada dalam Enakmen Pentadbiran agama Islam atau enakmen khusus bagi zakat yang boleh mengawal wang dan harta zakat daripada dijual, dilupuskan atau dilaburkan.

Berbanding dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri lain dalam zon kajian, Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah (Kewangan) menyenaraikan (a hingga r) wang tunai dan harta mengikut hukum syarak. Termasuk dalam item yang disenaraikan ini adalah denda mahkamah syariah, wang tidak patuh syariah, hasil

pelaburan dan luqatah. Walau bagaimanapun terdapat satu item daripada senarai tersebut yang agak mengelirukan dan tidak selari dengan perakaunan dan pelaporan sesebuah Institusi WZB mengikut Piawaian Perakaunan Islam. Perkara c, Seksyen 20 sebagai salah satu item dalam senarai berkenaan menyatakan bahawa “baki semua wang kutipan Zakat dan fitrah yang dibayar oleh orang-orang Islam yang dikumpulkan di Negeri ini, selepas dibahagikan kepada asnaf-asnaf yang ada di Negeri ini dan yang berhak menerimanya, hendaklah dimasukkan ke dalam Baitulmal.” Peruntukan Perkara c ini agak mengelirukan kerana baki kutipan zakat yang belum diagihkan ini dipindahkan ke KWB sebagai hasil baitulmal yang ditadbir oleh Perbadanan Baitulmal Sabah sedangkan hal ehwal zakat adalah dibawah bidang kuasa MUIS dan KWZ juga ditadbirkan oleh MUIS.

#### *ii. Belanja dan Liabiliti*

Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (S83), Negeri Sembilan (S83), Melaka (S71) dan Johor (S83) serta Enakmen MUIS (S47), “Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta/aset yang terletak hak pada Majlis termasuk kos penyenggaraan dan pemberian, gaji dan elauan kakitangan Majlis, fi dan elauan kena bayar kepada kakitangan.... hendaklah dibayar daripada KWB [Enakmen MUIS: “.... hendaklah dibayar dari Kumpulan Wang”].

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, wang dan harta yang terletak hak pada Majlis boleh termasuk wang dan harta wakaf. Apa yang boleh ditafsirkan daripada peruntukan diatas adalah selain KWW (seperti dalam Enakmen Wakaf negeri berkenaan), belanja berkaitan wakaf seperti belanja penyenggaraan aset wakaf boleh juga dicaj kepada KWB. Termasuk juga belanja berkaitan pentadbiran harta zakat (jika ada) boleh dicaj kepada KWB.

Walau bagaimanapun bagi Sabah, berdasarkan Enakmen MUIS, “Kumpulan Wang” tidak dikhususkan dan ia boleh dirujuk sebagai KWB (yang ditadbir oleh MUIS), KWW dan KWZ. Yang menjadi batasan perundangannya adalah kos, bayaran dan belanja yang disenaraikan dalam Enakmen MUIS tersebut seperti gaji dan elauan kakitangan Majlis, kos pemberian dan penyenggaran aset baitulmal boleh dicaj ke KWW atau KWZ.

Selain bayaran dan belanja yang disenaraikan seperti dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang terlibat dan Enakmen MUIS, penjelasan liabiliti daripada KWB adalah terhad kepada eluan kena bayar kepada kakitangan.

**d) Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Kumpulan Wang Wakaf**

Enakmen yang disemak bagi menegnalgasti batasan perundungan khusus bagi perakaunan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti wakaf adalah Enakmen Wakaf bagi negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

*i. ‘Ain Wakaf dan Manfaat Wakaf sebagai Hasil atau Liabiliti?*

Enakmen Wakaf Negeri Selangor, Seksyen 36(3) memperuntukkan bahawa KWW terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf. Seterusnya Seksyen 63(4) enakmen yang sama memperuntukkan akaun wang asas wakaf dan manfaat wakaf diasingkan. Apa yang boleh disimpulkan daripada peruntukan dalam Enakmen Wakaf Selangor ini adalah wujud pengasingan akaun wang asas wakaf ('ain wakaf) dan akaun untuk manfaat wakaf. Pengasingan ini memudahkan untuk membezakan di antara 'ain dan manfaat wakaf.

Berbeza dengan Selangor, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan (Seksyen 26) dan Enakmen Wakaf Melaka (Seksyen 39) tidak memerlukan pengasingan di antara 'ain dan manfaat wakaf. Dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan tersebut komponen KWW disenaraikan secara terperinci dari (a) hingga (g) termasuk semua mawquf, manfaat daripada mawquf dan wang diperoleh melalui istibdal. Enakmen Wakaf Melaka pula memperuntukkan KWW terdiri daripada wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa manfaat atau faedah yang diperolehi daripada *mawquf* atau melalui istibdal. Tidak dalam Enakmen Wakaf Selangor, kedua-dua Enakmen Wakaf Negeri Sembilan dan Melaka menyatakan wang atau manfaat yang diterima daripada istibdal dimasukkan sebagai komponen KWW.

Batasan perundungan yang dikenalpasti melalui ketiga-tiga enakmen wakaf seperti yang diterangkan diatas adalah wujud ketidakseragaman tentang bagaimana 'ain wakaf dan manfaat wakaf diakaunkan iaitu sam ada disatukan dalam KWW atau

akaun kedua-duanya diasingkan. Selain itu, boleh juga menjadi batasan perundangan apabila wang dan manfaat daripada istibdal tiada diperuntukan dalam Enakmen Wakaf Selangor sebagai komponen KWW sama ada akaun ‘ain atau manfaat wakaf. Bagi Enakmen Wakaf Melaka dan Negeri Sembilan yang memperuntukan tentang wang dan manfaat daripada istibal sebagai komponen KWW tetapi tidak dinyata sama ada sebagai hasil atau liabiliti. Yang paling utama ditentukan secara keseluruhannya adalah sama ada ‘ain wakaf dan manfaat wakaf sebagai hasil atau liabiliti. Ia perlu dijelaskan sama ada wakaf tersebut merupakan wakaf am atau wakaf khas. Pada pandangan penyelidik, wakaf yang dikhaskan tujuannya oleh pewakif, ain dan manfaat wakaf tersebut merupakan item liabiliti. Namun perkara ini tidak diperuntukkan dalam ketiga-ketiga enakmen wakaf dan ini merupakan batasan perundangan yang perlu diberi perhatian.

#### *ii. Hasil dan Ekuiti*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Kewangan) Negeri Sembilan (S92) dan Melaka (S80) memperuntukkan bahawa pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas adalah menjadi sebahagian KWB. Peruntukan ini boleh ditafsirkan bahawa pendapatan atau hasil wakaf am menjadi sebahagian hasil KWB. Peruntukan ini dilihat sebagai satu batasan perundangan kerana ia bercanggah dengan peruntukan dalam Enakmen Wakaf kedua-dua negeri berkenaan yang memerlukan pendapatan atau hasil daripada wakaf sama ada am atau khas dimasukkan dalam KWW dan bakinya menjadi ekuiti KWW.

Bagi Selangor, batasan perundangan ini telah diambil tindakan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor telah menggugurkan pendapatan atau hasil daripada wakaf sebagai sebahagian KWB sebaliknya hanya terpakai bagi hasil nazar sahaja.

Bagi Negeri Johor dan Sabah yang tidak mempunyai enakmen khusus untuk wakaf, peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor (Kewangan) Seksyen 92 dan Enakmen MUIS (Kewangan) Seksyen 54 jelas memperuntukkan bahawa pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas adalah menjadi sebahagian KWB. Peruntukan yang serupa juga terdapat dalam Enakmen Perbadanan Baitulmal Seksyen 21(3) yang menyatakan pendapatan (hasil) daripada wakaf merupakan sebahagian KWB. Walau bagaimanapun, peruntukan dalam Enakmen Perbadanan

Baitulmal ini dilihat sebagai satu batasan perundangan kerana adakah Perbadanan Baitulmal Sabah yang mentadbirkan harta wakaf dan KWW? Sebaliknya dalam Enakmen MUIS telah jelas menyatakan bahawa MUIS adalah pemegang amanah tunggal harta wakaf yang mentadbirkan harta wakaf dan KWW di Sabah.

Keseluruhannya bagi Johor dan Sabah, peruntukan sedia ada berkaitan wakaf adalah sangat terhad, tiada peruntukan tentang KWW, penggunaan manfaat wakaf malah istibdal wakaf. Ini merupakan batasan perundangan utama yang perlu diatasi dalam usaha untuk melancarkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi perakaunan dan pelaporan berkaitan wakaf.

### *iii. Belanja*

Enakmen Wakaf Selangor Seksyen 37 dan 38 menyenaraikan secara berasingan penggunaan Wang Asas Wakaf atau ain wakaf (antaranya bagi belian harta wakaf; pembiayaan pembangunan mawquf) dan Wang Manfaat Wakaf seperti kos/caj pentadbiran, penyengaraan dan pemberian mawquf. Ini menunjukkan belanja berkaitan wakaf dicaj berasingan sama ada ia melibatkan belanja modal (dicaj ke akaun Wang Asas Wakaf atau ‘Ain wakaf) atau belanja operasi wakaf (yang dicaj ke akaun manfaat wakaf).

Bagi Negeri Sembilan, Enakmen wakafnya (Seksyen 27) menyenaraikan semua penggunaan yang dibenarkan dari KW tetapi tidak diasingkan antara penggunaan wang asas atau ‘ain wakaf dan wang manfaat wakaf. Kesemua ini dicaj daripada satu akaun KWW iaitu termasuk untuk belian harta wakaf, pelaksanaan tujuan wakaf, kos pentadbiran dan penyenggaraan mawquf). Ini dilihat sebagai satu batasan perundangan yang mana dengan tiada pengasingan penggunaan wang ‘ain wakaf dan manfaat wakaf, sukar untuk memastikan bahawa belanja operasi wakaf tidak digunakan atau dicaj daripada ‘ain wakaf.

Bagi Enakmen Wakaf Melaka Seksyen 37, tiada peruntukan terperinci mengenai penggunaan manfaat wakaf – “Majlis berhak menggunakan apa-apa manfaat atau faedah daripada suatu wakaf khas untuk membayar semua kos yang perlu dan bersampingan dengannya bagi pentadbiran wakaf itu”. Walaupun tiada pengasingan, belanja operasi wakaf dicaj daripada manfaat wakaf.

Kekurangan atau batasan dalam peruntukan Enakmen Wakaf juga ditekankan oleh (Asharaf Mohd Ramli dan Abdullah Jalil 2012), yang menyatakan bahawa peruntukan wakaf dalam enakmen berkaitan adalah tidak komprehensif dan hanya memfokus kepada aspek pentadbiran dan prosedur secara umum.

**e) Hasil, Belanja, Liabiliti dan Ekuiti Kumpulan Wang Zakat**

Perundangan syariah negeri yang disemak berkaitan dengan zakat adalah ke atas Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, Johor dan Negeri Sembilan (Seksyen 86 hingga 88), Melaka Seksyen 74-76, Enakmen MUIS, Seksyen 50, Enakmen Zakat dan fitrah Sabah serta Enakmen Perbadanan Baitulmal.

Boleh dirumuskan bahawa peruntukan perundangan berkaitan zakat adalah sangat terhad. Tiada peruntukan tentang penubuhan dan komponen KWZ, penggunaan KWZ; baki kutipan zakat, akaun dan pelaporan zakat. Walaupun di Sabah terdapat enakmen khusus berkaitan zakat dan fitrah, tiada peruntukan tentang kewangan dan akaun zakat. Pengolahan perakaunan tentang hasil, belanja dan liabiliti berkaitan zakat tidak diperuntukkan dalam mana-mana perundangan berkaitan. Ini dilihat sebagai satu batasan perundangan yang agak besar dalam pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang digubal.

#### **7.4 Garis Panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003)**

Garis Panduan bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) (selepas ini dinyatakan sebagai Amalan Terbaik) dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan hukum syarak dan Arahan Perbendaharaan, dengan mengambilkira piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang bersesuaian. Ia dirangka dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) ini meliputi bab-bab khusus termasuk bab tentang Tatacara Kewangan, Tatacara Perakaunan, Tatacara Zakat, Tatacara Wakaf dan Persembahan Penyata

Kewangan. Antara peruntukan yang terkandung dalam tatacara kewangan adalah Majlis pada setiap tahun hendaklah menyediakan ‘Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan’. Anggaran tersebut hendaklah mengambil kira dasar Majlis dan strategi pengurusan bagi tahun belanjawan, langkah-langkah bagi meningkatkan pungutan hasil, tindakan-tindakan meningkatkan kecekapan perbelanjaan, dan arahan mengenai penyediaan anggaran bagi tahun yang berkenaan. Dalam Tatacara Perakaunan, antara peruntukan yang dinyatakan adalah berkaitan wang yang diterima sebagai amanah atau wakaf khas bagi apa-apa maksud perlu diperakaunkan dalam satu akaun khas dalam Akaun Amanah atau Akaun Wakaf. Begitu juga dengan segala pungutan dan agihan wang zakat hendaklah diakaunkan dalam akaun Kumpulan Wang Zakat. Seterusnya, pada akhir setiap tahun kewangan, satu Penyata Kewangan (kutipan dan agihan) hendaklah disediakan, dan Penyata kewangan ini hendaklah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis.

Bagi hal ehwal berkaitan wakaf, Tatacara Wakaf antaranya menetapkan Majlis boleh menerima wakaf bagi harta tak alih dan harta alih yang dibenarkan oleh Majlis disamping wakaf dalam bentuk saham. Hasil atau keuntungan diperolehi daripada mana-mana harta atau penjualan harta wakaf hendaklah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf dan mana-mana perbelanjaan berkaitan harta wakaf boleh dibayar daripada akaun wakaf yang berkaitan dengannya. Dari segi persembahan penyata kewangan, tujuan Garis panduan Amalan Terbaik ini adalah untuk penyeragaman pelaporan berdasarkan kesesuaian aktiviti Majlis, terutamanya urusan zakat, fitrah dan harta wakaf dan tujuan meningkatkan akauntabiliti awam melalui penyediaan dan persembahan laporan kewangan, selain untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan lengkap dalam mempersembahkan maklumat kewangan kepada pengguna penyata kewangan.

Tatacara berkaitan penyata kewangan ini menetapkan penyediaan dan persembahan penyata kewangan Majlis hendaklah berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum yang diguna pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut tatacara ini Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik tamat tempoh sesuatu tahun kewangan dan disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun. Tatacara ini juga menyatakan Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya mengikut susunan berikut;

- a) Penyata Pengakuan Majlis
- b) Penyata Pengakuan oleh Pegawai Utama
- c) Laporan Juruaudit
- d) Kunci Kira-Kira Majlis
- e) Penyata Pendapatan Majlis
- f) Penyata Aliran tunai Majlis
- g) Nota kepada Penyata kewangan
- h) Nota penjelasan harta
- i) Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah, Wakaf, dan lain-lain kumpulan wang
- j) Penyata lain yang difikirkan perlu.

Tatacara ini jelas menetapkan Majlis perlu menyediakan penyata bagi setiap kumpulan wang utama iaitu KWW, KWZ dan KWB berserta dengan contoh format setiap satunya. Selain itu, tatacara persembahan penyata kewangan juga menjelaskan menyatakan terimaan zakat, wakaf serta harta yang diserahkan selain zakat diiktiraf sebagai pendapatan. Ini dilihat sebagai satu batasan kepada pemakaian piawaian perakaunan Islam jika dicadangkan zakat dan wakaf khas adalah liabiliti.

## 7.5 Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) ini adalah manual yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) yang berfungsi antaranya untuk merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi wakaf. Dalam menjalankan fungsi ini, JAWHAR menyedia dan menerbitkan manual ini untuk memperkuuh dan memperkemas pengurusan harta wakaf yang dilihat sebagai amalan terbaik (*best practices*) bagi pengurusan perakaunan wakaf di Malaysia.

Secara khusus, MPPW disediakan bagi membantu Majlis memperakaunkan harta dan pendapatan wakaf dengan lebih berkesan, mencapai keseragaman kaedah perakaunan dan persembahan penyata perakaunan di antara Majlis, sekaligus mempertingkatkan ketelusan pengurusan wakaf, serta menjadi rujukan utama dalam proses pengauditan penyata kewangan berkaitan wakaf. MPPW juga digunakan sebagai penambahbaikan

terhadap Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) berkaitan wakaf, seperti Bab Tatacara Wakaf dan Bab Persembahan Penyata Kewangan.

Dengan adanya MPPW ini, prosedur perakaunan wakaf dapat diseragamkan dan dapat mencapai matlamat untuk menyediakan prosedur perakaunan wakaf yang menepati hukum syarak, memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Majlis, meningkatkan prestasi pengurusan harta wakaf secara sistematik, dan mencerakinkan kekuatan sebenar sumber ekonomi umat Islam dalam bentuk harta wakaf bagi tujuan perancangan dan pembangunan strategik (dengan kata lain memanfaatkan sumber ekonomi umat Islam secara optimum). Jelasnya, Manual ini membantu Majlis sebagai pemegang amanah tunggal yang bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf untuk menyediakan laporan kewangan yang lebih telus. Antaranya MPPW ini menyatakan prinsip-prinsip perakaunan Islam yang menjadi asas kepada prinsip perakaunan wakaf iaitu;

- a) Mencatat transaksi kewangan dengan adil, tepat dan amanah
- b) Pencatat mesti amanah, adil dan memiliki kemahiran serta mengetahui hukum fiqh
- c) Mencatat dengan tepat, teratur dan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit
- d) Mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi (sesuatu yang menjelaskan kesahihan sesuatu transaksi)
- e) Sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa.

Manual ini juga menerangkan dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan di dalam penyediaan Penyata Wang Wakaf. Umumnya, Penyata Kewangan Wakaf disediakan berpandukan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada. Dinyatakan dalam Manual ini, Dasar Perakaunan Wakaf adalah diadaptasikan daripada *Financial Reporting Standard* (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah tertakluk kepada ketetapan hukum Syarak. Selain itu Manual ini menetapkan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang secara dasarnya menggunakan prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf seperti Prinsip

Perakaunan Hasil, Prinsip Perakaunan Harta Wakaf, Prinsip Perakaunan Liabiliti, Prinsip Catatan Bergu dan Prinsip Perakaunan Istibdal. Dasar-dasar perakaunan konvensional yang digunakan sebagai panduan dilihat sebagai batasan kepada pemakaian piawaian perakaunan Islam. Panduan kepada dasar perakaunan konvensional ini perlu dipinda dengan memasukkan dasar perakaunan Islam sebagai panduan.

Dari segi perakaunan, MPPW menetapkan kaedah perakaunan wakaf yang diadaptasi dari kaedah-kaedah perakaunan konvensional sedia ada dengan penambahbaikan bagi memenuhi kehendak Syarak. Manual ini menyentuh mengenai penilaian harta wakaf yang perlu diamalkan dalam merekodkan penerimaan, perolehan dan proses Istibdal harta wakaf. Asas penilaian harta wakaf yang dicadangkan dalam Manual ini adalah asas nilai semasa.

Selain itu, Manual ini juga menetapkan tentang Format Penyata Kewangan yang menggunakan format Penyata Kewangan Badan Berkanun dalam persempahan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing kerana Majlis merupakan badan berkanun negeri. Seterusnya juga ditetapkan dalam Manual ini, Penyata Kewangan Wakaf yang mengandungi penyata Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Kumpulan Wang wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan.

## **7.6 Kesimpulan**

Bab ini telah melapor dan membincangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian berkaitan batasan perundangan dalam mengaplikasikan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Bab ini melaporkan hasil semakan kepada perundangan sivil utama mahupun perundangan syariah yang berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti Institusi WZB dan semakan terhadap perundangan yang berkaitan dengan akaun dan laporan kewangan. Batasan dalam perundangan-perundangan tersebut telah dilaporkan dan implikasi perakaunan daripada batasan tersebut telah dibincangkan. Justeru, adalah menjadi satu keperluan yang mendesak agar piawaian perakaunan khusus untuk

Institusi WZB digubal dalam memperakaun dan melaporkan hal ehwal kewangan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Selain itu untuk memudahkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB berkenaan, Manual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan yang memenuhi Prinsip Syariah sepenuhnya perlu dikeluarkan.

Daripada batasan perundangan yang telah dikenalpasti, adalah menjadi satu keperluan untuk membangunkan Enakmen Zakat dan Enakmen Wakaf (bagi Johor dan Sabah) dan keperluan menyemak semula Enakmen Wakaf sedia ada bagi menjelaskan perkara berkaitan akaun dan laporan kewangan.

# **BAB LAPAN**

## **CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN**

### **PERAKAUNAN**

#### **8.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan cadangan kepada pembangunan piawaian bagi memenuhi objektif kajian yang keempat iaitu:

Objektif 4 - Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

Cadangan yang diutarakan menyentuh tentang bentuk piawaian serta kandungan piawaian. Cadangan kandungan piawaian mengambil kira dapatan objektif pertama hingga ketiga dan dengan berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan dalam Fasa Pertama.

#### **8.2 Bentuk Piawaian Perakaunan**

Laporan penyelidikan Fasa Pertama mencadangkan agar satu set piawaian khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal (Institusi WZB), yang selari dengan bentuk piawaian MPERS. Fasa Kedua memperincikan cadangan berhubung dengan aset selaras dengan bentuk piawaian yang dicadangkan dalam Fasa Pertama. Sehubungan itu cadangan untuk Fasa Ketiga ini merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama dan Fasa Kedua iaitu memperincikan cadangan mengenai piawaian berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi WZB.

Jadual 8.1 memaparkan contoh kandungan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Bagi Institusi WZB. Seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 8.1, Seksyen 1 hingga 12 adalah cadangan dari Fasa Pertama, Seksyen 15 dan Seksyen 17 hingga 22 adalah

cadangan dari Fasa Kedua manakala Seksyen 13 dan 14 serta Seksyen 23 hingga 30 adalah cadangan bagi Fasa Ketiga manakala Seksyen 31 dan seterusnya ialah untuk isu yang akan dikaji dalam Fasa Keempat.

**Jadual 8.1: Piawaian perakaunan sektor awam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal**

Seksyen	Butiran	Asas Rujukan	Tindakan
1	Entiti pelapor		Fasa 1
2	Objektif Pelaporan		
3	Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan		
4	Komponen Pelaporan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Persemaahan Maklumat Bukan Kewangan</li> <li>• Persemaahan Maklumat Kewangan</li> </ul>		
5	Persemaahan Maklumat Bukan Kewangan		
6	Penyata Kedudukan Kewangan		
7	Penyata Prestasi Kewangan		
8	Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti		
9	Penyata Alir Tunai		
10	Nota Kepada Akaun		
11	Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan		
12	Polisi Perakaunan, Anggaran Perakaunan dan Kesilapan		
13	Instrumen kewangan Asas	MPSAS	
14	Isu lain Instrumen Kewangan	29,29 & 30	Fasa 3
15	Inventori		Fasa 2
16	Pelaburan dalam syarikat bersekutu, usaha sama dan pengaturan bersama		Fasa 4

17	Harta pelaburan		Fasa 2
18	Hartanah, loji & peralatan		
19	Aset tak ketara		
20	Pajakan		
21	Pertanian		
22	Rosotnilai aset		
23	Wakaf	Baru	Fasa 3
24	Zakat	Baru	
25	Peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka	MPSAS 19	
26	Manfaat pekerja	MPSAS 25	
27	Kos pembiayaan	MPSAS 5	
28	Kesan pertukaran matawang asing	MPSAS 4	
29	Hasil daripada urus niaga pertukaran	MPSAS 9	
30	Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	MPSAS 23	
31 dan seterusnya			
Lampiran 1	Tarikh kuat kuasa & peruntukan transisi		
Lampiran 2	Takrifan terma		

### 8.3 Proses Pembentukan Cadangan Kepada Piawaian

Proses pembentukan cadangan kepada piawaian diringkaskan dalam Rajah 8.1. Merujuk kepada Rajah 8.1, sumber rujukan utama yang dijadikan asas untuk membentuk cadangan adalah seperti berikut:

a) **MPSAS**

MPSAS menjadi asas untuk mendalami isu yang dikaji dan menjadi asas kepada cadangan yang akan dikemukakan. Secara umumnya keperluan MPSAS yang bersesuaian dengan aktiviti WZB serta tidak bertentangan



**Rajah 8.1 Proses Pembentukan Cadangan Kepada Piawaian**

dengan keperluan Syariah akan dikekalkan manakala keperluan yang tidak bersesuaian atau tidak relevan dengan aktiviti WZB atau tidak selari dengan keperluan Syariah akan dikeluarkan.

b) **Keperluan syariah**

Keperluan syariah berhubung isu yang dikaji diputuskan dengan merujuk kepada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Qias; kajian literatur dan pendapat pakar syariah yang diperolehi melalui sesi temu bual. Beberapa orang pakar

syariah ditemubual untuk mendapatkan input tentang isu khusus yang dikenalpasti serta untuk mendapatkan komen untuk penambahbaikan serta kesepakatan tentang cadangan yang akan dikemukakan bagi memastikan cadangan yang dikemukakan selari dengan keperluan syariah.

c) **Amalan semasa**

Amalan semasa menjadi input penting untuk memahami rasional di sebalik amalan perakaunan dan pelaporan semasa, memahami masalah yang dihadapi, memahami bahawa fatwa boleh mempengaruhi olahan perakaunan dan menyebabkan perbezaan dalam olahan perakaunan bagi item yang sama. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan amalan yang seragam di antara Institusi WZB bagi olahan perakaunan tertentu, adalah berdasarkan Panduan Amalan Terbaik yang telah dibangunkan oleh Institusi WZB bersama-sama Jabatan Audit Negara pada tahun 2003. Apabila berhadapan keadaan di mana tiada panduan dari Amalan Terbaik, Institusi WZB akan memilih olahan yang dianggap wajar dan selari dengan tuntutan syariah. Selain dari itu amalan boleh membantu untuk menilai sama ada piawaian yang dicadangkan bersesuaian dengan keperluan Institusi WZB dan boleh dijadikan asas untuk cadangan sekiranya amalan bersesuaian dan selari dengan keperluan syariah.

d) **Terbitan (*pronouncement*) badan penetap piawaian lain dan badan pengawalselia**

Terbitan (*pronouncement*) badan penetap piawaian lain serta badan pengawalselia boleh dijadikan asas cadangan sekiranya bersesuaian dan selari dengan keperluan syariah. Antara terbitan yang dirujuk ialah piawaian MASB (MFRS & MPERS), MASB SOPi, terbitan IPSASB dan terbitan Bank Negara Malaysia berhubung isu syariah dalam kewangan Islam serta perakaunan dan pelaporan kewangan.

e) **Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan dalam Fasa Pertama**

Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah memberi panduan tentang pendedahan maklumat sama ada pada tahap daruriyyah (kemestian), hajiyah (keperluan) dan tahsiniyyah (kemewahan).

Ketetapan berikut telah digunakan dalam mencadangkan kandungan piawaian:

- a) Keperluan MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan **dikekalkan** dan dibuat **pengubahsuaian** di mana perlu;
- b) Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS akan **ditambah**;
- c) Keperluan MPSAS yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan **dikeluarkan**; dan
- d) Keperluan MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

## **8.4 Cadangan Kandungan Piawaian**

Kajian dalam Fasa Ketiga memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti.

### **8.4.1 Cadangan kepada piawaian Instrumen Kewangan**

Cadangan kepada piawaian bagi Instrumen Kewangan diperincikan dalam jadual 8.2 dan 8.3. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

#### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Instrumen kewangan yang terdapat di semua Institusi WZB ialah instrumen kewangan asas sahaja.
- b) Tiada pelaburan dalam instrumen derivatif
- c) Tiada aktiviti lindungnilai

#### **Intipati cadangan:**

- a) Permudahkan liputan dan keperluan untuk instrumen kewangan. Pendekatan MPERS (Seksyen 11 dan 12) untuk instrumen kewangan boleh digunakan kerana keperluan yang ditetapkan lebih bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB yang hanya mempunyai instrumen kewangan asas sahaja. Selari dengan Seksyen 11 & 12 MPERS, wujudkan

dua seksyen untuk Instrumen Kewangan iaitu **Seksyen 13 Instrumen Kewangan Asas** dan **Seksyen 14 Isu Lain Instrumen Kewangan**.

- b) Seksyen 11 dan 12 MPERS membenarkan pemilihan polisi oleh entiti iaitu sama ada menggunakan MPERS Seksyen 11 dan 12 sepenuhnya atau menggunakan MFRS139. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar Institusi WZB tidak dibenarkan untuk membuat pemilihan polisi iaitu sama ada menggunakan Seksyen 13 dan 14 sepenuhnya atau merujuk kepada MPSAS 29. Ini kerana MPSAS 29 tidak mempunyai status patuh syariah. Oleh yang demikian Institusi WZB perlu merujuk kepada Seksyen 13 dan 14 sahaja.
- c) Ubahsuai
  - Gantikan kadar faedah efektif dengan kadar keuntungan efektif.
  - Gantikan pinjaman dengan pembiayaan. Pinjaman hanya merujuk kepada kontrak Qardul Hassan sahaja.
  - Pembiayaan perlu berdasarkan kontrak patuh syariah.
- d) Tambah
  - Aktiviti lindungnilai boleh dilaksanakan dengan menggunakan instrumen patuh syariah

**Jadual 8.2: Seksyen 13 Instrumen Kewangan Asas**

Kandungan	CADANGAN BERDASARKAN MPERS Seksyen 11 dan Seksyen 12			Rasional/Rujukan
	Perenggan MPERS Seksyen 11	Kesesuaian MPERS Seksyen 11	Huraian	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	11.1	Ubahsuai	<p><b>Skop Seksyen 13 dan 14</b></p> <p>Seksyen ini terpakai kepada instrumen kewangan asas dan terpakai kepada semua entiti.</p>	
Pilihan polisi perakaunan	11.2	Keluarkan	<p><b>Cadangan</b></p> <p>MPERS Seksyen 11 dan 12 membenarkan pemilihan polisi oleh entiti iaitu sama ada menggunakan MPERS Seksyen 11 dan 12 sepenuhnya atau menggunakan MFRS139.</p> <p>Dicadangkan agar pilihan tidak diberi sama ada untuk merujuk kepada Seksyen 13 dan 14 atau MPSAS 29. Sebaliknya Institusi WZB perlu merujuk sepenuhnya kepada Seksyen 13 dan 14.</p>	<p><b>Rasional</b></p> <p>Memandangkan MPSAS 29 tidak mempunyai status patuh syariah maka rujukan kepada MPSAS 29 adalah tidak bersesuaian.</p>

Pengenalan kepada Seksyen 11	11.3-11.6	kekal		
Skop Seksyen 11	11.7	Ubahsuai	Masukkan di bahagian skop	
Instrumen kewangan asas	11.8 – 11.11	Ubahsuai	Gantikan pinjaman dengan pembiayaan. Pembiayaan perlu berdasarkan kontrak patuh syariah. Pinjaman hanya merujuk kepada pinjaman Qardul Hassan sahaja.  Gantikan pinjaman daripada atau kepada syarikat subsidiari dengan pembiayaan atau pendahuluan daripada atau kepada syarikat subsidiari.	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Pengiktirafan awal aset dan liabiliti kewangan	11.12	Kekal		
Pengukuran awal	11.13	Ubahsuai	Gantikan pinjaman dengan pembiayaan.	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Pengukuran susulan	11.14	Ubahsuai	Gantikan kadar faedah efektif dengan <b>kadar keuntungan efektif</b> .  Kadar keuntungan efektif ialah kadar yang mendiskaunkan anggaran pembayaran dan penerimaan tunai sepanjang usia aset atau liabiliti kewangan kepada amaun dibawa aset kewangan. Kadar keuntungan efektif	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016

			<p>dihitung dengan mengambil kira semua terma kontraktual instrumen kewangan dan termasuk sebarang yuran atau kos tambahan yang berkait langsung dengan instrumen dan merupakan bahagian penting kadar keuntungan efektif.</p> <p>Penerapan prinsip nilai masa wang (<i>time value of money</i>) dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertangguh. Namun demikian, ia dilarang sama sekali dalam urus niaga pinjaman (qard).</p>	Diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007, Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua), Bank Negara Malaysia 2010
Kos terlunas dan kaedah faedah efektif	11.15-11.20	Ubahsuai	<p>Gantikan kadar faedah efektif dengan <b>kadar keuntungan efektif</b>.</p> <p>Untuk contoh pengiraan kadar faedah efektif gantikan dengan pengiraan <b>kadar keuntungan efektif</b>.</p>	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Rosotnilai instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas	11.21 – 11.26	Ubahsuai	Gantikan kadar faedah efektif dengan <b>kadar keuntungan efektif</b> .	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Nilai saksama	11.27 – 11.32	Kekal		

Nyah iktirafan aset kewangan	11.33	Kekal		
Nyah Iktirafan liabiliti kewangan	11.36 – 11.37	Kekal		
Pendedahan	11.39 – 11.48	Ubahsuai	Gantikan pinjaman dengan pembiayaan. Pembiayaan perlu berdasarkan kontrak patuh syariah.	

**Jadual 8.3: Seksyen 14 Isu Lain Instrumen Kewangan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPERS Seksyen 12</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPERS Seksyen 12</b>	<b>Kesesuaian MPERS Seksyen 12</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	12.1	Ubahsuai	<p><b>Skop Seksyen</b></p> <p>Seksyen ini terpakai kepada instrumen kewangan dan urusniaga yang lebih kompleks. Sekiranya entiti hanya mempunyai instrumen kewangan asas, maka seksyen ini tidak terpakai. Walau bagaimanapun entiti yang hanya mempunyai instrumen kewangan asas, perlu mengambilkira skop seksyen ini bagi memastikan entiti adalah terkecuali.</p>	
Pilihan polisi perakaunan	12.2	Keluarkan	<p><b>Cadangan</b></p> <p>MPERS Seksyen 11 dan 12 membenarkan pemilihan polisi oleh entiti iaitu sama ada menggunakan MPERS Seksyen 11 dan 12 sepenuhnya atau menggunakan MFRS139.</p>	

			Dicadangkan agar pilihan tidak diberi sama ada untuk merujuk kepada Seksyen 13 dan 14 atau MPSAS 29. Sebaliknya Institusi WZB perlu merujuk sepenuhnya kepada Seksyen 13 dan 14.	<b>Rasional</b> Memandangkan MPSAS 29 tidak mempunyai status patuh syariah maka rujukan kepada MPSAS 29 adalah tidak bersesuaian.
Skop Seksyen 12	12.3 - 12.5	Ubahsuai	Masukkan di bahagian skop	
Pengiktirafan awal aset dan liabiliti kewangan	12.6	Kekal		
Pengukuran awal	12.7	Kekal		
Pengukuran susulan	12.8 - 12.9	Kekal		
Nilai saksama	12.10 - 12.12	Kekal		
Rosotnilai instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas	12.13	Ubahsuai	Gantikan kadar faedah efektif dengan <b>kadar keuntungan efektif</b> .	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Nyah iktirafan aset dan liabiliti kewangan	12.14	Kekal		
Perakaunan untuk lindungnilai	12.15 - 12.25	Ubahsuai	Instrumen lindungnilai yang digunakan perlu merupakan instrumen dengan kontrak patuh syariah.	Financial Reporting for Islamic Banking Institutions, Bank Negara Malaysia 2016
Pendedahan	12.26 - 12.29	Kekal		

#### **8.4.2 Cadangan kepada piawaian Wakaf**

Cadangan kepada piawaian Wakaf diperincikan dalam jadual 8.4. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Olahan perakaunan bagi wakaf tidak konsisten antara Institusi WZB
- b) Keperluan untuk mengekalkan ain
- c) Keperluan untuk mengasingkan ain dan manfaat

##### **Intipati cadangan:**

- a) Wujudkan seksyen khas untuk wakaf iaitu Seksyen 23 Wakaf.
- b) Tarifan untuk:
  - Wakaf
  - Wakaf Am
  - Wakaf Khas
  - Manfaat Wakaf
  - Manfaat Wakaf Khas
  - Saham Wakaf Tunai Khas
  - Wakaf Hartanah Khas
  - Istibdal Wakaf
  - Ekuiti Wakaf (Ain)
- c) Perbincangan tentang obligasi kontraktual yang wujud kerana pematuhan keperluan syariah – ain dan manfaat wakaf
- d) Perbincangan tentang hasil dan belanja KWW
- e) Pengiktirafan penerimaan wakaf
- f) Liabiliti wakaf – Saham Wakaf Tunai Khas, Wakaf Hartanah Khas, Manfaat Wakaf Khas dan Istibdal Wakaf
- g) Ekuiti wakaf
- h) Asas pengukuran
- i) Polisi perakaunan
- j) Pendedahan

#### **Jadual 8.4: Seksyen 23 Wakaf**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN PIAWAIAN BARU</b>	
	<b>Huraian</b>	<b>Rasional/Rujukan</b>
Objektif	Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	<p><b>Skop Seksyen</b></p> <p>Seksyen ini terpakai untuk mengakaunkan semua urusniaga berkaitan wakaf.</p>	
Definisi	<p><b>Wakaf</b></p> <p>Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya (ain); manakala manfaat daripada harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (sekiranya telah ditetapkan tujuannya oleh pewakif)</p> <p><b>Wakaf Khas</b></p> <p>Wakaf Khas merupakan wakaf yang diwujudkan untuk maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak.</p> <p><b>Wakaf Am</b></p> <p>Wakaf Am pula merupakan wakaf yang diwujudkan untuk maksud khairat umum mengikut hukum syarak.</p> <p><b>Saham Wakaf Tunai Khas</b></p>	<p>Manual Pengurusan Wakaf Tunai, JAWHAR, 2009.</p> <p>Manual Pengurusan Wakaf Tunai, JAWHAR, 2009.</p> <p>Manual Pengurusan Wakaf Tunai, JAWHAR, 2009.</p>

	<p>Saham Wakaf Tunai Khas ialah untuk menggunakan tunai yang diterima daripada pewakif sebagai Wakaf Khas</p> <p><b>Wakaf Hartanah Khas</b></p> <p>Wakaf Hartanah Khas ialah obligasi untuk menggunakan aset harta tanah yang diterima daripada pewakif sebagai Wakaf Khas</p> <p><b>Manfaat Wakaf</b></p> <p>Manfaat wakaf ialah hasil yang diperolehi dari penggunaan aset wakaf</p> <p><b>Manfaat Wakaf Khas</b></p> <p>Manfaat wakaf khas ialah obligasi untuk mengagihkan hasil daripada penggunaan aset wakaf mengikut niat pewakif</p> <p><b>Istibdal Wakaf</b></p> <p>Obligasi untuk menggantikan sesuatu <i>mawquf</i> dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum Syarak.</p> <p><b>Ekuiti Wakaf</b></p> <p>Ain bagi aset yang diwakafkan yang perlu dikekalkan oleh Institusi WZB</p>	
Pengenalan	<p>Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya (ain); manakala manfaat daripada harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (sekiranya telah ditetapkan tujuannya oleh pewakif).</p>	Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, JAWHAR, 2009.

	<p>Wakaf boleh dilaksanakan dengan harta yang berbentuk kekal seperti tanah atau bangunan, atau dalam bentuk wang tunai.</p>	
Wakaf Khas ('ain)	<p>Wakaf Khas merupakan wakaf yang diwujudkan untuk maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak. Contohnya pewakif mewakafkan tanah untuk dibina masjid, surau, sekolah atau rumah anak yatim. Wakaf Khas boleh diterima dalam bentuk aset hartanah (tanah atau bangunan) atau dalam bentuk tunai.</p> <p>Apabila aset diterima dari pewakif untuk tujuan Wakaf Khas, Institusi WZB (MAIN) selaku pemegang amanah mempunyai obligasi untuk melaksanakan niat pewakif. Oleh yang demikian penerimaan aset untuk tujuan Wakaf Khas akan mewujudkan liabiliti. Ini merupakan contoh obligasi kontraktual yang wujud disebabkan tuntutan syariah.</p> <p>Liabiliti tersebut akan kekal dalam buku akaun Institusi WZB sehingga niat pewakif dilaksanakan. Apabila niat pewakif telah dilaksanakan maka liabiliti akan dinyah iktiraf dan ekuiti dalam bentuk Ekuiti Wakaf akan diiktiraf. Ekuiti Wakaf menggambarkan 'ain wakaf yang perlu dikekalkan oleh Institusi WZB.</p> <p>Wakaf Khas diiktiraf apabila aset diterima daripada pewakif, pada nilai saksama aset yang diterima. Bagi Wakaf Khas yang diterima dalam bentuk tunai, Saham Wakaf Tunai Khas (liabiliti) akan diiktiraf apabila tunai diterima. Bagi Wakaf Khas yang diterima</p>	

	<p>dalam bentuk aset harta tanah (tanah dan bangunan), Wakaf Hartanah Khas (liabiliti) diiktiraf apabila aset diterima.</p> <p>Saham Wakaf Tunai Khas atau Wakaf Hartanah Khas akan dinyahiktiraf dan Ekuiti Wakaf akan diiktiraf apabila aset diletakhakkan ke atas nama Institusi WZB dan niat pewakif telah dilaksanakan.</p>	
Wakaf Am	<p>Wakaf Am merupakan wakaf yang diwujudkan untuk maksud khairat umum mengikut hukum syarak. Contohnya pewakif mewakafkan tanah untuk kebajikan am. Untuk Wakaf Am MAIN, selaku pemegang amanah boleh membangunkan harta tersebut yang mendatangkan manfaat atau hasil sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu.</p> <p>Wakaf Am diiktiraf sebagai Ekuiti Wakaf apabila aset diterima daripada pewakif pada nilai saksama aset yang diterima. Ekuiti Wakaf menggambarkan ‘ain wakaf yang perlu dikekalkan oleh Institusi WZB.</p>	
Manfaat Wakaf	Manfaat wakaf ialah hasil yang diperolehi dari penggunaan aset wakaf contohnya hasil sewaan, hasil pajakan dan keuntungan dari pelaburan. Manfaat wakaf boleh digunakan untuk kemaslahatan ummah seperti:	Manual Pengurusan Wakaf Tunai, JAWHAR 2009.

	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) membiayai pembangunan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah agama, kemudahan umum masyarakat dan penyelenggaraan penyelenggaraan bangunan institusi agama;</li> <li>b) membiayai bantuan sosial untuk masyarakat seperti bantuan anak yatim, bantuan bencana, bantuan pendidikan dan bantuan kesihatan; dan</li> <li>c) membangunkan ekonomi ummah seperti bantuan perniagaan dan bantuan pertanian.</li> </ul>	
Manfaat wakaf yang tidak ditentukan tujuannya	Manfaat Wakaf yang tidak ditentukan tujuannya oleh pewakif akan diiktiraf sebagai hasil apabila ianya diperolehi. Belanja akan diiktiraf apabila manfaat wakaf tersebut diagihkan.	
Manfaat wakaf yang ditentukan tujuannya	Manfaat Wakaf yang ditentukan tujuannya oleh pewakif merupakan liabiliti kerana Institusi WZB mempunyai obligasi untuk melaksanakan niat pewakif. Oleh yang demikian Manfaat Wakaf Khas (liabiliti) akan diiktiraf apabila hasil daripada penggunaan aset wakaf diperolehi. Manfaat Wakaf Khas akan dinyah iktiraf apabila manfaat tersebut telah diagihkan selaras dengan niat pewakif.	
Aset Wakaf	Aset Wakaf perlu diakaunkan sebagai aset amanah selaras dengan peruntukan Seksyen 16 Hartanah Pelaburan dan Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.	Laporan Penyelidikan Fasa Kedua

Istibdal Wakaf	<p>Terdapat dua istilah yang perlu difahami dalam proses <i>istibdal mawquf</i> iaitu istilah <i>ibdal</i> dan <i>istibdal</i>. Istilah <i>ibdal</i> bermaksud mengeluar atau menukar sesuatu <i>mawquf</i> (daripada konsep asalnya yang tidak boleh dijual, dihibah atau diwarisi) dengan menjual harta itu. Istilah <i>istibdal</i> bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai <i>mawquf</i> bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Harta ini dikenali sebagai harta <i>badal</i> atau <i>amwal al-badal</i>.</p> <p><i>Istibdal</i> bermaksud menggantikan sesuatu <i>mawquf</i> dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum Syarak.</p> <p>Perakaunan untuk Istibdal melibatkan beberapa langkah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Langkah pertama - aset yang dikenalpasti untuk diistibdal dinyah iktiraf. Pada masa yang sama Ekuiti Wakaf juga akan dinyah iktiraf.</li> <li>b) Langkah kedua - aset dijual. Penerimaan balasan diiktiraf dan pada masa yang sama liabiliti dalam bentuk Istibdal Wakaf juga turut diiktiraf. Liabiliti Istibdal Wakaf diiktiraf kerana Institusi WZB mempunyai obligasi untuk menggantikan aset yang dijual dengan aset yang sama atau lebih nilainya.</li> </ul>	Manual Pengurusan Istibdal Wakaf JAWHAR, 2010.
----------------	--	--

	<p>c) Langkah ketiga - pembelian aset baru sebagai pengganti. Apabila aset baru dibeli, liabiliti Istibdal Wakaf akan dinyah iktiraf pada masa yang sama balasan yang dibayar direkodkan.</p> <p>d) Langkah terakhir - pengiktirafan aset baru dan Ekuiti Wakaf.</p>	
Pendedahan	<p>Polisi perakaunan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Polisi berhubung aset wakaf – susutnilai, pengukuran awal, pengukuran susulan dan rosotnilai</li> <li>➤ Istibdal wakaf</li> <li>➤ Pengiktirafan hasil wakaf</li> </ul> <p>Fatwa</p> <p>Penyata Prestasi Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hasil – hasil sewa, hasil pajakan dan keuntungan dari pelaburan</li> <li>➤ Belanja – agihan manfaat wakaf (yang tidak ditentukan tujuan), belanja pentadbiran dan belanja susutnilai aset wakaf</li> </ul>	

	<p>Penyata Kedudukan Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Aset wakaf</li> <li>➤ Saham Wakaf Tunai Khas</li> <li>➤ Wakaf hartanah Khas</li> <li>➤ Manfaat Wakaf Khas</li> <li>➤ Istibdal Wakaf</li> <li>➤ Ekuiti Wakaf ('ain)</li> <li>➤ Lebihan terkumpul</li> </ul> <p>Nota Kepada Akaun</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Perincian maklumat tentang aset wakaf</li> <li>➤ Perincian tentang maklumat yang didedahkan di muka penyata kewangan</li> </ul>	
--	---	--

## Ilustrasi Olahan Perakaunan untuk Wakaf

### Wakaf Khas ('ain):

Wakaf Tunai Khas		Wakaf Hartanah Khas	
<b>Penerimaan tunai</b>		<b>Penerimaan aset</b>	
Dt WT	xx	Dt Aset wakaf	xx
Kt Saham Wakaf Tunai Khas	xx	Kt Wakaf Hartanah Khas	xx
<b>Perolehan aset</b>			
Dt Aset wakaf	xx		
Kt WT	xx		
<b>Perletakhakkan dan Perlaksanaan niat pewakif</b>		<b>Perletakhakkan dan Perlaksanaan niat pewakif</b>	
Dt Saham Wakaf Tunai Khas	xx	Dt Wakaf Hartanah Khas	xx
Kt Ekuiti Wakaf	xx	Kt Ekuiti Wakaf	xx

### Wakaf Am ('ain):

Wakaf Tunai Am		Wakaf Hartanah Am	
<b>Penerimaan tunai</b>		<b>Penerimaan aset</b>	
Dt WT	xx	Dt Aset wakaf	xx
Kt Ekuiti Wakaf	xx	Kt Ekuiti Wakaf	xx
<b>Perolehan aset</b>			
Dt Aset wakaf	xx		
Kt WT	xx		

### **Manfaat Wakaf:**

<b>Manfaat Wakaf Am</b>		<b>Manfaat Wakaf Khas</b>	
<b>Penerimaan manfaat wakaf (tujuan tidak ditentukan pewakif)</b>		<b>Penerimaan manfaat wakaf (tujuan ditentukan pewakif)</b>	
Dt WT	xx	Dt Wang Tunai	xx
Kt Hasil Wakaf	xx	Kt Manfaat Wakaf Khas	xx
<b>Pengagihan manfaat wakaf</b>		<b>Pengagihan manfaat wakaf</b>	
Dt Belanja wakaf	xx	Dt Manfaat Wakaf Khas	xx
Kt WT	xx	Kt Wang Tunai	xx

### **Istibdal Wakaf:**

<b>Contoh 1: Istibdal pada nilai yang sama dengan nilai jualan aset</b>		
<b>Aset wakaf dikenalpasti untuk diistibdal</b>		
Dt Ekuiti Wakaf	100,000	
Kt Tanah (lama)		100,000
<b>Aset dijual</b>		
Dt Wang Tunai	250,000	
Kt Istibdal Wakaf		250,000
<b>Aset baru dibeli (andaian pada harga RM250,000)</b>		
Dt Istibdal Wakaf	250,000	
Kt Wang Tunai		250,000
<b>Proses Istibdal selesai</b>		
Dt Tanah (baru)	250,000	
Kt Ekuiti Wakaf		250,000

<b>Contoh 2: Istibdal pada nilai yang lebih tinggi dari nilai jualan aset</b>		
<b>Aset wakaf dikenalpasti untuk diistibdal</b>		
Dt Ekuiti Wakaf	100,000	
Kt Tanah (lama)		100,000
<b>Aset dijual</b>		
Dt Wang Tunai	250,000	
Kt Istibdal Wakaf		250,000
<b>Aset baru dibeli (andaian pada harga RM280,000)</b>		
Dt Istibdal Wakaf	250,000	
Dt Lebihan terkumpul	30,000	
Kt Wang Tunai		280,000
<b>Proses Istibdal selesai</b>		
Dt Tanah (baru)	280,000	
Kt Ekuiti Wakaf		280,000

<b>Contoh 3: Istibdal pada nilai yang lebih rendah dari nilai jualan aset</b>		
<b>Aset wakaf dikenalpasti untuk diistibdal</b>		
Dt Ekuiti Wakaf	100,000	
Kt Tanah (lama)		100,000
<b>Aset dijual</b>		
Dt Wang Tunai	250,000	
Kt Istibdal Wakaf		250,000
<b>Aset baru dibeli (andaian pada harga RM240,000)</b>		
Dt Istibdal Wakaf	250,000	
Kt Wang Tunai		240,000
Kt Lebihan terkumpul		10,000
<b>Proses Istibdal selesai</b>		
Dt Tanah (baru)	240,000	
Kt Ekuiti Wakaf		240,000

### **8.4.3 Cadangan kepada piawaian Zakat**

Cadangan kepada piawaian bagi Zakat diperincikan dalam jadual 8.5. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

#### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Pihak pengurusan MAIN bersepakat bahawa amalan semasa yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan baki zakat yang belum diagihkan sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama tentang zakat. Kutipan zakat sebenarnya merupakan amanah yang perlu diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan syarak.
- b) Amaun yang belum diagihkan adalah amaun yang perlu ditahan untuk menampung komitmen pada awal tahun berikutnya memandangkan kutipan zakat pada awal tahun lazimnya adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menampung komitmen sedia ada.

#### **Intipati cadangan**

- a) Wujudkan seksyen khas untuk zakat iaiti Seksyen 24 Zakat.
- b) Tarifan untuk:
  - Zakat
  - Kutipan zakat
  - Agihan zakat
  - Zakat Belum Agih
  - Ekuiti Zakat
- c) Perbincangan tentang obligasi kontraktual yang wujud kerana pematuhan keperluan syariah
- d) Perbincangan tentang hasil dan belanja KWZ
- e) Pengiktirafan
  - kutipan zakat
  - agihan zakat
- f) Perolehan aset menggunakan dana zakat
- g) Zakat Belum Agih
- h) Ekuiti Zakat

- i) Asas pengukuran bagi kutipan dan agihan zakat
- j) Polisi perakaunan
- k) Fatwa
- l) Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Kedudukan Kewangan serta Nota kepada Akaun

**Jadual 8.5: Seksyen 24 Zakat**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN PIAWAIAN BARU</b>	
	<b>Huraian</b>	<b>Rasional/Rujukan</b>
Objektif	Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	<p><b>Skop Seksyen</b></p> <p>Seksyen ini terpakai untuk mengakaunkan semua urusniaga berkaitan zakat</p>	
Definisi	<p><b>Zakat</b></p> <p>Zakat merupakan pengeluaran harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu.</p> <p><b>Kutipan Zakat</b></p> <p>Kutipan zakat ialah kutipan zakat fitrah dan zakat harta dari pembayar zakat</p> <p><b>Agihan Zakat</b></p> <p>Agihan zakat merujuk kepada agihan zakat yang dikutip kepada lapan asnaf mengikut ketetapan syariah</p> <p><b>Zakat Belum Agih</b></p> <p>Zakat Belum Agih ialah baki kutipan zakat dalam tempoh semasa yang belum diagihkan</p> <p><b>Ekuiti Zakat</b></p>	

	<p>Ekuiti Zakat ialah agihan produktif yang mewujudkan aset bukan semasa seperti tanah, bangunan, kenderaan dan peralatan yang dipegang dan diurus oleh Institusi WZB untuk kebajikan asnaf.</p>	
Pengenalan	<p>Zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib. Institusi WZB diberi amanah untuk mengutip dan mengagihkan zakat selaras dengan ketetapan syariah. Sehubungan itu Institusi WZB menanggung obligasi untuk mengagih zakat yang dikutip kepada lapan asnaf mengikut ketetapan syariah. Ini merupakan contoh obligasi kontraktual yang wujud disebabkan tuntutan syariah.</p>	
Kutipan Zakat	<p>Kutipan zakat merupakan satu amanah yang pengagihannya perlu dilakukan selaras dengan keperluan syariah dan diselesaikan dengan segera. Apabila Instituti WZB membuat kutipan zakat maka wujud obligasi untuk mengagihkan kutipan tersebut selaras dengan keperluan syariah. Oleh yang demikian liabiliti dalam bentuk Zakat Belum Agih akan diiktiraf apabila kutipan dibuat. Zakat Belum Agih akan dinyah iktiraf apabila agihan dibuat.</p>	

Agihan Zakat	<p>Zakat perlu digihkan kepada lapan asnaf mengikut ketetapan syariah.</p> <p>Agihan boleh dilakukan dalam bentuk agihan konsumtif atau dalam bentuk agihan produktif.</p> <p>Agihan konsumtif ialah agihan secara langsung kepada asnaf. Contohnya agihan dalam bentuk saraan bulanan, bantuan khas bayaran sewa rumah atau bantuan pendidikan. Bantuan jenis ini bertujuan untuk membantu asnaf untuk meneruskan kehidupan supaya dapat memenuhi keperluan asas yang dihajatkan.</p> <p>Agihan produktif ialah bantuan berbentuk modal sama ada dalam bentuk tunai atau peralatan atau agihan secara tidak langsung seperti pembangunan premis kediaman, premis perniagaan, rumah perlindungan, bangunan sekolah agama serta asrama pelajar. Bantuan modal ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik iaitu dari golongan penerima zakat kepada golongan pembayar zakat.</p> <p>Agihan zakat (sama ada berbentuk berbentuk konsumtif atau produktif) akan mengurangkan obligasi Institusi WZB. Oleh yang demikian Zakat Belum Agih akan dinyahiktiraf apabila agihan dilakukan.</p>	<p>Firman Allah S.W.T. mafhumnya:</p> <p><i>“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”</i></p> <p>(Surah At-Taubah 9: 60)</p>
--------------	---	---

	<p>Agihan produktif yang berbentuk pembangunan premis kediaman dan perniagaan atau kenderaan untuk kegunaan asnaf akan mewujudkan aset zakat. Aset berkenaan perlu dijaga dan selenggara oleh Institusi WZB untuk kebajikan asnaf. Oleh yang demikian apabila agihan produktif mewujudkan aset bukan semasa seperti bangunan atau kenderaan, aset akan diiktiraf dan pada masa yang sama Ekuiti Zakat akan diiktiraf. Ekuiti Zakat menggambarkan agihan zakat secara produktif yang mewujudkan aset yang akan dijaga oleh Institusi WZB untuk kebajikan asnaf. Oleh kerana aset berkenaan bukan milik sempurna Institusi WZB dan Institusi WZB berperanan sebagai pemegang amanah untuk menjaga aset berkenaan, maka aset berkenaan diklasifikasikan sebagai aset amanah selaras dengan Seksyen 16 Hartanah Pelaburan atau Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.</p>	Laporan Penyelidikan UKM Fasa Kedua
Hasil Kumpulan Wang Zakat	Hasil bagi Kumpulan Wang Zakat ialah hasil yang diperolehi dari penggunaan aset zakat seperti hasil sewaan, hasil pajakan dan keuntungan dari pelaburan. Hasil diiktiraf apabila ianya diperolehi pada nilai saksama aset yang diterima.	
Belanja Kumpulan Wang Zakat	Belanja bagi Kumpulan Wang Zakat merangkumi belanja operasi untuk pengurusan dan penyelenggaraan aset zakat termasuk belanja susutnilai. Belanja diiktiraf apabila ianya dilibatkan.	

Aset zakat	Aset Zakat perlu diakaunkan sebagai aset amanah selaras dengan peruntukan Seksyen 16 Hartanah Pelaburan dan Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.	Laporan Penyelidikan Fasa Kedua
Pendedahan	<p>Polisi perakaunan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Polisi berhubung aset zakat – susutnilai, pengukuran awal, pengukuran susulan dan rosotnilai</li> <li>➤ Istibdal wakaf</li> <li>➤ Pengiktirafan hasil zakat</li> </ul> <p>Fatwa</p> <p>Kutipan dan Agihan Zakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kutipan zakat untuk tempoh semasa</li> <li>➤ Agihan zakat (agihan konsumtif dan agihan produktif) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Agihan dari kutipan dalam tempoh semasa</li> <li>• Agihan dari lebihan terkumpul</li> </ul> </li> </ul> <p>Penyata Prestasi Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hasil – hasil sewa, hasil pajakan dan keuntungan dari pelaburan</li> <li>➤ Belanja – belanja pentadbiran, belanja penyelenggaraan dan pembaikan dan belanja susutnilai aset zakat</li> </ul>	

	<p>Penyata Kedudukan Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Aset zakat</li> <li>➤ Zakat Belum Agih</li> <li>➤ Ekuiti Zakat</li> <li>➤ Lebihan Terkumpul</li> </ul> <p>Nota Kepada Akaun</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Perincian jenis kutipan zakat</li> <li>➤ Perincian kumpulan asnaf</li> <li>➤ Perincian aset zakat</li> <li>➤ Perincian maklumat yang terkandung dalam muka penyata kewangan</li> </ul>	
--	--	--

### Ilustrasi Perakaunan Untuk Zakat

	V1	V2
		Agihan melebihi kutipan dalam tempoh semasa
Kutipan zakat	620,000,000	620,000,000
Agihan zakat		
Konsumtif	534,000,000	595,000,000
Produktif	40,000,000	40,000,000
Jumlah agihan	574,000,000	635,000,000
Lebihan /(kurangan)	46,000,000	(15,000,000)
Hasil sewa	11,600,000	11,600,000
Dividen dan keuntungan	8,200,000	8,200,000
Belanja pembaikan dan penyelenggaraan	7,500,000	7,500,000
Belanja susutnilai	5,000,000	5,000,000
Baki awal Lebihan Terkumpul	68,000,000	68,000,000

### Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

	V1	V2
<b>Kutipan</b>	<b>620,000,000</b>	<b>620,000,000</b>
<b>Agihan</b>		
Konsumtif	534,000,000	595,000,000
Produktif	40,000,000	40,000,000
<b>Jumlah agihan</b>	<b>574,000,000</b>	<b>635,000,000</b>
Zakat Belum Agih	46,000,000	
Kurangan		(15,000,000)
Lebihan Terkumpul		15,000,000
		0

### **Penyata Prestasi Kewangan**

	<b>V1 dan V2</b>
<b>Hasil</b>	
Hasil sewa	11,600,000
Hasil Dividen dan keuntungan	8,200,000
	<b>19,800,000</b>
<b>Belanja</b>	
Belanja pembaikan dan penyelenggaraan	7,500,000
Belanja susutnilai	5,000,000
	<b>(12,500,000)</b>
<b>Lebihan</b>	<b>7,300,000</b>

### **Penyata Kedudukan Kewangan**

	Nota	<b>V1</b>	<b>V2</b>
<b>ASET</b>			
Aset bangunan		40,000,000	40,000,000
Susutnilai Terkumpul		(5,000,000)	(5,000,000)
		35,000,000	35,000,000
Tunai	1	126,300,000	65,300,000
		<b>161,300,000</b>	<b>100,300,000</b>
<b>LIABILITI</b>			
Zakat Belum Agih		46,000,000	-
<b>EKUITI</b>			
Ekuiti Zakat		40,000,000	40,000,000
Lebihan Terkumpul	2	75,300,000	60,300,000
		<b>161,300,000</b>	<b>100,300,000</b>

**Nota Kepada Akaun**

	<b>V1</b>	<b>V2</b>
<b>Nota 1</b>		
Tunai		
Baki awal	68,000,000	68,000,000
Kutipan	620,000,000	620,000,000
Hasil	19,800,000	19,800,000
Agihan	(574,000,000)	(635,000,000)
Belanja	(7,500,000)	(7,500,000)
	<b>126,300,000</b>	<b>65,300,000</b>
<b>Nota 2</b>		
KWZ- lebihan terkumpul		
Baki awal	68,000,000	68,000,000
Lebihan tempoh semasa	7,300,000	7,300,000
Agihan	0	(15,000,000)
	<b>75,300,000</b>	<b>60,300,000</b>

#### **8.4.4 Cadangan kepada piawaian Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

Cadangan kepada piawaian bagi Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka diperincikan dalam jadual 8.6. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Peruntukan diiktiraf berdasarkan anggaran terbaik.
- b) Ada item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak didedahkan kerana kurang penyelarasan antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun

##### **Intipati cadangan:**

- a) Perbincangan tentang manfaat sosial yang selari dengan aktiviti Institusi WZB.
- b) Perbincangan tentang luqatah sebagai liabiliti kontingen.
- c) Guna contoh yang bersesuaian dengan Institusi WZB.
- d) Tambah keperluan pendedahan tentang luqatah sebagai liabiliti luar jangka.

**Jadual 8.6: Seksyen 25 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

Kandungan	CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 19 PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA			Rasional/Rujukan
	Perenggan MPSAS 19	Kesesuaian MPSAS 19	Huraian	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	1 - 6	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk semua peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka.	
Manfaat sosial	7 - 11	Ubahsuai	Gunakan contoh aktiviti Institusi WZB untuk membincangkan manfaat sosial.	
Definisi	18	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
		Tambah	Tambah perbincangan tentang obligasi kontraktual yang timbul akibat dari keperluan untuk memenuhi tuntutan syariah seperti obligasi untuk mengagihkan zakat yang diterima dan obligasi untuk melaksanakan niat pewakif seperti yang diperincikan dalam Hujah Wakaf bagi harta wakaf yang diterima sebagai Wakaf Khas.	

Peruntukan dan liabiliti lain	19	Kekal		
Perhubungan di antara peruntukan dengan liabiliti luar jangka	20 - 21	Kekal		
Pengiktirafan	22 - 43	Ubahsuai		
Peruntukan	22 - 34	Ubahsuai		
Liabiliti luar jangka	35 - 38	Tambah	Tambah perbincangan tentang <i>Luqatah</i> (harta yang dijumpai) yang menjadi liabiliti luar jangka kerana Institusi WZB akan memulangkan amaun yang berkenaan sekiranya tuan punya atau waris yang sah membuat tuntutan.	
Aset luar jangka	39 - 43	Kekal		
Pengukuran	44 - 62	Kekal	Penggunaan kaedah anggaran terbaik dibenarkan. Penerapan prinsip nilai masa wang ( <i>time value of money</i> ) dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertangguh.	Diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007, Resolusi Syariah Dalam Kewangan

				Islam (Edisi Kedua), Bank Negara Malaysia 2010.
Pembayaran ganti	63 - 68	Kekal		
Perubahan dalam peruntukan	69 - 70	Kekal		
Pengunaan peruntukan	71 - 72	Kekal		
Aplikasi peraturan pengiktirafan dan pengukuran	73 - 96	Kekal		
Pendedahan	97 - 109	Tambah	Pendedahan tentang lukatah sebagai liabiliti luar jangka	

#### **8.4.5 Cadangan kepada piawaian Manfaat Pekerja**

Cadangan kepada piawaian bagi Manfaat Pekerja diperincikan dalam jadual 8.7. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Manfaat pekerja merangkumi manfaat dalam perkhidmatan dan manfaat persaraan.
- b) Hanya belanja dan belanja terakru berkaitan manfaat dalam perkhidmatan diiktiraf.
- c) Tiada peruntukan dibuat untuk manfaat persaraan dan belanja berkaitan manfaat persaraan hanya diiktiraf dalam tempoh bayaran tunai dibuat.
- d) Belanja dan belanja terakru yang diiktiraf diukur berdasarkan amaun tidak didiskaun.

##### **Intipati cadangan – tiada perubahan signifikan**

**Jadual 8.7: Seksyen 26 Manfaat Pekerja**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 25 MANFAAT PEKERJA</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 25</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 25</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2 - 9		<p>Seksyen ini terpakai kepada semua jenis manfaat pekerja kecuali urusniaga yang melibatkan bayaran berdasarkan syer. Manfaat pekerja yang diliputi oleh seksyen ini merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) manfaat pekerja jangka pendek yang perlu dijelaskan dalam tempoh dua belas bulan dari penghujung tempoh di mana pekerja memberikan perkhidmatan berkaitan.</li> <li>b) manfaat selepas pekerjaan yang perlu dijelaskan selepas pekerjaan dilaksanakan.</li> <li>c) manfaat pekerja lain yang tidak perlu dijelaskan dalam tempoh dua belas bulan dari penghujung tempoh di mana pekerja memberikan perkhidmatan berkaitan.</li> </ul>	

			<p>d) manfaat perberhentian, yang perlu dijelaskan apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) entiti mengambil keputusan untuk menamatkan pekerjaan pekerja sebelum persaraan; atau</li> <li>(ii) pekerja memilih untuk menerima pemberhentian secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat diterima</li> </ul>	
Definisi	10	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Manfaat pekerja jangka pendek	11 - 26	Kekal		
Manfaat selepas pekerjaan perbezaan di antara Pelan Sumbangan Ditentukan dengan Pelan manfaat Ditentukan		Kekal		
Pelan Sumbangan Ditentukan	54 - 58	Kekal		

Pelan Manfaat Ditentukan	59 - 146	Kekal		
Manfaat pekerja jangka panjang lain	147 - 153	Kekal		
Manfaat pemberhentian	154 - 165	Kekal		

#### **8.4.6 Cadangan kepada piawaian Kos Pembiayaan**

Cadangan kepada piawaian bagi Kos Pembiayaan diperincikan dalam jadual 8.8. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa**

Kos pinjaman diktiraf sebagai belanja, tidak ada kos pinjaman yang dipermodalkan

##### **Intipati cadangan:**

- a) Gunakan istilah kos pembiayaan bagi menggantikan kos pinjaman
- b) Mengikut syarak - pinjaman untuk tujuan bantuan
- c) Takrif kos pembiayaan
- d) Penggunaan konsep nilai masa wang (*time value of money*) dibenarkan bagi pembiayaan tetapi tidak dibenarkan bagi pinjaman (Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, SOPi, dan pakar syariah)
- e) Kekalkan pengolahan perakaunan tanda aras dan pengolahan perakaunan yang dibenarkan
  - pengolahan tanda aras - iktiraf kos pembiayaan sebagai belanja
  - pengolahan yang dibenarkan - permodalkan kos pembiayaan yang berkait langsung dengan perolehan, pembinaan atau pengeluaran aset layak
- f) Aset layak – gunakan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB seperti sekolah agama, asrama pelajar, pusat perlindungan wanita dan hotel

**Jadual 8.8: Seksyen 27 Kos Pembiayaan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 5 KOS PINJAMAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 5</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 5</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	1 - 4	Ubahsuai	<p>Seksyen ini terpakai untuk mengakaunkan kos pembiayaan. Kos pembiayaan ialah caj pembiayaan dan lain-lain belanja yang dilibatkan untuk mendapatkan pembiayaan.</p> <p>Kos pembiayaan merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Caj pembiayaan atas overdraf dan pembiayaan jangka pendek dan jangka panjang;</li> <li>b) Perlunasan diskauan atau premium berkait dengan pembiayaan;</li> <li>c) Perlunasan kos sampingan yang dilibatkan untuk mengatur pembiayaan;</li> <li>d) Caj kewangan berkait dengan pajakan kewangan dan konsesi perkhidmatan; dan</li> </ul>	

			e) Perbezaan tukaran matawang asing dari pembiayaan dalam matawang asing, selagi ia merupakan pelarasan ke atas kos pembiayaan.	
Definisi	5	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Kos pinjaman	6	Ubahsuai	Dimasukkan dalam skop (di atas)	
Entiti Ekonomi	7 - 9	Kekal		
Manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan	10	Kekal		
Perusahaan Perniagaan Kerajaan	11	Keluarkan	Tidak relevan	
Aset bersih / Ekuiti	12	Kekal		
Aset layak	13	Ubahsuai	Gunakan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB seperti sekolah agama, asrama pelajar, pusat perlindungan wanita dan hotel.	
Kos Pinjaman – kaedah tandaaras	14 - 16	Ubahsuai	Gantikan kos pinjaman dengan <b>kos pembiayaan</b>	

Kos Pinjaman – kaedah alternatif dibenarkan	17 - 39	Ubahsuai	Gantikan kos pinjaman dengan <b>kos pembiayaan</b>	
Pendedahan	40	Ubahsuai	Gantikan kos pinjaman dengan <b>kos pembiayaan</b>	

#### **8.4.7 Cadangan kepada piawaian Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

Cadangan kepada piawaian bagi Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing diperincikan dalam Jadual 8.9. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Tiada keperluan untuk mengambilkira kesan perubahan matawang asing di semua institusi WZB dalam Zon 1.
- b) Mungkin Institusi WZB dari Zon 2 dan Zon 3 mempunyai unit berautonomi yang beroperasi di luar negara yang memerlukan terjemahan matawang asing ke Ringgit Malaysia untuk tujuan pelaporan kewangan.

##### **Intipati cadangan:**

- a) Tiada perubahan signifikan
- b) Guna contoh yang bersesuaian dengan Institusi WZB bagi menentukan sama ada aktiviti operasi asing dilaksanakan sebagai perluasan kepada entiti pelapor atau operasi asing mempunyai tahap autonomi yang signifikan. (Nota: boleh rujuk MAIWP sebagai contoh).

**Jadual 8.9: Seksyen 28 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

Kandungan	CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 4 KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN ASING			Rasional/Rujukan
	Perenggan MPSAS 4	Kesesuaian MPSAS 4	Huraian	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	3 - 9		Seksyen ini menetapkan bagaimana urusniaga dalam matawang asing dan operasi asing dimasukkan dalam penyata kewangan entiti dan bagaimana untuk menterjemah penyata kewangan kepada matawang pembentangan.	
Definisi	10 - 19	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
		Tambah	Perbincangan tentang matawang fungsian guna contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB. Contoh operasi luar negara berautonomi yang menguruskan asrama pelajar di luar negara seperti di Mesir.	

Ringkasan bagi Pendekatan yang Diperlukan oleh Piawaian	20 - 22	Kekal		
Pelaporan Urus Niaga Mata Wang Asing dalam Mata Wang Fungsian	23 - 42	Kekal		
Penggunaan Mata Wang Pembentangan selain daripada Mata Wang Fungsian	43 - 58	Kekal		
Kesan Cukai akibat Perbezaan Pertukaran	59	Kekal		
Pendedahan	60 - 66	Kekal		

#### **8.4.8 Cadangan kepada piawaian Hasil**

Cadangan kepada piawaian bagi hasil diperincikan dalam jadual 8.10 dan 8.11. Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

- a) Hasil daripada urus niaga pertukaran terdiri dari hasil sewaan/pajakan, hasil pelaburan (hibah dan dividen), penandaan arah kiblat dan tauliah penyembelihan.
- b) Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran terdiri dari geran dari kerajaan negeri dan hasil agama yang termasuk hasil faraid, luqatah (harta dijumpai), wang tak patuh syariah, denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama dan kutipan wakaf
- c) Kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil dan agihan zakat diiktiraf belanja. Pihak pengurusan MAIN bersepakat bahawa amalan semasa yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan baki zakat yang belum diagihkan sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti tidak memberi gambaran yang benar dan saksama tentang zakat. Kutipan zakat sebenarnya merupakan amanah yang perlu diagihkan kepada asnaf mengikut ketetapan syarak.
- c) Amalan bagi pengiktirafan hasil kutipan wakaf hartanah khas dan am, luqatah, faraid bahagian baitulmal adalah tidak konsisten antara Institusi WZB.

##### **Intipati cadangan:**

- a) Wujudkan dua seksyen untuk hasil iaitu Seksyen 29 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran dan Seksyen 30 Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran.
- b) Perbincangan tentang kutipan dan agihan zakat tidak dimasukkan dalam piawaian bagi hasil. Kutipan zakat - wujud obligasi untuk membuat agihan kepada asnaf, agihan zakat menyebabkan pengurangan obligasi, baki zakat belum agih adalah liabiliti. Dicadangkan wujudkan seksyen baru khusus untuk zakat (cadangan piawaian baru).

- c) Perbincangan tentang wakaf tidak dimasukkan dalam piawaian hasil. Dicadangkan wujudkan seksyen baru khusus untuk wakaf (cadangan piawaian baru).
- d) Hasil daripada Urus niaga Pertukaran
  - Tiada perubahan signifikan
  - Tambah - contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB, perbincangan tentang hasil bagi kumpulan wang zakat (hasil sewaan dan hasil dividen dan keuntungan) dan kumpulan wang wakaf (hasil sewaan).
- e) Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran
  - Tambah - Hasil agama kecuali zakat
  - Keluarkan - Perbincangan tentang hasil cukai kerana tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB

**Jadual 8.10: Seksyen 29 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 9</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 9</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif				
Skop	1 - 10		<p>Seksyen ini diaplikasi untuk mengakaunkan hasil daripada urusniaga pertukaran yang merangkumi hasil daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pemberian perkhidmatan</li> <li>b) Penjualan barang; dan</li> <li>c) Penggunaan aset entiti yang menghasilkan keuntungan, royalti dan dividen atau agihan yang seumpamanya.</li> </ul> <p>Perbincangan mengenai pemberian perkhidmatan gunakan contoh yang selari dengan aktiviti Institusi WZB. Contoh hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal seperti perkhidmatan cetakan kad nikah, wasiat dan hibah, penandaan arah kiblat dan tauliah penyembelihan.</p> <p>Tukar hasil faedah kepada keuntungan.</p>	

Definisi	11 - 13	<b>Ubahsuai</b>	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Pengukuran hasil	14 - 17	Kekal		
Pengenalpastian urusniaga	18	Kekal		
Pemberian perkhidmatan	19 - 27	Kekal		
Jualan barang	28 - 32	Kekal		
Faedah, Royalti dan dividen	33 - 38	<b>Ubahsuai</b>	Tukar faedah kepada keuntungan	
Pendedahan	39 - 40	Kekal		

**Jadual 8.11: Seksyen 30 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Kandungan	CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 23 HASIL DARIPADA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN			Rasional/Rujukan
	Perenggan MPSAS 23	Kesesuaian MPSAS 23	Huraian	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2 - 6	Ubahsuai	Seksyen ini diaplikasi untuk mengakaunkan hasil daripada urusniaga bukan pertukaran.	
Definisi	7 - 28	Ubahsuai	<p>Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma</p> <p><b>Hasil Luqatah</b> – Luqatah ialah harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya.</p> <p><b>Hasil Harta Pesaka Hak Baitulmal</b> – ialah segala harta pusaka atau harta si mati beragama Islam yang, mengikut UndangUndang Islam terakru kepada Baitulmal;</p>	<p>Manual Pengurusan Harta Luqatah, JAWHAR, 2009</p> <p>Manual Pengurusan Tebus Pusaka, JAWHAR, 2009.</p>

			<p><b>Hasil Penebusan Harta Pesaka</b> – ialah hasil yang diterima dari pembelian harta pusaka milik Baitulmal oleh waris</p> <p><b>Hasil Harta Syubhah atau Wang Tak Patuh Syariah</b> - Harta tidak patuh syariah ialah sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil daripada perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini boleh berlaku sama ada hasil daripada aktiviti yang bertentangan dengan syarak itu sendiri seperti riba dan judi atau kerana bercampur aduk antara aktiviti yang dibenarkan oleh syarak dengan yang tidak dibenarkan.</p>	Manual Pengurusan Harta Syubhah, JAWHAR, 2010
Urusniaga bukan pertukaran		Tambah	Perbincangan tentang hasil agama seperti hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal seperti Hasil Pusaka Bahagian Baitulmal, Hasil Penebusan Harta Pusaka, Hasil <i>Luqatah</i> , hasil derma dan Hasil harta Syubhah/Wang Tak Patuh Syariah.	
Analisis aliran masuk awal sumber daripada	29	Kekal		

urusniaga bukan pertukaran				
Pengiktirafan aset	30 - 43	Kekal		
Pengiktirafan hasil daripada urusniaga bukan pertukaran	44 - 47	Kekal		
Pengukuran hasil daripada urusniaga bukan pertukaran	48 - 49	Kekal		
Obligasi kini diiktiraf sebagai liabiliti	50 - 58	Kekal		
Cukai	59 - 75	Keluarkan	Tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB	
Pindahan	76 – 105B	Kekal		
Pendedahan	106 - 115	Ubahsuai	Pendedahan hasil agama	

#### **8.4.9 Cadangan kepada piawaian Kontrak Pembinaan**

Secara umumnya pemerhatian dari amalan semasa yang dipertimbangkan dalam membangunkan cadangan serta intipati cadangan adalah seperti berikut:

##### **Pemerhatian amalan semasa:**

Institusi WZB tidak bertindak sebagai kontraktor kerana ia bukan sebahagian dari tugas utama Institusi WZB. Aktiviti sebegini sekiranya dilaksanakan di masa hadapan dijangkakan akan dilaksanakan di peringkat anak syarikat.

##### **Cadangan:**

Piawaian ini dikhususkan untuk penyediaan dan pembentangan penyata oleh kontraktor bagi mengakaunkan kontrak pembinaan. Oleh yang demikian dicadangkan agar kontrak pembinaan tidak dimasukkan dalam set piawaian perakaunan untuk Institusi WZB kerana kontraktor bukan merupakan peranan utama Institusi WZB. Sekiranya ada keperluan, boleh rujuk kepada MPSAS 11 selaras dengan peruntukan piawaian Polisi Perakaunan, Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.

### **8.5 Kesimpulan**

Kajian dalam Fasa Ketiga memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti. Cadangan yang dikemukakan merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama dan Kedua.

Secara umumnya kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan sedia ada untuk hasil (pertukaran dan bukan pertukaran); instrumen kewangan; peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka; manfaat pekerja; kesan pertukaran matawang asing dan kos pinjaman sesuai digunakan untuk mengakaun dan melapor urus niaga khusus yang melibatkan WZB. Bagi piawaian sedia ada, penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah untuk memasukkan perbincangan dan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti serta urus niaga yang dilibatkan oleh Institusi WZB bagi memastikan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan adalah selaras dengan keperluan syariah.

Daripada sepuluh piawaian MPSAS yang dikaji, dicadangkan agar piawaian berhubung kontrak pembinaan tidak dimasukkan sebagai sebahagian dari set piawaian perakaunan untuk Institusi WZB kerana kontraktor kontrak pembinaan bukan merupakan peranan utama Institusi WZB. Selain dari itu untuk piawaian hasil bukan pertukaran perbincangan perlu ditambah bagi menyentuh hasil agama manakala untuk peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka, perbincangan perlu ditambah bagi menyentuh tentang obligasi kontraktual yang wujud akibat dari tuntutan syariah yang tidak pernah disentuh oleh mana-mana piawaian sebelum ini. Dua piawaian baru (seksyen baru) dicadangkan bagi menangani isu perakaunan dan pelaporan bagi urusniaga wakaf dan zakat. Ini kerana isu yang terlibat adalah unik dan tidak ditangani oleh mana-mana piawaian yang sedia ada.

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, pindaan yang signifikan melibatkan piawaian untuk instrumen kewangan, peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka dan kos pinjaman. Rujukan yang disertakan sebagai asas adalah lebih bersifat umum kerana tiada rujukan yang khusus terutama bagi cadangan yang bersifat teknikal. Cadangan yang bersifat teknikal adalah berdasarkan kepada '*technical know-how*' kumpulan penyelidik dengan berpandukan kepada pandangan kumpulan pakar yang ditemui bual termasuk dapatan dari Fasa Pertama dan Kedua.

# **BAB SEMBILAN**

## **RUMUSAN, LIMITASI DAN HALA TUJU**

### **KAJIAN**

#### **9.1 Pengenalan**

Bab-bab sebelum ini telah melaporkan tentang dapatan kajian yang dimulai dengan amalan perakaunan berkaitan hasil, belanja dan liabiliti Institusi WZB. Seterusnya adalah laporan tentang kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan menurut keperluan syariah dari aspek pengoperasian perakaunan hasil, belanja dan liabiliti iaitu elemen penyata kewangan yang menjadi fokus dalam kajian Fasa Ketiga ini. Turut dilaporkan dalam bab sebelum ini adalah berkaitan batasan perundangan yang relevan dengan kajian, meliputi perundangan sivil dan syariah termasuk enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan. Dapatan utama kajian telah dikemukakan dalam bab seterusnya iaitu cadangan kepada piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB khususnya piawaian berkaitan hasil (daripada urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran), kos pinjaman, kontrak pembinaan, peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka, kesan perubahan kadar pertukaran asing, manfaat pekerjaan dan instrumen kewangan. Sebagai penutup laporan, Bab Kesembilan ini akan memberikan rumusan dan menjelaskan limitasi serta halatuju kajian bagi meneruskan usaha pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB di Malaysia.

#### **9.2 Rumusan**

Secara keseluruhan, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada kajian pada Fasa Ketiga ini. Rumusan tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama**, amalan perakaunan semasa berkaitan hasil oleh Institusi WZB dalam Zon 1 adalah seragam yang mana hasil tidak dibezakan mengikut kategori hasil daripada urus niaga pertukaran dan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran walaupun jika dilihat dari segi jenis-jenis hasil yang dilibatkan, ia boleh dikelaskan kepada dua

kategori utama tersebut. Contohnya hasil daripada urus niaga pertukaran seperti hasil sewa, hasil dividen dan keuntungan dari pelaburan manakala hasil daripada urus niaga bukan pertukaran seperti geran dari kerajaan negeri dan hasil agama seperti hasil pesaka bahagian baitulmal, hasil luqatah dan hasil denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama.

Amalan perakaunan semasa berkaitan zakat juga didapati konsisten di kalangan Institusi WZB dalam Zon 1. Kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil, agihan zakat diiktiraf sebagai belanja dan baki zakat yang belum diagihkan diiktiraf sebagai lebihan terkumpul dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, dari segi amalan bagi perakaunan bagi penerimaan wakaf (hartanah khas dan am) adalah didapati tidak konsisten antara institusi berkenaan. Terdapat institusi yang mengiktiraf penerimaan wakaf sebagai hasil dan terdapat juga institusi yang mengiktirafnya sebagai liabiliti. Terdapat juga MAIN dalam zon kajian yang menggunakan konsep perakaunan dana untuk mengakaunkan KWW dan dengan itu penyata pendapatan tidak disediakan untuk KWW.

Dari segi pendedahan boleh dirumuskan pendedahan bagi hasil secara umumnya ialah pada tahap sederhana atau komprehensif iaitu pendedahan yang disertakan dengan perincian dalam nota kepada akaun.

Rumusan yang boleh dibuat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi instrumen kewangan bagi Institusi WZB dalam Zon 1 adalah instrumen kewangan asas sahaja. Tiada pelaburan dalam instrumen derivatif dan tiada aktiviti lindungnilai. Tahap pendedahan tentang instrumen kewangan ialah pada tahap sederhana atau komprehensif manakala pendedahan tentang rosotnilai instrumen kewangan adalah terhad.

Dari segi amalan perakaunan dan pelaporan tentang manfaat pekerja, rumusan yang boleh dibuat bagi Institusi WZB dalam zon kajian adalah manfaat pekerja merangkumi manfaat dalam perkhidmatan dan manfaat persaraan. Pengiktirafan hanya dibuat ke atas belanja dan belanja terakru berkaitan manfaat dalam perkhidmatan pekerja. Tiada peruntukan untuk manfaat persaraan diakaunkan dan belanja berkaitan manfaat persaraan hanya diiktiraf dalam tempoh bayaran tunai dibuat. Belanja dan belanja

terakru yang diiktiraf diukur berdasarkan amaun tidak didiskaun. Dari segi pendedahan secara umumnya tahap pendedahan berkaitan manfaat pekerja adalah sederhana atau terhad.

Kajian juga mendapati amalan perakaunan yang konsisten antara Institusi WZB berkaitan perakaunan dan pelaporan bagi peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka. Terdapat item yang memenuhi ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak diambilkira dan tidak didedahkan dalam nota kepada akaun. Antara sebabnya adalah kerana kurang penyelarasan antara bahagian undang-undang dengan bahagian akaun.

**Kedua**, seperti yang telah ditekankan dalam kajian pada Fasa Pertama sebelum ini, terdapat keperluan kepada pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi membantu pembangunan piawaian perakaunan Islam. Pada Fasa 1 yang lepas, kajian telah membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB dengan mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip tauhid kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini ditunjangi kepada amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (*Hablum min Allah*) dan kepada manusia (*Hablum Min Annas*) yang berlandaskan kepada maqasid syariah. Pada Fasa Kedua, kajian telah mengemukakan cadangan untuk membantu mengukuh dan melengkapkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan dari perspektif Islam. Secara khusus, cadangan yang dikemukakan adalah pada peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset. Selain itu, cadangan kepada Kerangka Kerja Konseptual juga turut melibatkan tafsiran dan kategori aset yang dipertanggungjawabkan ke atas Institusi WZB sebagai pemilik atau sebagai pemegang amanah aset berkenaan. Pada Fasa Ketiga ini, input untuk pengukuhan yang dicadangkan adalah tertumpu kepada tahap ketiga kerangka kerja konseptual berkenaan iaitu tahap yang melibatkan pengoperasian perakaunan. Secara khusus, input yang dikemukakan adalah berfokus kepada hasil, belanja, liabiliti serta ekuiti sebagai elemen penyata kewangan. Tahap pengoperasian perakaunan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti ini melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan Syariah.

**Ketiga**, sebelum cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB dikemukakan, kajian Fasa Ketiga ini telah membuat semakan perundangan sivil dan syariah berkaitan yang melibatkan perundangan persekutuan dan negeri. Secara khusus, perundangan Persekutuan yang disemak adalah Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan dan Akta Badan Berkanun. Manakala perundangan Negeri yang disemak adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang terlibat dalam Zon 1 serta enakmen-enakmen negeri yang khusus berkaitan WZB dan juga Enakmen Badan-Badan Berkanun serta Enakmen Perbadanan Baitulmal dan Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah. Batasan perundangan yang dibincangkan adalah berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi WZB secara umum dan perakaunan bagi hasil, belanja dan liabiliti secara khusus. Adalah dicadangkan batasan perundangan berkaitan perkara ini perlu diberi perhatian yang antaranya memerlukan kepada enakmen khusus tentang zakat dan wakaf (bagi negeri-negeri yang belum mempunyai enakmen wakaf). Selain itu, kajian juga mendapati keperluan kepada semakan semula enakmen wakaf sedia ada. Percanggahan diantara perundangan/enakmen perlu diatasi yang memungkinkan kepada pindaan peruntukan perundangan yang terlibat. Batasan perundangan ini perlu diberi perhatian serius agar pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang sedang digubal dapat dilaksanakan dengan lancar.

**Keempat**, cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dalam Fasa Ketiga ini adalah cadangan bagi memperakaunkan hasil daripada urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran, kos pinjaman, kontrak pembinaan, peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka, kesan perubahan kadar pertukaran asing, manfaat pekerjaan dan instrumen kewangan.

Dari aspek bentuk piawaian, keperluan khusus serta keunikan peranan dan aktiviti Institusi WZB diambilkira. Cadangan utama dari segi bentuk piawaian adalah seksyen khusus perakaunan bagi zakat dan wakaf sebagai dua seksyen berasingan.

Dari aspek kandungan pula, 10 MPSAS berkaitan dijadikan asas utama untuk mencadangkan sama ada peruntukan MPSAS berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan, penambahan atau pengguguran dengan mengambilkira prinsip dan keperluan syariah. Selain MPSAS sebagai asas utama,

peruntukan lain seperti MPERS, MFRS, SOPi (MASB) serta terbitan Bank Negara Malaysia berhubung isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan turut serta dijadikan panduan dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan berkaitan.

Cadangan dua seksyen berasingan untuk zakat dan wakaf dikemukakan memandangkan isu berkaitan zakat dan wakaf adalah unik dan tidak ditangani oleh mana-mana piawaian sedia ada. Contoh isu perakaunan berkaitan zakat yang perlu diberi perhatian adalah seperti perolehan aset menggunakan dana zakat, zakat belum agih yang merupakan liabiliti kepada Institusi WZB serta hasil dan belanja berkaitan dana zakat. Manakala isu perakaunan berkaitan wakaf yang perlu penelitian adalah berkaitan wakaf khas yang mana niat pewakif belum disempurnakan, wakaf tunai, manfaat wakaf yang ditentukan/tidak ditentukan tujuannya serta isu perakaunan berkaitan istibdal wakaf.

Dari segi perakaunan bagi hasil Institusi WZB, dengan mengambilkira jenis-jenis hasil yang dilibatkan, adalah dicadangkan keperluan mewujudkan seksyen berasingan khusus untuk piawaian bagi hasil daripada urusniaga pertukaran dan piawaian bagi hasil daripada urusniaga bukan pertukaran. Juga dicadangkan bahawa kutipan zakat dan wakaf tidak dimasukkan dalam piawaian perakaunan bagi hasil. Ini adalah kerana wujud obligasi untuk mengagihkan keseluruhan kutipan zakat dan bagi wakaf khas khususnya, wujud obligasi untuk menyempurnakan niat pewakif. Justeru adalah tidak tepat sekiranya kutipan zakat dan wakaf tersebut diakaunkan sebagai hasil.

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 8, terdapat item yang dilibatkan oleh Institusi WZB yang didapati memenuhi ciri-ciri liabiliti luar jangka tetapi tidak diakaunkan seperti harta luqatah. Dengan itu adalah dicadangkan keperluan pendedahan bagi liabiliti luar jangka.

Dari segi perakaunan untuk manfaat pekerja, adalah dicadangkan keperluan bagi Institusi WZB membuat peruntukan bagi manfaat persaraan seperti manfaat gantian cuti rehat memandangkan amaun yang dilibatkan adalah besar. Cadangan kepada piawaian perakaunan berkaitan manfaat persaraan juga perlu mengambilkira amaun manfaat persaraan yang didiskaunkan iaitu dengan mengambilkira nilai masa wang.

Bagi isu perakaunan berkaitan kos pinjaman, adalah dicadangkan istilah kos pinjaman digantikan dengan istilah kos pembiayaan berdasarkan keperluan syariah. Walaupun dari segi amalan perakaunan semasa Institusi WZB mengiktiraf kos pinjaman (kos pembiayaan seperti dicadangkan) sebagai belanja, cadangan piawaian perakaunan yang dikemukakan adalah juga membolehkan Institusi WZB mempermudahkan kos pembiayaan berkenaan. Cadangan kepada piawaian berkenaan adalah dengan memberi pilihan sama ada kaedah tanda aras yang mengiktiraf kos pembiayaan sebagai belanja atau kaedah alternatif yang dibenarkan iaitu mempermudahkan kos pembiayaan mengikut seperti mana keperluan MPSAS.

Selain itu, dengan mengambilkira peranan dan keupayaan Institusi WZB pada masa ini, adalah dicadangkan set piawaian perakaunan bagi Institusi WZB tidak memasukkan piawaian berkaitan perakaunan bagi kontrak pembinaan.

Secara umum, pindaan yang dibuat kepada kandungan 10 MPSAS berkenaan adalah melibatkan penambahan terutama bagi item-item patuh syariah yang tidak diliputi dalam MPSAS berkaitan dan pengguguran sekiranya keperluan MPSAS berkenaan bertentangan dengan tuntutan syariah. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan syariah dan/atau selari dengan aktiviti Institusi WZB.

### **9.3 Limitasi Kajian**

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambilkira dalam meneliti dapatan kajian ini. Limitasi kajian tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama**, cadangan kepada piawaian perakaunan Islam yang dikemukakan dalam kajian ini adalah khusus untuk Institusi WZB yang mentadbir WZB termasuk MAIN dan agensi berkaitan di bawahnya seperti Lembaga Zakat, Perbadanan Wakaf dan Perbadanan Baitulmal. Entiti lain yang diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai pentadbir (mutawalli), agen atau wakil wakaf yang kebanyakannya terdiri dari universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak diambilkira amalan perakaunannya.

**Kedua**, dalam usaha memahami amalan perakaunan hasil, belanja dan liabiliti yang menjadi fokus kajian Fasa Ketiga ini, laporan kewangan terkini Institusi WZB yang dianalisis adalah laporan kewangan tahun 2016 yang menggunakan piawaian perakaunan MPERS. Walaupun semasa temubual atau perbincangan kumpulan fokus dijalankan bersama akauntan dan pihak pengurusan Institusi WZB turut menyentuh amalan perakaunan tahun 2017, perkara yang disentuh atau yang diterangkan berkemungkinan tidak menyeluruh seperti mana yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

**Ketiga**, dapatan yang dilaporkan dari segi batasan perundangan hanya mengambilkira Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan enakmen khusus berkaitan WZB (bagi negeri yang mempunyai enakmen tersebut). Enakmen dan peraturan-peraturan syariah lain bagi negeri-negeri yang terlibat yang berkemungkinan turut menyentuh perkara-perkara berkaitan WZB tidak diambilkira. Selain itu, semakan perundangan hanya melibatkan enakmen kerajaan negeri untuk lima negeri sahaja iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah. Peruntukan perundangan kerajaan negeri-negeri lain di Malaysia mungkin berbeza dan perlu diambilkira dalam pembangunan keseluruhan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

**Keempat**, pandangan pakar dari segi keperluan syariah berkaitan perakaunan aset adalah terhad kepada pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini sahaja dan terhad mengikut pandangan mazhab Shafi'e. Amalan tiga mazhab lain dalam sesetengah perkara khususnya yang melibatkan perkara-perkara fiqh muamalat sekiranya diambilkira berkemungkinan memberi dapatan dan kesimpulan yang berbeza.

#### **9.4 Hala Tuju Kajian**

Kajian dalam Fasa Ketiga ini hanya memfokuskan kepada elemen hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti sahaja khususnya berkaitan hasil (daripada urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran), kos pinjaman, kontrak pembinaan, peruntukan, liabiliti dan aset luar jangka, kesan perubahan kadar pertukaran asing, manfaat pekerjaan dan

instrumen kewangan. Usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB akan diteruskan pada masa akan datang yang akan melibatkan isu-isu perakaunan dan pelaporan selain daripada perkara yang telah disentuh pada Fasa 1 hingga Fasa ketiga. Bagi membantu usaha pembangunan piawaian perakaunan tersebut pada masa akan datang, perkara-perkara berikut boleh diambilkira dalam kajian akan datang.

**Pertama**, usaha untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB perlu diteruskan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan perkara-perkara lain seperti kepentingan dalam entiti lain dan pendedahan maklumat penting dalam penyata kewangan, sebagai contoh maklumat belanjawan. Keperluan ini adalah penting untuk membangunkan keseluruhan piawaian perakaunan Islam yang berkaitan yang boleh digunakan khususnya oleh Institusi WZB.

**Kedua**, terdapat kecenderungan bahawa penemuan itu lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti berkaitan yang diberikuasa oleh MAIN seperti Lembaga zakat dan Perbadanan Wakaf. Walaupun mereka adalah entiti penting dalam hal ini, amalan perakaunan pihak lain yang menjadi *mutawali* atau wakil MAIN khususnya dalam perkara berkaitan wakaf dan zakat adalah juga perlu dikaji dan diambilkira pada masa akan datang. Ini penting untuk memahami amalan perakaunan secara keseluruhan yang akan menjadi input berguna dalam pembangunan keseluruhan piawaian perakaunan Islam berkenaan yang boleh digunakan oleh keseluruhan institusi yang mentadbir WZB, bukan terhad kepada MAIN dan entiti di bawahnya sahaja.

**Ketiga**, untuk menentukan keperluan syariah bagi elemen-elemen lain penyata kewangan pada masa akan datang, penglibatan lebih banyak pakar-pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat di dalam dan luar negara adalah diperlukan untuk mendapatkan input yang lebih menyeluruh meliputi pandangan mazhab selain mazhab Shafi'e tetapi masih berpegang kepada amalan *sunnah wal jamaah*. Pandangan berkaitan keperluan syariah dari segi perakaunan yang lebih menyeluruh ini adalah penting kerana banyak perkara melibatkan pengoperasian perakaunan seperti pengikirafan dan pengukuran tidak dinyatakan secara khusus dalam Al-Quran

mahupun hadis. Justeru, pandangan daripada lebih ramai pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat dapat dijadikan input yang sangat berguna bagi mendapatkan satu *consensus* atau *ijtihad* berkaitan keperluan syariah bagi perkara-perkara yang melibatkan pengoperasian perakaunan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah dalam proses penggubalan Piawaian Perakaunan Islam berkenaan. Proses ini juga seterusnya akan melibatkan pengesahan keseluruhan Kerangka Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi WZB yang dibangunkan.

## **SENARAI RUJUKAN**

Abdul Rahman, A.R & Goddard, A., 1998, An Interpretive Inquiry of Accounting Practices in Religious Organisations, Financial Accountability & Management,14(3), 183-201.

Abdul Rahman, A.R 2017, ‘Perakaunan, pelaporan dan tadbir urus akaun kumpulan & tabung amanah majlis agama islam’, Nota pembentangan INTAC Series 2017, IIUM.

Abdul Rahman, A.R 2010, ‘An Introduction to islamic accounting theory and practice cert’, Publications Kuala Lumpur.

Abdul Wahab Habasy Tu’mah. 2011. Dirasat fi al-Muhasabah al-Islamiah. Amman: Dar Wail lil Nasyar wa Tauzi’.

Abi Abdurrahman. t.th dalam tulisan *al-taqyid wa al-idhoh li qaulihim la mashahah fi al-istilah silsilah buhus wa tahqiqat mukhtarah min majallah al hukmah*.

Ahmad Husni Abd Rahman & Muhammad Furqan Abdullah 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin dalam Ibadah Pengurusan Zakat dalam Azman et. al (penyt) Kutipan dan Agihan zakat Malaysia Baharu: Isu, Cabaran dan Harapan. Nilai: Penerbit USIM

Ahmed, A.A 2012, ‘Accounting in Islamic perspective: a timely opportunity a timely challenge’, ASA University Review, vol. 6, no. 2, pp.11-31.

Ahmad Zamri, O.H, Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Maliah, S. Siti Alawiyah, S., & Marhanum C.M.S. (2017), Perakaunan Baitul Mal: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam, IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 7, 29-40.

Ainul Kauthar Karim, Arieff Salleh Rosman & Azman Ab Rahman, (2016), Konsep Wakaf Kesihatan dan Perkembangannya di Malaysia, dalam buku Pembiayaan & Pembangunan Wakaf dalam Melestarikan Ekonomi Ummah: Cabaran dan Prospek Masa Hadapan, Penerbit USIM.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 diambil semula dari [http://www.ump.edu.my/edasar/bendahari/doc/lain/Akta\\_Badan\\_Berkanun\\_\(Akaun\\_dan\\_Laporan\\_Tahunan\)\\_1980.pdf](http://www.ump.edu.my/edasar/bendahari/doc/lain/Akta_Badan_Berkanun_(Akaun_dan_Laporan_Tahunan)_1980.pdf)

Akta Tatacara Kewangan 1957 diambil semula (retrieved) dari <https://legal.usm.my/v3/phocadownload/Financial%20Procedure%20Act%201957%20Act%2061.pdf>

Al-Attas 1978, ‘Islam and Secularism’, International Institute of Islamic Thought and Civilization (INSTAC), Kuala Lumpur.

Al-Bakri, Z.M 2010, Halal dan haram dalam Islam, Terjemahan dari kitab al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Terbitan Darul Syakir Enterprise Al-Quran dan terjemahannya.

Al-Basytawi, Sulaiman Husin & Abu Khaznah, Ihab Muhammad. 1436H/2016. *Mabadik al-Muhasabah*, Amman: Dar al-Manahej.

Al-Ghfaylī, Abdullah bin Mansūr, 2008. *Nawāzil Al-Zakāh Dirāsaḥ Fiqhīyyah Ta'sīliyyah Li Mustajaddāt Al-Zakāh*. Riyad: Dar al-Maymān li al-nashr wa al-tawzīc.

Al-Hiyali, Walid Naji. 2007. Usul al muhasabah al maliah (juzuk awal).

Al-Kasani, Abu Bakr Mas'ud bin Ahmad. 1986. *Badā'i' Al-Ṣanā'i' Fī Tartīb Al-Sharā'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Mahdawi, Abu al-Tāhir Ibrahim bin Abd al-Ṣamad bin Bashīr al-Tanūkhī. 2007. *Al-Tanbīh A'la Mabādi' Al-Tawjīh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Mardāwī, Alā' al-Dīn Abu al-Ḥasan Ḩalī bin Sulayman. t.th. *Al-Insāf Fī Ma'rifat Al-Rājiḥ Min Al-Khilāf*. Beirut: Dar Ihyā' al-Turāth al-Arabi.

Al-Nawawi, Muhyi al-Din abu Zakaria Yahya b Sharf, 1996. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab Lil Shirazi*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Muniriyyah

Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf, 2001. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Nawawi dalam kitab *Majmu Syarhu Al-Muhadzab*, 9/311.

Al-Suyuti, Jalal al-Din bin Abd al-Rahman. 1983. *al-Ashbah wa al-Naza'ir li al-Suyuti*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub Ilmiyyah.

Al-Qarafi, Shihab al-Din Abi Abbas. 2003. *al-Furuq li Imam al-Qarafi*. Beirut, Lubnan: Muassasah alRisalah.

Ariffin, M, Yahya, M.Z, & Sahi, A 2015, Syariah Islamiah, Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka, ISBN: 9789836273314.

Azman Ab Rahman, 2018. Peranan baitulmal dalam pendidikan asnaf: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 11(1), pp. 45-58.

Azman A.R, Alias, M.H., & Omar, S.M.N., 2012, Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues, *Global Journal Al Thaqafah* (Gjat), 2(1), 35-41.

Azmi, A.C. & Hanifa, M.H 2015, ‘The sharia-compliance of financial reporting practices: a case study on waqf’, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, vol. 6, no. 1, pp. 55-72.

Bank Negara Malaysia, 2010, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua.

Conceptual Framework for general purpose financial reporting by public sector entities 2014, IPSASB.

Connolly, C. and Hyndman, N., 2013, ‘Towards charity accountability’, *Public Management Review*, 15 (7), 945–968.

Creswell, J.W 2007, Qualitative Inquiry and research design: choosing among five approaches, 2nd Ed., Thousand Oaks, CA: Sage.

Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997 diambil semula dari <http://ww2.sabah.gov.my/jck/SenaraiPe.PDF>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Johor>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan 2015) diambil semula (retrieved) dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Selangor>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Melaka>

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (En. 5/05 / En. 5) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Melaka>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan 2009) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20NegeriSembilan>

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20NegeriSembilan>

Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004 (En. 5/04) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Sabah>

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (En. 15/2015) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Selangor>

Enakmen Zakat & Fitrah 1993 (pindaan 2003) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang%20Sabah>

Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 (En. 1/98) diambil semula dari <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang%20Sabah>

Faruqi 1982, Islamization of knowledge: general principles and workplan, (Herndon: lilt, 1982), pp.13 & 48.

Garis Panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri, 2003, Jabatan Audit Negara, Putrajaya.

Gray, R., Owen, D., & K. Maunders 1987, Corporate social reporting: accounting and accountability, Prentice-Hall International, UK.

Gulaid, M. A., 1995. "Public Sector Resource Mobilization in Islam," Islamic Economic Studies, The Islamic Research and Training Institute (IRTI), vol. 2, pages 79-107.

Hailani Muji Tahir 2007, Institusi baitulmal dalam pembangunan negara, Penerbit UKM Bangi.

Hailani Muji Tahir 2016, Gagasan kesyumulan fiqh muamalat dalam sistem kewangan islam Bangi, Penerbit UKM.

Hairunnizam, W. & Radiah, A.K., 2010. Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amils and Zakat Recipients, PhD Thesis, Universiti Malaya.

Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K., 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Tidak Berpuas Hati? Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1, 89-112.

Hairunnizam, W. & Sanep, A., 2014. Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. Jurnal Ekonomi Malaysia, 48(2), 41-50.

Haniffa, R., & Hudaib, 2011, A conceptual framework for Islamic Accounting, in Napier, C. & Haniffa, R. (eds), Islamic Accounting, Edward Elgar.

Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A.M 2004, Accounting policy choice within the Syariah Islamiah framework, Discussion Papers in Accountancy and Finance, SOBE, University of Exeter, vol. 2, pp. 4-19.

Halidan, M.D., 2006. Pengalaman Pengurusan Zakat Pahang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasan Basri and A.K. Siti Nabihah 2010, Towards good accountability: the role of accounting in islamic religious organisation, The International Conference on

Business, Economics and Finance, World, Academy of Science, Engineering and Technology, Paris, France.

Hashim, R., & Rossidy, I 2000, ‘Islamization of knowledge: a comparative analysis of the conceptions of Al-Attas and Al-Faruqi’, Intellectual Discourse, vol.8, no.1, pp. 19-44.

Haslifah Mohamad Hasim, 2015, Kerangka Konsep Penubuhan Jabatan Aktuari Negara di Malaysia, Journal of Business and Social Development, vol.3, no.2, 17-33.

Hasnan Kasnan, 2006. Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat, 10, pp. 1-19.

Hasyeila Abd Mutualib, Rusnadewi Abdul Rashid, Rabitah Harun, Siti Fatimah Sudin. (2015). Kajian Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri (Main) Dan Pentadbir Persendirian Dalam Pengurusan Institusi Wakaf Di Malaysia. Dalam: 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2015). [online] Penang: ISDEV, USM, pp. 1-12.

Husin Hassan Al Khotib. 1423H/2002. *al muhasabah al maliah wa usuluha al Islamiyah*. Juzuk Awwal. Amman: Dar Yafa al-Ilmiah.

Ibn Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim. 1999. Ashbah wa al-Naza’ir li Ibn Nujaym. Beirut, Lubnan: Darul Kutub Ilmiyyah.

Ibn Taimiyyah, Taki al-Din. 2005. Majmu’ al-Fatawa. Mansurah, Mesir: Darul Wafa.

Ihsan, H., Mohamad Alwi, N., Sulaiman, M., & Adnan, M.A. (2017), ‘A Study of Accountability Practice in Dompet Dhuafa Waqf of Indonesia’, JKAU: Islamic Econ., 30 (2),13-32.

International Public Sector Accounting Standards Board [IPSASB](2014), The conceptual framework for general purpose financial reporting by public sector entities. International Federation of Accountants.

Ismail, A.M 2005, Kaedah-kaerah fiqh: suatu pengenalan ringkas, kajian syariah dan undang-undang, Siri 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ismail, S 2014, Perbahasan Usul Fiqh: Satu Pengenalan Awal, Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

Jabatan Wakaf, Zakat dn Haji (JAWHAR) 2010, Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf. Putrajaya: JAWHAR.

Jasmi, K. A 2012, Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif in kursus penyelidikan kualitatif, Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka.

Kamus al-ma’ani, diambil semula dari <https://www.almaany.com/>

Khairul Azhar, M., 2017, Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia, Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017, Kolej Universiti Islam Melaka.

Mahmood Zuhdi , A.M. 2003. Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maliah, S., Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Ahmad Zamri, O.H., Siti Alawiyah, S., & Ibrahim, N., 2016, Accounting and Accountability of Waqf, Zakat, and Baitul Mal (WZB) in Malaysia: A Review of Literature, IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 6, 1-12.

Malaysia Accounting Standards Board, 2009. SOP i-1 Financial reporting from an Islamic perspective.

Majid, J., Haliding, S 2014, ‘The need for the islamization of knowledge in accounting Al-Iqtishad’, Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah, North America.

Malaysian Accounting Standard Board (MASB) 2014, Research Paper: Waqf

Malaysian Accounting Standard Board (MASB) statement of principles i-1 financial reporting from an Islamic Perspective (MASB SOPi) 2017.

Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan, 2014, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya.

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, 2009, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Md Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H., 2016, ‘Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal’, IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 6, 23-44.

Mirza 2012, The concept of corporate reporting from an islamic perspective: an overview, Paper Presented at The International Islamic Accounting and Finance Conference 2012 (IIAFC2012), Organized by Accounting Research Institute (ARI), the Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA, Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia (pp.19-21). [Peer Reviewed Paper].

Mohamed Aslam Mohamed Haneef. 1997. Islam, the Islamic worldview and Islamic Economics. IIUM Journal of Economics & Management. 5(1). 39-65.

Mohamad Uda Kasim, 2005, *Zakat Teori, Kutipan dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd

Muhammad Anwar. 1995. Financing socio-economic development with zakat funds. Journal of Islamic Economics. 4(1&2). 15-32.

Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong., 2017. Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 9, pp. 86-109.

Muhammad Hamid, Ahmad Ja’bari Sameer Hamudah, Ulyan Syarif Rasyad al-Assor, 1421H/2000. *Mabadik al-Muhasabah al-Maliah, juzuk awwal*, Amman: Dar al-Massira

Muhammad Kamal Atiyyah. 1409H/1989. Nuzum Muhasabah fil Islam. Qaherah: Maktabah Wahbah

Muhammad Nasri Md Hussain, Nasri Naiimi, & Mohd Sollehudin Shuib, 2013, Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat, Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Muhammad Syukri Salleh 2014a, Aliran pemikiran ekonomi Islam dunia Melayu, 'Ulum Islamiyyah Journal, 12: 1-33

Muhammad Syukri Salleh 2014b. Mengatasi kemiskinan melalui zakat di Malaysia: Kajian terhadap tiga faktor yang mempengaruhinya. Media Syariah. XVI (1).

Mujaini Tarimin 2005, Golongan penerima zakat: Agihan dana zakat secara lebih berkesan, Penerbit UiTM.

Muji Tahir, H & Ahmad, S 2009, Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Selangor.

Mustaffha, N & Zainal, M, F 2016, Waqf and accounting treatment: pursuing the transparency and accountability – A case study, Proceeding of the 3rd International Conference on Masjid, Zakat & Waqf (IMAF).

Nahar, H.S., & Yaacob, H. 2011. Accountability from sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution, Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2(2), 87-113.

Nasir Muhammad al-Ghamidi, 2011. Majalah Jami 'ah ummul Qura li 'ulum as-syariah wa ad-dirasat al-Islamiyah bilangan 46 bulan Muharam 1430H/2011.

Nik Abdul Rahim, N.A.G., Mat Noor, M.Z, Salmy, E.Y., Ruzian, M., Ahmad, D.S., Mohammad Firdaus, M.H., Amir, F.Y, Hanzalah, Z., 2016, Analisis Syariah Terhadap Konsep Pemilikan Bermanfaat (Beneficial Ownership) Dalam Pembiayaan Perumahan, Journal of Contemporary Islamic Law, Vol. 1(2), 69-90.

Nurul Ilyana Muhd Adnan & Zahri Hamat. 2018. Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro. Tidak diterbitkan.

Omar, H.H, Abu Bakar, A, Shuib, M. S & Jusoh, M.K.A. J 2016, Penggunaan kaedah b. o. t dalam usaha membangunkan tanah wakaf majoosaw pulau pinang, pembiayaan & pembangunan wakaf dalam melestarikan ekonomi ummah: cabaran dan prospek masa hadapan, Penerbit USIM.

Perlembagaan Persekutuan, diambil semula dari [https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Perlembagaan\\_Persekutuan.pdf](https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Perlembagaan_Persekutuan.pdf)

Perwartaan Perbadanan Wakaf Sabah, diambil semula dari <https://utusanborneo.com.my/2018/11/14/muis-tubuh-lembaga-pengurusan-wakaf-negeri-sabah>

Qaradhawi, Y., 2011. Fiqh al Zakah: A Comprehensive study of Zakah Regulations and Philosophy in the Light of the Qur'an and Sunna (M. Kahf & I. Siddiqui, Trans.), Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

Qardawi, Yusuf 2000, *Fiqhuz Zakah, Dirasatu Muqaranati li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhau'il Qur'an was Sunnah*. Vol. 2. Ed. Ke-24. Bairut. Al-Resalah Publisher.

Samer Adnan Syarif. 1421H/2001. *Usul al-Muhasabah*. Amman: Dar Safaa.

Sanep Ahmad, 2006, Analisis Ekonomi Islam. Bangi: Penerbit UKM.

Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H 2016, ‘Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal’, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Vol. 6, pp.23-44.

Shahul Hameed, M 2000, The need for islamic accounting: perceptions of malaysian muslims accountants and academics on the objectives and characteristics of islamic accounting, Unpublished PhD Thesis, University of Dundee, U.K.

Siti Rokyah, M.Z 2005, Determinants of financial reporting practices on waqf by state islamic religious council in Malaysia, Unpublished Master’s Dissertation, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor.

Suhaili Sarif & Nor ‘Azzah Kamri. 2009. A theoretical discussion of zakat for income generation and its fiqh issues. *Jurnal Syariah*. 17(3). 457-500.

Sulaiman al-Ashqar, Muhammad Uthman Syubair, Muhammad Naim Yasin, Umar Sulaiman al-Ashqar, 2004. *Kitab al-abhath fiqhiyyah fi qadaya al-zakat al-muasoroh Jilid 1* (2004/1424H). Jordan: Darul Nafais.

Sulaiman, M 2003, ‘The influence of riba and zakat on islamic accounting’, *Indonesian Management and Accounting Review*, pp.149-167.

Sulaiman, M 2005, Islamic corporate reporting: between the desirable and the desired research centre, IIUM, Kula Lumpur.

Sulaiman Husin al-Basytawi, Ihab Muhammad Abu Khaznah, 1436H/2016. *Mabadik al-Muhasabah*, Amman: Dar al-Manahej

Syauqi Ismail, Syuhatah. 1407H/1987. *Nazoriah al-Muhasabah al-Maliah min manzur Islami*. Qaherah: Zahra’ lil i’lam arabi.

Wahbah al-Zuhaili 1999, *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid V. Ahmad Shahbari Salamon et. al (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah al-Zuhaili 2005, *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid IV. Md Akhir Hj Yaacob et. al (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah az-Zuhaili 2011, *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Jilid 3. Abdul Hayyie al-Kattani (terj.). Jakarta: Gema Insani.

Walid Naji Al-Hiyali. 2007. *Nazoriah al Muhasabah*. Tidak diterbitkan

Yaacob, H, Petra, S., & Sumardi, 2015, Accountability through accounting and reporting lenses lessons from an awqaf institution in a Southeast Asia Country, *Humanomics*, vol 31, no.1, pp. 299-31.

Zaharuddin Abd Rahman, 2008, Money, You & Islam: Views on Contemporary Financial & Islamic Banking Issues, Truewealth Publishing, Selangor.

Zainal Abidin, J., 2006. Pengurusan agihan zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ziyad Abdul Halim, Husin Muhammad Samhan, 1432H/2011. *Dirasat Muhasabah Islamiyah*, Amman: Darul Fiqr.

## GLOSARI

*Adat* bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).

*Al-falah* bermaksud kejayaan di dunia dan di akhirat.

*Al-ihtikar* bermaksud kegiatan memonopoli suatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi.

*Fund accounting* bermaksud kaedah perakaunan dan pelaporan berdasarkan kumpulan wang.

*Fuqaha* bermaksud orang-orang yang mentafsirkan makna-makna al-Quran dan hadis.

*Gharar* bermaksud ketidaktentuan dan ketidak jelasan sesuatu transaksi.

*Harta aqar* bermaksud harta tak alih seperti bangunan, tapak tanah dan rumah, iaitu harta yang tidak mungkin dapat dipindahkan dari tempatnya. Tambahan menurut mazhab Maliki, termasuk juga sesuatu yang jika boleh dipindahkan, pasti berlaku perubahan terhadap fizikalnya.

*Hujjah wakaf* bermaksud suratan-suratan, perjanjian berkaitan wakaf.

*Islamisasi ilmu pengetahuan* merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

*Istibdal* bermaksud menggantikan suatu harta wakaf (bagi tujuan pengekalan ‘ain) dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang sah menurut hukum syarak.

*Mal* bermaksud harta.

*Mardhatilah* bermaksud tujuan hidup sebagai orang mukmin adalah mencapai keridhaan Allah S.W.T.

*Maukuf* merujuk kepada harta yang diwakafkan yang merupakan salah satu rukun wakaf.

*Mukallaf* bermaksud orang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan dan perintah untuk menjalankan hukum tuntutan agama Islam serta menjauhi larangan-Nya atas dasar orang tersebut sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai akal (akil baligh) serta telah sampai seruan agama (syariat Islam) kepadanya.

*Mutawalli* bermaksud pihak yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir wakaf.

*Sighah* bermaksud lafaz akad yang merupakan salah satu rukun yang mesti wujud pada sesuatu kontrak.

*Syumul* bermaksud lengkap dan bersifat sejagat.

## LAMPIRAN 1

### **JADUAL PERINCIAN KERJA LAPANGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN**

Jadual A: Kutipan Data di MAIN Zon 1

<b>Tarikh</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah jam kutipan data</b>
26 Mac 2018	Kutipan data objektif 1	MAIM	6 jam
29 Mac 2018	Kutipan data objektif 1	MAIS	6 jam
31 Mac-2 April 2018	Kutipan data objektif 1 & 2	MAINJ	16 jam
11 April 2018	Kutipan data objektif 1	MAIM	6 jam
12 April 2018	Kutipan data objektif 1	MAINS	6 jam
18-21 April 2018	Kutipan data objektif 1 & 2	MUIS	16 jam
4 Mei 2018	Kutipan data objektif 1	MAIS	6 jam
3 August 2018	Kutipan data objektif 1 (Rujukan silang amalan di MAIWP)	MAIWP	3 jam
<b>Jumlah jam</b>			<b>65 jam</b>

Jadual B: Kutipan Data Bersama Panel Pakar

<b>Tarikh</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah jam kutipan data</b>
1 April 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>Sahibus Samahah Dato' Yahya Bin Ahmad</b> (Timbalan Mufti Negeri Johor – telah dilantik sebagai Mufti Johor bermula 13 November 2018)	MAINJ	3 jam
19 - 20 April 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>Ustaz Mohd Ariffin Bin Ali</b> (Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Mufti Negeri Sabah)	MUIS	4 jam
27 Jun 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>Ustaz Engku Fadzil</b> (Manta Felo Kanan IKSIM)	IKSIM, Putrajaya	3 jam
12 Julai 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>(1) Ustaz Dr. Anhar bin Opir</b> (Timb Mufti Selangor) <b>(2) Ustaz Nazri Chik</b> (Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Islam dan Penasihat Syariah Baitulmal MAIS) <b>(2) Ustaz Indra Shahril bin Mohd Shahid</b> (Pengurus Bahagian Harta Baitulmal MAIS)	MAIS	6 jam
17 Julai 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>Ustaz Dr. Azizi Che Seman</b> (Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)	UM	3 jam
29 Oktober 2018	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>Ustaz Dr. Luqman Abdullah</b> (Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)	UM	3 jam
<b>Jumlah jam</b>			<b>22 jam</b>

**PROFIL PAKAR SHARIAH YANG DIRUJUK:**

**1. SAHIBUS SAMAHAH DATO' YAHYA BIN AHMAD**

**Pendidikan**

- Melanjutkan pengajian di peringkat Diploma Pengajian Islam di Kolej Universiti Zainal Abidin (KUSZA).
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti al-Azhar, Kaherah.
- Memperoleh Diploma Undang-undang dan Kehakiman Syarie dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA).
- Memperoleh sijil latihan manhaj dakwah Islamiyyah & Bahasa Arab serta praktikal berfatwa dari Universiti al-Azhar, Kaherah.

**Kerjaya**

- Dilantik menjadi Mufti Negeri Johor ke-12 (13 Nov 2018- kini)
- Pernah menjadi Timbalan Mufti Negeri Johor (2012 - 2018)
- Pernah bertugas sebagai Kadi Besar Johor dan sebelum itu pernah bertugas sebagai Kadi Daerah di Segamat, Johor Bharu dan Batu Pahat.
- Pernah bertugas sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah (Pegawai Hal Ehwal Islam).

**2. SAHIBUS SAMAHAH DATO' DR. ANHAR BIN OPIR**

**Pendidikan**

- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah, Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir
- Ijazah Sarjana, Falsafah Islamiah University Kaherah, Mesir
- Doktor falsafah (Ph.D) Fiqh Dan Usul di The World Islamic Science And Education University (WISE) , Jordan.

**Kerjaya**

- Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Timbalan Mufti Selangor (2016-kini)
- Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Islam Malaysia Berhad

**3. USTAZ DR. AZIZI CHE SEMAN**

**Pendidikan**

- Bachelor of Shariah (Hons.), UM 1996
- Master of Economy, UIAM 2001

**Kerjaya**

- BANK MUAMALAT, Advisory Syariah (chairman), 2005 to 2018
- Securities Commission, Malaysia, Shariah Advisers (individual), 2009 to 2018,
- Jawatankuasa Penyelarasan Kurikulum Program Muamalat, Takaful, Kewangan dan Perbankan Islam, Kementerian Pengajian Tinggi, Member, 2010 to 2012,

- MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY, Member, Panel Of Evaluators, National Accreditation Board, 2011 to 2014
- Persatuan Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia - AIBIM), Advisory Syariah, 2012 to 2018
- Securities Commission, Malaysia, Shariah Advisers (individual), 2013 to 2015,
- Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS), Member For Special Committee For Fide-i And Fisse Task Force, 2014
- IBFIM BNM, Academic Assessment Panel

#### **4. USTAZ DR. LUQMAN HAJI ABDULLAH**

##### **Pendidikan**

- PhD, Edinburgh University, UK, 2005
- Bachelor Syariah (Hons), UM 1993

##### **Kerjaya**

- Center For Development of Pondok Studies Ltd (Kelantan), Board Member, 2010,
- Fakulti Pengurusan Muamalat Kolej Islam Antarabangsa selangor, Advisory Committee, 2010 to 2010
- MAA Takaful, Member Of Shariah Committee, 2010 to 2014
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Panel Pakar Syariah, 2013 to 2016,
- Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adar Istiadat Melayu Kelantan, Member, 2013 to 2014
- Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Academic Advisor, 2014 to 2016
- Journal of Arts Science and Commerce, Editorial Board Member, 2014,
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Member For Syariah Advisory Council, 2015 to 2016
- Jurnal Fiqh, Editorial Board, UM 2016
- JAKIM, Committee Of Experts, 2016 to 2018
- Amanah Raya Berhad, Advisory Advisory Council Syariah, 2016 to 2019,
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Syariah Committee / Fatwa State, 2016 to 2017
- Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ Malaysia, Member of Shariah Committee, 2017 to 2017
- Council of Scholars/Fatwa for Kelantan Islamic Religious Council, Committee, 2017 to 2017
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Registered Syariah Advisor, 2017 to 2020

#### **5. USTAZ MOHD NAZRI BIN CHIK**

##### **Pendidikan**

- Bachelor Shariah Islamic Jurisprudence (Hons.), UM
- Master of Shariah, UM

##### **Kerjaya**

- Group Chief Shariah Officer at Bank Islam Berhad Holdings, since 2015
- Head of Shariah Division and Assistant General Manager at Bank Islam Malaysia Berhad
- Shariah Audit Manager for Noor Investment Group, Dubai UAE in 2009
- Vice Chairman of Sharia Supervisory Council at Amana Bank PLC
- Lecturer at Ibnu Sina Institute for Islamic and Science & Technology Studies and Academy of Islamic Study, UM
- Accredited Trainer for Islamic Banking and Finance Instituete of Malaysia
- Member of the Shariah Supervisory Council of Amana Bank Limited, Sri Lanka.

## **6. USTAZ ENGU AHMAD FADZIL ENGU ALI**

### **Pendidikan**

- Masters Degree in Islamic Judiciary, Jordan University 2000
- Bachelor Degree in Shariah Law with First Class Honors IIUM 1994
- Bachelor Degree in Laws (Second Class Honors Upper) IIUM 1993
- Malay College Kuala Kangsar 1986

### **Kerjaya**

- Felo Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM)
- Member of Shariah Committee Bank Muamalat
- Member of Shariah Committee Agro Bank
- Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya 1995
- Mantan Pensyarah IIUM

## **7. USTAZ MOHD ARIFFIN BIN ALI**

### **Pendidikan**

- Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Madinah dalam bidang syariah dan pengajian Islam.
- Ijazah Sarjana di Universiti Muhammad Khamis, Maghribi dalam bidang Pengajian Islam.
- Sedang bersedia untuk pembentangan akhir Ijazah Kedoktoran dalam bidang pengajian Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

### **Kerjaya**

- Ketua Bahagian Fatwa, Pejabat Mufti Negeri Sabah.
- Setiausaha Majlis Fatwa Negeri Sabah.
- Pernah bertugas sebagai pemangku Timbalan Mufti Negeri Sabah.
- Pernah bertugas sebagai pensyarah di Kolej Ibu Kota, Kota Kinabalu Sabah.
- Pernah bertugas sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

## **8. USTAZ INDERA SHAHRIL BIN MOHD SHAHID**

### **Pendidikan**

- Pra Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu (1999)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah (Undang-Undang) dengan Kepujian, (Universiti Malaya) 2003 – [B. Sha. (Hons) and Laws (Malaya)]
- Diploma Lanjutan Undang-Undang Syariah dan Amalan Guaman Syarie (Universiti Islam Antarabangsa) 2005 – [DSLP (IIUM)]

### **Kerjaya**

- Peguam Syarie (2004-2005)
- Pengarah Eksekutif, Parzone Management Sdn Bhd (2006-2008)
- Pegawai Hal Ehwal Islam (Wasiat dan Amanah) MAIS (2009-2011)
- Penolong Setiausaha, Bahagian Mal, MAIS (2011-2013)
- Pengurus, Bahagian Harta Baitulmal, MAIS (2013-kini)

### LAMPIRAN 3

#### SENARAI KERANGKA PERUNDANGAN/PIAWAIAN YANG DIRUJUK

<b>Bil.</b>	<b>Akta/undang-undang</b>	<b>Undang-undang Persekutuan/Negeri</b>
1.	Perlembagaan Persekutuan	Persekutuan
2.	Kanun Tanah Negara 1965	Persekutuan
3.	Akta Pengambilan Tanah 1960	Persekutuan
4.	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan 1980)	Persekutuan
5.	Akta Tatacara Kewangan 1957	Persekutuan
6.	Akta Audit 1957	Persekutuan
7.	Akta Tatacara Kewangan 1957	Persekutuan
8.	Akta Audit 1957	Persekutuan
9.	Akta Kerajaan Tempatan 1976	PBT
10.	Oridinan Tanah Sabah	Negeri
11.	Oridinan Pengambilan Tanah Sabah	Negeri
12.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Negeri
13.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Negeri
14.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Negeri
15.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Negeri
16.	Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004	Negeri
17.	Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998	Negeri
18.	Enakmen Zakat dan Fitrah 1993	Negeri
19.	Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015	Negeri
20.	Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005	Negeri
21.	Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	Negeri
22.	Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012	Negeri
23.	Peraturan-Peraturan Pungutan Zakat Dan Fitrah, Urusan Wakaf Dan Baitulmal Negeri Melaka 1982	Negeri
24.	Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri	Negeri
25.	Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf 2010	Manual JAWHAR
26.	Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf 2007 (2009)	Manual JAWHAR
27.	Manual Pengurusan Istibdal Wakaf 2010	Manual JAWHAR
28.	Manual Pengurusan Tanah Wakaf 2006	Manual JAWHAR
29.	Manual Pengurusan Wakaf Tunai 2009 (2017)	Manual JAWHAR
30.	Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)	JANM
31.	Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	MASB
32.	Private Entities Reporting Standard (PERS)	MASB
33.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	MASB
34.	MASB Statement of Principles i-1 Financial Reporting from an Islamic Perspective (MASB SOPi)	MASB
35.	Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities 2014	IPSASB
36.	Statement of Recommended Practice (SORP) (revised 2005 & 2015)	Accounting Standards Board, UK
37.	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)	AAOIFI, Bahrain

**TRANSKRIP PENUH TEMU BUAL  
PAKAR SYARIAH**

## **GAMBAR LAWATAN KERJA LAPANGAN**